

BUKU 2



SOALAN BERTULIS

**MESYUARAT KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN PERTAMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KELIMA BELAS**

17 NOVEMBER 2023 - 30 NOVEMBER 2023

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

SOALAN BERTULIS DAN JAWAPAN

No. Soalan	Kandungan	Muka Surat
XI	Ahli Kawasan Air Itam (YB. Ng Soon Siang)	1 - 26
XII	Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Syn Tze)	27 - 51
XIII	Ahli Kaasan Permatang Berangan (YB. Mohd Sobri bin Saleh)	52 - 95
XIV	Ahlli Kawasan Pulau Betong (YB. Mohamad Shukor bin Zakaria)	95 - 169
XV	Ahli Kwasan Berapit (YB. Heng Lee Lee)	170 - 199
XVI	Ahli Kawasan Penanti (YB. Zulkfli bin Bakar)	199 - 202
XVII	Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng)	203 - 224
XVIII	Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md,Hashim)	225 - 275
XIX	Ahli Kawasan Sungai Bakap (YB.Nor Zamri bin Latif)	276 - 389
XX	Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Fauzibin Yusof)	390 - 425

XI Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri

1. Pulau Pinang bakal menjadi negeri bebas rokok menjelang tahun 2024 menerusi program Pulau Pinang Bebas Asap Rokok (PENBAR). Apakah perkembangan ke atas perancangan ini?
 - (a) Nyatakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam memastikan perancangan ini berjaya dilaksanakan bagi melindungi penduduk negeri ini daripada bahaya asap rokok.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Program Pulau Pinang Bebas Asap Rokok (PENBAR) diperkenalkan untuk memenuhi tuntutan Artikel 8 dalam *Framework Convention Tobacco Control, World Health Organization* (WHO) iaitu melindungi hak masyarakat daripada kesan asap rokok pasif serta ke arah persekitaran negeri yang bebas asap rokok. PENBAR merupakan satu program usaha sama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang serta dibantu oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO), pelbagai agensi dan jabatan-jabatan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang.

Antara usaha yang telah dijalankan adalah seperti pewartaan Tapak Warisan Dunia George Town sebagai Zon Bebas Asap Rokok pada 4 Julai 2015. Strategi seterusnya adalah memperluaskan konsep ini di daerah-daerah Negeri Pulau Pinang sehingga negeri ini menjadi negeri bebas asap rokok.

Namun, akibat daripada pandemik Covid-19 dan beberapa isu lain menyebabkan kesedaran orang ramai serta pelancong terhadap pewartaan Tapak Warisan Dunia Georgetown sebagai Zon Bebas Asap Rokok adalah rendah. Selain itu, kawasan-kawasan khas sementara untuk merokok di Tapak Warisan Dunia Georgetown juga telah uzur dan rosak serta perlu dibaik-pulih semula. Walau bagaimanapun promosi PENBAR melalui media massa dan taklimat masih diteruskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk meningkatkan kesedaran orang ramai.

- (a) Perancangan KKM dalam jangka pendek ini adalah untuk menganjurkan satu Program Explorace PENBAR pada bulan Disember 2023. Program ini bertujuan untuk meuar-uarkan PENBAR dan kewujudan kawasan Tapak Warisan Dunia George Town kepada semua warga penguatkuasa KKM, masyarakat tempatan dan pengunjung luar.

Dari segi polisi, KKM dalam usaha memperluaskan zon bebas asap rokok di setiap daerah. Daerah-daerah yang terlibat juga telah berusaha menyediakan kertas kerja cadangan zon kawasan bebas asap rokok dan strategi ini memerlukan sokongan penuh daripada kerajaan negeri, agensi-agensi dan NGO.

Perkhidmatan berhenti merokok masih giat dijalankan di semua klinik-klinik kesihatan serta hospital awam dan swasta. Kadar berhenti merokok dipantau secara berkala oleh KKM.

Melalui kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan sukarelawan Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN), sukarelawan menjadi agen penggalak komuniti untuk mengisytiharkan rumah mereka sebagai rumah bebas asap rokok. Bagi tahun 2023, melalui program PENBAR, KKM, sebanyak 50 buah rumah di Negeri Pulau Pinang telah berikhtiar secara sukarela untuk menjadikan rumah mereka bebas asap rokok. Kejayaan PENBAR amat memerlukan sokongan Kerajaan Negeri serta pelbagai sektor agar satu hari nanti Pulau Pinang menjadikan negeri bebas asap rokok.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Kesihatan Malaysia kini di dalam tindakan untuk memperkenalkan dasar Generasi Penamat (GEG) dengan memperkenalkan had umur terhadap penggunaan rokok dan rokok elektronik secara keseluruhan. Dasar ini memainkan peranan yang penting bagi menjayakan keseluruhan usaha PENBAR.

2. Nyatakan statistik terkini rumah urut yang terdapat di dalam negeri Pulau Pinang mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
 - (a) Adakah pihak PBT membuat tinjauan dahulu sebelum meluluskan lesen rumah urut di setiap PBT?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berdasarkan statistik terkini sebanyak 74 premis rumah urut terdapat di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) manakala sebanyak 98 premis rumah urut terdapat di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).
 - (a) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan membuat semakan bagi setiap permohonan yang dihantar berdasarkan Garis Panduan dan Undang-undang Kecil yang sedang berkuat kuasa. Selain itu, tinjauan premis di lapangan juga dilakukan bagi memastikan premis tersebut mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebelum kelulusan lesen pengoperasian diberikan kepada pemohon.
3. Aktiviti perkhemahan menjadi semakin popular dan isu keselamatan telah menjadi isu utama yang sering diberi perhatian oleh warga Pulau Pinang. Adakah Kerajaan Negeri di bawah agensi tertentu mempunyai satu garis panduan untuk tapak perkhemahan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri tidak mempunyai garis panduan khusus tapak perkhemahan. Walaupun bagaimanapun, pihak Ibu Pejabat PLANMalaysia sedang dalam usaha menyediakan Garis Panduan Eko Pelancongan Pulau Pinang.
4. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memantau indeks kualiti udara?
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menambah stesen pengawasan udara bagi tujuan pemantauan kualiti udara?
 - (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi memastikan kualiti udara Pulau Pinang adalah sentiasa dalam keadaan yang baik?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) memantau indeks kualiti udara melalui Sistem *Air Pollution Index* (API) iaitu merupakan satu sistem indeks yang melaporkan status kualiti udara. Melalui pengesanan sensor, sistem ini akan melaporkan mengikut masa yang tertentu dikira berdasarkan sub-indeks bagi enam (6) pencemar udara iaitu sulfur dioksida (SO₂), nitrogen dioksida (NO₂), ozon di permukaan (O₃), karbon monoksida (CO), kuman pepejal di bawah saiz 10 mikron (PM₁₀) dan kuman pepejal di bawah saiz 2.5 mikron (PM_{2.5}) yang membentuk sistem API Malaysia.

Bacaan Indeks Pencemaran Udara boleh dipantau dan diakses melalui laman sesawang Jabatan Alam Sekitar (JAS) iaitu *Air Pollutant Index Management System* (APIMS) atau melalui aplikasi myIPU.

- (a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Alam Sekitar tiada perancangan untuk membuat pertambahan stesen pengawasan kualiti udara di Negeri Pulau Pinang.
- (b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Alam Sekitar sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 terhadap punca yang menghasilkan pencemaran udara terutamanya daripada premis-premis industri serta kenderaan bermotor. Penguatkuasaan terhadap industri dijalankan secara berkala bagi menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 manakala, penguatkuasaan terhadap kenderaan bermotor dijalankan secara Op Catat/ Op Statik serta Op Bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Program pemantauan serta pencegahan pembakaran terbuka di kawasan berisiko tinggi seperti tapak pelupusan sisa pepejal sanitari, hutan belukar serta tapak pelupusan sampah haram dijalankan setiap hujung minggu serta hari kelepasan am.

5. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan Jabatan Pendidikan Negeri untuk mencegah aktiviti gangsterisme yang kian menular di sekolah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Isu gangsterisme merupakan isu yang berkaitan dengan salah laku sahsiah dan ia dikategorikan sebagai satu tindakan yang boleh mencetuskan perkelahian, ugutan, curi dan juga buli. Semua tindakan yang berkaitan dengan isu ini selari dengan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan (16) Tahun 2009: Ketegasan Menangani Tingkah Laku Ala Samseng Dalam Kalangan Murid. Dalam hal gangsterisme, terdapat beberapa pendekatan yang digunakan oleh pihak sekolah iaitu seperti berikut:

- i. **Peraturan Disiplin**

(Mengikut Buku Peraturan dan Disiplin Sekolah);

Pendekatan secara peraturan disiplin adalah didahulukan dalam hal gangsterisme. Bentuk kesalahan akan diklasifikasikan oleh Ketua Guru Disiplin sebelum dilaporkan kepada Guru Besar atau Pengetua. Guru Besar dan Pengetua akan mengarahkan Ketua Guru Disiplin atau Guru Disiplin untuk memasukkan kesalahan murid tersebut ke dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM). SSDM atau sebelum ini dikenali sebagai Sistem Salah Laku Disiplin Murid, merupakan satu sistem yang dicipta oleh kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, untuk merekodkan dan menguruskan sahsiah dan disiplin para murid di sekolah.

Semua tindakan yang diambil oleh pihak sekolah dalam hal gangsterisme berpandukan kepada Surat Kementerian Pendidikan: KPMSP.600-14/1/59 Jld. 2 (14) yang bertajuk PELAKSANAAN SISTEM SAHSIAH DIRI MURID (SSDM) VERSI 2.0 DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA. Antara hukuman yang boleh dijatuhkan bagi kes gangsterisme oleh Guru Besar dan Pengetua ialah rotan, gantung sekolah dan buang sekolah. Semua bentuk hukuman perlulah diputuskan oleh Guru Besar atau Pengetua sebagai pemegang punca kuasa. Guru Besar dan Pengetua juga berkuasa untuk melaporkan kes gangsterisme yang berlaku kepada pihak polis. Semua bentuk hukuman yang dilaksanakan oleh Guru Besar dan Pengetua adalah selari

dengan PERATURAN-PERATURAN PELAJARAN (DISIPLIN SEKOLAH) 1959, di bawah ORDINAN PELAJARAN 1957. Kementerian Pendidikan Malaysia berharap agar kuasa yang diberikan itu digunakan oleh pihak sekolah dengan mematuhi PERATURAN 5 di bawah ordinan yang sama. Peraturan 5 tersebut memperuntukkan bahawa, *“bagi maksud menjaga disiplin dalam kalangan murid-murid, Guru Besar hendaklah mempunyai kuasa menjalankan hukuman-hukuman sekolah yang biasa sebagaimana perlu atau bermanfaat.”*

ii. Mewujudkan Peti Aduan Disiplin di setiap sekolah;

Peti Aduan Disiplin ini akan diletakkan di sekolah atau asrama. Peti Aduan Disiplin ini perlulah diletakkan di tempat yang mudah diakses oleh murid dan warga sekolah. Selain itu, peti ini juga perlu diletakkan di asrama sekolah.

iii. Memperkasa Peranan Jawatankuasa Disiplin Sekolah;

Dalam hal Jawatankuasa Disiplin Sekolah, setiap sekolah diberikan tanggungjawab bagi menguruskan tingkah laku negatif murid dalam konteks peraturan sekolah. Mereka juga akan membantu menguruskan setiap kes berbentuk gangsterisme yang berlaku di sekolah. Jawatankuasa Disiplin Sekolah perlu sentiasa peka dalam mengesan awal pengaruh atau perbuatan yang terarah kepada perbuatan gangsterisme.

iv. Buku Kawalan Kelas; dan

Buku ini merupakan kawalan guru di dalam kelas untuk merekodkan masalah yang berlaku di dalam kelas. Kaedah penggunaan buku ini dinyatakan di dalam Pekeliling Unit Hal Ehwal Murid. Selain itu, ia boleh dijadikan bukti kepada guru dan murid sekiranya berlaku kes-kes pelanggaran disiplin.

v. Pendekatan Kaunseling/Bimbingan dan Program.

Antara faktor-faktor penyebab seseorang murid itu menjadi ‘gangster’ adalah latar belakang keluarga yang serba kekurangan, pengaruh rakan sebaya, pengaruh media, personaliti diri dan juga “penghargaan sendiri yang rendah”. Terdapat beberapa perkara yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam menangani gejala ini khususnya di sekolah iaitu:

(a) PROGRAM KAUNSELING BERBENTUK PENATARAN (PROGRAM PERKEMBANGAN DAN PENCEGAHAN)

Peringatan boleh dilakukan semasa perhimpunan sekolah, semasa proses pengajaran mata pelajaran agama dan moral, melalui aktiviti-aktiviti lain di dalam dan luar bilik darjah serta ceramah-ceramah dan program motivasi di sekolah. Di samping itu, kempen-kempen pencegahan jenayah juga boleh diadakan di setiap sekolah selaras dengan penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah Malaysia.

Aktiviti kesedaran juga dilakukan bermula dari peringkat sekolah rendah memandangkan pelajar sekolah pada tahap ini kurang mendapat pendedahan berkenaan gejala pelanggaran disiplin, misalnya seperti gangsterisme. Antara kempen pencegahan jenayah yang lazim diadakan di sekolah adalah seperti tayangan video, pameran berunsurkan aktiviti jenayah dan mewajibkan jemputan kepada pegawai polis untuk hadir memberi ucapan/ceramah mengenai kegiatan jenayah, kesan dan hukuman kepada pesalah.

(b) SESI KAUNSELING INDIVIDU (PEMULIHAN)

Dalam Sesi Kaunseling Individu, Guru Bimbingan dan Kaunseling akan membantu murid untuk memahami dirinya dalam hubungannya dengan dunia sosial dan psikologi di tempat murid itu berada. Ia juga membawa maksud bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling berperanan membantu murid agar mereka mampu mengenali siapa dirinya yang sebenar serta dapat membuat hubungan yang bermakna dengan dunia sekelilingnya dari sudut sosialisasi dan psikologi di mana murid itu berada.

Dalam sesi kaunseling individu, tugas Guru Bimbingan dan Kaunseling yang terpenting ialah membantu klien mencari dan memahami sikap, minat, bakat serta kebolehan yang ada pada diri klien untuk berkembang dengan baik, memahami serta meneliti peluang-peluang yang dimiliki oleh klien hasil daripada perbincangannya dengan Guru Bimbingan dan Kaunseling untuk proses ke arah mencapai kesempurnaan sendiri serta hubungan antara kesemua unsur yang telah dinyatakan. Ini semua dilaksanakan semata-mata untuk mencari keseimbangan sendiri sebagaimana yang diinginkan selaras dengan tuntutan agama dan masyarakat.

Membantu murid untuk bertingkah laku yang sesuai dengan bakat, minat, sikap, kebolehan dan peluang untuk penyempurnaan sendiri. Guru Bimbingan dan Kaunseling juga berperanan untuk membantu murid agar dapat membuat persediaan yang bersesuaian dengan minat dan bakat serta kebolehan yang dipunyai. Ini penting agar segala tindakan yang bakal dilakukan oleh murid adalah selaras dengan apa yang diinginkannya agar murid itu berpeluang untuk mencapai matlamat hidupnya ke arah penyempurnaan sendiri.

Guru Bimbingan dan Kaunseling perlu mengadakan sesi kaunseling dengan sebaik mungkin semata-mata untuk membantu murid yang berkenaan menangani masalah yang dihadapinya. Ini penting kerana dengan membantu murid mengurangkan masalahnya, maka murid tersebut akan menjadi lebih stabil terutama dari segi emosinya. Apabila kestabilan emosi wujud, maka ingkah laku yang sepatutnya akan dapat dilihat.

6. Kemukakan jumlah agihan dana bagi tahun 2023 mengikut jenis RIBI yang telah diperuntukkan kepada Gereja, Tokong Tao, Tokong Buddhist, Wat Siam, Kuil Hindu, Gurdwara dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berdasarkan rekod Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang, jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) sehingga 19 Oktober 2023 melalui Jawatankuasa Tabung Amanah RIBI adalah sebanyak **RM1,357,030.00**. Perincian agihan peruntukan mengikut agama adalah seperti berikut:

8. Kerajaan Pulau Pinang telah berjanji untuk membina 100 hab kebun komuniti di seluruh Pulau Pinang. Nyatakan sehingga kini berapakah kebun komuniti yang berteraskan pertanian bandar dan mengintegrasikan teknologi tinggi yang telah diwujudkan di dalam Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Projek kebun komuniti merupakan projek pertanian bandar yang melibatkan kawasan sekitar perumahan yang mana telah mendapat kelulusan dari pemilik tanah terlibat dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Projek yang telah diluluskan akan dilaksanakan oleh komuniti setempat. Selain dapat menjana pendapatan, projek ini juga dapat menjalinkan kerjasama dan keharmonian peserta serta meningkatkan keindahan landskap di kawasan sekitar. Sehingga kini sejumlah 110 projek pertanian komuniti telah berjaya diwujudkan dengan penglibatan seramai 1729 peserta. Butiran peserta adalah seperti berikut:

PROJEK	DAERAH	2019		2020		2021		2022		2023		Jumlah	
		KOMUNITI(BIL)		KOMUNITI(BIL)		KOMUNITI(BIL)		KOMUNITI(BIL)		KOMUNITI(BIL)		KOMUNITI(BIL)	
		LOKASI	PESERTA	LOKASI	PESERTA	LOKASI	PESERTA	LOKASI	PESERTA	LOKASI	PESERTA	LOKASI	PESERTA
PERTANIAN KOMUNITI	SEBERANG PERAI UTARA	6	140	6	115	4	41	5	51	5	51	26	597
	SEBERANG PERAI TUNJANG	4	110	3	60	2	20	3	31	3	31	25	352
	SEBERANG PERAI SELATAN	3	85	4	80	2	30	2	20	2	30	11	326
	BARAI DAYA	9	125	5	150	2	20	4	47	4	42	24	430
	TAUR LAUT	1	15	5	75	4	40	6	93	6	33	22	316
Jumlah		23	525	23	490	14	140	25	292	25	292	110	1729

9. Berapakah jumlah pekerja awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada masa kini? Nyatakan statistik mengikut kaum dan jantina.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Jumlah pengisian kakitangan awam di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi 21 Jabatan Negeri, lima (5) Badan Berkanun Negeri dan dua (2) Pihak Berkuasa Tempatan adalah 8,400 orang (lantikan tetap). Manakala jumlah kakitangan awam (lantikan kontrak) bagi bagi 21 Jabatan Negeri, lima (5) Badan Berkanun Negeri dan dua (2) Pihak Berkuasa Tempatan adalah 3,566 orang. Statistik mengikut kaum adalah seperti di **Jadual 1(A) bagi lantikan tetap dan Jadual 1(B) bagi lantikan kontrak** manakala statistik berdasarkan jantina adalah seperti di **Jadual 2(A) bagi lantikan tetap dan Jadual 2(B) bagi lantikan kontrak** seperti berikut:

Jadual A11: Jumlah penduduk menurut kaum dan jenis kelamin

No. Wilayah	Kumpulan Persekutuan	Jumlah Individu				Jumlah
		M	C	F	L	
1 Jabatan Tengah	Demografi/Keputusan (J2013)	0	0	0	0	0
	Demografi/Keputusan (J2014-15)	308	9	54	3	374
	Demografi/Keputusan (J2016-17)	2,861	1	141	11	3,013
	Jumlah	3,169	10	195	14	3,378
2 Daerah Selatan	Demografi/Keputusan (J2013)	0	0	0	0	0
	Demografi/Keputusan (J2014-15)	67	11	54	0	132
	Demografi/Keputusan (J2016-17)	258	2	56	1	317
	Jumlah	325	13	110	1	449
3 Daerah Tenggara	Demografi/Keputusan (J2013)	0	0	0	0	0
	Demografi/Keputusan (J2014-15)	154	17	1	1	173
	Demografi/Keputusan (J2016-17)	4,241	24	4,24	5	4,275
	Jumlah	4,395	41	156	6	4,598
Jumlah keseluruhan		7,774	64	461	21	8,320

Jadual A12: Jumlah penduduk menurut kaum dan jenis kelamin

No. Wilayah	Kumpulan Persekutuan	Jumlah Individu				Jumlah
		M	C	F	L	
1 Jabatan Tengah	Demografi/Keputusan (J2013)	1	0	0	0	1
	Demografi/Keputusan (J2014-15)	10	13	0	0	23
	Demografi/Keputusan (J2016-17)	252	2	15	0	269
	Jumlah	263	15	15	0	293
2 Daerah Selatan	Demografi/Keputusan (J2013)	1	1	0	0	2
	Jumlah	1	1	0	0	2

No. Wilayah	Kumpulan Persekutuan	Jumlah Individu				Jumlah
		M	C	F	L	
1 Jabatan Tengah	Demografi/Keputusan (J2013)	21	0	0	1	22
	Demografi/Keputusan (J2014-15)	102	12	22	2	146
	Demografi/Keputusan (J2016-17)	488	21	54	5	568
	Jumlah	611	33	76	8	728
2 Daerah Selatan	Demografi/Keputusan (J2013)	0	0	1	0	1
	Demografi/Keputusan (J2014-15)	0	0	2	0	2
	Demografi/Keputusan (J2016-17)	2,558	7	147	1	2,713
	Jumlah	2,558	7	150	1	2,716
Jumlah keseluruhan		3,169	40	226	9	3,434

Jadual A13: Jumlah penduduk menurut kaum dan jenis kelamin

No. Wilayah	Kumpulan Persekutuan	Jumlah Individu		Jumlah
		L	M	
1 Jabatan Tengah	Demografi/Keputusan (J2013)	1	2	3
	Demografi/Keputusan (J2014-15)	147	113	260
	Demografi/Keputusan (J2016-17)	1,823	1,011	2,834
	Jumlah	1,971	1,126	3,097
2 Daerah Selatan	Demografi/Keputusan (J2013)	1	0	1
	Demografi/Keputusan (J2014-15)	42	48	90
	Demografi/Keputusan (J2016-17)	147	152	300
	Jumlah	150	200	350
3 Daerah Tenggara	Demografi/Keputusan (J2013)	4	0	4
	Demografi/Keputusan (J2014-15)	41	84	125
	Demografi/Keputusan (J2016-17)	2,807	303	3,110
	Jumlah	2,852	387	3,239

No. Wilayah	Kumpulan Persekutuan	Jumlah Individu		Jumlah
		L	M	
1 Jabatan Tengah	Demografi/Keputusan (J2013)	2,005	451	2,456
	Jumlah	2,005	451	2,456
Jumlah keseluruhan		2,005	451	2,456

Jadual A14: Jumlah penduduk menurut kaum dan jenis kelamin

No. Wilayah	Kumpulan Persekutuan	Jumlah Individu		Jumlah
		L	M	
1 Jabatan Tengah	Demografi/Keputusan (J2013)	4	5	9
	Demografi/Keputusan (J2014-15)	51	44	95
	Demografi/Keputusan (J2016-17)	178	121	299
	Jumlah	233	170	403
2 Daerah Selatan	Demografi/Keputusan (J2013)	2	5	7
	Demografi/Keputusan (J2014-15)	14	21	35
	Demografi/Keputusan (J2016-17)	51	110	161
	Jumlah	67	136	203
3 Daerah Tenggara	Demografi/Keputusan (J2013)	0	2	2
	Demografi/Keputusan (J2014-15)	0	12	12
	Demografi/Keputusan (J2016-17)	2,747	177	2,924
	Jumlah	2,747	191	2,938
Jumlah keseluruhan		2,987	469	3,456

10. Berapakah jumlah individu tanpa kewarganegaraan (stateless) mengikut kumpulan etnik dan umur di negeri Pulau Pinang?
 (a) Apakah tindakan yang boleh diambil untuk membantu golongan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Berdasarkan maklumat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), JPN hanya merekodkan status seseorang individu sebagai warganegara atau bukan warganegara berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu sewaktu kelahiran berlaku. Oleh itu, pihak JPN tidak dapat menyumbangkan jawapan yang tepat tentang individu tanpa kewarganegaraan (stateless).

Walaupun bagaimanapun, rekod di bawah Program Kewarganegaraan Negeri Pulau Pinang (PKPP) menunjukkan jumlah individu yang memohon kewarganegaraan dari 1 Februari 2013 hingga 30 Jun 2023 adalah sebanyak 2,015 kes (Jumlah ini hanya dalam rekod PKPP sahaja)

Pecahan adalah seperti berikut:

- i. **1,337 kes** bagi permohonan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 15A, Perkara 15 (1) dan Perkara 15 (2) perlembagaan Persekutuan; dan
- ii. **678 kes** bagi permohonan taraf kewarganegaraan di bawah perkara 16 dan perkara 19 (1) - tiba sebelum Merdeka dan tiba selepas Merdeka Perlembagaan Persekutuan.

Pecahan bagi permohonan taraf kewarganegaraan mengikut kumpulan etnik dan umur adalah seperti berikut:-

ETNIK	JUMLAH
CINA	1,443
INDIA	277
MELAYU	102
LAIN-LAIN	193

UMUR	JUMLAH
1 - 10	644
11 - 20	905
21 - 30	155
31 - 40	14
41 - 50	18
51 - 60	134
61 - 70	78
71 - 80	17
81 - 90	32
91 - 100	17
100 ke atas	1 (telah meninggal dunia pada 28.01.2023 pada umur 107 tahun)

- (a) Sejak 2013, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan Program Kewarganegaraan Kerajaan Negeri sebagai satu usaha bagi membantu menyelaraskan isu kewarganegaraan yang dihadapi oleh penduduk Pulau Pinang yang tidak mempunyai taraf kerakyatan Malaysia.

Program ini kini dipantau oleh YB MMK Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam dan dibantu oleh lima (5) orang pegawai. Tujuan PKPP ditubuhkan adalah untuk menjalankan tugas-tugas membantu individu tanpa taraf kerakyatan dalam membuat permohonan seperti berikut:-

- i. Membantu individu yang masih belum lagi mempunyai sijil kelahiran, kad pengenalan ataupun hanya mempunyai taraf pemastautin tetap untuk membuat permohonan secara sah dan lengkap di Jabatan Pendaftaran Negara;
- ii. Membantu membuat tindakan, carian dan panggilan susulan dengan Jabatan-jabatan yang berkaitan bagi mengetahui status permohonan dan mempercepatkan pemprosesan;
- iii. Mengumpul data dan maklumat berhubung individu tanpa kerakyatan bagi seluruh Pulau Pinang dan menyediakan laporan-laporan berkala;
- iv. Mengatur dan mengkoordinasi dengan pusat perkhidmatan KADUN dan Ahli-Ahli Parlimen bagi pelaksanaan tugas-tugas tersebut;
- v. Membantu individu yang tiada kerakyatan Malaysia yang dibawah umur 21 tahun untuk memohon perkara 15 A. Ini disebabkan seseorang lelaki Malaysia

berkahwin dengan perempuan dari luar negara tanpa berdaftar kahwin di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), maka sijil kelahiran anak mereka (dalam ruangan taraf kewarganegara) akan menunjukkan perkataan “Bukan Warganegara”. ini bermaksud anak mereka tiada kerakyatan Malaysia dan harus memohon kewarganegara melalui JPN di bawah **PERKARA 15 (A)**;

- vi. Membantu pelajar-pelajar (*Stateless*) menyelesaikan masalah Pass Lawatan Pelajaran dan juga masalah permohonan kemasukan sekolah murid bukan warganegara di bawah PERKARA 15 (A);
 - vii. Membantu pemohon-pemohon yang menghadapi pelanjutan VISA termasuk dengan “Visa isteri kepada Warganegara” dan “Visa Balu”;
 - viii. Memberi taklimat kepada orang awam terutama bagi orang yang pemegang kad pengenalan pemastautin tetap (MyPR), kad pengenalan pemastautin sementara (MyKAS) dan individu yang tiada kerakyatan Malaysia (*Stateless*) supaya mereka faham peraturan-peraturan untuk memohon taraf kewarganegara Malaysia;
 - ix. Menganjurkan karnival-karnival yang berkaitan dengan kewarganegaraan dengan bantuan agensi-agensi kerajaan dari Jabatan Pendaftaran, Jabatan Imigresen, Jabatan Kebajikan dan lain-lain;
 - x. Melawat ke rumah orang yang kurang upaya (OKU) dan warga emas untuk tujuan membantu mereka memohon taraf kewarganegaraan;
 - xi. Membantu pemohon-pemohon yang tidak boleh bertutur Bahasa Malaysia berkomunikasi dengan pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen; dan
 - xii. Membantu menyelesaikan masalah anak angkat yang tiada kerakyatan Malaysia.
11. Pusat Penang2030 berperanan sebagai pusat gunasama bagi menjalankan aktiviti pembangunan sosial dan pemerikasaan komuniti. Nyatakan Pusat Penang2030 yang telah ditubuhkan setakat ini.
- (a) Nyatakan jumlah peruntukan yang telah diberi kepada Pusat Penang2030 yang telah ditubuhkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Setakat Jun 2023, Pusat Penang2030 telah ditubuhkan di 25 KADUN di seluruh Pulau Pinang. Selepas Pilihan Raya Negeri Ke-15 yang telah diadakan pada 12 Ogos 2023 lepas, tiada penambahan Pusat Penang2030 yang baru.
- Dari Jun 2022 hingga Oktober 2023, peruntukan sebanyak RM704,000.00 telah disalurkan untuk kos penubuhan dan kos operasi bagi 25 buah Pusat Penang2030 (telah pun mula beroperasi) dan laporan aktiviti bulanan dikemukakan ke Pejabat Ketua Menteri.
12. Dua Jambatan di Pulau Pinang telah menjadi tempat bunuh diri yang semakin kerap dalam beberapa tahun ini. Nyatakan jumlah kes bunuh diri dengan melompat dari jambatan untuk tahun 2020, 2021 dan 2022 secara berasingan.
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan mengendalikan isu bunuh diri yang semakin kerap ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes bunuh diri dengan melompat dari jambatan adalah sebanyak 28 kes. Perincian adalah seperti jadual di bawah:

TAHUN	JAMBATAN PERTAMA	JAMBATAN KEDUA	JUMLAH
2020	6	0	6
2021	7	1	8
2022	13	1	14
JUMLAH	26	2	28

- (a) Bagi membendung kes bunuh diri di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mengadakan Bengkel Khas Mekanisme Pencegahan Bunuh Diri di Jambatan Pulau Pinang pada 21 Julai 2022, dimana bengkel ini telah dihadiri oleh semua pihak berkepentingan. Melalui bengkel ini, pembentangan dan soal jawab bagi mencari solusi masalah ini telah dilaksanakan agar kes bunuh diri terutama di Jambatan Pulau Pinang dapat ditangani dengan berkesan.

13. Kes penipuan dalam negara semakin meningkat. Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam menangani cabaran global ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa komited untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat khususnya di Pulau Pinang berkenaan dengan penipuan terutamanya melibatkan penipuan secara atas talian. Pelbagai kempen giat dijalankan bukan sahaja oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersil malahan juga oleh Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti yang melaksanakan pelbagai program kesedaran berkenaan jenayah *scammer* kepada masyarakat.

Bilangan siber scam di Pulau Pinang mengikut daerah dan jumlah kes berjaya diselesaikan:

Tahun 2023 (sehingga 30 September 2023)		
Daerah	Jumlah Kes Siber di Pulau Pinang	Selesai
Timur Laut	979	167
Seberang Perai Utara	297	272
Seberang Perai Tengah	392	47
Seberang Perai Selatan	312	51
Barat Daya	383	48
Jumlah	2,363	585

Statistik PDRM menunjukkan sejumlah 2,363 bagi Kes Siber di Pulau Pinang telah dibuka Kertas Siasatan dan sebanyak 585 telah selesai bersamaan 24.7%.

14. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memartabatkan golongan OKU di negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Golongan orang kurang upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada masyarakat. Mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain.

Sebagai usaha memartabatkan OKU, pendaftaran OKU giat dijalankan untuk mengetahui bilangan, taburan dan kategori OKU di negara ini bagi merancang program dan perkhidmatan berkaitan dengan pencegahan, pendidikan, habilitasi dan rehabilitasi serta latihan. Usaha ini membantu kerajaan untuk merancang penyediaan kemudahan yang bersesuaian dengan keperluan OKU serta membolehkan golongan OKU mendapat perkhidmatan yang bersesuaian dengan keperluan berdasarkan tahap kefungsi/ketidakupayaan mereka.

Majlis Kebangsaan Bagi OKU (MKBOKU) di peringkat kebangsaan bertindak menasihati Kerajaan berkaitan isu-isu ketidakupayaan, memberi syor serta menyelaras, memantau, mengkaji dan menyelia Pelan Tindakan dan Dasar Negara berkaitan OKU.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan skim bantuan i-Sejahtera iaitu bantuan *one-off* sebanyak RM200.00 setiap tahun kepada semua OKU berdaftar yang bermastautin di Pulau Pinang dan Bantuan Pengurusan Jenazah OKU sebanyak RM1,000.00 secara *one-off* kepada waris OKU yang meninggal dunia. Setakat September 2023, sebanyak RM2,791,800.00 telah diperuntukkan bagi pembayaran bantuan ini melibatkan 13,467 orang penerima.

Selain itu, Kerajaan Negeri menunjukkan keprihatinan dan kesungguhan dalam menggalakkan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk kembali bekerja atau memulakan perniagaan sendiri, sebagai langkah ke arah kebergantungan diri sendiri.

Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, pelbagai agensi telah ditugaskan untuk menyediakan bantuan dan sokongan kepada golongan OKU. Antara inisiatif yang disediakan termasuklah program Peluang Pemulihan, institusi pemulihan, latihan dan bantuan kewangan, program pendidikan nasional yang berfokus kepada OKU, peluang pekerjaan khusus untuk OKU, dan juga skim bantuan untuk menggalakkan mereka memulakan perniagaan sendiri.

Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk membuka jalan bagi golongan OKU agar lebih berdaya saing dan berdikari dalam masyarakat.

OKU yang berdaftar dengan JKM turut menikmati pelbagai kemudahan dan keistimewaan yang ditawarkan daripada pelbagai agensi seperti perincian di berikut:

Bil.	Kemudahan / Keistimewaan	Pautan Laman Web
1.	Peluang pemulihan/latihan di institusi pemulihan/ latihan, bantuan kewangan, alat sokongan dan khidmat kaunseling Jabatan Kebajikan Masyarakat	www.jkm.gov.my
2.	Pengurangan kadar lesen kenderaan motor tanpa ubahsuai dan ubahsuai	http://www.jpj.gov.my/web/main-site/jpj2u
3.	Kemudahan pengurangan tambang pengangkutan awam	http://rapidkl.com.my , http://www.ktmb.com.my , http://www.malaysiaairline.com
4.	Program pendidikan nasional, bantuan kewangan pelajar OKU di sekolah	http://www.moe.gov.my

Bil.	Kemudahan / Keistimewaan	Pautan Laman Web
5.	Pengecualian bayaran dan pembaharuan daftar syarikat	http://www.ssm.com.my
6.	Kemudahan dan galakan pelepasan cukai pendapatan	http://e.hasil.org.my
7.	Potongan harga 20% pembelian rumah daripada SPNB	http://www.spnb.com.my
8.	Pengecualian bayaran membuat Mykad, carian sijil kelahiran atau sijil kematian	http://www.jpn.gov.my
9.	Peluang pekerjaan OKU dan skim bantuan galakan perniagaan OKU (SBGP OKU)	http://www.jtksm.gov.my
10.	Pengecualian duti import alat ganti alat tiruan /sokongan dan pengecualian 100% duti eksais kenderaan OKU	http://www.treasury.gov.my
11.	Pencen terbitan seumur hidup kepada anak OKU dan waktu bekerja anjal	http://www.jpa.gov.my
12.	Hadiah sukan negara bagi atlet paralimpik	http://www.nsc.gov.my
13.	Pengecualian bayaran dokumen perjalanan (<i>passport</i>)	http://www.imi.gov.my
14.	Bantuan kewangan pelajar OKU di IPT	https://mohe.gov.my/bk_oku
15.	Saluran khas bagi pengambilan OKU di IPTA	http://www.mohe.gov.my

15. Orang kurang siaman dan peminta sedekah sering berkeliaran dan mengganggu ketenteraman orang awam (ada kalanya mendatangkan kecederaan). Pihak manakah yang sepatutnya bertanggungjawab dalam menangani masalah ini?
- (a) Nyatakan jumlah kes aduan mengenai isu ini di setiap daerah pada tahun 2022 hingga 2023.
- (b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasinya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Isu orang kurang siaman dan peminta sedekah sering berkeliaran dan mengganggu ketenteraman orang awam tidak termaktub di bawah mana-mana agensi. Namun begitu, ia adalah tanggungjawab bersama beberapa pihak seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menangani isu ini.
- (a) Jumlah kes aduan yang direkodkan oleh PDRM berkaitan orang kurang siaman dan peminta sedekah bagi tahun 2022 dan 2023 adalah seperti perincian berikut:

Kes Aduan Yang Direkodkan Oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) Negeri Pulau Pinang Berkaitan Orang Kurang Siuman Dan Peminta Sedekah Bagi Tahun 2022 Dan 2023				
DAERAH	TAHUN 2022		TAHUN 2023	
	ADUAN BERKAITAN ORANG KURANG SIUMAN	ADUAN BERKAITAN PEMINTA SEDEKAH	ADUAN BERKAITAN ORANG KURANG SIUMAN	ADUAN BERKAITAN PEMINTA SEDEKAH
TIMUR LAUT	45	8	48	10
BARAT DAYA	4	5	0	0
SEBERANG PERAI UTARA	21	8	24	9
SEBERANG PERAI TENGAH	8	2	5	6
SEBERANG PERAI SELATAN	9	3	5	1
JUMLAH	87	24	82	26

(b) Antara langkah yang diambil untuk mengatasi isu ini adalah dengan mengadakan operasi berkala dan *ad hoc* bersama agensi penguatkuasaan. Selain itu, program dan kempen advokasi seperti Kempen Advokasi Bijak Membantu, Elak Tertipu merupakan antara kaedah yang diambil oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam mengurangkan isu gelandangan meminta sedekah.

16. Dasar 'long-term care' adalah satu dasar yang sangat penting dalam masyarakat yang semakin berusia. Adakah Kerajaan Pulau Pinang bersedia untuk membangunkan dasar berkaitan?

- (a) Jika ya, senaraikan rancangan tersebut secara terperinci.
 (b) Jika tidak, nyatakan bila persediaan akan dimulakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kerajaan Negeri Pulau Pinang peka terhadap kesejahteraan rakyat dan telah mengambil langkah proaktif dalam memperkasakan warga emas sebagai aset pembangunan negeri dengan melancarkan Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif pada tahun 2022.

- (a) Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif merangkumi beberapa aspek perancangan seperti berikut:
- i. Pelaksanaan program dan kempen untuk meningkatkan kesedaran tentang penuaan aktif;
 - ii. Jaringan kerjasama melibatkan agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha mempromosikan penuaan aktif;
 - iii. Membuat kajian dan penyelidikan dalam mengenal pasti jurang serta kekangan yang sedia ada melalui pengumpulan data;
 - iv. Penggubalan dasar yang mampan dengan bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan sosial, fizikal dan psikologi warga emas;
 - v. Menggalakkan penyertaan sukarelawan serta platform kerjasama kepada orang ramai agar ia membolehkan mereka menyumbang kembali kepada komuniti;
 - vi. Menyediakan pusat aktiviti yang menggalakkan penggunaan ruang aktiviti antara generasi bagi mempromosikan penuaan aktif di usia muda;
 - vii. Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk meningkatkan pencapaian yang lebih terangkum kepada sumber dan kemudahan; dan

- viii. Membuat pemantauan dan penilaian menyeluruh secara berterusan untuk penambahbaikan.

Selain ini, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan inisiatif Bandar Mesra Usia (*Age Friendly City*) yang dijalankan secara berperingkat. Tujuan inisiatif ini dilaksanakan adalah untuk mewujudkan satu persekitaran yang mesra kepada semua golongan terutamanya warga emas. Pelan Hala Tuju ini akan dilaksanakan dalam tiga (3) fasa. Fasa pertama adalah pelaksanaan program kesedaran dan juga kajian bagi memahami jurang yang dihadapi oleh rakyat. Fasa kedua adalah pelaksanaan program berdasarkan polisi dan inisiatif hasil daripada dapatan kajian. Seterusnya, fasa ketiga pula adalah fasa terakhir di mana konsep bandar mesra usia akan dilaksanakan.

Lapan (8) domain utama yang difokuskan inisiatif ini adalah selaras dengan kerangka kerja *World Health Organisation*. Setiap rakyat tanpa mengira umur, status perkahwinan atau keadaan hidup akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan inisiatif Bandar Mesra Usia ini.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui perkhidmatan komuniti memperkenalkan aktiviti Sukarelawan Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) yang merupakan Program kolaborasi strategik antara JKM dengan Majlis Pusat Kebajikan Se-Malaysia (MPKSM) bagi pelaksanaan di negeri Pulau Pinang. Ia merupakan satu program yang memberi khidmat sokongan kepada warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian atau bersama ahli keluarga di rumah yang kurang penjagaan dan kurang berkemampuan. Ia bercorak pendampingan sosial (*social outreach*) oleh sukarelawan yang dilatih dan melaksanakan tugas mereka berdasar onsep dan prinsip kesukarelaan. Ia juga berkonsepkan kebajikan sebagai tanggungjawab bersama.

Program ini bertujuan memberi bantuan dan sokongan sosial kepada warga emas dan OKU untuk menjalani kehidupan seharian mereka dengan lebih selesa, dihormati dan tidak merasa mereka disisihkan. Seorang sukarelawan akan memberi khidmat kepada empat (4) orang klien JKM melalui sesi lawatan ke rumah sekurang-kurangnya dua (2) jam sekali lawatan. Lawatan dibuat sebanyak sekali setiap minggu. Khidmat bantuan yang boleh diberikan oleh sukarelawan-sukarelawan ini adalah seperti berikut:

- i. Penyediaan makanan dan minuman;
- ii. Pembersihan diri (memandikan, memotong kuku) menyikat rambut dan sebagainya);
- iii. Menjadi rakan berbual;
- iv. Menjalankan aktiviti riadah;
- v. Mengemas atau membersihkan tempat tinggal, persekitaran;
- vi. Membasuh, menyidai dan melipat pakaian;
- vii. Mengeluarkan wang dari bank;
- viii. Membuat pembayaran bil;
- ix. Memberikan perkhidmatan fisioterapi berkelebihan;
- x. Memberi latihan praktikal tentang teknik-teknik penjagaan kepada penjaga;
- xi. Memberi galakan dan latihan praktikal ke arah gaya hidup sihat;
- xii. Membawa ke hospital/klinik untuk tujuan rawatan dan mengambil ubat;
- xiii. Mengajar warga emas/OKU/penjaga mengambil ubat dengan betul;
- xiv. Menemani warga emas dan OKU ke tempat beribadat; dan

xv. Bantuan-bantuan lain yang dirasakan perlu.

Melalui dasar/inisiatif dan program yang dilaksanakan ini, Kerajaan Negeri telah merangkumi aspek-aspek penting yang harus diberi perhatian dalam menghadapi situasi negeri yang sedang menua. Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan penggubalan atau dasar khas *long-term care* yang lain sekiranya perlu pada masa akan datang. Selain ini, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang membangunkan Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas 2023-2030. Pelan ini masih dalam peringkat draf.

17. Selepas 'Penang Performing Art Centre' ditutup, tidak ada lagi tempat pertunjukan kecil dan sederhana yang profesional di negeri ini yang mampu menampung lebih kurang 300 orang penonton atau ke bawah. Apakah penyelesaian oleh Kerajaan Pulau Pinang untuk membantu golongan seniman untuk mengatasi masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Tempat-tempat pertunjukan kecil dan sederhana yang popular di Pulau Pinang ialah Auditorium Jalan P. Ramlee, Auditorium KOMTAR, Loft 29, Fort Cornwallis, Dewan Budaya USM, Pentas Taman Arkeologi Sia Boey, Dewan Dato Haji Badawi, Butterworth Arena dan Seberang Perai Arena. Tempat-tempat tersebut ada yang di bawah pengurusan Kerajaan dan ada yang di bawah pengurusan pihak swasta.

Kerajaan Negeri menganjurkan festival tahunan seperti George Town Festival, George Town Literary Festival dan perayaan sambutan hari kebesaran lain di pelbagai lokasi di Pulau dan Seberang Perai. Ini memberikan platform kepada para seniman untuk menonjolkan bakat mereka.

Dana sokongan turut disalurkan melalui Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk menyokong pertunjukan kecil dan sederhana seperti teater, tarian, drama, muzik dan sebagainya.

18. Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menambah baik bantuan khas kepada pesakit-pesakit kronik di negeri Pulau Pinang terutama bantuan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan dialisis memandangkan mereka terpaksa menampung kos yang besar untuk rawatan penyakit ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Melalui kemudahan kesihatan dan perubatan awam, kadar kos rawatan yang berpatutan senantiasa ditawarkan kepada semua pesakit termasuk pesakit yang mengidap penyakit kronik.

Menerusi Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PEKA B40), semua penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) berumur 40 tahun dan ke atas serta pasangannya yang berdaftar akan menerima manfaat seperti berikut secara automatik:-

- (a) Saringan kesihatan di mana-mana klinik swasta dan klinik kesihatan kerajaan yang berdaftar dengan PeKa B40;
- (b) Bantuan Alat Perubatan dengan had maksimum sebanyak RM20,000 seumur hidup bagi kategori-kategori alat perubatan yang telah ditetapkan;
- (c) Insentif tunai RM1,000 bagi penerima manfaat yang menghadapi kanser dan menjalani rawatan di hospital KKM yang akan dibayar secara dua (2) fasa (RM300 & RM700) yang dibayar terus kepada akaun bank penerima; dan

- (d) Insentif tambang pengangkutan pada kadar had maksimum RM500 bagi Semenanjung Malaysia dan RM1,000 untuk Sabah / Sarawak dan WP Labuan.

Bagi penjawat awam dan pesara perkhidmatan awam Negeri Pulau Pinang, kos bagi menerima rawatan perubatan (termasuk bagi rawatan penyakit kronik dan hemodialisis) adalah ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Kemudahan perubatan ini adalah tertakluk kepada syarat – syarat yang digariskan di dalam MyPPSM, Ceraian SR.2.1.1 – Permohonan Perbelanjaan bagi Kemudahan Perubatan.

Khususnya bagi rawatan hemodialisis, perbelanjaan yang dibenarkan adalah berdasarkan jumlah perbelanjaan sebenar, tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus) bagi setiap sesi rawatan.

Bukan itu sahaja, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga memberi subsidi dialisis kepada beberapa pusat dialisis termasuk Pusat CAT Dialisis Centre untuk membantu pesakit dialisis mendapatkan rawatan.

19. Apakah status terkini untuk bangunan yang sebelum ini digunakan oleh 1926 Heritage Hotel di Jalan Burmah?
- (a) Jika ia masih terbiar, apakah perancangan yang ada untuk bangunan tersebut memandangkan ia berada di lokasi kawasan yang begitu strategik di bandar George Town?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Bangunan Hotel Warisan 1926 di Jalan Burmah terletak di luar Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan berpotensi dijadikan sebagai bangunan warisan Kategori II di bawah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011. Pada 27 Mac 2023, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menjemput syarikat-syarikat tempatan, antarabangsa atau konsortium yang berminat untuk mengemukakan tawaran bagi *Request for Proposal (RFP)* "Cadangan Pembaharuan Dan Pemuliharaan Bangunan Hotel Warisan 1926, di atas Lot 1231, Seksyen 13, Bandaraya George Town, Pulau Pinang". Tarikh tutup tempoh tawaran adalah pada 15 Jun 2023. Pihak PDC telah mengeluarkan surat tawaran kepada pihak yang berjaya pada 6 November 2023.
- (a) Cadangan pembaharuan dan pemulihan bangunan ini akan disusuli oleh syarikat yang berjaya mendapat tawaran RFP ini. Setakat ini, tiada permohonan Kebenaran Merancang baharu dikemukakan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk cadangan pemajuan baharu di tapak ini.
20. Nyatakan apakah strategi, asas pertimbangan, perancangan, jumlah nilai penjimatan (RM) 2023 tercapai dan kaedah masa depan yang akan dilaksanakan oleh setiap agensi berikut (CMI, PHC, PYDC, PWDC, PGC, PSC, PICSB dan GTWHI) supaya belanjawan yang diperuntukkan tidak membebankan bajet kewangan Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. 1. **Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI)**

CMI bertindak sebagai agensi yang proaktif dan produktif dalam menjana pendapatan bagi mempertingkatkan ekonomi negeri Pulau Pinang dengan memaksimumkan nilai strategik aset, menjana hasil pendapatan melalui konsep *Public Private Professional Partnership (4P'S)* melalui aset sedia ada (tanah dan bangunan) Kerajaan Negeri yang diberi milik kepada CMI. Fungsi utama CMI adalah untuk menyewa dan memajak tanah milikannya kepada syarikat swasta untuk tempoh yang tertentu.

Kerajaan Negeri memperuntukkan peruntukan secara tahunan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri agar CMI dapat dioperasikan dengan sebaiknya. Sebagai langkah untuk mengurangkan beban peruntukan Kerajaan Negeri, CMI akan mengadakan kerjasama strategik melalui *public-private partnership* (PPP) dalam menguruskan isu dan soal hartanah di bawah CMI tanpa melibatkan peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Berdasarkan langkah ini, CMI akan menerima hasil pulangan secara *best-value-for-money*.

CMI juga turut menjalankan perancangan projek-projek fizikal dengan membuat permohonan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) supaya kebergantungan kepada Kerajaan Negeri dapat dikurangkan. Antara projek yang berkenaan adalah seperti Projek Pembangunan Guar Kepah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah *Rolling Plan* Ketiga (RP3) Tahun 2023 Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM10.0 juta melalui Pihak Berkuasa Pelaksana Koridor Utara (NCIA).

Sebagai langkah untuk menjimatkan kos operasi, CMI telah mengadakan inisiatif dengan melantik sukarelawan untuk bertugas di Perpustakaan Digital Pulau Pinang. Inisiatif ini secara tidak langsung membantu untuk mengurangkan kos pembayaran kepada kakitangan tetap memandangkan kadar bayaran kepada sukarelawan adalah mengikut waktu bertugas sahaja.

Jumlah peruntukan dari Kerajaan Negeri dan perbelanjaan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang			
Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Penjimatan (RM)
2021	3,018,786.00	3,883,720.51	-
2022	3,682,000.00	2,710,000.00	972,000.00
2023	4,589,000.00	3,169,000.00 (sehingga Sept 2023)	

2. HARMONICO (Penang Harmony Corporation)

HARMONICO telah menerima geran peruntukan tahunan sebanyak RM1.1 juta pada tahun 2022 dan sebanyak RM1.3 juta pada tahun 2023. Memandangkan HARMONICO baru ditubuhkan pada tahun 2021, terdapat peningkatan dari segi peruntukan tahunan yang disebabkan oleh keperluan dalam penambahan tenaga kerja serta perkembangan projek di bawah HARMONICO. Pada tahun 2022, sebanyak 35 buah projek atau program telah dilaksanakan manakala bagi awal tahun 2023 sehingga September 2023, sebanyak 101 buah projek atau program telah berjaya dilaksanakan.

Terdapat trend peningkatan dari segi jumlah program yang dianjurkan berbanding dengan penambahan peruntukan tahunan pada tahun 2023. Strategi yang diguna pakai pada tahun 2023 adalah berdasarkan kaedah kerjasama ataupun *“joint venture”* bersama rakan strategik dalam melaksanakan aktiviti dan program. Kaedah kerjasama ini telah mewujudkan sinergi kepada HARMONICO dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang agar sebarang kos penganjuran tidak membebankan pihak HARMONICO sahaja, malah turut ditanggung oleh pertubuhan dan rakan strategik yang lain. Selain itu, HARMONICO berhasrat untuk menumpukan lebih banyak projek-projek yang bersifat jangka panjang dan berimpak tinggi pada masa akan datang berbanding dengan program *“one-off”* agar belanjawan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang mendapat pulangan yang lebih optimum.

Jumlah peruntukan dari Kerajaan Negeri dan perbelanjaan Penang Harmony Corporation bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

Penang Harmony Corporation			
Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Penjimatan (RM)
2021	537,867.78	392,168.46	145,699.32
2022	1,100,000.00	1,276,606.5	-
2023	1,300,000.00	660,693.52 (sehingga Jun 2023)	

3. PYDC Strategies Sdn. Bhd.

Pada tahun ini, PYDC berjaya membuat penjimatan melalui pelaksanaan Program Sukarelawan Belia Pulau Pinang di mana penyediaan makanan bagi program ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak penganjur. Selain itu, PYDC juga telah berjaya menerima penajaan berjumlah RM121,000.00 dalam bentuk wang tunai dan penajaan dalam bentuk bukan tunai yang merangkumi servis pemasaran, penajaan lokasi program, pengecualian kos penceramah dan sebagainya dengan anggaran berjumlah RM344,781.50 pada tahun ini.

PYDC akan terus mengambil langkah proaktif pada masa akan datang dalam membantu untuk meringankan beban bajet dan peruntukan daripada Kerajaan Negeri seperti berikut:

- Meningkatkan program usaha sama bersama agensi kerajaan dan swasta untuk berkongsi kos-kos perbelanjaan;
- Meningkatkan keberkesanan untuk mendapat penajaan industri dalam bentuk tunai atau barangan;
- Memperhalusi mekanisme pembayaran yuran pendaftaran untuk program yang tertentu;
- Peningkatan kegunaan kemudahan agensi secara optimum dengan sewaan luar; dan
- Pengoperasian dalaman yang lebih efisien untuk menjimatkan kos, misalnya pelaksanaan polisi pengurusan tenaga (*energy management*) dan pengurusan pembaziran (*waste management*) untuk operasi pejabat.

Jumlah peruntukan dari Kerajaan Negeri dan perbelanjaan PYDC Strategies Sdn. Bhd. bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

PYDC Strategies Sdn. Bhd.			
Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Penjimatan (RM)
2021	1,000,000.00	1,000,000.00	-
2022	1,700,000.00	1,802,463.30	-
2023	2,000,000.00	1,221,280.65 (sehingga Jun 2023)	

4. Penang Women's Development Corporation (PWDC) Sdn. Bhd.

PWDC terus konsisten dalam memastikan isu dan soal gender diarusperdanakan ke dalam polisi-polisi utama, program-program dan amalan-amalan sektor awam di

samping mentransformasikan struktur-struktur dan budaya berkaitan, melalui aktiviti sokongan, pembangunan kapasiti dan kerjasama strategik dengan pelbagai sektor dalam masyarakat. Langkah ini bukan sahaja untuk merapatkan jurang gender yang masih ketara malah sebagai strategi serampang dua mata bagi mencungkil bakat dan potensi setiap lapisan masyarakat terutamanya golongan wanita dan memastikan tiada siapa yang ketinggalan.

Secara purata, PWDC telah menjalankan lebih 100 program/ projek/ aktiviti dalam masa satu (1) tahun yang sejajar dengan lima (5) matlamat *UN Sustainable Development Goals* iaitu kesaksamaan gender dan pemerdayaan wanita dapat dicapai.

Sehingga kini, tiada penjimatan kos yang dirancang. Walau bagaimanapun fokus dan skop PWDC telah dikembangkan untuk menjayakan inisiatif Bandar Mesra Usia: Penang Island.

Jumlah peruntukan dari Kerajaan Negeri dan perbelanjaan Penang Women's Development Corporation bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

Penang Women's Development Corporation			
Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Penjimatan (RM)
2021	2,500,000.00	2,500,000.00	-
2022	2,500,000.00	2,893,102.00	-
2023	2,500,000.00	1,307,507.00 (sehingga Jun 2023)	

5. Penang Green Council (PGC)

Pada tahun 2023, jumlah purata nilai penjimatan oleh Penang Green Council (PGC) sehingga kini adalah sebanyak RM132,000.00. PGC akan terus mengambil langkah holistik pada masa akan datang dalam membantu untuk tidak membebankan bajet kewangan negeri daripada Kerajaan Negeri dengan strategi-strategi seperti berikut:

- (a) Meningkatkan peluang kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta untuk perkongsian kos projek;
- (b) Mengadakan acara/program yang mengenakan fi pendaftaran dapat membantu mengurangkan kos projek;
- (c) Pelaksanaan program/projek dijalankan oleh pasukan PGC tanpa bergantung kepada pihak konsultan ataupun perkhidmatan 'outsourcè';
- (d) Mendapatkan penajaan daripada sektor swasta;
- (e) Membangunkan kapasiti/kepakaran dalaman yang akan membantu PGC dari segi penyediaan perkhidmatan profesional; dan
- (f) PGC mengamalkan prinsip belanja secara berhemat terhadap semua perbelanjaan.

Jumlah peruntukan dari Kerajaan Negeri dan perbelanjaan Penang Green Council bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

Penang Green Council (PGC)			
Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Penjimatan (RM)
2021	1,500,000.00	1,500,000.00	-
2022	1,500,000.00	1,849,927.00	-
		984,557.00	
2023	2,000,000.00	(sehingga Jun 2023)	

6. Penang Science Cluster (PSC)

PSC mengamalkan strategi kelestarian kewangan dengan mencari geran dari industri dan yayasan luar negara untuk menyokong program-program di bawah PSC. Selain dari kemudahan tempat yang disediakan secara percuma, Kerajaan Negeri turut membantu PSC dengan menyumbang kepada infrastruktur serta Program *Science, Technology, Engineering, and Math* (STEM) yang asas.

Secara keseluruhan, sumbangan program dari Kerajaan Negeri adalah sekitar RM700.000.00 setahun atau 15 peratus sehingga 20 peratus dari perbelanjaan PSC, manakala industri dan yayasan menyumbang sebanyak 80 peratus sehingga 85 peratus.

Jumlah peruntukan dari Kerajaan Negeri dan perbelanjaan Penang Science Cluster bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

Penang Science Cluster			
Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Penjimatan (RM)
2021	351,230.00	351,230.00	-
2022	801,900.00	707,000.00	94,900.00
2023	1,000,000.00	321,000.00 (sehingga Jun 2023)	

7. Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PICSB)

PICSB mengamalkan strategi perbelanjaan secara berhemat serta berjimat terutamanya bagi perbelanjaan mengurus iaitu berbelanja jika diperlukan sahaja. Asas pertimbangan perbelanjaan syarikat akan dilakukan berdasarkan keperluan dengan memastikan perbelanjaan tersebut dibuat berdasarkan penekanan perbelanjaan yang memberi nilai faedah yang terbaik (*best value for money*). Segala perbelanjaan yang dilakukan adalah selari dengan matlamat syarikat dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Perancangan-perancangan yang teliti dilakukan terhadap keperluan organisasi di mana hanya perbelanjaan yang diperlukan diberikan keutamaan dengan berprinsipkan penjimatan.

Jumlah peruntukan dari Kerajaan Negeri dan perbelanjaan Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PICSB)			
Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Penjimatan (RM)
2021	15,000,000.00	15,000,000.00	-
2022	10,000,000.00	2,363,810.00	7,636,190.00
2023	14,184,618.00	1,848,920.65 (sehingga Jun 2023)	

8. George Town World Heritage Incorporated (GTWHI)

GTWHI merupakan Pengurus Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ). Walaupun menghadapi cabaran yang besar dalam memastikan kelestarian dan kelangsungan warisan kebudayaan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town terus terpelihara, GTWHI telah menjalankan amanah dengan melaksanakan pelbagai aktiviti dan projek berasaskan kerjasama di peringkat tempatan, nasional dan antarabangsa. Langkah ini bukan sahaja memberikan impak yang tinggi malah turut membantu untuk mengurangkan kos perbelanjaan.

GTWHI juga turut mengambil langkah proaktif dalam mencari sumber kewangan alternatif untuk menampung keperluan operasi syarikat dan pengurusan tapak. Ini termasuk permohonan geran daripada Kerajaan Persekutuan (RM25.0 juta telah berjaya diterima pada tahun 2023), permohonan geran daripada pihak UNESCO dan UNESCO Kategori 2, penjualan barangan dan cetakan.

Jumlah peruntukan dari Kerajaan Negeri dan perbelanjaan George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

George Town World Heritage Incorporated			
Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Penjimatan (RM)
2021	5,200,000.00	4,668,388.00	531,612.00
2022	5,200,000.00	5,016,152.15	183,847.85
2023	5,200,000.00	4,150,316.37 (sehingga Jun 2023)	

21. Bagaimanakah kemajuan program kitar semula sampah di Pulau Pinang sekarang?
- Berapa banyakkah saman yang dikeluarkan oleh Unit Penguatkuasaan Majlis Perbandaran kepada penduduk yang tidak mematuhi peraturan kitar semula tahun ini?
 - Berikan jumlah saman untuk tahun 2020, 2021 dan 2022.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mencapai kadar kitar semula 53.02% yang

merupakan kejayaan Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Visi Penang2030 yang menetapkan sasaran 50 peratus kadar kitar semula menjelang tahun 2030 dengan lebih awal dari tempoh ditetapkan selain mengatasi kadar kitar semula kebangsaan pada tahap 31.52 peratus bagi tahun yang sama. Berdasarkan kejayaan mencapai sasaran 50 peratus kadar kitar semula negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah meningkatkan sasaran pencapaian kadar kitar semula negeri kepada 70 peratus menjelang tahun 2030.

- (a) Jumlah saman yang dikeluarkan kepada penduduk yang tidak mematuhi peraturan kitar semula oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada tahun 2023 (sehingga September 2023) adalah seperti berikut:

PBT	Bilangan Kompaun/Pemberitahuan Tentang Kesalahan (PTK)
MBPP	2
MBSP	15

- (b) Jumlah saman yang dikeluarkan pada tahun 2020 sehingga 2022 adalah seperti berikut :

PBT	2020	2021	2022
MBPP	13	10	5
MBSP	694	113	32

22. Apakah cabaran yang bakal dihadapi oleh industri semikonduktor kita menjelang tahun 2030?

- (a) Bagaimanakah kerajaan boleh membantu rakan industri menghadapi cabaran ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Antara cabaran yang bakal dihadapi oleh industri semikonduktor menjelang tahun 2030 adalah seperti berikut:

i. Gangguan rantaian bekalan

Industri-industri di Pulau Pinang memainkan peranan penting dalam rantaian global bekalan semikonduktor. Justeru, sebarang gangguan global baik dari segi ekonomi, kesihatan atau ketegangan geopolitik boleh memberi kesan kepada aliran bahan dan permintaan produk di rantau ini.

ii. Pengekalan dan pembangunan bakat

Kekurangan bakat merupakan isu penting dalam meneruskan membangunkan sektor industri berasaskan teknologi tinggi dan meningkatkan rantaian nilai dan daya saing sektor pembuatan di negeri Pulau Pinang. Keadaan ini lebih membimbangkan disebabkan oleh kelembapan dalam pertumbuhan penduduk dan kekurangan kemasukan pelajar dalam bidang sains dan teknologi. Pulau Pinang mungkin menghadapi cabaran dalam mengekalkan bakat disebabkan oleh daya saing dari segi gaji dan kepelbagaian peluang pekerjaan di Kuala Lumpur dan Singapura meskipun kos sara diri di Pulau Pinang lebih rendah.

iii. Kemajuan Teknologi

Teknologi dalam industri semikonduktor yang pesat berkembang akan memberi dampak yang ketara kepada perusahaan terutamanya perusahaan kecil dan sederhana sekiranya dasar kerajaan tidak ditingkatkan dan teknologi tidak disesuaikan mengikuti kehendak semasa.

iv. Pelaburan penyelidikan dan pembangunan

Kelemahan dan kekurangan dalam universiti penyelidikan yang bertaraf antarabangsa akan terus mencabar kebolehsaingan sektor industri semikonduktor di negara kita. Pelaburan penyelidikan dan pembangunan R&D) mengikuti aliran teknologi dan mengekalkan budaya inovasi akan menjadi penting bagi industri semikonduktor Pulau Pinang untuk terus berkembang supaya tidak ketinggalan.

- (a) Kerjasama antara badan kerajaan, pemain industri, institusi pendidikan dan organisasi penyelidikan adalah kunci bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh industri semikonduktor di Pulau Pinang.

Sehubungan itu, dalam menghadapi cabaran ini, model tadbir urus Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (*New Industrial Master Plan 2030 - NIMP 2030*) telah mengambil pendekatan *whole-of-nation approach* di mana ia akan melibatkan kolaborasi antara pihak kerajaan dan sektor swasta. Kerjasama padu antara kerajaan dan sektor swasta berupaya untuk meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan ketelusan dalam melaksanakan NIMP 2030.

Antara pelan tindakan yang telah dirangka di bawah industri semikonduktor antaranya adalah seperti berikut:

- i. Menarik pelabur luar untuk mewujudkan *wafer fabrication* di Malaysia;
- ii. Mewujudkan pemain industri utama tempatan dalam reka bentuk *integrated circuit (IC design)* bertaraf global;
- iii. Menghubung rangkaian nilai antara sektor semikonduktor dan kenderaan elektrik (EV);
- iv. Mewujudkan pakatan dengan negara-negara ASEAN bagi mengintegrasikan rangkaian nilai sektor semikonduktor; dan
- v. Menetapkan topik R&D dan petunjuk prestasi utama (KPI) khusus yang berpaksi industri kepada universiti.

Selain itu, antara usaha-usaha Kerajaan Negeri juga adalah melalui peranan pelbagai agensi negeri dalam memberi khidmat fasilitasi untuk padanan kerja (*job matching*) dan fasilitasi lain-lain seperti:

- i. Pusat *Career Assistance and Talent* (CAT) Pulau Pinang mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya melalui *outreach programme* bersama Institusi Pengajian Tinggi bagi memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar dan juga pencari kerja di Malaysia, khususnya di Pulau Pinang tentang peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di negeri ini;
- ii. Pusat CAT merupakan sekretariat kepada program biasiswa *Penang Future Foundation* (PFF) yang merupakan program biasiswa yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada rakyat Malaysia yang majoritinya merupakan anak Pulau Pinang yang cemerlang dan layak untuk melanjutkan pengajian di Malaysia. Ini adalah salah satu inisiatif kerajaan negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab bakat. Setelah berjaya menamatkan pengajian sarjana yang ditaja, pemegang biasiswa dikehendaki bekerja di Pulau

- Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada di sektor swasta atau awam;
- iii. Pusat CAT melaksanakan jangkauan kepada agensi-agensi pekerjaan lain secara proaktif bagi memahami peluang-peluang pekerjaan yang aktif untuk dipanjangkan perkongsiannya kepada pencari kerja melalui laman sesawang serta *Facebook* Pusat CAT;
 - iv. Pusat CAT menjalinkan kerjasama dengan TalentCorp dalam mempromosikan program '*MyNext, Career Comeback*' dan sebagainya melalui *Facebook* Pusat CAT serta menyalurkan inkuiri daripada golongan yang disasarkan terus kepada pihak yang berkaitan bagi membantu mengisi kekosongan yang ada; dan
 - v. InvestPenang dengan kerjasama Penang Green Council (PGC) akan menganjurkan Persidangan dan Pameran *Environmental, Social, and Corporate Governance* (ESG) Pulau Pinang 2023 pada 21 dan 22 November di Olive Tree Hotel, Pulau Pinang untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan peserta tentang kepentingan amalan ESG, inisiatif dalam operasi perniagaan dan membuat keputusan.
23. Mengambil kira kes-kes penyakit jantung yang mendadak dalam beberapa tahun ini, adakah Kerajaan Pulau Pinang merancang untuk memasang 'Automated External Defibrillator' (AED) di semua tempat awam yang padat seperti sekolah, tempat rekreasi sukan dan tempat ibadah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Pelancaran dan Pemasangan 10 AED pertama di Pulau Pinang telah diadakan di Tingkat 3 KOMTAR oleh Ketua Menteri Pulau Pinang pada 4 September 2015. Bermula dari tarikh tersebut AED telah dipasang di beberapa tempat seperti berikut, iaitu di sekolah-sekolah, masjid, rumah ibadat, tempat rekreasi, tempat sukan serta kawasan-kawasan lain yang strategik. Sehingga kini terdapat lebih dari 160 unit AED telah ditempatkan di enempatan awam yang digunakan sebagai *Public Access Defibrillator* (PAD). Kos pemasangan AED tersebut adalah dari pelbagai sumber iaitu dari sumbangan individu, syarikat, sekolah, masjid dan Kerajaan Negeri.

Bukan itu sahaja, MBPP juga telah menggunakan Garis Panduan Penyediaan Alat Defibrilator Luaran Automatik (AED) Di Bawah Kawasan Pentadbiran MBPP yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2023. Melalui garis panduan ini, kategori premis yang disyaratkan untuk menyediakan kemudahan AED ini adalah seperti kompleks sukan, bangunan kerajaan/ awam, bangunan komersial, hab pengangkutan, kilang/ bangunan industri, kediaman/ bangunan berstrata melebihi 100 unit serta lain-lain premis yang dirasakan perlu oleh MBPP.

Bagi kawasan di bawah kuasa MBSP, pihak MBSP telah mengambil inisiatif pemasangan *Automated External Defibrillator* sebanyak 3 buah peranti di kawasan awam iaitu 1 buah di Menara Bandaraya, dan 2 buah di Kompleks Sukan Jalan Betek.

Walau bagaimanapun, pemasangan alat AED juga perlu mengambil kira kos bagi jangka masa panjang seperti kos penggantian bateri dan pad setiap kali sesebuah alat AED digunakan. Satu kajian menyeluruh berhubung lokaliti yang sesuai untuk pemasangan alat AED akan dijalankan oleh Jawatankuasa CPR-AED Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan pada 14 November 2023.

24. Dengan kenaikan inflasi pada tahun ini, apakah langkah-langkah kawalan yang dirangka oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan yang terkesan terutama golongan B40 dan M40 di negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang amat menggalakkan golongan B40 dan M40 untuk menceburi bidang pertanian. Terdapat bantuan dan insentif disediakan kepada para petani mahupun usahawan yang menceburi bidang pertanian. Di samping itu juga, para petani dan usahawan dibimbing supaya meningkatkan kemahiran bagi menjalankan projek pertanian dalam bidang tanaman dan pemprosesan makanan.

Selain itu, Jabatan Pertanian Negeri juga turut mempromosikan pertanian komuniti. Melalui pertanian komuniti, projek ini dijalankan oleh komuniti setempat secara berkumpulan. Tujuan pertanian komuniti adalah untuk menghasilkan hasil tanaman guna sendiri. Melalui cara ini, ia sedikit sebanyak membantu petani untuk mengurangkan belanja barangan atau sayur-sayuran untuk kegunaan di dapur.

Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM500,000.00 bagi program *Farmer- to-Farmer* kepada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang.

Sebanyak RM250,000.00 telah diperuntukkan bagi *Farmer- to-Farmer* Industri Asas Tani melibatkan 11 buah projek yang dilaksanakan secara berkumpulan dan 34 buah projek secara individu.

Bagi Program *Farmer-to-Farmer* Industri Tanaman, dianggarkan seramai 53 orang peserta atau penerima bantuan akan menerima manfaat melibatkan lapan (8) buah projek yang dilaksanakan secara berkumpulan dan individu dengan peruntukan sebanyak RM250,000.00.

Selanjutnya, Kerajaan Pulau Pinang terus membiayai Pas Mutiara yang menawarkan perjalanan percuma tanpa had untuk bas dan feri. Di samping itu, pembangunan rumah mampu milik oleh Kerajaan Negeri menjamin perumahan yang berkemampuan untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga memainkan peranan penting dalam menyokong inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menjalankan Program Jualan Rahmah (PJR) sebagai inisiatif bagi membantu golongan B40 dan M40 serta golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan barangan keperluan asas pada harga yang berpatutan. Jualan Rahmah ini menawarkan harga diskaun bermula daripada 10 sehingga 30 peratus lebih berpatutan daripada harga pasaran biasa. PJR yang dijalankan adalah berkonsep premium/terbuka dan dijangka berterusan di seluruh negeri sehingga Disember 2023. Selain konsep premium, PJR juga menyasarkan konsep bergerak (mobil) atau dalam premis.

Sepanjang Februari sehingga Oktober 2023, program ini telah dijalankan sebanyak 391 kali. Lokasi yang terbabit melibatkan 13 buah kawasan Parlimen yang merangkumi 40 Dewan Undangan Negeri (DUN).

25. Nyatakan dalam peratusan punca atau sebab yang menyumbang kepada Kadar Air Tidak Berhasil (Non Revenue Water NRW) bagi tahun 2022 dan 2023 seperti berikut:

- (i) paip bocor;
- (ii) kecurian air;

- (iii) 'write off' bayaran 'bill'; dan
- (iv) lain-lain sebab.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Kerajaan Negeri menerusi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah melaporkan bahawa Kadar Air Tidak Berhasil di Pulau Pinang adalah dibuat berpandukan “*IWA Water Balance*”. Komponen-komponen yang dilaporkan untuk pengiraan Kadar Air Tidak Berhasil ini adalah seperti berikut :

Komponen <i>IWA Water Balance</i>	2020	2022	2023 (Jan – Jun)
(i) <i>Unbilled Metered Consumption</i>	0.000%	0.000 %	0.000%
(ii) <i>Unbilled Unmetered Consumption – Flushing & BOMBA</i>	0.191%	0.265 %	0.205%
(iii) <i>Unauthorised Consumption – Illegal Connection</i>	1.066%	1.005%	0.957%
(iv) <i>Customer Metering Inaccuracies</i>	11.378%	9.810 %	9.887%
(v) <i>Physical / Real Losses</i>	87.365%	88.920%	88.950%
	100%	100%	100%

XII. Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Syn Tze) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri

1. Dragon Temple Lane atau kini dikenali sebagai Jalan Bagan Ajam telah wujud sejak sebelum Kemerdekaan Tanah Melayu. Nyatakan mengapa dan bila nama jalan ini ditukar kepada Jalan Bagan Ajam.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menamakan semula jalan ini sebagai Dragon Temple Lane?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri tidak mempunyai rekod atau maklumat berhubung mengapa dan bila nama jalan Dragon Temple Lane ditukar kepada Jalan Bagan Ajam. Lokasi jalan yang dimaksudkan adalah merupakan Jalan Persekutuan FT001 yang telah diwartakan sebagai Jalan Butterworth – Sungai Petani pada tahun 2021 dengan No. Warta P.U.(A)144-2021 dan tertakluk di bawah Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376].
 - (a) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menamakan semula jalan ini sebagai Dragon Temple Lane memandangkan jalan ini tertakluk kepada Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], di mana Jalan Persekutuan ialah jalan dalam mana-mana negeri yang telah diisytiharkan sebagai Persekutuan oleh Menteri Kerja Raya setelah rundingan dibuat dengan Kerajaan Negeri berkenaan. Selain itu, proses pertukaran nama sesuatu jalan akan menimbulkan kesulitan kerana melibatkan pertukaran alamat penduduk pada kad pengenalan, lesen kenderaan, lesen perniagaan serta alamat surat-menyurat.
2. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah kesesakan trafik pada waktu pagi dan petang di persimpangan Lingkaran Luar Butterworth (BORR) di Bagan Ajam?
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji semula dasar lalu lintas di kawasan tersebut dengan mewujudkan sistem lampu isyarat di persimpangan antara Jalan Raja Uda dan Permatang Tengah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri memandang serius berkaitan masalah kesesakan trafik yang berlaku di Negeri Pulau Pinang. Justeru bagi mengatasi masalah kesesakan trafik pada waktu pagi dan petang di persimpangan Lingkaran Luar Butterworth (BORR) di Bagan Ajam, kerajaan Negeri merancang untuk melaksanakan persimpangan bertingkat seperti kelulusan *Traffic Impact Assessment* bagi pembinaan *Third Link*. Walau bagaimanapun, pelaksanaan rancangan tersebut adalah bergantung kepada kelulusan peruntukan daripada Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Selanjutnya, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) / Lebuhraya Lingkaran Luar - Butterworth (LLB) akan mengkaji tindakan seperti berikut:

- i. Tindakan bagi jangka masa pendek
 - Pihak LLM / LLB dalam kajian untuk membina *triangle island* dan pelebaran jalan untuk belokan kiri dari arah Jalan Raja Uda ke *interchange* LLB arah Bagan Ajam.
 - ii. Tindakan bagi jangka masa panjang
 - Pihak LLM / LLB memberi cadangan kepada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk membina persimpangan bertingkat contohnya seperti *diamond interchange* dan pihak LLB akan mengagihkan kos pembinaan *pedestrian bridge* kepada JKR jika cadangan ini dipersetujui.
- (a) Kerajaan Negeri melalui pihak LLM / LLB telah mengkaji semula dasar lalu lintas di kawasan tersebut dengan cadangan mewujudkan sistem lampu isyarat di persimpangan antara Jalan Raja Uda dan Permatang Tengah. Walau bagaimanapun, pihak LLM / LLB memaklumkan cadangan pemasangan lampu isyarat berkenaan tidak dapat dipertimbangkan atas isu-isu seperti berikut:
- i. Mengganggu aliran trafik di laluan utama sekaligus akan mengakibatkan kesesakan dan menjejaskan tahap perkhidmatan (*level of service*) lebuhraya yang direkabentuk bagi kelajuan 80km/j;
 - ii. Faktor lebuhraya yang direkabentuk dengan aliran trafik tanpa gangguan (*free flow*) di laluan utama lebuhraya; dan
 - iii. Terdapat kemudahan pusingan-u yang selamat juga telah disediakan di lokasi berhampiran (600 meter) untuk kemudahan pengguna

3. Bumbung Pasar Awam Bagan Ajam mengalami kebocoran teruk dan telah menjejaskan ramai peniaga di kawasan berkenaan terutama pada waktu hujan. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperbaiki bumbung tersebut dan menaik taraf lain-lain prasarana di kawasan Pasar Awam Bagan Ajam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mengambil perhatian yang serius terutamanya bagi perkara yang melibatkan kebajikan peniaga-peniaga di Pulau Pinang. Bagi isu kebocoran teruk bumbung Pasar Awam Bagan Ajam, MBSP sedang melaksanakan kerja-kerja pembaikan bumbung di Pasar Awam Bagan Ajam yang dijadualkan akan siap pada 30 November 2023.

Selain itu, MBSP juga akan melaksanakan kerja-kerja menaik taraf lain-lain prasarana di kawasan Pasar Bagan Ajam seperti kerja-kerja pembaikan jalan, bahu jalan, pemasangan *railing* Orang Kurang Upaya (OKU) dan memperbaiki tandas yang dijadualkan telah bermula pada 1 November 2023.

4. Apakah rancangan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ketiadaan kawasan parkir kenderaan awam di Pasar Apollo Raja Uda, Butterworth sehingga menyebabkan kesesakan trafik akibat daripada banyak kenderaan yang parkir di bahu-bahu jalan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Penyediaan kawasan parkir kenderaan awam di Pasar Apollo Raja Uda, Butterworth telah disediakan secara optimum. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah kekurangan kawasan parkir kenderaan awam di kawasan tersebut.

Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) juga telah melaksanakan beberapa tindakan segera bagi mengatasi masalah ketiadaan kawasan parkir kenderaan awam di Pasar Apollo Raja Uda adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan jalan sehalu dengan menyediakan tempat letak kenderaan (TLK) yang maksimum bagi melancarkan pergerakan aliran lalu lintas; dan
 - ii. Melaksanakan aktiviti pelebaran jalan/membuang bahu jalan dengan tujuan mewujudkan TLK yang maksimum di sepanjang jalan bagi mengelakkan perletakan kenderaan yang menghalang aliran lalu lintas.
5. Pasar Apollo Raja Uda, Butterworth merupakan antara pasar awam yang terbesar di Seberang Perai Utara tetapi ia tidak dilengkapi kemudahan tandas awam. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina dan mewujudkan tandas awam di Pasar Apollo Raja Uda untuk kemudahan ramai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pasar Apollo Raja Uda atau dikenali sebagai Pasar Awam Apollo Jalan Bunga Raya terletak di atas tapak penempatan sementara yang bukan dikhaskan untuk pembinaan pasar awam. Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk membina kemudahan tandas awam di lokasi tersebut kerana hasil daripada pemantauan dan penelitian pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mendapati bahawa lokasi tersebut tidak bersesuaian kerana lokasi yang memanjang dan sempit.
6. Banyak kenderaan berat yang mengambil laluan pintas keluar masuk melalui kawasan perumahan Taman Sri Pinang, Sungai Puyu untuk akses ke kawasan perindustrian di Jalan Kampung Tok Sani sehingga menyebabkan kegusaran ramai penduduk.
Apakah rancangan Kerajaan Negeri supaya semua kenderaan berat boleh akses ke laluan alternatif dan bukan di kawasan perumahan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Rancangan Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi memastikan semua kenderaan berat boleh akses ke laluan alternatif dan bukan di kawasan perumahan adalah dengan mencadangkan 1 (satu) jajaran jalan baharu yang mempunyai kelebaran 100 kaki di dalam Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 (DRTSP2030) bagi laluan alternatif ke kawasan perindustrian di mana ia akan melalui Jalan Kampung Tok Sani ke Jalan Bagan Lalang. Sekiranya draf ini diluluskan oleh Kerajaan Negeri, MBSP seterusnya akan mensyaratkan pembinaan jalan ini kepada pemaju bagi pembangunan baharu yang mengemukakan permohonan kebenaran merancang kepada pihak MBSP.

7. Program penyusuan susu ibu khas untuk ibu-ibu yang baru melahirkan anak telah mendapat sambutan menggalakkan di sekitar Sungai Puyu. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperluaskan skop program seperti ini untuk ibu-ibu baru melahirkan bayi di seluruh negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Polisi Penyusuan Susu Ibu Malaysia memberi penekanan supaya bayi yang dilahirkan diberi susu ibu sehingga mencapai umur dua (2) tahun. Selaras dengan ini, aspek pendidikan, bantuan dan sokongan kepada ibu diberikan di peringkat klinik, hospital serta komuniti bermula dari waktu kehamilan sehinggalah bayi berumur dua (2) tahun. Advokasi sokongan ini diberikan kepada ibu melahirkan bayi oleh anggota kesihatan semasa pemeriksaan mengandung, kelahiran bayi, jagaan wad, pemeriksaan *postnatal* dan lawatan ke rumah ibu selepas melahirkan bayi.

Data Kajian Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2016, menunjukkan 15.2% bayi berumur kurang enam(6) bulan di Pulau Pinang menerima susu ibu secara eksklusif. Namun, pencapaian ini masih rendah jika dibandingkan dengan sasaran Pelan Tindakan PemakananKebangsaan (NPANM) dan *Global Nutrition Target* (GNT) iaitu 70%. Manakala data pengawasan tahunan bagi penyusuan susu ibu di kalangan bayi berumur enam (6) bulan yang hadir ke klinik kesihatan di Pulau Pinang bagi tahun 2022 menunjukkan sebanyak 64.4% bayi menerima susu ibu secara eksklusif sehingga berumur enam (6) bulan. Bagi meningkatkan amalan penyusuan susu ibu ini, sokongan dan bantuan kepada ibu yang melahirkan bayi amatlah penting dan memberi impak yang berkesan. Program dan sokongan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada ibu menyusu akan diteruskan dan diperluaskan untuk memberi manfaat kepada semua ibu yang melahirkan bayi di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri berkomited untuk mengembangkan program advokasi penyusuan ibu, khususnya bagi ibu-ibu yang baru melahirkan anak. Dalam usaha ini, kerajaan akan terus bekerjasama dengan erat dengan pelbagai pihak untuk mempromosikan manfaat inisiatif ini serta akan diperluas dengan melibatkan lebih banyak NGO sebagai rakan strategik.

8. Banyak longkang konkrit di kawasan perumahan sekitar DUN Sungai Puyu sudah rosak dan cepat dilimpahi air ketika hujan lebat khasnya di Taman Bunga Raya dan Taman Lucky. Adakah sistem perparitan ini akan diselenggara dan direka bentuk semula bagi mengurangkan risiko banjir kilat? (a) Jika ya, nyatakan bila ia akan dilaksanakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sistem perparitan di Taman Bunga Raya dan Taman Lucky akan diselenggara dan direkabentuk semula oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi mengurangkan risiko banjir kilat di kawasan tersebut.

(a) Projek menaik taraf perparitan di Taman Bunga Raya kini sedang berjalan di tapak dan dijangka siap pada 5 Disember 2023. Manakala, kerja pengukuran aras dan pemetaan utiliti sedang dijalankan bagi mendapatkan data teknikal di tapak bagi tujuan penyediaan cadangan penaiktarafan perparitan sedia ada di Taman Lucky. Kerja awalan ini dijangka siap pada 22 November 2023. Projek penaiktarafan perparitan di Taman Lucky dijangka akan dilaksanakan pada Jun 2024 dengan menggunakan peruntukan Akaun Amanah Caruman Perparitan.

9. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaik taraf sistem pembedungan awam Mak Mandin (Rujukan SPI228)? Kerana kejadian 'sinkhole' (lubang benam) yang berlaku di Bagan Lalang pada baru-baru ini juga difahamkan ada kaitan dengan kelemahan pada SPI228 IWK yang hanya mampu menampung 65,000 PE dan kini hendak menampung pula penduduk lebih 127,000 orang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Cadangan menaik taraf loji rawatan kumbahan sedia ada dan sistem rangkaian paip pembedungan awam di Mak Mandin (SPI228) telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) di bawah kelolaan Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP). Projek ini telah ditender dan dijangka akan ditawarkan pada awal tahun 2024. Pada masa kini, kerja-kerja awalan iaitu penyiasatan tanah di tapak sedang dijalankan oleh pihak yang dilantik JPP.

Kejadian lubang terbenam (*sinkhole*) tidak berkaitan dengan kapasiti paip pembedung mahupun loji rawatan kumbahan sedia ada seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak. Hasil siasatan yang telah dijalankan mendapati ia adalah berpunca daripada pemendapan tanah yang disebabkan oleh aliran air bawah tanah yang tinggi dan seterusnya menyebabkan paip pembedung kendur dan rosak.

10. Banyak loji kumbahan sudah tidak digunakan dan tangki septik telah disambung terus dengan stesen di Sungai Nyior. Jika loji lama ini dibiarkan, ia boleh menyebabkan pembiakan jentik-jentik. Berapakah loji yang tak digunakan di sekitar Parlimen Bagan?
 - (a) Adakah ia akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk pemajuan semula kawasan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Bilangan loji yang telah dinyahtauliahkan (*decommissioned*) di sekitar Parlimen Bagan adalah sebanyak 26 buah loji. 20 loji adalah milik Indah Water Konsortium (IWK) dan loji-loji tersebut telah disambungkan ke Loji Rawatan Kumbahan Serantau Butterworth North (Mak Mandin - SPI228) bukan disambungkan ke Loji Rawatan Kumbahan Serantau Butterworth South (Sungai Nyior- SPI503), manakala enam (6) buah loji adalah milik Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula telahpun dilupuskan bagi tujuan RIBI.
 - (a) Buat masa ini, masih terdapat tapak bekas loji dibawah milikan Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP). Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan bagi pemajuan semula loji yang tidak digunakan, Kerajaan Negeri perlu membuat permohonan kepada JPP bagi urusan penyerahan tanah dan pemajuan semula tanah loji yang telah dinyahtauliahkan kerana tanah tersebut telah dirizabkan untuk tujuan pembedungan sahaja.

11. Banyak pokok di kawasan perumahan dan bahu-bahu jalan sekitar DUN Sungai Puyu sudah berusia lama dan mereput. Adakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan program penanaman semula dengan menebang semua pokok lama bagi mengelak insiden pokok tumbang pada rumah, kenderaan ataupun mengenai mana-mana orang yang boleh menyebabkan kecederaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri sememangnya prihatin terhadap isu pokok tumbang yang boleh mendatangkan bahaya kepada harta benda dan mengundang kecederaan kepada orang awam. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengambil langkah proaktif dengan menjalankan penilaian secara berkala ke atas pokok-pokok yang berisiko dan perlu ditebang. Pada masa yang sama, pihak MBSP juga sedang giat menjalankan penanaman semula pokok-pokok melalui pelaksanaan program penghijauan bersama agensi kerajaan dan swasta, institusi-

institusi pendidikan dan pengajian tinggi serta badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di seluruh Seberang Perai.

Selain itu, MBSP juga telah mensyaratkan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta untuk membuat penggantian semula pokok-pokok yang telah ditebang sekiranya kawasan tersebut terlibat dengan pembangunan projek terutamanya di DUN Sungai Puyu selaras dengan Garis Panduan Untuk Penebangan, Penggantian, Ubah tanam dan Pengekalan pokok MBSP.

12. Taman Mesra, Bagan Lalang merupakan projek penswastaan oleh Kerajaan Negeri di atas tanah berkeluasan lebih 30 ekar. Sedarkah kita bahawa sehingga kini semua pembeli belum mendapat Hak Milik Strata dan kawasan perumahan ini juga berdepan cabaran kemungkinan 'sinkhole' disebabkan permasalahan sistem IWK. Apakah rancangan Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Skim pembangunan Taman Mesra, Bagan Lalang adalah merupakan projek perumahan di bawah program penswastaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada 23 blok rumah kediaman berbilang tingkat kos rendah dengan 816 petak. Sijil layak menduduki telah dikeluarkan secara berperingkat mulai 12 Mei 1990, 5 Disember 1990, 28 November 1991 dan 30 April 1992.

Tanah lot-lot ini dipegang di bawah hakmilik Pajakan Negeri dan pemilik berdaftar ialah *State Secretary, Penang Incorporated (SSI)*.

Urusan permohonan hakmilik strata bagi skim perumahan tersebut sepatutnya dilaksanakan oleh pihak pemaju melalui Jurukur Tanah Berlesen yang dilantik. Walau bagaimanapun, hakmilik strata masih belum didaftar dan dikeluarkan berikutan pemaju (Pembangunan Mesra Sdn. Bhd.) telahpun digulungkan pada 6 September 2018 (No. Insolvensi: LC002158/2017) berdasarkan semakan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia Pulau Pinang dan Jabatan Insolvensi Malaysia.

Perjanjian Pembangunan di antara *The Government of The State of Penang* dan Pembangunan Mesra Sdn. Bhd. (pemaju) telah ditandatangani pada 12 Oktober 1986. Merujuk kepada perjanjian berkenaan, *Proprietor* adalah merujuk kepada pemilik tanah iaitu SSI. Sehubungan itu, adalah menjadi obligasi pemilik tanah untuk meneruskan proses permohonan pengeluaran hakmilik strata bagi projek Taman Mesra tersebut setelah pemaju didapati telah digulungkan.

Berkenaan dengan isu lubang benam (*sinkhole*) di kawasan tersebut, pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) adalah disarankan dengan segera untuk membuat semakan dan melantik kontraktor bertauliah supaya dapat mengenalpasti punca terhadap permasalahan tersebut. Memandangkan kepakaran bagi pembentungan adalah di bawah seliaan pihak Indah Water Konsortium (IWK), maka adalah disyorkan supaya pihak JMB berhubung dengan pihak IWK untuk khidmat nasihat dan konsultasi selanjutnya.

13. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan satu kawasan khas pelepasan abu mayat ke dalam laut sebagai tanda penghormatan terakhir bagi ahli keluarga penganut agama Hindu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (JPBD) sedang melaksanakan Kajian Perancangan Kemudahan Tapak Perkuburan Islam dan Agama Selain Islam di Negeri Pulau Pinang yang diterajui oleh

Pasukan Perunding SD REKA. Salah satu output kajian ini adalah Garis Panduan Kemudahan Tapak Perkuburan Agama Islam Dan Agama Selain Islam Bagi Negeri Pulau Pinang.

Dalam konteks penyediaan kawasan khas pelepasan abu mayat ke dalam laut, kajian ini akan memperincikan kaedah-kaedah prosedur yang lebih jelas dan secara moden terhadap proses pengurusan mayat ataupun abu mayat. Ini adalah selaras dengan pembentukan garis panduan yang meliputi komponen seperti berikut:

- i. Keperluan dan kaedah penyediaan mengikut etnik dan kepercayaan agama;
- ii. Adat dan budaya pengurusan kematian seperti upacara pengebumian, upacara pembakaran mayat dan lain-lain;
- iii. Struktur binaan yang sesuai dengan mengambil kira lokasi, saiz binaan dan ruang yang perlu disediakan; dan
- iv. Impak kepada perancangan pemajuan bandar, kawalan pembangunan serta persekitaran.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *outcome* kajian ini akan menyediakan mekanisme dan panduan pengurusan mayat / abu mayat yang lebih holistik dengan menjaga sensitiviti adat budaya semua lapisan masyarakat di Pulau Pinang.

Pada waktu ini, pihak Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang telah menyediakan empat (4) tapak *kirigai* (kawasan khas pelepasan abu mayat ke dalam laut) di Pulau Pinang iaitu:

- i. Bersebelahan kuil Kadakarai Muniswarar, Sungai Prai, Seberang Prai;
- ii. Jalan Solok York, George Town;
- iii. Satu (1) Plot di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu; dan
- iv. Dua (2) Plot di Jalan Teluk Bahang.

14. Di kawasan Parlimen Bagan sedang rancak pembangunan perumahan kos rendah dan sederhana rendah. Dalam kerancangan pembangunan ini, tidak ada satu pun tapak khusus untuk penyimpanan mayat bukan Islam sebelum dibawa ke tanah perkuburan. Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk menyediakan satu tempat 'funeral' di kawasan Parlimen Bagan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (JPBD) sedang melaksanakan Kajian Perancangan Kemudahan Tapak Perkuburan Islam dan Agama Selain Islam di Negeri Pulau Pinang yang diterajui oleh Pasukan Perunding SD REKA.

Matlamat kajian ini adalah untuk dijadikan sebagai panduan kepada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membuat pertimbangan dan keputusan perancangan serta mengawal penyediaan tapak perkuburan yang meliputi Islam dan agama selain Islam sehingga tahun 2050. Kubur selain Islam yang akan dikaji adalah jirat Cina, kubur Kristian, kubur India, kubur Siam, krematorium dan *columbarium* serta stupa iaitu tempat penyimpanan abu mayat.

Data awal kajian ini mendapati tiada jumlah khusus tempat pelaksanaan upacara ini memandangkan kebanyakan upacara dilaksanakan di tempat ibadat mengikut agama. Walau bagaimanapun, kajian ini akan memperincikan jumlah, taburan dan jenis tempat upacara untuk memastikan data-data yang diperolehi dapat digunakan sebagai

maklumat dan perancangan masa hadapan kelak termasuk penyediaan satu tempat *funeral* di kawasan Bagan.

Selain ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sedang mengusahakan Pembinaan Krematorium Awam di Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Krematorium awam ini adalah inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyediakan perkhidmatan pembakaran mayat kepada penganut agama selain Islam pada kadar pembayaran yang lebih rendah dan mesra rakyat. Penawaran kemudahan dan perkhidmatan sedemikian adalah untuk meringankan beban waris B40 yang terpaksa menanggung kos pembakaran mayat yang tinggi.

15. Apakah situasi dan statistik kes penagihan dadah di Pulau Pinang khususnya di kawasan Seberang Perai Utara?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan membina satu jajaran tepi laut di antara Telok Ayer Tawar dan Kuala Muda bagi memudahkan rondaan PDRM dalam usaha membanteras aktiviti penagihan dadah di kawasan persisiran pantai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), situasi kes penagihan dadah di Pulau Pinang khususnya di Seberang Perai Utara adalah terkawal. Sebanyak 1,979 kes penagihan dadah telah dibuka dan 2,327 tangkapan telah dilakukan bagi tempoh Januari - September 2023.

Berdasarkan rekod Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan agensi berkaitan seperti pihak PDRM, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Pemulihan Dadah Persendirian, jumlah penyalah guna dan penagih dadah serta bahan di Pulau Pinang sehingga Jun tahun 2023 yang dianggarkan adalah sebanyak 8,399 kes. Manakala jumlah penyalah guna dan penagih dadah serta bahan di Daerah Seberang Perai Utara ialah sebanyak 1,708 kes.

Pecahan mengikut kategori dadah di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- i. Dadah jenis *Amphetamine-Type-Stimulant* (Methamphetamine crystalline & tablet, Ecstasy dan Amphetamine) sebanyak 4,862 kes atau 57.9%;
- ii. Dadah jenis Opiat (Heroin, Morfin dan Candu) sebanyak 3,020 kes atau 36%;
- iii. Dadah jenis Ganja (Marijuana) sebanyak 304 kes atau 3.6%;
- iv. Dadah jenis lain-lain (Kratom, Depression, Dissociative, Hallucinogens & Inhalant) sebanyak 95 kes atau 1.1%; dan
- v. Psikotropik (Erimin 5, Benzodiazepine & Psikotropik) sebanyak 118 kes atau 1.4%.

Pecahan mengikut kategori dadah di Daerah Seberang Perai Utara adalah seperti berikut:

- i. Dadah jenis *Amphetamine-Type-Stimulant* (Methamphetamine crystalline & tablet, Ecstasy dan Amphetamine) sebanyak 950 kes atau 55.6%;
- ii. Dadah jenis Opiat (Heroin, Morfin dan Candu) sebanyak 710 kes atau 41.6%;
- iii. Dadah jenis Ganja (Marijuana) sebanyak 29 kes atau 1.7%;
- iv. Dadah jenis lain-lain (Kratom, Depression, Dissociative, Hallucinogens & Inhalant) sebanyak 11 kes atau 0.6%; dan
- v. Psikotropik (Erimin 5, Benzodiazepine & Psikotropik) sebanyak 8 kes atau 0.5%.

Berdasarkan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIPPP), pihak Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk membina jajaran jaringan jalan raya baharu di kawasan pesisir pantai/ tepi laut di antara Teluk Air Tawar dan Kuala Muda.

16. Berapakah jumlah rumah kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik yang telah dibina di seluruh Pulau Pinang mengikut pecahan daerah dan DUN?
- (a) Daripada jumlah itu, berapakah projek perumahan yang sudah, belum dan gagal menerima Hak Milik Strata?
- (b) Apakah halangan yang dihadapi dalam permohonan Hak Milik Strata?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sehingga tarikh berakhir 23 Oktober 2023, sebanyak 154,094 unit rumah mampu milik (RMM) merangkumi unit rumah kos rendah (RMM A), kos sederhana rendah (RMM B) dan kos sederhana (RMM C) dapat dibekalkan kepada rakyat Pulau Pinang yang terdiri daripada pelbagai peringkat pembangunan merangkumi 51,250 unit bagi projek yang telah siap dibina, 20,249 unit dalam pembinaan dan 82,595 unit dalam peringkat perancangan. Perincian unit yang telah siap dibina mengikut daerah adalah seperti berikut:-

DATA PECAHAN RMM A, B DAN C BAGI PROJEK YANG TELAH DIBINA DI SELURUH PULAU PINANG MULAI TAHUN 2018 HINGGA 23 OKTOBER 2023

JENIS DAERAH/RMM	RMM A	RMM B	RMM C
Daerah Timur Laut	1,529	11,817	5,723
Daerah Barat Daya	6,873	1,327	2,761
Daerah Seberang Perai Utara	7,787	1,589	2,088
Daerah Seberang Perai Selatan	4,086	778	2,007
Daerah Kubang Kerang	4,704	822	871
JUMLAH	29,689	18,033	18,098

- (a) Sebanyak 170 projek perumahan RMM yang telah siap dibina di seluruh negeri Pulau Pinang daripada tahun 2018 sehingga 23 Oktober 2023 adalah merangkumi 128 projek perumahan berbilang tingkat (strata) dan 42 projek perumahan atas tanah (landed). Sebanyak 79 daripada 128 projek perumahan berstrata tersebut telah didaftarkan dan dikeluarkan hakmilik strata, manakala baki sebanyak 49 projek perumahan berstrata yang masih belum didaftarkan hakmilik strata adalah kerana masih dalam proses kerja-kerja pengeluaran hakmilik strata atau belum lagi dikemukakan permohonan kepada Pejabat Tanah dan Galian (PTG).

Perincian projek yang telah dan belum dikeluarkan hakmilik strata adalah seperti berikut:-

MULIAHILANG MELINTAS						
No.	Tahun	Uraian	Nilai RM	Jumlah	Uraian	Unit
1	2008	Tanah Melintang	100,000.00	1	Lot 10	Lot
2	2008	Tanah Bukit Mertajam	100,000.00	1	Lot 10	Lot
3	2008	Tanah Bukit Mertajam	100,000.00	1	Lot 10	Lot
4	2008	Tanah Bukit Mertajam	100,000.00	1	Lot 10	Lot
5	2008	Tanah Bukit Mertajam	100,000.00	1	Lot 10	Lot
6	2008	Tanah Bukit Mertajam	100,000.00	1	Lot 10	Lot
7	2008	Tanah Bukit Mertajam	100,000.00	1	Lot 10	Lot
8	2008	Tanah Bukit Mertajam	100,000.00	1	Lot 10	Lot
9	2008	Tanah Bukit Mertajam	100,000.00	1	Lot 10	Lot
10	2008	Tanah Bukit Mertajam	100,000.00	1	Lot 10	Lot
11	2008	Tanah Bukit Mertajam	100,000.00	1	Lot 10	Lot
12	2008	Tanah Bukit Mertajam	100,000.00	1	Lot 10	Lot
13	2008	Tanah Bukit Mertajam	100,000.00	1	Lot 10	Lot
14	2008	Tanah Bukit Mertajam	100,000.00	1	Lot 10	Lot
15	2008	Tanah Bukit Mertajam	100,000.00	1	Lot 10	Lot
16	2008	Tanah Bukit Mertajam	100,000.00	1	Lot 10	Lot
17	2008	Tanah Bukit Mertajam	100,000.00	1	Lot 10	Lot
18	2008	Tanah Bukit Mertajam	100,000.00	1	Lot 10	Lot
Jumlah			1,000,000.00	18		

MULIAHILANG MELINTAS						
No.	Tahun	Uraian	Nilai RM	Jumlah	Uraian	Unit
19	2012	Melintang	100,000.00	1	Lot 10	Lot
20	2012	Melintang	100,000.00	1	Lot 10	Lot
21	2012	Melintang	100,000.00	1	Lot 10	Lot
22	2012	Melintang	100,000.00	1	Lot 10	Lot
23	2012	Melintang	100,000.00	1	Lot 10	Lot
24	2012	Melintang	100,000.00	1	Lot 10	Lot
25	2012	Melintang	100,000.00	1	Lot 10	Lot
26	2012	Melintang	100,000.00	1	Lot 10	Lot
27	2012	Melintang	100,000.00	1	Lot 10	Lot
28	2012	Melintang	100,000.00	1	Lot 10	Lot
Jumlah			1,000,000.00	18		

(b) Beberapa halangan atau punca kegagalan yang dikenal pasti dalam permohonan hakmilik strata kepada PTG adalah seperti berikut:

- i. Isu tanah yang melibatkan penyatuan tanah, pecah sempadan tanah, gadaian, kaveat, cukai tanah tertunggak, tukar syarat tanah dan lain-lain. Cadangan penyelesaiannya adalah pemilik tanah hendaklah memastikan tanah bebas daripada bebanan dan tanggungan tanah, oleh yang demikian pemilik tanah perlu membuat permohonan tanah (penyatuan tanah, pecah sempadan tanah, tukar syarat tanah dan lain-lain) kepada Pentadbir Tanah, memastikan gadaian dilepaskan oleh bank/institusi kewangan dan menyelesaikan cukai tanah tertunggak;
- ii. Isu pemilik/pemaju yang digulungkan, tidak dapat dikesan, masalah kewangan dan masalah pengurusan. Cadangan penyelesaiannya adalah pemilik tanah perlu melantik Arkitek dan Jurukur Tanah Berlesen (JTB) bagi penyediaan *As-Built Plan* dan kerja-kerja ukur pengeluaran hakmilik strata bagi projek berkaitan. Sekiranya pemaju digulungkan, semakan perlu dibuat dengan Jabatan Insolvency Malaysia bagi mendapatkan maklumat pemaju penyelamat bagi projek tersebut; dan
- iii. Isu bangunan termasuklah pelan bangunan hilang, terkeluar sempadan lot, tiada Kebenaran Merancang (*Planning Approval*), *Development Order* (DO) atau tiada *Certificate of Fitness* (CF). Cadangan penyelesaian adalah pemilik tanah boleh membuat semakan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi pelan bangunan dalam simpanan PBT atau melantik Arkitek bagi penyediaan *As-Built Plan* baharu. Pemilik tanah juga bolehlah membuat permohonan Kebenaran Merancang dan lain-lain urusan berkaitan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

17. Apakah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam permohonan Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP)?

(a) Nyatakan tempoh masa yang diperuntukkan untuk kelulusan sesuatu permohonan.

- (b) Apakah garis panduan dan susun atur masa bagi permohonan pembaikan bumbung, lif, tangki air dan pengecatan semula bangunan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Pulau Pinang (TPM80PP) telah ditubuhkan pada 2013 bagi membantu pembiayaan kos penyelenggaraan oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Badan Pengurusan (MC) di skim perumahan berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah. Setiap tahun, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM6,800,000.00 bagi TPM80PP. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam TPM80PP adalah untuk memastikan peruntukan tersebut dibelanjakan sepenuhnya bagi membantu kerja-kerja penyelenggaraan di skim perumahan berstrata swasta yang layak.

- (a) Kerajaan Negeri komited untuk membantu membaiki kerosakan yang dialami oleh sesuatu skim perumahan. Secara umumnya, tempoh masa yang diambil untuk meluluskan sesuatu projek adalah bergantung kepada senarai menunggu yang ada dan sumber peruntukan sedia ada. Ini bermaksud senarai menunggu akan mempengaruhi tempoh kelulusan sesuatu permohonan lengkap. Berdasarkan kepada sumber peruntukan yang terhad serta 134 permohonan yang berada di dalam senarai menunggu, adalah dianggarkan tempoh kelulusan setiap permohonan adalah selama 18 ke 24 bulan.

Setiap permohonan bagi tujuan penyelenggaraan suatu skim perumahan berstrata yang diterima oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang akan diteliti kelayakannya dan akan dilaksanakan mengikut keutamaan dan senarai menunggu dalam tempoh yang ditetapkan. Kerajaan Negeri meluluskan permohonan TPM80PP berdasarkan peratusan pembiayaan mengikut skop kerja seperti berikut:-

SKOP-SKOP KERJA	HARGA BELIAN ASAL SEUNIT RUMAH	PERATUS PEMBIAYAAN	
		KERAJAAN	JMB/MC
*Semua Kecuali Cat & Turap Jalan	RM100,000.00 ke bawah	80%	20%
*Semua Kecuali Cat & Turap Jalan	RM100,001.00 – RM150,000.00	60%	40%
Mengecat	RM150,000.00 ke bawah	20%	80%
Penurapan Jalan	RM150,000.00 ke bawah	20%	80%
Tembok Batu/Pagar	RM150,000.00 ke bawah	60%	40%

**Semua adalah merangkumi kerja-kerja pembaikan lif, tangki air dan bumbung.*

18. Khinzir merupakan antara makanan penting bagi orang bukan Islam. Terkini kita dapati banyak aduan, masalah alam sekitar, kekotoran dan bau. Apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk jangka masa panjang dan pendek bagi mengatasi perkara ini kerana ia antara keselamatan makanan yang sangat penting selain ayam dan daging untuk kaum bukan Islam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi projek *Silicon Island* telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Putrajaya pada 11 April 2023. Terdapat sebanyak 71 syarat kelulusan laporan EIA telah diberikan yang terbahagi kepada sub-bahagian yang merangkumi penyediaan Laporan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) yang telah diluluskan dan diperakukan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang pada 21 Julai 2023, konsep dan reka bentuk projek, kawalan aktiviti penebusgunaan tanah dan pengorekan, kawalan hakisan dan kelodakan, kawalan dan pengawasan kualiti air, kawalan dan pengawasan kualiti udara, kawalan dan pengawasan bunyi bising, kawalan dan pengawasan garis pantai dan hidrografi, pengendalian bahan kimia, petroleum dan bahan buangan, kawalan dan pencegahan, kawalan keselamatan dan kecemasan, pelan peralihan/ penyelenggaraan/ penangguhan/ penutupan/ penamatan dan pemulihan projek, audit alam sekeliling, pelaporan, dan pentadbiran.

- (a) Agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan projek *Silicon Island* ini ialah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang bagi memantau pematuhan syarat EIA yang telah ditetapkan dan berhak untuk mengeluarkan arahan memberhentikan kerja (*stop-work order*) sekiranya berlaku pelanggaran syarat. Di samping itu, agensi-agensi kerajaan lain yang turut terlibat dalam pemantauan kepada pelaksanaan projek *Silicon Island* ini termasuklah Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang, PlanMalaysia@Pulau Pinang, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, Pasukan Polis Marin Wilayah 1, Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, dan Jabatan Mineral & Geosains.

Penggerak Projek turut melantik juruaudit alam sekitar yang berdaftar dengan JAS untuk menjalankan audit alam sekeliling setiap tiga (3) bulan sekali sepanjang pembangunan projek *Silicon Island*. Penggerak Projek perlu mengemukakan Borang Pelaporan Pematuhan Syarat Kelulusan EIA (borang EIA 2-18) setiap tiga (3) bulan sekali kepada JAS Negeri Pulau Pinang. Selain itu, pihak penggerak projek juga bertanggungjawab untuk memantau pematuhan syarat-syarat EIA ini melalui pelaksanaan langkah-langkah kawalan alam sekitar.

- (b) Sekiranya berlaku pelanggaran syarat yang telah ditetapkan, orang awam boleh melaporkan kepada JAS Pulau Pinang melalui aduan rasmi ke pejabat JAS Pulau Pinang, atau melalui portal aduan rasmi JAS di <https://eaduan.doe.gov.my/> dan aplikasi mudah alih 'myJAS Aduan'. Penggerak Projek turut menyediakan talian *hotline* yang boleh dihubungi melalui 1300-88-9700 atau melaporkan secara terus ke sistem PANTAS bagi sebarang aduan sekiranya terdapat ketidakpatuhan terhadap pelaksanaan projek *Silicon Island* ini.

12. Berapakah jumlah nelayan yang terkesan disebabkan oleh projek 'Silicon Island' mengikut unit nelayan?
- Senaraikan jenis pampasan dan jumlah tunai yang telah dan akan diterima oleh nelayan.
 - Apakah syarat untuk menerima pampasan ini?
 - Adakah bilangan nelayan yang terima pampasan ini berkurang disebabkan pengecilan saiz projek ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Pulau Pinang (DOF) telah mengemukakan senarai nelayan di kawasan Pulau Pinang Selatan seramai 952 nelayan yang berdaftar dari unit-unit nelayan yang layak menerima manfaat daripada pakej skim Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) adalah seperti berikut:

Tahap (Tier)	Unit Nelayan	Jumlah (orang)
1	Permatang Tepi Laut	117
	Sungai Batu	106
	Teluk Kumbar	145
	Gertak Sanggul	129
	Jumlah Tahap 1	497
2	Batu Maung	129
	Teluk Tempoyak	69
	Seri Jerjak	69
	Pulau Betong	149
	Kuala Sungai Burong	39
	Jumlah Tahap 2	455
Jumlah Keseluruhan		952

- Skim SIMP menawarkan manfaat kepada nelayan yang layak adalah seperti berikut:
 - Bantuan kewangan (*ex-gratia*);
 - Bantuan bot dan enjin (untuk 316 tekong Tahap 1 sahaja);
 - Kemudahan jeti (untuk unit nelayan Permatang Tepi Laut sahaja);
 - Peluang latihan dan peningkatan kemahiran;
 - Peluang pekerjaan;
 - Peluang perniagaan;
 - Sokongan pendidikan (untuk anak nelayan); dan
 - Keutamaan bagi pendaftaran rumah mampu milik (bagi membantu nelayan yang belum memiliki rumah sendiri).

Jumlah *ex-gratia* yang layak diterima oleh nelayan adalah bergantung kepada status nelayan sebagai pemilik vessel (bot) atau awak-awak dan lokasi unit nelayan di kawasan

Tahap 1 atau 2 yang merangkumi kawasan 5 km *radius* daripada tapak projek. Nelayan Tahap 1 ditawarkan jumlah bantuan kewangan yang lebih tinggi kerana nelayan-nelayan terlibat beroperasi lebih dekat dengan tapak *Silicon Island*. Butiran jumlah *ex-gratia* yang ditawarkan kepada nelayan adalah seperti berikut:

Kategori Nelayan	Nilai Kuantum yang dipersetujui oleh MMKN (RM)			
	Tahap 1 (Tier 1)		Tahap 2 (Tier 2)	
Tekong	20,000.00		13,200.00	
	Fasa 1 (75%)	Fasa 2 (25%)	Fasa 1 (75%)	Fasa 2 (25%)
	15,000.00	5,000.00	9,900.00	3,300.00
Awak-Awak	12,960.00		5,400.00	
	Fasa 1 (75%)	Fasa 2 (25%)	Fasa 1 (75%)	Fasa 2 (25%)
	9,720.00	3,240.00	4,050.00	1,350.00

Nelayan akan menerima *ex-gratia* secara dua peringkat bayaran, iaitu peringkat pertama sebanyak 75 peratus dan peringkat kedua sebanyak 25 peratus. Bagi nelayan yang telah mendaftar dengan SIMP, pembayaran 75 peratus telah bermula pada bulan September 2023 dan pembayaran diteruskan secara berfasa sehingga selesai. Pembayaran bagi baki 25 peratus dijadualkan untuk bermula pada suku pertama tahun 2024 dan dijangka selesai pada suku kedua tahun 2024.

Bagi nelayan kes istimewa yang tidak berdaftar bagi pakej SIMP Kerajaan Negeri yang dibuka pada tahun 2021 dan jika layak, pembayaran 75 peratus dijangka akan dibuat mulai hujung suku kedua tahun 2024 manakala baki 25 peratus akan dibayar pada penghujung tahun 2024. Walau bagaimanapun, keputusan pembayaran bagi kes istimewa ini akan diputuskan oleh Kerajaan Negeri dalam masa terdekat ini dengan pengumpulan data yang lengkap serta selepas merujuk pengesahan daripada agensi-agensi yang berkaitan.

Sehingga 31 Oktober 2023, seramai 266 nelayan yang layak telah menerima pembayaran *ex-gratia* yang pertama sebanyak 75 peratus berdasarkan kategori masing-masing.

- (b) Semua nelayan aktif dari sembilan (9) unit nelayan di kawasan Tahap 1 dan 2 adalah layak mendaftar dan menerima manfaat SIMP. Namun, nelayan haruslah daripada senarai yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang dan dapat mengemukakan dokumen sokongan yang diperlukan seperti kad pendaftaran nelayan dan buku lesen vessel untuk proses semakan dan penentusahan oleh Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) dan Jabatan Negeri Pulau Pinang. Nelayan yang dapat mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap akan menerima bayaran *ex-gratia* secara terus dalam akaun bank masing-masing melalui pemindahan dana secara elektronik (EFT).

Pada 20 Jun 2023, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk mengekalkan skim SIMP yang telah diumumkan kepada nelayan pada awal tahun 2021 tanpa apa-apa perubahan. Oleh itu, jumlah *ex-gratia* yang telah dijanjikan kepada nelayan sejak tahun 2021 tidak dikurangkan walaupun skop projek *Penang South Island* telah dikecilkan dari tiga (3) pulau kepada satu (1) pulau.

13. Senaraikan kawasan 'hotspot' lumba haram di negeri Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan jumlah kemalangan yang berlaku disebabkan lumba haram dari tahun 2018 hingga 2022.
- (b) Apakah usaha kerajaan dalam menangani masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri

13. Senarai kawasan *hotspot* lumba haram di negeri Pulau Pinang mengikut daerah adalah seperti berikut :

DAERAH	KAWASAN
Timur Laut	1. Jalan Sultan Azlan Shah hingga Jelutong 2. Jalan Bukit Gambir 3. Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu (E-Gate)
Barat Daya	1. Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu (Seagate) 2. Jalan Mayang Pasir / Jalan Mahsuri (Sunshine) 3. Jalan Sultan Azlan Shah (Bulatan Bayan Baru) 4. Jalan Tun Dr. Awang (Nasi 7 Benua)
Seberang Perai Utara	1. Lingkaran Luar Butterworth (LLB)
Seberang Perai Tengah	1. Susur masuk dan keluar Lebuhraya Butterworth Kulim Expressway (BKE) 2. Seberang Jaya – Sama Gagah (PLUS)
Seberang Perai Selatan	1. Jambatan Kedua 2. Batu Kawan

- (a) Jumlah kemalangan yang berlaku disebabkan lumba haram bermula dari tahun 2018 sehingga tahun 2022 adalah seperti di jadual berikut :

DAERAH	2018	2019	2020	2021	2022	JUMLAH
TIMUR LAUT	2	3	1	0	1	7
SPU	1	0	0	0	0	1
SPT	5	2	2	1	0	10
SPS	1	0	0	0	0	1
BARAT DAYA	0	0	1	0	0	1
JUMLAH	9	5	4	1	1	20

Berikut merupakan statistik jumlah kemalangan yang berlaku disebabkan aktiviti lumba haram dari tahun 2018 hingga 2022 di Pulau Pinang. Pada tahun 2018, jumlah kemalangan dalam sebanyak 9 kes yang merangkumi semua daerah di Pulau Pinang. Selain itu, pada tahun 2019 terdapat sedikit penurunan kes dari tahun sebelumnya iaitu 5 kes kemalangan. Pada tahun 2020 pula, kes yang dicatatkan adalah sebanyak 4 kes kemalangan. Manakala pada tahun 2021 dan 2022 kes kemalangan yang dicatatkan akibat aktiviti lumba haram adalah sebanyak 1 kes sahaja. Jadi jumlah kes yang dilaporkan sepanjang tahun 2018 hingga 2022 adalah sebanyak 20 kes kemalangan.

- (b) Antara usaha kerajaan dalam menangani masalah ini adalah :
- (i) Usaha Kerajaan Negeri menggembeng tenaga dengan agensi lain seperti PDRM, JPJ dan JAS dalam menjalankan operasi bersepadu demi menangani isu ini;
 - (ii) Melakukan sekatan jalan raya secara berterusan di lokasi tumpuan terutamanya pada malam Sabtu dan Ahad;
 - (iii) Pasukan PDRM telah menubuhkan Pasukan Khas bagi membuat risikan dan menangkap para penunggang motosikal yang menjalankan kegiatan lumba haram di bawah Sek. 42(1) APJ 1987; dan
 - (iv) Kenderaan yang melakukan modifikasi yang menjurus ke arah kegiatan lumba haram akan disita.

Merujuk pada statistik yang diperolehi dari pihak JSPT Kontinjen Pulau Pinang yang telah melaksanakan Operasi Samseng Jalan bermula pada Januari 2022 sehingga Oktober 2023 dimana sebanyak 527 operasi telah dilakukan dan sebanyak 15056 saman telah dikeluarkan. 209 tangkapan juga telah dibuat dan sebanyak 3032 buah motosikal telah disita sepanjang tempoh operasi tersebut berjalan.

14. Berapakah peruntukan yang disediakan dan bilangan sekolah oleh Kerajaan Negeri kepada semua kategori sekolah di Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2022?
- (a) Senaraikan sekolah-sekolah yang diberi peruntukan untuk menaik taraf tandas.
 - (b) Apakah bantuan PBA kepada sekolah-sekolah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada semua sekolah adalah seperti berikut:

Kategori Sekolah	Peruntukan Yang Disediakan Tahun 2018 (RM)	Peruntukan Yang Disediakan Tahun 2019 (RM)	Peruntukan Yang Disediakan Tahun 2020 (RM)	Peruntukan Yang Disediakan Tahun 2021 (RM)	Peruntukan Yang Disediakan Tahun 2022 (RM)
Kategori Sekolah Bersekolah	2,312,350.00	4,799,500.00	2,990,000.00	6,778,000.00	6,000,000.00
Kategori Teras	1,700,000.00	2,982,000.00	2,000,000.00	2,000,000.00	2,000,000.00
Kategori Pagar Beskap	1,700,000.00	2,000,000.00	2,000,000.00	2,000,000.00	2,170,000.00
Jumlah	5,712,350.00	9,781,500.00	6,990,000.00	10,778,000.00	10,170,000.00

- (a) Sekolah-sekolah yang diberi peruntukan untuk menaik taraf tandas adalah seperti berikut:

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA SEKOLAH
DAERAH SEBERANG PERAI UTARA			
1	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN ARA RENDANG
2	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN BAGAN AJAM
3	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN BAGAN JERMAL
4	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN BAGAN TUAN KECHIL
5	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN BUMBONG LIMA
6	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN MOHD SHAH
7	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPONG TOBEDOR
8	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN KUALA MUDA
9	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN KUALA PERAI
10	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN LAHAR KEPAR
11	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PADANG MENORA
12	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PASIR GEBU
13	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PAYA KELADI
14	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PENAGA
15	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG BERTAM
16	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG BINJAI
17	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG BULOH

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA SEKOLAH
18	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG JANGGIUS
18	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG SINTOK
20	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG TOJAYA
21	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PINANG TUNOGAL
22	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PULAU MERTAJAM
23	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI DUA
24	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI PUYU
25	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN TASEK GELUGOR
26	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN TELOK AYER TAWAR
27	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPUNG SELAMAT
28	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN SENANGAN
28	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI NYIOR
30	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN LAHAR YODI
31	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PENKALAN JAYA
32	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN KEPALA BATAS
33	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN BERTAM INDAH
34	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN POKOK SENA
35	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN PENAGA JAYA
36	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI GEMILANG
37	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN BERTAM PERDANA

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA SEKOLAH
38	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN DESA MUIINI
39	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN BERTAM PUTRA
40	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN POKOK TAMPANG
41	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN HASHIM AWANG
42	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH KEBANGSAAN MAK MANDIN
43	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (JINA) MAK MANDIN
44	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PERMATANG TOK JAYA
45	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATUK HAJI AHMAD SARI
46	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATUK ONN
47	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATUK HAJI AHMAD BADAWI
48	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SRI MUDA
49	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TELOK AIR TAWAR
50	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATUK KAILAN
51	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MAK MANDIN
52	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BAGAN JAYA

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA SEKOLAH
53	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN POKOK SENA
54	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KAMPUNG SELAMAT
55	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BERTAM INDAH
56	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KEPALA BATAS
57	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATUK HAJI HASSAN NOH
58	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	KOLEJ TINGKATAN ENAM DESA MUIINI
59	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN GEMILANG
60	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BERTAM PERDANA
61	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TASEK GELUGOR
62	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KAMPUNG KASTAM
63	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATUK HAJI ABDUL KADIR
64	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BAKTI
65	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI UTARA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA AL-IRSHAD
DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN			

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA SEKOLAH
66	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN BKT TAMBUN
67	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN KELEDANG JAYA
68	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN NIBONG TEBAL
69	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG TOK MAHAJ
70	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN PULAU AMAN
71	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI ACHEH
72	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI BAKAP
73	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI DURI
74	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI KECIL
75	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI SETAR
76	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI TASEK
77	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN SG BAKAU
78	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN JAWI
79	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI SENTOSA
80	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN SAUJANA INDAH
81	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN MERAK
82	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN BATU KAWAN
83	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN TASEK PERMAI
84	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR TASEK MUTIARA
85	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN BAKAP INDAH

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA SEKOLAH
86	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHONG KUANG
87	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) KAMPUNG JAWI
88	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG BATU KAWAN
89	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) NIBONG TEBAL
90	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) TASEK PERMAI
91	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI ACHEH
92	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN VALDOR
93	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI NIBONG
94	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MUTIARA IMPIAN
95	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JAWI
96	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN WIDURI
97	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SAUJANA INDAH
98	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU KAWAN
99	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR TASEK MUTIARA

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA SEKOLAH
100	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TASEK
101	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN NIBONG EMPAT
102	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUN SYED SHEH BARAKBAH
103	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN HUNKU ABDUL RAHMAN
104	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI SELATAN	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA SYEDIKH ABDULLAH AL-ABIM
DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH			
105	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN ALMA
106	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT TEH
107	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN GUAR PERAHU
108	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN JALAN BAHARU PERAI
109	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN JUARA
110	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN JUBU
111	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN KEBUN SIREH
112	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN KUBU JOUJUB
113	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN MACANG BUBOK
114	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN MENGIKLANG
115	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG PASIR

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA SEKOLAH
116	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG PAUH
117	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG TOK KANDU
118	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI PENANTI
119	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI RAMBAI
120	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN IAT
121	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN SEBERANG JAYA
122	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN SEBERANG JAYA 2
123	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN INDI HAWASSIL
124	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT INDERA MUDA
125	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT MINYAK
126	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN ALMA JAYA
127	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI IMPIAN
128	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN HANJAR BARU PERDA
129	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN FAHU JAYA
130	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMAI INDAH
131	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN MACHANG BUKOK II
132	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN IMPIAN
133	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN STOWELL
134	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH KEBANGSAAN KG BARU

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA SEKOLAH	BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA SEKOLAH
135	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) PERMATANG TINGGI	148	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SAMA GAGAH
136	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) PERKAMPUNGAN BERAPIT	149	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN INDERAWASIH
137	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) KG. SG. LEMBU	150	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ALMA
138	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) KAY SIN	151	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MENKLUANG
139	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) TRUE LIGHT	152	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PERMAI INDAH
140	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHUNG HWA 3	153	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN SEJAHTERA
141	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) PERMATANG TINGGI	154	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR BARU PERDA
142	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) BKT MERTAJAM	155	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PAUH JAYA
143	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PERAI	156	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUN HUSSEIN ONN
144	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BERAPIT	157	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN PERWIRA
145	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN GUAR PERAHU	158	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PERMATANG PASIR
146	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SEBERANG JAYA	159	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MACHANG BUBUK
147	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PERMATANG RAWA	160	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN GUAR PERAHU INDAH

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA SEKOLAH	BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA SEKOLAH
181	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TINGGI BUKIT MERTAJAM	177	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN TELOK KUMBAR
182	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JALAN DAMAI	178	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN TITI TERAS
183	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BUKIT MERTAJAM	179	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN BAYAN BARU
184	PULAU PINANG	PPD SEBERANG PERAI TENGAH	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PENANTI	180	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI RELAU
DAERAH BARAT DAYA				181	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI BAYU
185	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN SG NIBONG	182	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN MUTIARA PERDANA
186	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN BATU MAUNG	183	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN BALIK PULAU
187	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN BAYAN LEPAS	184	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI BATU
188	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN GENTING	185	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN BAYAN LEPAS 2
189	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN KONGSI	186	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI PERMAI
190	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG DAMAR LAU	187	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TELOK KUMBAR
191	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN TAN SRI AWANG HAD SALLEH	188	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN RAJA TUN UDA
192	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI ARA	189	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI BALIK PULAU
193	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI KOROK	190	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU MAUNG
194	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI PINANG	191	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TELUK RAHANG
195	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI RUSA	192	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI BAYU
196	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN TELOK BAHANG	193	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PONDOK UPEH

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA SEKOLAH
194	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BAYAN LEPAS
195	PULAU PINANG	PPD BARAT DAYA	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI ARA
DAERAH TIMUR LAUT			
196	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN AYER ITAM
197	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN BATU FERINGGI
198	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN DATO KRAMAT
199	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN JELUTONG
200	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN TAN SRI P. RAMLEE
201	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN SRI TANJUNG
202	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN SG GELUGOR
203	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN TANJUNG DUNGA
204	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN TANJONG TOKONG
205	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN MINDEN HEIGHT
206	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN JALAN HAMILTON
207	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT GAMBIR
208	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI INDAH
209	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN SRI AMAN
210	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN BATU LANCHANG

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA SEKOLAH
211	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN CONVENT PULAU TIKUS
212	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN FRANCIS LIGHT
213	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT BELUGOR
214	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN HUTCHINGS
215	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN PEREMPUAN ISLAND
216	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN JELUTONG BARAT
217	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN JALAN RESIDENSI
218	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN WELLESLEY
219	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH KEBANGSAAN PADANG TEMBAK
220	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) RAMATHASAR
221	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ARKUTIAH MUNSHI
222	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (P) SRI MUTIARA
223	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	KOLEJ TINGKATAN ENAM HUTCHINGS
224	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BUKIT GAMHIR
225	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AIR ITAM
226	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ILMU KHAN
227	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BUKIT JAMBUL

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA SEKOLAH
228	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI NIBONG
229	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	PENANG FREE SCHOOL
230	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN GEORGETOWN
231	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (P) ST GEORGE
232	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUNKU PUAN HABSAH
233	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN WESTLANDS
234	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TANJONG DUNGA
235	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATUK HJ. MOHAMMED NOR AHMAD
236	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JELUTONG
237	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	KOLEJ TINGKATAN ENAM HAJI ZAINUDDIN ARIDIN
238	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PADANG POLO
239	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA (I) AL-MASHOOR
240	PULAU PINANG	PPD TIMUR LAUT	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA (P) AL-MASHOOR

- (b) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah menyalurkan bantuan kepada sekolah-sekolah yang berdaftar di Pulau Pinang dengan memberi rebat bil air sebanyak 30% dari jumlah keseluruhan bil air untuk setiap akaun. Permohonan untuk rebat telah diberi selama 6 bulan bermula bulan April sehingga September 2023. Pihak PBAPP telah menerima sebanyak 152 permohonan dan telah meluluskan sebanyak 150 permohonan. PBAPP juga membantu pihak sekolah untuk menjimatkan air sekaligus menjimatkan wang dengan melaksanakan langkah-langkah berikut:
- i. Pemasangan peranti penjimatan air (WSD) di semua tandas sekolah untuk menjimatkan air “secara automatik” dengan setiap penggunaan;
 - ii. Mendidik dan mengingatkan murid-murid supaya mengamalkan tip penjimatan air seperti tidak membiarkan pili air mengalir, meminimumkan penggunaan hos semburan dan melaporkan paip atau pili yang bocor kepada pentadbir sekolah dengan segera;
 - iii. Mengurangkan penggunaan air secara keseluruhan untuk kerja-kerja berkebun, pembersihan dan penyelenggaraan di sekolah;
 - iv. Melarang mencuci kereta atau motosikal di kawasan sekolah;
 - v. Melaksanakan “projek penjimatan air” sekolah seperti sistem penuaian air hujan yang inovatif untuk menakung air untuk kegunaan berkebun dan/atau memasang sistem tandas yang meminimumkan penggunaan air untuk tujuan pembilasan;
 - vi. Membaiki/menukar semua paip dan pili yang bocor di kawasan sekolah dengan segera; dan
 - vii. Pemuliharaan air di sekolah adalah penyelesaian yang lebih rasional, mampan dan “hijau” berbanding pemberian rebat.
- 15 Senaraikan sekolah dan pusat pendidikan khas milik kerajaan dan swasta di Pulau Pinang.
- (a) Apakah insentif kerajaan kepada sekolah dan pusat ini?
 - (b) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri

15. Senarai sekolah dan pusat pendidikan khas milik kerajaan di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

61	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU	62	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU
62	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU	63	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU
63	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU	64	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU
64	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU	65	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU
65	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU	66	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU
66	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU	67	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU
67	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU	68	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU
68	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU	69	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU
69	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU	70	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU
70	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU	71	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU
71	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU	72	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU
72	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU	73	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU
73	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU	74	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU
74	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU	75	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU
75	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU	76	PERSEKUTUAN MELAYU	PERSEKUTUAN MELAYU

- (a) Antara insentif kerajaan kepada sekolah-sekolah dan pusat-pusat pendidikan khas ini adalah seperti berikut:
- i. Pemberian peruntukan penyelenggaraan Kemudahan Mesra Orang Kurang Upaya (OKU) oleh Kerajaan Persekutuan;
 - ii. Pemberian Projek Naik Taraf Bengkel Kemahiran Vokasional Spesifik Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) bagi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) seperti berikut:

BIL.	KATEGORI	Uraian Bilik Pendidikan	Jumlah Bilik Pendidikan
1	PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN	1000
2	PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN	1000
3	PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN	1000
4	PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN	1000
5	PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN	1000
6	PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN	1000
7	PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN	1000
8	PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN	1000
9	PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN	1000
10	PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN	1000
11	PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN	1000
12	PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN	1000
13	PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN	1000
14	PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN	1000
15	PERKHIDMATAN	PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN	1000

dan;

iii. Manakala insentif kerajaan kepada sekolah-sekolah dan pusat-pusat pendidikan khas swasta pula adalah Program Bantuan Awal Persekolahan pada tahun 2023 sebanyak RM859,050.00

(b) Peruntukan yang telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut adalah Projek Naik Taraf Bengkel Kemahiran Vokasional Spesifik Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) bagi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12):

BIL	ROLLING PLAN	JUMLAH PERUNTUKAN
1	RMKe-12 RP1	RM520,000.00
2	RMKe-12 RP2	RM700,000.00
3	RMKe-12 RP3	RM4.2 Juta

16. Senaraikan institusi pendidikan yang berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) mengikut tahap.

(a) Senaraikan peruntukan dan berapa yang disalurkan oleh MAINPP kepada sekolah-sekolah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Institut pendidikan yang berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) adalah seperti berikut:

(a) Bagi tahun 2023, peruntukan yang disalurkan kepada institusi pendidikan oleh MAINPP melalui dana Zakat Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Butiran Peruntukan	Amaun (RM)
Biasiswa Kecil Sekolah Islam Pulau Pinang	320,000.00
Bekalan Sekolah Agama Rakyat	600,000.00
Sumbangan Berkanun Sekolah Islam Pulau Pinang	830,000.00
Sumbangan Kepada Sekolah Islam Pulau Pinang	3,500,000.00
Latihan & Kokurikulum Guru SIPP	1,695,000.00

17. Senaraikan kejadian tanah runtuh dan pokok tumbang yang mengganggu laluan di daerah Barat Daya dari tahun 2018 hingga 2022.

(a) Apakah usaha kerajaan dan peruntukan yang disalurkan dalam mengatasi masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Terdapat 39 kejadian tanah runtuh dan 474 kejadian pokok tumbang yang mengganggu laluan di daerah Barat Daya sejak tahun 2018 hingga 2022. Perincian adalah seperti **Jadual 1** dan **Jadual 2**.

Jadual 1 : Kejadian Tanah Runtuh di Daerah Barat Daya

Tahun	No. Laluan	Bil. Tanah Runtuh
2018	-	-
2019	FT006	2
2020	-	-

Tahun	No. Laluan	Bil. Tanah Runtuh
2021	FT006	10
	P237, P243	2
2022	FT006	25
Jumlah		39

Jadual 2 : Kes Pokok Tumbang di Daerah Barat Daya

Tahun	No. Laluan	Bil. Pokok Tumbang
2018	P14, P243	30
2019	FT3113	36
	P224, P237	35
2020	FT006	77
	P14, P237, P243	50
2021	FT006	79
	P14, P237, P224, P243	47
2022	FT006, FT3113, FT281	65
	P14, P237	55
Jumlah		474

- (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya, Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan lain-lain agensi yang berkepentingan telah mengambil tindakan yang komprehensif bagi memastikan kejadian tanah runtuh dan pokok tumbang tidak berulang. Tindakan yang diambil adalah seperti berikut:
- i. Mewujudkan *Penang Safety Guideline for Hill Site Development 2nd Edition 2020* dan Garis Panduan Keselamatan Aktiviti Pertanian Di Kawasan Berbukit, Pulau Pinang 2021 untuk merancang, mengawal, melaksanakan dan menyelenggara kerja-kerja pembinaan dan pertanian di kawasan berbukit untuk meningkatkan keselamatan setempat;
 - ii. Mensyaratkan penyediaan Laporan Geoteknikal dan Pelan Kerja Tanah untuk projek-projek pembangunan baru;
 - iii. Memantau kawasan cerun-cerun bukit dari semasa ke semasa dan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan Akta/Enakmen yang berkuat kuasa diguna pakai oleh Kerajaan Negeri bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pemilik tanah/pemaju;

- iv. Mewartakan Undang-Undang Kecil Mengkompaun Di Bawah Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) Jalan, Parit Dan Bangunan 2020 pada 2 Julai 2020 agar dapat memberi pendidikan/kesedaran kepada pelaku di samping memudahkan proses tindakan pendakwaan dan memberi faedah kepada PBT;
- v. Memastikan semua cadangan pembangunan di kawasan cerun-cerun bukit tidak melebihi ketinggian 76 meter dari paras laut dan *footprint* bangunan hendaklah berada di atas cerun kelas 1 dan kelas 2 sahaja seperti yang tercatat di dalam Rancangan Struktur Negeri (RSN) 2030; dan
- vi. Mewujudkan Jawatankuasa Induk dan Pasukan Petugas Khas Kawalan Hakisan dan Kelodak Negeri Pulau Pinang yang berperanan bagi memastikan semua tapak cadangan pemajuan/pembangunan mematuhi syarat-syarat *Erosion and Sediment Control Plans* (ESCP) yang telah ditetapkan oleh JPS serta Pelan Kerja Tanah yang telah diluluskan oleh MBPP.

Selain itu, peruntukan penyelenggaraan wang MARRIS berjumlah RM 3 juta elah diperuntukkan bagi penyelenggaraan pokok secara berkala dalam usaha mengatasi masalah kejadian tanah runtuh dan pokok tumbang di daerah Barat Daya.

18. Senaraikan tempat-tempat hutan bakau di DUN Pulau Betong.
- (a) Apakah usaha kerajaan dalam mempromosikan tempat ini sebagai tempat pelancongan?
 - (b) Apakah usaha kerajaan kepada usahawan yang mempromosikan produk berasaskan pokok nipah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Negeri Pulau Pinang mempunyai lebih kurang 6,063.25 hektar kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang telah diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Daripada jumlah ini, Daerah Barat Daya mempunyai kawasan HSK seluas 1,458.21 hektar. Daripada jumlah tersebut, seluas 166.38 hektar Hutan Paya Laut terletak di dalam awasan DUN Pulau Betong iaitu sebahagian Hutan Simpan Balik Pulau seluas 151.67 hektar dan Hutan Simpan Pulau Betong seluas 1.2251 hektar yang telah diwartakan pada 15 Disember 2022 tahun lalu.
- (a) Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa berusaha untuk mempergiatkan aktiviti pelancongan khususnya menerusi eko-pelancongan. Dalam memenuhi usaha ini, Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang sedang dalam rangka untuk menjadikan kawasan Hutan Paya Laut sebagai kawasan pembelajaran untuk meningkatkan kesedaran kepada orang awam terhadap kepentingan kawasan sensitif alam sekitar ini selain menjadikannya sebagai tarikan pelancong menerusi ekopelancongan.

Jabatan Perhutanan Negeri telah menubuhkan tapak Arboretum Paya Laut di Hutan Paya Laut Balik Pulau berhampiran dengan Kampung Sungai Burung Balik Pulau. Tapak Arboretum tersebut merupakan satu-satunya tapak Arboretum di dalam HSK yang terdapat di negeri Pulau Pinang. Arboretum tersebut merupakan satu kawasan yang ditanami dengan spesies pokok tertentu untuk *tujuan* pemuliharaan sumber genetik, pemuliharaan germplasma, pendidikan dan penyelidikan.

Pada masa yang sama juga, pihak Jabatan Perhutanan Negeri sedang menaik taraf kawasan tersebut sebagai destinasi tarikan baharu dengan membina laluan pelantar pejalan kaki sehingga ke pesisir pantai. Projek tersebut dibangunkan secara berfasa dengan gabungan dana yang diterima daripada pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Kerajaan Negeri.

Antara usaha lain Kerajaan Negeri dalam mempromosikan Pulau Betong sebagai tempat pelancongan adalah melalui risalah *The Other Side of the Island* Balik Pulau. Penang Global Tourism (PGT) juga mengadakan *FAM Trip (familiarization trip)* kepada wakil media, ejen pelancongan dan *blogger* pelancongan untuk memberi pemahaman yang lebih mendalam kepada pemain industri pelancongan mengenai Pulau Betong dan Balik Pulau supaya mereka dapat memperoleh pengetahuan yang lebih mendalam untuk berkongsi dengan pelanggan dan pembaca mereka, meningkatkan kesedaran pelancongan terhadap kawasan tersebut.

Selain itu, visual Pulau Betong juga dipaparkan di tempat-tempat pintu masuk utama untuk menarik perhatian pelancong sejak ketibaan mereka. *Posting* media sosial berkaitan Pasir Panjang turut digunakan untuk menyebarkan maklumat mengenai tarikan di kawasan tersebut untuk menarik minat pelancong.

- (b) Menerusi Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, usaha memelihara dirian nipah banyak tertumpu di Hutan Pelajaran Air Itam Dalam (HPAID) yang terletak di daerah Seberang Perai Utara. HPAID merupakan satu-satunya hutan jenis tanah lembap air tawar (*freshwater swamp forest*) yang diwartakan sebagai HSK di negeri Pulau Pinang. Hutan jenis ini mempunyai dirian hutan yang didominasi oleh pokok nipah. Pemeliharaan perlu diteruskan bagi mengekalkan dirian asal nipah demi kepentingan biodiversiti negeri.

Produk berasaskan nipah boleh dikategorikan sebagai produk Industri Asas Tani (IAT). Pihak Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang bersedia untuk membantu sekiranya ada pengusaha yang menjalankan produk IAT berasaskan nipah seperti nira nipah.

Di Pasir Gebu, daerah Seberang Perai Utara, terdapat pengusaha yang menjalankan produk nira nipah yang telah menerima bantuan dari Jabatan Pertanian. Sekiranya ada pengusaha yang berminat boleh menghubungi Pejabat Pertanian Daerah bagi daerah yang berkaitan.

19. Senaraikan fenomena air merah dan lokasi di Pulau Pinang dari tahun 2018 dan 2022.
- (a) Apakah kesan fenomena ini?
- (b) Apakah langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menghadapi fenomena ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Berdasarkan rekod, tiada kejadian fenomena Air Merah yang berlaku di perairan Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2022. Fenomena Air Merah mula berlaku pada bulan April 2023 dan bulan Ogos 2023. Kematian ikan berlaku disebabkan fenomena Air Merah pada Ogos 2023.
- (a) Fenomena Air Merah adalah disebabkan oleh kepadatan sel *fitoplankton* yang tinggi antara punca yang menyebabkan kematian ikan terutamanya ikan dalam sangkar akibat penurunan oksigen terlarut. Selain itu, ia juga boleh menyebabkan zon *hypoxic* sementara serta membebaskan kandungan ammonia yang tinggi di sekitar perairan apabila ledakan berakhir. Kejadian seperti ini boleh memberi risiko kepada ikan ternakan di dalam sangkar.

- (b) Fenomena Air Pasang Merah ini berlaku disebabkan perubahan cuaca yang tidak menentu yang menyebabkan kehadiran nutrient dari daratan dimana perkara ini akan menggalakan pencambahan alga tersebut.

Antara langkah pencegahan yang boleh diambil oleh penternak untuk menghadapi fenomena ini dengan cara mengurangkan kepadatan ikan, sentiasa memantau kandungan oksigen terlarut dan tuai ikan yang mengalami simptom kekurangan oksigen.

Manakala langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri pula adalah dengan memberi bantuan kepada penternak yang mengalami kerugian akibat kematian ikan ternakan. Sekiranya fenomena ini diistiharkan sebagai bencana, jenis bantuan yang diberikan adalah tertakluk dengan Jawatankuasa Pengurusan Negeri Pulau Pinang.

20. Apakah langkah kerajaan dalam mengusahakan tanah pertanian yang terbiar di daerah Timur Laut dan Barat Daya dari tahun 2018 hingga 2022?
- (a) Apakah projek yang telah dijalankan?
- (b) Berapakah jumlah peruntukan untuk projek tersebut mengikut tahun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Pejabat Pertanian Daerah Barat Daya dan Timur Laut akan mewujudkan *Task Force* di peringkat daerah bagi menyediakan pangkalan data tanah-tanah terbiar, mengenal pasti punca dan faktor, menyediakan ulasan teknikal dan mengemukakan pelan tindakan bagi pemulihan tanah terbiar.
- (a) Sehingga kini, tiada projek yang telah dijalankan.
- (b) Tiada peruntukan yang terlibat memandangkan projek masih belum dilaksanakan.
21. Senaraikan tanah dan keluasan tanah yang telah digazetkan sebagai kawasan tadahan air di daerah Timur Laut dan Barat Daya.
- (a) Nyatakan status tanah tersebut.
- (b) Adakah berlaku penebangan hutan di kawasan tersebut?
- (c) Sekiranya ya, berapakah keluasan tanah yang terlibat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Senarai lot tanah dan keluasan tanah yang telah digazetkan sebagai kawasan tadahan air di Daerah Timur Laut dan Barat Daya adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	STATUS TANAH	BIL. LOT	KELUASAN (HEKTAR)
1.	DAERAH TIMUR LAUT	Tanah Milik	117	551.863
2.		<i>Interim Register</i>	11	137.240
3.		Lain-lain	89	3413.263
4.		Tanah Kerajaan	4	347.103
JUMLAH			201	5349.469

BIL.	DAERAH	STATUS TANAH	BIL. LOT	KELUASAN HEKTAR
5.	DAERAH BARAT DAYA	Tanah Milik	200	523.031
6.		<i>Interim Register</i>	7	117.561
7.		Lain-lain	80	1265.129
8.		Tanah Kerajaan	7	11.465
JUMLAH			294	1917.186

BIL.	STATUS TANAH	JUMLAH LOT	JUMLAH KELUASAN (HEKTAR)
1.	Tanah milik	317	1074.894
2.	<i>Interim Register</i>	18	254.801
3.	Lain-lain	149	3478.521
4.	Tanah kerajaan	11	358.574
JUMLAH KESELURUHAN		495	5166.790

- (a) Sehingga kini, sebanyak 5162.820 hektar telah diwartakan di bawah Perintah Pembekalan Air (Kawasan Tadahan) 2004 (Pindaan) 2009 sebagai kawasan tadahan air bagi Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya.
- (b) Kawasan Hutan Simpanan Kekal yang diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air di bawah Seksyen 10, Akta Perhutanan Negara 1984 merupakan kawasan yang dilindungi sepenuhnya. Pewartaan sebagai kawasan hutan tadahan air tersebut secara langsung tidak membenarkan sebarang aktiviti pembangunan untuk dilaksanakan dalam kawasan tersebut.

- (c) Tidak berlaku penebangan hutan di dalam kawasan yang telah diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air di bawah Seksyen 10, Akta Perhutanan Negara 1984.

22. Senaraikan tempat 'hotspot' banjir di daerah Barat Daya.

- (a) Senaraikan tindakan kerajaan dalam mengatasi masalah banjir kilat ini.
 (b) Berapakah peruntukan yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Terdapat sebanyak 23 kawasan *hotspot* banjir di daerah Barat Daya seperti berikut:

BIL.	KAWASAN <i>HOTSPOT</i> BANJIR DI DAERH BARAT DAYA
1	Jalan Dato' Ismail Hashim (hadapan SK Mutiara Perdana)
2	Jalan Kuala Sungai Pinang (Perumahan Perda)
3	Jalan Mahsuri
4	Jalan Mayang Pasir (Sunshine Bayan Baru, Hotel Seri Malaysia dan Masjid Umar Al-Khatab)
5	Jalan Tengah 1
6	Jalan Tengah 2 (hadapan Balai Polis Jalan Tengah)
7	Jalan Tun Dr.Awang
8	Kampung Batu Maung (hadapan Pejabat ADUN)
9	Kampung Bukit Kechil
10	Kampung Masjid
11	Kampung Matahari Naik
12	Kampung Naran
13	Kampung Padang/Jalan Mahkamah
14	Kampung Pulau Betong
15	Kampung Sungai Burong
16	Kampung Sungai Pinang
17	Kampung Sungai Rusa
18	Kampung Sungai Tiram
19	Masjid Pulau Betong
20	Pekan Bayan/Baroh/Masjid Bayan Lepas
21	Persiaran Mahsuri
22	Taman Iping
23	Taman Manggis

- (a) Kerajaan Negeri memandang serius akan isu banjir kilat yang berlaku dan kesannya kepada penduduk Pulau Pinang. Oleh itu, Kerajaan Negeri melalui agensi/jabatan kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP), Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sentiasa bekerjasama untuk mengawal dan mengurangkan kesan akibat banjir kilat.

Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah melalui kawalan pembangunan baharu. Bagi projek pembangunan yang baharu dalam kawasan Bandaraya George Town, MBPP akan mengenakan syarat kepada pemaju untuk menaik taraf parit utama yang berada di sekeliling kawasan pembangunan mengikut Pelan Induk *The Study On Flood Mitigation And Drainage In Penang Island* yang telah digariskan oleh *Japan International Corporation Agency (JICA)*.

Manakala, bagi projek pembangunan baharu di luar kawasan Bandaraya George Town pula, JPSPP akan mengenakan syarat kepada pemaju untuk menaik taraf sistem saliran yang terlibat dengan pembangunannya berdasarkan kepada Panduan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA), Pelan Induk Sistem Saliran Mesra Alam Daerah Timur Laut atau kajian-kajian tebatan banjir yang telah dijalankan untuk kawasan tersebut.

Selain dari kawalan ke atas pembangunan baharu, Kerajaan Negeri juga melaksanakan projek-projek tebatan banjir dan naik taraf sistem saliran/perparitan berdasarkan kepada keperluan semasa dan ketersediaan peruntukan. Bagi tujuan tersebut, JPSPP merupakan agensi utama yang dipertanggungjawabkan untuk memantau dan melaksanakan tugas ini dengan dibantu oleh JKRPP dan MBPP. Agensi-agensinya bekerjasama mengikut bidang kuasa masing-masing dalam melaksanakan kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan sungai, tali air, parit monsun, rumah pam dan pintu air serta kerja-kerja yang berkaitan.

- (b) Peruntukan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi menangani masalah banjir kilat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Betong dari tahun 2018 sehingga 2022 adalah seperti berikut:

TAHUN	KERAJAAN NEGERI (RM)	KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM)	CARUMAN PERPARITAN (RM)	JUMLAH (RM)
2018	1,943,728.75	576,601.00	571,370.00	3,091,699.75
2019	1,790,547.95	784,422.96	1,545,500.00	4,120,470.91
2020	1,351,018.00	1,334,724.00	187,000.00	2,872,742.00
2021	2,096,014.35	576,601.00	200,000.00	2,872,615.35
2022	1,040,439.50	2,004,082.30	-	3,044,521.80
JUMLAH (RM)	8,221,748.55	5,276,431.26	2,503,870.00	16,002,049.81

23. Senaraikan sebab sering berlakunya banjir kilat di Kampung Permatang Tengah, Balik Pulau khususnya selepas pembangunan taman perumahan.

- (a) Senaraikan tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir kilat ini.
- (b) Senaraikan peruntukan yang disediakan dari tahun 2018 hingga 2022 untuk selesaikan masalah ini dan agensi yang terlibat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Antara penyebab utama seringnya berlaku banjir kilat di Kampung Permatang Tengah adalah saluran dalam kampung yang tidak dibina secara terancang. Terdapat parit tanah yang melalui lot-lot 9, 11, 12, 13, 14, 15, 16 dan 18 yang dimiliki orang persendirian. Sepertimana ditetapkan dalam Garis Panduan Penetapan Tanggungjawab Penyelenggaraan Jalan Dan Parit oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan di Pulau Pinang yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2019, parit tanah tersebut adalah bukan di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP).

Pihak JPSPP pernah membuat kerja-kerja mengorek parit di kawasan berkenaan susulan dari aduan yang diterima. Namun, JPSPP telah memberhentikan kerja pengorekan tersebut kerana telah mendapat tentangan dari pemilik-pemilik tanah di kawasan tersebut. Satu lawatan tapak telah dibuat bersama mantan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong iaitu Haji Mohd Tuan bin Ismail, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya (PDTDBD) serta pihak-pihak lain berkenaan. Hasil dari lawatan tersebut, JPSPP telah diberi kebenaran untuk memasang pintu kepak (*flap gate*) bagi menghalang air sungai dari masuk ke kawasan kampung.

- (a) Selain dari pemasangan pintu kepak tersebut, JPSPP juga melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan Sungai Buaya dan Sungai Burung sebagai tindakan jangka pendek. Tindakan jangka panjang yang akan dilaksanakan oleh JPSPP pula adalah projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Pondok Upeh/Sungai Buaya. Fasa 1 projek ini akan dilaksanakan pada tahun 2024 melibatkan pelebaran Sungai Burung dari Ibu Bekalan sehingga ke sebelah Pejabat JPS Daerah Barat Daya. Selain itu, lintasan kawasan Ibu Bekalan Sungai Burung juga akan diroboh dan dibina semula.
- (b) Senarai peruntukan yang telah disediakan bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di Kampung Permatang Tengah melalui JPSPP sebagai pelaksana adalah seperti berikut:

BIL.	TAHUN	TAJUK KERJA	SUMBER PERUNTUKAN	KOS (RM)
1	2023	Kerja-kerja mendalam dan membaiki Sungai Buaya	P08/01 - Pembangunan Negeri	83,473.00
2	2023	Kerja-kerja penyelenggaraan (mencuci dan membersihkan) sungai dan parit di kawasan Sungai Burung dan Kampung Perlis	28000 - Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil	154,220.25
3	2023	Kerja-kerja penyelenggaraan (mencuci dan membersihkan) parit-parit dan tali air di kawasan Sungai Burung	28000 - Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil	124,457.50
4	2022	Kerja-kerja memulihkan sistem saluran di Sungai Buaya dan Sungai Pulau Betong	Kerajaan Persekutuan	77,000.00
5	2019	Kerja-kerja mendalam dan membaiki Sungai Buaya	P08/01 - Pembangunan Negeri	58,329.00
JUMLAH (RM)				497,479.75

24. Senaraikan surau yang tidak aktif di Pulau Pinang mengikut DUN.
- (a) Senaraikan usaha Kerajaan Negeri mengaktifkan kembali surau-surau tersebut.
 - (b) Senaraikan surau tidak aktif yang telah ditukar status ke fungsi lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Senarai surau yang tidak aktif di Pulau Pinang mengikut DUN adalah seperti berikut:

BIL	NAMA SURAU	DAERAH	DUN
1	Surau Sri Ivori (Strata, Jalan Angsana, Bandar Baru Air Itam)	TL	AIR ITAM
2	Surau Desa Ixora (Strata, Jalan Angsana, Bandar Baru Air Itam)	TL	AIR ITAM
3	Surau Taman Bagan Lalang (Lot 3560, Mukim 16, SPU)	SPU	SUNGAI PUYU
4	Surau Taman Merbau Indah (Lot 5315, Mukim 11, SPU)	SPU	SUNGAI DUA
5	Surau Taman Segar (Lot 5103, Seksyen 3, Butterworth)	SPU	SUNGAI PUYU
6	Surau IKS Sungai Lokan 3 (Lot 3342, Mukim 16, SPU)	SPU	SUNGAI DUA
7	Surau IKS Sungai Lokan 1 (Lot 3111, Mukim 16, SPU)	SPU	SUNGAI DUA
8	Tapak Surau Taman Haji Ahmad Jamil (Lot 5901, Mukim 12, SPU)	SPU	PERMATANG BERANGAN
9	Tapak Surau Taman Seri Gelugor	SPU	PERMATANG BERANGAN
10	Tapak Surau Penaga 2	SPU	PENAGA
11	Surau Taman Haji Ahmad Jamil (Bawah kariah Simpang Tiga)	SPU	PERMATANG BERANGAN
12	Surau Taman Seri Gelugor	SPU	PERMATANG BERANGAN
13	Surau Penaga 2 (Kariah Lahar Tabut)	SPU	PENAGA
14	Surau Nur Hidayah, Taman Machang Bubok	SPT	MACHANG BUBOK
15	Surau Nur Hidayah, Taman IKS Juru (Lot 1821, Mukim 12, SPT)	SPT	BUKIT TENGAH
16	Surau Al-Qausar, Taman Sukun	SPT	BUKIT TENGAH
17	Surau Taman Seri Arowana (Lot 1948, Mukim 4, SPT)	SPT	SEBERANG JAYA
18	Surau Taman Cermi (Lot 3998, Mukim 2, SPT)	SPT	BUKIT TENGAH

BIL	NAMA SURAU	DAERAH	DUN
19	Surau Taman Sutera (Lot 6933, Mukim 1, SPT)	SPT	SEBERANG JAYA
20	Surau Taman Pearl (Lot 2098, Mukim 17, SPT)	SPT	PERAI
21	Surau Taman Mangga (Lot 1457 & 1354, Mukim 13, SPT)	SPT	PERAI
22	Surau Taman Sri Juru (Lot 4901, Mukim 13, SPT)	SPT	BUKIT TENGAH
23	Surau Taman Perindustrian Permatang Tinggi (1)	SPT	BUKIT TENGAH
24	Surau Taman Perindustrian Permatang Tinggi (2)	SPT	BUKIT TENGAH
25	Surau Taman Perindustrian Permatang Machang Indah	SPT	MACHANG BUBOK
26	Surau Taman Seri Juru	SPT	BUKIT TENGAH
27	Taman Seri Impian	SPT	BUKIT TENGAH
28	Surau Taman Merak Jaya (Lot 3578, Mukim 14, SPS)	SPS	BUKIT TAMBUN
29	Surau Taman Idaman (Lot 4396, Mukim 14, SPS)	SPS	BUKIT TAMBUN
30	Surau Taman Tambun Jaya (Lot 4592, Mukim 14, SPS)	SPS	BUKIT TAMBUN
31	Surau Taman Ratna (Lot 1372, Mukim 12, SPS)	SPS	SG.ACHEH
32	Surau IKS Simpang Ampat (Lot 7666, Mukim 15, SPS)	SPS	BUKIT TAMBUN
33	Surau Kawasan Industri Valdor (Lot 1517, Mukim 12, SPS)	SPS	SUNGAI BAKAP
34	Surau Taman Sentosa (Lot 5869, Mukim 11, SPS)	SPS	SUNGAI ACHEH

BIL	NAMA SURAU	DAERAH	DUN
35	Surau Taman Bestari (Lot 5523, Mukim 11, Nibong Tebal, SPS)	SPS	SUNGAI ACHEH
36	Tapak Surau Taman Jentayu (Lot 2871, Mukim 14, SPS)	SPS	BUKIT TAMBUN
37	Tapak Surau Taman Jawi Ria (Lot 7620, Mukim 7, SPS)	SPS	JAWI

- (a) Antara usaha Kerajaan Negeri untuk mengaktifkan kembali surau-surau tersebut adalah seperti berikut:
- i. Melantik/mengemas kini Jawatankuasa baharu untuk menggerakkan surau;
 - ii. Membaik pulih dan mempertingkatkan prasarana dan fasiliti surau-surau tersebut;
 - iii. Menghantar guru-guru takmir untuk mengadakan kelas pengajian; dan
 - iv. Mempelbagai fungsi surau dengan menawarkan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam untuk melaksanakan aktiviti yang menepati kehendak syarak.
- (b) Senarai surau tidak aktif yang telah ditukar status ke fungsi lain adalah seperti berikut:

BIL	NAMA SURAU	DAERAH	CATATAN	DUN
1	Surau Taman Idaman (Kariah Simpang Ampat)	SPS	Tukar jadi pejabat operasi RELA	BUKIT TAMBUN
2	Surau Taman Kasawari (Kariah Simpang Ampat)	SPS	Tukar jadi pejabat NGO	BUKIT TAMBUN
3	Surau Taman Haji Ahmad Jamil (Bawah kariah Simpang Tiga)	SPU	Tukar status kepada kelas pengajian Al-Quran kanak-kanak Rohingya	PERMATANG BERANGAN
4	Surau Taman Seri Gelugor	SPU	Tukar fungsi jadi tahfiz	PERMATANG BERANGAN

25. Berapakah kategori sekolah dalam negeri Pulau Pinang?
- (a) Nyatakan bilangan terkini sekolah mengikut kategori.
- (b) Berapakah peruntukan oleh Kerajaan Negeri kepada sekolah-sekolah tersebut mengikut kategori dari tahun 2018 hingga 2022?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Bilangan sekolah terkini mengikut kategori dan terkini adalah seperti berikut:

No.	JENIS SEKOLAH	2018 KATEGORI MPPA	2019 KATEGORI MAPP	2020 KATEGORI MPPA SEKOLAH SPECIAL	2021 KATEGORI MPPA TRUSMI	2022 KATEGORI MPPA STRATA	Jumlah
1	Skolah Rendah 6		2			1	3
2	Skolah Rendah	1	1	1	1	1	5
3	Skolah Rendah & Menengah Rendah Islam					1	1
4	Skolah Menengah Agama Islam (Kolej)	1	1		1	1	4
5	Skolah Menengah Islamiah Rendah				1	1	2
6	Skolah Menengah Islam		1			1	2
7	Skolah Menengah Teknik		1				1
8	Skolah Menengah Kejuruan	26	26	16	26	26	116
9	Skolah Menengah Kejuruan Agama		1	1		1	3
10	Skolah Antarabangsa (Islam)	14	17	7	12	13	63
11	Skolah Antarabangsa (Non-Islam)	2	0	11	4	4	21
12	Skolah Kejuruan	11	10	10	10	10	51
13	Skolah Kejuruan (Islam)		1		1		2
14	Skolah Rendah Agama Harta Warisan (Kolej)				1		1
15	Jumlah	55	58	45	75	62	295

- (b) Peruntukan Kerajaan Negeri kepada sekolah-sekolah mengikut kategori dari tahun 2018 sehingga 2022 adalah seperti berikut:

No.	Jenis Sekolah	Peruntukan Yang Dicalonkan Tahun 2018 (RM)	Peruntukan Yang Dicalonkan Tahun 2019 (RM)	Peruntukan Yang Dicalonkan Tahun 2020 (RM)	Peruntukan Yang Dicalonkan Tahun 2021 (RM)	Peruntukan Yang Dicalonkan Tahun 2022 (RM)
1	Skolah Rendah Rendah Islamiah Rendah	6,516,000.00	6,491,000.00	6,386,000.00	6,376,000.00	6,366,000.00
2	Skolah Rendah	1,783,000.00	2,056,000.00	2,000,000.00	2,000,000.00	2,000,000.00
3	Skolah Agama Rendah	1,782,000.00	2,000,000.00	2,074,000.00	2,000,000.00	2,174,000.00
	Jumlah	10,081,000.00	10,547,000.00	10,460,000.00	10,476,000.00	10,540,000.00

26. Senaraikan jumlah pegawai masjid yang berkhidmat sepenuh masa di masjid-masjid negeri Pulau Pinang mengikut daerah.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah insentif kepada pegawai-pegawai tersebut?
- (b) Jika ada, berapakah peruntukan yang dicadangkan?
- (c) Senaraikan jumlah imam masjid yang berkelulusan bidang Al-Quran mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. (a) Senarai jumlah pegawai masjid yang berkhidmat sepenuh masa di masjid-masjid negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada pegawai Masjid Negeri dan Masjid Daerah adalah seramai seperti berikut:

BIL	JENIS MASJID		JUMLAH
1.	Masjid Negeri		7 orang
2.	Masjid Daerah	Barat Daya	6 orang
		Butterworth	6 orang
		Kepala Batas (Masjid Abdullah Fahim)	6 orang
		SPT	5 orang
		SPS	6 orang
		Timur Laut	5 orang
3.	Masjid Kariah	Semua Imam, Bilal dan Siak Masjid Kariah lantikan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang berjumlah 1142 orang, tidak berkhidmat secara sepenuh masa di masjid.	

- (b) Kerajaan Negeri amat cakna terhadap kebajikan pegawai masjid yang telah bertugas dan menjalankan amanah mereka bagi menyemarakkan syiar Islam di Pulau Pinang. Justeru, Kerajaan Negeri telah meluluskan kenaikan elaun pegawai masjid yang terdiri dari Imam, Bilal dan Siak seluruh negeri Pulau Pinang yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1,664,688.00 mulai Januari 2023 dengan kenaikan seperti berikut:

BIL.	JAWATAN	KADAR LAMA (RM)	KADAR BARU (RM)
1.	Imam Masjid Daerah	500.00	600.00
2.	Bilal	324.00	500.00
3.	Siak	360.00	500.00

- (c) Manakala elaun imam Masjid Kariah dibayar oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kadar RM850.00 sebulan.
- i. Satu sesi percambahan fikiran (*Brainstorming*) akan dilaksanakan pada tahun 2024 bagi mendapatkan input untuk memperkukuhkan kebajikan Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid di negeri Pulau Pinang.

- ii. Jumlah imam masjid yang berkelulusan bidang Al-Quran mengikut enam (6) pentadbiran agama daerah adalah seramai 235 orang seperti berikut:

BIL.	DAERAH	JUMLAH
1.	Barat Daya	31 orang
2.	Butterworth	29 orang
3.	Kepala Batas	45 orang
4.	Seberang Perai Tengah	62 orang
5.	Seberang Perai Selatan	19 orang
6.	Timur Laut	49 orang
JUMLAH		235 orang

27. Apakah status terkini pembinaan Sekolah Kebangsaan Pondok Upeh, Balik Pulau?
- (a) Bilakah pembinaan ini akan dilaksanakan?
- (b) Berapakah peruntukan yang disediakan untuk pembinaan sekolah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri memaklumkan bahawa buat masa ini belum ada keperluan yang mendesak bagi pembinaan sekolah rendah baharu dalam kawasan Pondok Upeh, Balik Pulau. Hal ini kerana, sekolah yang berhampiran masih berupaya menampung keperluan semasa di kawasan ini. Antara sekolah yang berhampiran ialah:

- i. Sekolah Kebangsaan Genting;
- ii. Sekolah Kebangsaan Kongsis; dan
- iii. Sekolah Kebangsaan Balik Pulau

Namun begitu, pihak Kerajaan Negeri akan menyokong jika ada cadangan pembinaan Sekolah Kebangsaan Pondok Upeh oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan keperluan semasa pada masa yang akan datang.

28. Senaraikan pembangunan yang akan dijalankan di atas tanah Maahad Al-Mashoor Al-Islami, Balik Pulau.
- (a) Berapakah peruntukan disediakan?
- (b) Bilakah projek pembangunan tersebut akan mula dilaksanakan?
- (c) Berapakah kuota yang diperuntukkan kepada penduduk Balik Pulau daripada projek ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Cadangan pembangunan di atas tanah Wakaf Al-Mashoor di atas sebahagian Lot 247 (dahulunya dikenali sebagai Lot PT146), Jalan Sungai Nipah/Jalan Pulau Betong, Balik Pulau, Mukim G, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang adalah melalui usahasama

Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. (WPPSB) dengan pemaju Rekabina Jaya Sdn. Bhd. Pembangunan tersebut terbahagi kepada dua (2) fasa iaitu pelaksanaan di dalam kawasan sekolah dan sebahagian tanah 10 ekar (Fasa 2). Komponen pembinaan bangunan/kemudahan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

i. Pembangunan Fasa 1 adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Nilai (RM)
1	Membina Dewan Serbaguna Baharu; berkeluasan 17,440kp (1,000 orang)	4.125 juta
2	Membina Astaka & Kemudahan-Kemudahan Lain bagi Kompleks Sukan & Rekreasi Al-Mashoor	1.250 juta
3	Penambahbaikan Kawasan Parkir dan Laluan Berbumbung di Kompleks Sukan & Rekreasi Al-Mashoor	1.286 juta
4	Menaik Taraf Padang Utama & Membina Padang Futsal Baharu	3.5 juta
5	Dewan Makan/Kafetaria Baharu; berkeluasan 10,000kp (500 orang)	2.5 juta
6	Menaik Taraf Surau/Pusat Islam; berkeluasan 3228kp (150 orang)	1.75 juta
7	Rumah Pengetua/Kakitangan/Warden i. 2 Unit Rumah Sesebuah Kediaman Guru 1 Tingkat - 1700kp ii. 4 Unit Rumah Guru 2 Tingkat - 1300kp iii. 2 Unit Rumah Warden 1 Tingkat - 1200kp	2.5 juta
Jumlah Keseluruhan		16.91 Juta

ii. Pembangunan Fasa 2 (10 ekar) adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Nilai (RM)
1	Perumahan Mampu Milik 1,088 Unit	293.76 juta
2	74 Unit Rumah Kedai	83.25 juta
3	Lot Tapak Stesen Minyak	7.20 juta
Jumlah Keseluruhan		384.21 Juta

- (a) Peruntukan yang disediakan bagi projek ini adalah sebanyak **RM401.12 juta**.
- (b) Pihak pemaju Rekabina Jaya Sdn. Bhd. sedang dalam pengemukaan pelan kebenaran merancang kepada pihak berkuasa tempatan dan pelaksanaan projek tersebut dijangkakan bermula pada suku ke-3 tahun 2024.

- (c) Pihak pemaju Rekabina Jaya Sdn. Bhd. melaksanakan dasar terbuka (Islam sahaja) dan tidak menentukan jumlah peruntukan unit-unit kepada penduduk Balik Pulau yang berminat untuk pembelian perumahan tersebut.

29. Senaraikan syarat-syarat terkini SIA bagi projek 'Silicon Island'.

- (a) Senaraikan agensi dan pihak yang terlibat dalam memantau SIA ini.
- (b) Apakah yang boleh dilakukan oleh rakyat sekiranya berlaku pelanggaran syarat yang telah ditetapkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) telah diluluskan pada 29 Ogos 2019 dan dilanjutkan tempoh kelulusan sehingga 29 Ogos 2023 oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia). Beberapa syarat terkini SIA bagi projek *Silicon Island* adalah seperti berikut:

- i. Sekiranya berlaku pindaan *major* terhadap skala, lokasi dan komponen guna tanah di peringkat Kebenaran Merancang, yang boleh memberi impak sosial ketara yang baharu, pihak berkuasa perancang tempatan berhak menentukan supaya penggerak projek perlu mengemukakan semula laporan SIA kepada panel penilaian SIA untuk kelulusan baru;
- ii. Penggerak projek perlu memastikan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) dilaksanakan sepertimana laporan SIA yang telah diluluskan; dan
- iii. Kelulusan laporan SIA ini hanya sah diterima pakai dalam tempoh dua (2) tahun daripada tarikh surat kelulusan dan sekiranya projek ini tidak dilaksanakan dalam tempoh tersebut, kelulusan ini dengan sendirinya akan terbatal.
 - (a) Agensi kerajaan yang terlibat dalam memantau secara langsung pelaksanaan projek *Silicon Island* ini ialah PLANMalaysia. Di samping itu, agensi-agensi lain yang turut terlibat dalam pemantauan kepada pelaksanaan projek *Silicon Island* ini termasuklah Silicon Island Development Sdn. Bhd. (SID) selaku pemaju projek serta wakil Kerajaan Negeri dalam SID iaitu Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. serta Kerajaan Negeri juga melantik perunding audit bebas untuk memantau pelaksanaan SIMP.
 - (b) Sekiranya berlaku pelanggaran syarat yang telah ditetapkan, orang awam boleh menghubungi talian *hotline* yang boleh dihubungi melalui 1300-88-9700 atau melaporkan secara terus ke sistem PANTAS bagi sebarang aduan sekiranya terdapat ketidakpatuhan terhadap pelaksanaan projek *Silicon Island* ini atau melaporkan kepada pihak PLANMalaysia.

30. Apakah status terkini pembinaan asrama warga asing di Teluk Kumbar?

- (a) Nyatakan kesan kewujudan penempatan warga asing kepada masyarakat di daerah Barat Daya dari segi sosial, ekonomi, keselamatan dan lalu lintas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Setakat ini, Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang telah memperakukan dua (2) permohonan bagi pembinaan asrama pekerja di Teluk Kumbar iaitu seperti berikut:

- i. Permohonan untuk mendirikan satu (1) blok bangunan asrama pekerja 27 tingkat yang terdiri daripada ruang kedai enam (6) unit di aras satu (1), kemudahan rekreasi di aras satu (1) & dua (2) dan 26 tingkat asrama pekerja melibatkan 512 unit di atas Lot 1859, 1860 & 1865,

Tingkat Teluk Kumbar, Mukim 9, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang oleh Tetuan Chong Company Sdn. Bhd.; dan

- ii. Permohonan Perlingkungan Semula Dari Zon 'Perumahan Am', Zon 'Rezab Pantai' Dan Zon 'Jalan Sedia Ada' Kepada Zon 'Perniagaan Am' & Penambahan Ketinggian Bangunan Daripada Maksima 5 Tingkat Kepada 30 Tingkat Untuk Pembangunan Di Atas Lot 1435 & 1437, Mukim 9, Teluk Kumbar, D.B.D., Pulau Pinang oleh Tetuan Zantalite Enterprise (M) Sdn. Bhd.

Walau bagaimanapun, sehingga kini, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) hanya menerima Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) pada 27/6/2023 dari Tetuan Chong company Sdn Berhad. Perkara ini masih dalam peringkat pertimbangan.

- (a) Penempatan warga asing dalam komuniti tempatan sememangnya mewujudkan kesan positif dan negatif kepada masyarakat sekitar samada daripada aspek sosial, ekonomi, keselamatan dan lalu lintas. Walau bagaimanapun kesan negatif seringkali dikaitkan dengan kehadiran warga asing dalam komuniti tempatan. Antara kesan negatif yang boleh berlaku adalah isu kacau ganggu, peningkatan kadar jenayah, ketidakselesaian kepada penduduk tempatan, pertembungan adat dan budaya serta lain-lain lagi.

Sehubungan itu, penyediaan asrama pekerja ini adalah satu penyelesaian jangka masa panjang yang akan dapat mengatasi kesan penempatan warga asing dalam komuniti, serta menjaga dan keselamatan kawasan sekitar kerana ia bersifat *self-sustainable* dengan mengambilkira semua kemudahan seperti kedai, klinik, ATM, dobi dan lain-lain disediakan di dalam kawasan asrama pekerja.

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pihak Berkuasa Tempatan juga akan memastikan pengendalian khidmat tenaga warga asing ini sentiasa dalam keadaan terkawal melalui penyediaan penginapan pekerja yang khusus, lebih selamat, sistematik dan kondusif selaras dengan Garis Panduan Perancangan Pembinaan Penginapan Pekerja Di Negeri Pulau Pinang 2022 dan Seksyen 24H, Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan), 2019, [Akta 446].

Di samping itu, pelaksanaan Kajian *Social Impact Assessment* (SIA) telah disyaratkan untuk dijalankan bagi mengenal pasti impak kepada masyarakat sekeliling dan cadangan-cadangan bagi mengatasinya. Bagi memastikan masalah sosial yang dicetuskan oleh warga asing tidak berlaku di kawasan perumahan, Kerajaan Negeri juga bercadang menyediakan asrama pekerja asing secara penginapan berpusat dan tidak mengganggu penduduk sekitar.

XV. Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri

1. Nyatakan sekolah-sekolah yang tiada perkhidmatan bas awam yang lalu dalam lingkungan 300 meter mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sekolah-sekolah yang tiada perkhidmatan bas awam yang lalu dalam lingkungan 300 meter mengikut daerah adalah seperti berikut:

(a) Daerah Timur Laut

Bil	Nama Sekolah	Kategori Sekolah
1	SJKC Sum Sun	Sekolah Rendah
2	SMK Padang Polo	Sekolah Menengah
3	SMK Westlands	Sekolah Menengah
4	SMK Hamid Khan	Sekolah Menengah
5	SMK Sungai Nibong	Sekolah Menengah
6	SMK Tanjong Bunga	Sekolah Menengah

(b) Daerah Seberang Perai Tengah

Bil	Nama Sekolah	Kategori Sekolah
1	SJKC Kampung Sungai Lembu	Sekolah Rendah
2	SK Permatang Pauh	Sekolah Rendah
3	SJKT Perai	Sekolah Rendah
4	SK Taman Inderawasih	Sekolah Rendah
5	SJKC Chung Hwa 3	Sekolah Rendah
6	SK Seberang Jaya	Sekolah Rendah
7	SJKC Kubang Semang	Sekolah Rendah
8	SK Sungai Rambai	Sekolah Rendah
9	SK Bukit Teh	Sekolah Rendah
10	SK Seri Penanti	Sekolah Rendah
11	SK Guar Perahu	Sekolah Rendah
12	SJKC Perkampungan Berapit	Sekolah Rendah
13	SJKC Kay Sin	Sekolah Rendah
14	SJKT Ladang Juru	Sekolah Rendah
15	SK St. Mark (M) Perai	Sekolah Rendah
16	SK Bandar Baru Perda	Sekolah Rendah
17	SMK Berapit	Sekolah Menengah
18	SMK Mengkuang	Sekolah Menengah

Bil	Nama Sekolah	Kategori Sekolah
19	SMK Sama Gagah	Sekolah Menengah
20	SMK Bandar Baru Perda	Sekolah Menengah
21	SMK Taman Sejahtera	Sekolah Menengah
22	SMK Prai	Sekolah Menengah
23	SMK Guar Perahu	Sekolah Menengah

(c) Daerah Seberang Perai Selatan

Bil	Nama Sekolah	Kategori Sekolah
1	SK Bkt Tambun	Sekolah Rendah
2	SK Bakap Indah	Sekolah Rendah
3	SK Seri Tasek	Sekolah Rendah
4	SJKC Chong Kuang	Sekolah Rendah
5	SJKT Ladang Byram	Sekolah Rendah
6	SK Pulau Aman	Sekolah Rendah
7	SJKT Nibong Tebal	Sekolah Rendah
8	SJKT Ladang Sempah	Sekolah Rendah
9	SJKC Boon Beng	Sekolah Rendah
10	SJKT Ladang Krian	Sekolah Rendah
11	SK Permatang Tok Mahat	Sekolah Rendah
12	SJKT Ladang Batu Kawan	Sekolah Rendah
13	SK Saujana Indah	Sekolah Rendah
14	SK Sungai Duri	Sekolah Rendah
15	SK Tasek Permai	Sekolah Rendah
16	SK Sungai Acheh	Sekolah Rendah
17	SK Taman Merak	Sekolah Rendah
18	SK Seri Sentosa	Sekolah Rendah
19	SK Methodist	Sekolah Rendah
20	SK Keledang Jaya	Sekolah Rendah
21	SMK Tunku Abdul Rahman	Sekolah Menengah
22	SMK Taman Widuri	Sekolah Menengah
23	SMK Saujana Indah	Sekolah Menengah
24	Kolej Vokasional Nibong Tebal	Sekolah Menengah
25	SMK Tasek	Sekolah Menengah

Bil	Nama Sekolah	Kategori Sekolah
26	SMK Methodist	Sekolah Menengah
27	SMK Agama Sheikh Abdullah Fahim	Sekolah Menengah
28	SMK Sungai Acheh	Sekolah Menengah

Manakala, semua sekolah di Daerah Barat Daya dan Seberang Perai Utara mempunyai akses pengangkutan awam.

2. Rumah Rehat Bukit Mertajam.
 - (a) Nyatakan keluasan, status, perancangan dan kegunaannya.
 - (b) Berapakah anggaran harga tanah tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Rumah Rehat Bukit Mertajam terletak di atas tanah Kerajaan Negeri seluas 2.32 ekar di PT 260, Seksyen 4, Bandar Bukit Mertajam, SPT yang telah diberimilik kepada Perbadanan Ketua Menteri (CMI) bagi tujuan pembangunan sosial dan komersial. Terdapat beberapa permohonan diterima daripada beberapa pihak untuk dijadikan sebagai tempat letak kereta dan pusat jagaan rumah orang-orang tua. Selain itu, Hospital Bukit Mertajam menghadapi isu kekurangan tanah untuk tempat letak kereta dan telah memohon tanah Rumah Rehat Bukit Mertajam tersebut untuk dijadikan sebagai tempat letak kereta.

Pentadbiran CMI bercadang untuk bekerjasama dengan MBSP dan UN Habitat untuk melaksanakan projek yang berkaitan dengan Sustainable Development Goals (SDG) yang akan memfokuskan pembangunan belia di tapak tersebut.
 - (b) Nilai bagi tanah Rumah Rehat Bukit Mertajam adalah masih di dalam peringkat penilaian oleh JPPH memandangkan terdapat struktur bangunan dan gelanggang tenis yang lama terbiar. Manakala, anggaran kos untuk pembangunan semula Rumah Rehat Bukit Mertajam tersebut adalah sebanyak RM20 juta.
3. Nyatakan status projek pelebaran Jalan Kulim dan Jalan Kampung Besar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Projek pelebaran Jalan Kulim dan Jalan Kampung Besar telah disenaraikan dalam projek Rancangan Negeri Pulau Pinang 5 (RNPP 5). Reka bentuk terperinci projek telah disiapkan. Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) kini sedang menunggu kelulusan peruntukan dari Jabatan Kewangan Negeri (JKN) untuk pembinaan serta pengambilan balik tanah untuk projek tersebut.
4. Nyatakan pusat penjaja yang dibina oleh kerajaan tetapi diuruskan di bawah MPKK dan harga yuran yang dikutip mengikut daerah.
 - (a) Adakah yuran kutipan tersebut mencukupi untuk menampung kos penyelenggaraan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Senarai bagi pusat penjaja yang dibina oleh Kerajaan Negeri yang diuruskan oleh MPKK dan harga yuran mengikut daerah adalah seperti berikut:

**Senarai Pusat Penjaja Yang Dibina Oleh Kerajaan Negeri dan
Diuruskan Di Bawah MPKK**

Bil	Pusat Penjaja	Daerah	Yuran Bulanan (RM)
1	Kompleks Mutiara Heights	Timur Laut	36.00
2	Gerai Jalan Mahkamah	Barat Daya	50.00
3	Gerai Basah Simpang Empat	Barat Daya	150.00
4	Gerai Makan Kuala Sungai Burong	Barat Daya	60.00
5	Gerai Makan Kuala Pulau Betong	Barat Daya	60.00
6	Gerai Bukit Gemuroh	Barat Daya	300.00
7	Astaka Simpang Empat	Barat Daya	120.00
8	Astaka Padang Bola Kongsu	Barat Daya	60.00
9	Astaka Makan Titi Teras	Barat Daya	60.00
10	Lot Kedai Sungai Burong	Barat Daya	60.00

(a) Yuran kutipan tersebut tidak mencukupi untuk menampung kos penyelenggaraan yang diperlukan.

5. Senaraikan sekolah-sekolah dalam negeri yang menjalankan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) mengikut daerah.

(a) Adakah PPKI memenuhi keperluan di dalam negeri?

(b) Nyatakan nisbah guru dan pelajar yang sepatutnya ada dan adakah sumber tenaga kerja mencukupi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Senarai sekolah dalam negeri yang menjalankan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) mengikut daerah adalah seperti berikut:

**Sekolah Yang Menjalankan Program Pendidikan Khas Interasi
(PPKI) Mengikut Daerah**

Daerah	Bil	Nama Sekolah
Barat Daya	1	Sekolah Menengah Kebangsaan Balik Pulau
	2	Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bayu
	3	Sekolah Menengah Kebangsaan Pondok Upeh
	4	Sekolah Kebangsaan Permatang Damar laut
	5	Sekolah Kebangsaan Titit Teras
	6	Sekolah Kebangsaan Bayan Baru
	7	Sekolah Kebangsaan Seri Relau
	8	Sekolah Kebangsaan Balik Pulau

Daerah	Bil	Nama Sekolah
	9	Sekolah Kebangsaan Sungai Batu
Timur Laut	1	Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Nibong
	2	Sekolah Menengah Kebangsaan George Town
	3	Sekolah Menengah Kebangsaan (P) St. George
	4	Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Bunga
	5	Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong
	6	Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Polo
	7	Kolej Tingkatan Enam Haji Zainul Abidin
	8	Sekolah Kebangsaan Ayer Itam
	9	Sekolah Kebangsaan Tan Sri P. Ramlee
	10	Sekolah Kebangsaan Tanjung Bunga
	11	Sekolah Kebangsaan Jalan Hamilton
	12	Sekolah Kebangsaan Bukit Gambir
	13	Sekolah Kebangsaan Francis Light
	14	Sekolah Kebangsaan Jelutong Barat
	15	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Aik Hua
	16	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Shih Ching Pusat
	17	Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ramathasar
Seberang Perai Selatan	1	Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Acheh
	2	Sekolah Menengah Kebangsaan Jawi
	3	Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Indah
	4	Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawan
	5	Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek
	6	Sekolah Kebangsaan Bukit Tambun
	7	Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat
	8	Sekolah Kebangsaan Sungai Bakap
	9	Sekolah Kebangsaan Sungai Bakau
	10	Sekolah Kebangsaan Seri Sentosa
	11	Sekolah Kebangsaan Bandar Tasek Mutiara
	12	Sekolah Jenis Kebangsaan Chong Kuang

Daerah	Bil	Nama Sekolah
Seberang Perai Tengah	1	Sekolah Menengah Kebangsaan Berapit
	2	Sekolah Menengah Kebangsaan Sama Gagah
	3	Sekolah Menengah Kebangsaan Alma
	4	Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkuang
	5	Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Sejahtera
	6	Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Perda
	7	Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Hussein Onn
	8	Sekolah Menengah Kebangsaan Machang Bubuk
	9	Sekolah Kebangsaan Alma
	10	Sekolah Kebangsaan Jalan Baharu Perai
	11	Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Kandu
	12	Sekolah Kebangsaan Sungai Rambai
	13	Sekolah Kebangsaan Tanah Liat
	14	Sekolah Kebangsaan Seberang Jaya
	15	Sekolah Kebangsaan Bukit Minyak
	16	Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Perda
	17	Sekolah Kebangsaan Machang Bubok II
	18	Sekolah Kebangsaan Taman Impian
	19	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Perkampungan Berapit
Seberang Perai Utara	1	Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Tok Jaya
	2	Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Air Tawar
	3	Sekolah Menengah Kebangsaan Mak Mandin
	4	Sekolah Menengah Kebangsaan Pokok Sena
	5	Sekolah Menengah Kebangsaan Kepala Batas
	6	Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haji Hassan Noh
	7	Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Gelugor
	8	Sekolah Kebangsaan Bagan Jermal
	9	Sekolah Kebangsaan Bagan Tuan Kechil
	10	Sekolah Kebangsaan Kuala Muda
	11	Sekolah Kebangsaan Kuala Perai
	12	Sekolah Kebangsaan Lahar Kepar
	13	Sekolah Kebangsaan Pasir Gebu

Daerah	Bil	Nama Sekolah
	14	Sekolah Kebangsaan Pinang Tunggal
	15	Sekolah Kebangsaan Sungai Dua
	16	Sekolah Kebangsaan Pengkalan Jaya
	17	Sekolah Kebangsaan Pokok Sena
	18	Sekolah Kebangsaan Hashim Awang
	19	Sekolah Kebangsaan Mak Mandin

(a) Sehingga 31 Oktober 2023, terdapat sebanyak 30 buah sekolah menengah dan 46 buah sekolah rendah dengan 459 buah kelas. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih terdapat Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) yang belum dapat ditempatkan di PPKI disebabkan oleh kepadatan enrolmen MBPK sedia ada di PPKI.

(b) Nisbah guru pendidikan khas dan pelajar adalah 1:6:5 bagi setiap kelas. Sehingga 31 Oktober 2023, Pulau Pinang mengalami kekurangan guru sebanyak 13 orang bagi sekolah menengah dan sembilan (9) orang guru bagi sekolah rendah.

6. Nyatakan statistik masalah mental di Pulau Pinang dalam tempoh 10 tahun ini mengikut daerah dan kategori umur.

(a) Senaraikan perkhidmatan rawatan bagi pesakit masalah mental dalam negeri ini dengan bilangan pakar.

(b) Adakah nisbah ini memenuhi permintaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Pihak Jabatan tidak mempunyai data bilangan individu yang mempunyai masalah kesihatan mental di Pulau Pinang (*prevalence*) namun data kedatangan pesakit ke fasiliti kesihatan kerajaan bagi seluruh Pulau Pinang bagi rawatan kesihatan mental bagi tahun 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

Bil	Data Perkhidmatan Psikiatri (Jenis Perkhidmatan /Tahun)	2022	2023 (Sehingga Jun)
1.	Jumlah Pesakit Dalam (Kemasukan ke Wad Psikiatri)	690	346
2.	Jumlah Pesakit Luar: Rujukan baru:	2009	1022
	Umur < 18 tahun:	325	177
	Umur 18 – 60 tahun	1336	623
	Umur > 60 tahun	348	222
3.	Jumlah Pesakit Luar: Rawatan Susulan / Ulangan	30964	17417
	Umur < 18 tahun:	2518	1338
	Umur 18 – 60 tahun	21808	12650
	Umur > 60 tahun	6638	3429

Bil	Data Perkhidmatan Psikiatri (Jenis Perkhidmatan /Tahun)	2022	2023 (Sehingga Jun)
4.	Bil Perkhidmatan Psikiatri Komuniti (Rawatan di rumah)	3837	1917

- (a) Antara perkhidmatan rawatan bagi pesakit masalah mental dalam negeri ini adalah seperti kemasukan ke Wad Psikiatri, Rawatan Susulan/Ulangan, dan Rawatan Di Rumah.

Bilangan Pakar Perubatan Psikiatri dan Pakar Psikologi Klinikal di sektor awam di Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

- (i) Hospital Pulau Pinang - 9 orang pakar;
- (ii) Hospital Bukit Mertajam - 5 orang pakar;
- (iii) Hospital Seberang Jaya -1 orang pakar; dan
- (iv) Pakar Psikologi Klinikal - 3 orang pakar.

- (b) Keperluan Pakar Psikiatri sememangnya tidak mencukupi memandangkan nisbah Pakar Psikiatri kepada pesakit disarankan World Health Organization (WHO) adalah 1:10 000, namun pada masa sekarang nisbahnya adalah 1: 100 000. Pihak KKM sentiasa berusaha meningkatkan jumlah pelatih dan perjawatan pakar bagi mengurangkan jurang perbezaan ini.

Satu jawatankuasa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Kesihatan Mental Pulau Pinang telah ditubuhkan pada 14 November 2023 di bawah Jawatankuasa MMK Kesihatan untuk menyelaras isu-isu yang berkait rapat dengan kesihatan mental. Antara anggota jawatankuasa ini adalah pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seperti Befrienders Penang, I-Life Suicide Prevention Association, Kiwanis Penang Central, Persatuan Minda D'Home dan PG Care Society bagi menyelaraskan semua usaha sama ada dari awam dan swasta untuk mengetengahkan isu kesihatan mental.

Antara tugas utama jawatankuasa ini adalah untuk melihat kepada kajian tren pesakit kesihatan mental agar bantuan secara bersasar dapat disampaikan secara berkesan.

7. Nyatakan bilangan taska serta tadika berlesen dan tidak berlesen mengikut daerah.
- (a) Apakah nisbah guru / penjaga dengan murid yang ditetapkan?
 - (b) Apakah tindakan yang akan diambil ke atas mereka yang tidak mematuhi syarat?
 - (c) Nyatakan proses permohonan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berdasarkan rekod Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang, setakat 31 Oktober 2023, jumlah Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) yang berdaftar di Pulau Pinang adalah sebanyak 447 buah dan tidak berdaftar adalah sebanyak 96 buah. Manakala, berdasarkan rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang, setakat 31hb Oktober 2023, terdapat sebanyak 133 buah Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang berdaftar dan 34 buah TASKA yang tidak berdaftar. Perincian TASKA dan TADIKA berdaftar dan tidak berdaftar adalah seperti berikut:

Jumlah Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) serta Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Yang Berdaftar Dan Tidak Berlesen Mengikut Daerah

Bil	Daerah	Tadika		Taska	
		Berdaftar	Tidak Berdaftar	Berdaftar	Tidak Berdaftar
1	Timur Laut	128	45	27	11
2	Barat Daya	74	10	22	8
3	Seberang Perai Utara	80	8	32	8
4	Seberang Perai Tengah	95	28	35	5
5	Seberang Perai Selatan	70	5	17	2
Jumlah		447	96	133	34

- (a) Nisbah guru/penjaga dengan murid yang ditetapkan untuk TADIKA adalah 1:25. Bagi TASKA, nisbah pengasuh adalah seperti berikut:-

Bawah 1 tahun = 1 pengasuh : 3 kanak-kanak

1 tahun - 3 tahun = 1 pengasuh : 3 kanak-kanak

3 tahun - 4 tahun = 1 pengasuh : 10 anak-kanak

- (b) Bagi pengusaha TADIKA yang tidak berdaftar, mereka boleh diambil tindakan di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Subseksyen 132(2)(g)-Mengoperasikan institusi pendidikan tanpa berdaftar. Akta ini boleh membawa denda maksimum sebanyak RM30,000.00 atau hukuman penjara tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.

Pengoperasian TASKA pula adalah tertakluk kepada Akta TASKA 1984 (Akta 308) Seksyen 6 (1) yang membawa maksud bahawa tiada seorang pun boleh menjalankan atau mengambil bahagian dalam pengurusan sesuatu TASKA yang tidak didaftarkan di bawah peruntukan Akta ini. Mana-mana individu yang melanggar akta ini dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kali kedua atau berikutnya denda tidak melebihi RM20,000.00 atau hukuman penjara tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan. Selain ini, tindakan penguatkuasaan yang boleh dikenakan kepada TASKA yang tidak berdaftar adalah seperti kompaun, penyitaan premis TASKA (LAK) dan pendakwaan.

Bagi TASKA yang berdaftar di bawah JKM, ia adalah tertakluk kepada Akta TASKA 1984 (Akta 308) dan Peraturan-Peraturan TASKA 2012.

Sekiranya didapati sesuatu TASKA berdaftar tidak menepati syarat, maka tindakan-tindakan seperti mengenakan kompaun, pendakwaan, mengeluarkan arahan bertulis, perintah penutupan sementara dan pembatalan perakuan boleh dikeluarkan oleh pihak JKM.

- (c) Prosedur permohonan pendaftaran TASKA adalah seperti perincian berikut:-

- (i) Membuat carian nama JPN;

- (ii) Mendapatkan kelulusan nama TADIKA di Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- (iii) Pemeriksaan premis dan kurikulum oleh Pejabat Pendidikan Daerah atau JPN;
- (iv) Mendapat kelulusan tiga (3) agensi iaitu Jabatan Kesihatan Persekutaran dan Jabatan Perancangan Pembangunan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang;
- (v) Kelulusan TADIKA melalui mesyuarat JPN; dan
- (vi) Perakuan Pendaftaran dari JPN.

Prosedur permohonan pendaftaran TASKA adalah seperti perincian berikut:-

- (i) Mendapatkan konsultasi dan permohonan pendaftaran melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di mana sesebuah TASKA akan ditubuhkan;
- (ii) Permohonan pendaftaran yang lengkap akan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja;
- (iii) Bayaran fi pendaftaran dikenakan; RM50.00 bagi TASKA Di Rumah atau RM250.00 bagi TASKA Institusi, TASKA di Tempat Kerja dan TASKA Komuniti;
- (iv) Kelulusan Sijil Perakuan Pendaftaran TASKA akan dikeluarkan oleh Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri (PKMN) yang berkenaan. Sebarang pembetulan terhadap sijil tersebut hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari;
- (v) Tempoh sah pendaftaran adalah selama 60 bulan (5 tahun); dan
- (vi) Senarai TASKA berdaftar boleh disemak di laman web www.jkm.gov.my.

8. Terdapat beberapa bangunan terbiar lama di Bukit Mertajam seperti Mayang HyperStore yang telah menjejaskan imej dan keindahan persekitaran. Apakah akta-akta yang boleh dipakai supaya keadaan sebegini boleh dikurangkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Akta-akta yang boleh diguna pakai bagi mengatasi bangunan terbiar lama yang menjejaskan imej dan keindahan persekitaran adalah seperti berikut:
- (i) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]
 - Seksyen 74 dan Seksyen 75 (1) ; dan
 - (ii) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]
 - Seksyen 84.
9. PGC melaporkan pada bulan April 2023 bahawa kawasan rendah di Seberang Perai mungkin menjadi sebahagian daripada laut jika langkah mengurangkan kesan perubahan iklim tidak diambil. Selain usaha mengurangkan pelepasan karbon dan menjadikan Pulau Pinang lebih mesra alam, apakah tindakan yang akan diambil?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Menurut Laporan Kajian Impak Perubahan Iklim Pulau Pinang yang diterbitkan pada tahun 2021 oleh Penang Green Council (PGC), kenaikan aras air laut merupakan salah satu kesan pemanasan global yang dikesan seluruh dunia, terutamanya bandar-bandar berhampiran kawasan laut dan negara-negara pulau.

Kerajaan Negeri melalui PGC telah memperkenalkan dan melaksanakan pelbagai inisiatif dan program untuk mengurangkan intensiti perubahan iklim dan juga kenaikan aras air laut seperti berikut:

(i) Agenda Hijau Pulau Pinang 2030 (*Penang Green Agenda 2030*)

Penang Green Agenda 2030 telah melancarkan strategi, pelan tindakan termasuk penunjuk kemampan pembangunan mengikut Matlamat Pembangunan Lestari PBB (UNSDGs) dalam menghadapi cabaran alam sekitar secara global pada masa hadapan.

(ii) Industri Hijau - Projek Ekonomi Kitaran bagi Sektor Industri

Objektif utama bagi projek ini adalah mengurangkan kesan alam sekitar dari sektor elektrik dan elektronik (E&E), meningkatkan produktiviti dan prestasi alam sekitar dan membantu Pulau Pinang menjadi hab perindustrian hijau.

(iii) Pasukan Petugas Tenaga Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga Pulau Pinang (*Renewable Energy and Energy Efficiency (RE&EE) Taskforce*)

Pasukan ini telah ditubuhkan untuk mengenal pasti rangka kerja yang efektif bagi tujuan meningkatkan tahap pengambilan RE dan EE di Pulau Pinang.

(iv) Penubuhan Unit Pengurusan Bencana (*Disaster Management Unit*)

Di bawah saranan kumpulan kerja *Penang Green Agenda*, Unit Pengurusan Bencana Negeri Pulau Pinang telah ditubuhkan pada tahun 2021. Unit ini bertanggungjawab mengkordinasi dan mengenal pasti langkah-langkah untuk meningkatkan daya ketahanan Pulau Pinang terhadap pengurusan bencana melalui perancangan bersepadu.

10. Memandangkan FDI dan pembangunan industri kini lebih fokus di kawasan SPS, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyuntik peluang ekonomi baru di SPT? Dengan mengambil kira kedudukan SPT khususnya Bukit Mertajam yang berdekatan dengan kawasan industri di Kulim.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLANMalaysia), komited melaksanakan dasar yang terkandung di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030) di bawah Dasar Strategik Pelaksanaan 3.2.1, L.3.2.1.1 : Menyediakan Pelan Induk Perindustrian Untuk Menentukan Hala Tuju Pembangunan Perindustrian Dalam Negeri Pulau Pinang.

Oleh itu, kajian Pelan Induk Perindustrian Negeri ini akan dapat menyokong perancangan dan pembangunan fizikal yang efektif melalui aspirasi 'Negeri Pulau Pinang ke arah Sektor Perindustrian Pintar, Mampan dan Berdaya Saing'. Pelan induk ini akan diselaraskan dengan *New Industries Master Plan 2030* (NIMP2030).

Skop Kajian Pelan Induk Perindustrian Negeri Pulau Pinang 2030 ini adalah:

- (i) Mengetahui keperluan dan potensi pemajuan guna tanah dalam sektor perindustrian Negeri Pulau Pinang;

- (ii) Mengenal pasti keupayaan, potensi pelaburan dan pemeraksanaan negeri sebagai pemacu industri di peringkat domestik dan antarabangsa;
- (iii) Mengenal pasti kegiatan perindustrian masa hadapan yang akan memacu sektor pembuatan dan perkilangan ke arah 2050;
- (iv) Mengenal pasti keperluan industri masa hadapan, fizikal dan bukan fizikal bagi menyokong pembangunan sektor pembuatan dan perkilangan ke arah 2050; dan
- (v) Memperkasa sistem komunikasi dan prasarana industri yang cekap, lengkap dan berteknologi tinggi bagi kawasan industri.

Pada peringkat ini, Laporan Pendekatan Kajian (LPK) telah disediakan oleh perunding bagi memandu hala tuju Laporan Kajian Industri ini. Seterusnya untuk persediaan peringkat Laporan Teknikal ini, yang dijangka diserahkan pada Disember 2023, proses pengumpulan maklumat-maklumat dan data-data dari sumber awal perlu disediakan bagi mewujudkan Kajian Pelan Induk Industri yang komprehensif.

11. Sebagai sebuah negeri yang lebih mengimport makanan, bagaimanakah Kerajaan Negeri merancang untuk menjamin keselamatan makanan di Pulau Pinang dengan mengambil kira peningkatan harga makanan dan ancaman perubahan iklim, terutamanya untuk isi rumah berpendapatan rendah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) bagi tempoh 2021 sehingga 2025 telah menggariskan inisiatif bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan mampu dibeli melalui pelbagai program peningkatan pengeluaran dan produktiviti. Inisiatif jaminan bekalan makanan akan ditumpukan kepada pengeluaran beras, daging, buah-buahan, sayur-sayuran dan ikan bagi mencapai tahap sara diri (*self sufficient level*) yang disasarkan. Antara perancangan jangka panjang yang akan diberi tumpuan adalah seperti berikut:

- (i) usaha meningkatkan pengeluaran dan bekalan makanan;
- (ii) meningkatkan akses kepada makanan;
- (iii) menstabilkan harga makanan; dan
- (iv) menjamin keselamatan makanan dan pemakanan.

Pada tahun 2023, Jabatan Pertanian Negeri telah menerima peruntukan pembangunan negeri sebanyak RM5.72 juta bagi 14 projek/program pembangunan yang memberi manfaat secara langsung kepada kumpulan sasaran iaitu petani, usahawan Industri Asas Tani (IAT) dan belia tani. Insentif yang disalurkan melalui program dan projek pembangunan ini dapat membantu para petani, usahawan IAT dan para belia tani dalam meningkatkan produktiviti hasil pertanian dan sosio-ekonomi masing-masing dan seterusnya mengukuhkan lagi rangkaian bekalan makanan agar lebih berdaya tahan dan mampan dalam menghadapi pelbagai situasi luar jangka.

Jabatan Pertanian juga berusaha memastikan tiga (3) Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) iaitu TKPM Ara Kuda, TKPM Mayfield, TKPM Juru dan Taman AgroPertanian DOA-PERDA Ara Kuda terus beroperasi bagi memastikan pengeluaran sayuran dapat memenuhi keperluan penduduk negeri Pulau Pinang.

Selain itu, Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP) turut membantu dalam menjamin keselamatan makanan di Negeri Pulau Pinang berdasarkan dasar strategik pelaksanaan dan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Memastikan persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi negeri yang mampan, berdaya saing dan bernilai tinggi melalui penyediaan infrastruktur dan kemudahan sokongan yang bersesuaian. Mengekalkan dan memelihara kawasan-kawasan pertanian utama (KPU) di Negeri Pulau Pinang sebagai mendokong dasar keselamatan makanan negara; dan
- (ii) Mengekalkan dan memelihara kawasan sensitif alam sekitar bagi memastikan pembangunan mampan, mesra alam dan berdaya huni. Mengekalkan Kawasan Jelapang Padi di bawah Warta Tali Air dan kawasan tanaman padi aktif sebagai sumber sara hidup serta jaminan keselamatan makanan (*food security*).

Buat masa ini, Kerajaan negeri melalui MMK Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan merancang untuk menubuhkan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi melaksanakan perancangan keterjaminan makanan negeri dalam jangka masa pendek dan panjang. GLC ini akan memainkan peranan yang besar di dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan negeri. Ini merupakan usaha kerajaan negeri di dalam mencapai matlamat keterjaminan makanan menjelang 2030.

Selain itu, kerajaan negeri melalui MMK Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan juga sedang merangka “Pelan Induk Keterjaminan Makanan Pulau Pinang 2030” yang merangkumi pemfokusan kepada peningkatan produktiviti dan hasil pengeluaran sektor pertanian, penternakan dan perikanan. Antara bidang tumpuan termasuk pengadaptasian konsep *smart farming*, pengajian dan penyelidikan benih padi yang berdaya tahan tinggi terhadap cuaca ekstrem, peningkatan pengeluaran ternakan ruminan, penetasan benih ikan dan projek gudang keterjaminan makanan untuk menjamin bekalan makanan asas pada harga yang tidak membebankan golongan berpendapatan rendah serta mencukupi untuk keseluruhan penduduk negeri.

- 12. Adakah CMI akan membuat sebarang perubahan dari segi pemilikan 100 peratus Penang FC kerana telah tiga (3) tahun memiliki pasukan bola sepak ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 12. Penang FC Sdn. Bhd. diambil alih di bawah seliaan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) pada 8 Februari 2021 dengan pegangan 100% milikan CMI. Pada masa ini, Kerajaan Negeri sedang menyalurkan peruntukan tahunan kepada Penang FC untuk belanja mengurus dan operasi agensi berkaitan.

Mesyuarat Lembaga Pengarah CMI telah meluluskan bahawa 30 peratus (30%) milikan Penang FC dibuka untuk membolehkan mana-mana pihak yang berhasrat untuk melabur dalam Penang FC pada tahun 2024. Ini akan membantu meningkatkan *capital injection* kepada Penang FC dan dapat mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan peruntukan tahunan.

- 13. Bilakah kerajaan akan mengumumkan stesen-stesen lintasan LRT Pulau Pinang dan Butterworth?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 13. Pada masa ini, pelaksanaan projek LRT sedang menunggu keputusan Kementerian Pengangkutan bagi memuktamadkan kaedah pelaksanaan dan perincian teknikal, iaitu dari segi jajaran dan lokasi stesen LRT.

Justeru, perincian tentang jajaran dan stesen yang menghubungkan LRT dari Pulau dan Butterworth akan diumumkan oleh Kementerian Pengangkutan selepas kajian teknikal dijalankan.

14. Adakah PBA akan meneruskan insentif bil diskaun untuk sekolah-sekolah memandangkan institusi ini hanya beroperasi tanpa sebarang keuntungan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Tarif “bukan domestik” telah disemak dan diwartakan serentak untuk kesemua sebelas (11) negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan pada 29 Julai 2022. Penggunaan air oleh sekolah telah diselaraskan dan dikategorikan sebagai penggunaan bukan domestik. Kerajaan Negeri melalui Y.A.B. Ketua Menteri pada 16 April 2023 telah mengumumkan rebat tarif air kepada sekolah-sekolah berdaftar di Negeri Pulau Pinang untuk ‘penggunaan air bukan domestik’ dan rebat ini telah dibuat sebagai tanda muhibah dalam usaha mengekalkan serta menyokong hubungan baik dengan sekolah-sekolah di negeri ini yang menyediakan pendidikan rendah dan menengah kepada beribu-ribu anak muda Pulau Pinang setiap hari. Rebate tersebut telah berlangsung selama enam bulan dengan tempoh sah permohonan tersebut antara April hingga September 2023 dan pentadbir-pentadbir sekolah mesti memohon rebat tersebut daripada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sebelum 30 September 2023.

Walau bagaimanapun, PBAPP tidak meneruskan insentif bil diskaun ini (rebat) namun PBAPP bersedia memberi kerjasama dengan semua sekolah di Pulau Pinang untuk membantu mereka menjimatkan air sekaligus menjimatkan kos penggunaan air. PBAPP telah mengambil langkah yang lebih rasional, mampan dan hijau dalam memastikan pemuliharaan air di sekolah-sekolah berbanding dengan pemberian rebat dan antara langkah-langkah yang boleh diambil untuk penjimatan air adalah seperti berikut:

- (i) Pemasangan peranti penjimatan air (WSD) di semua tandas sekolah untuk menjimatkan air “secara automatik” dengan setiap penggunaan;
 - (ii) Mendidik dan mengingatkan murid-murid supaya mengamalkan tip penjimatan air seperti tidak membiarkan pili air mengalir, meminimumkan penggunaan hos semburan dan melaporkan paip atau pili yang bocor kepada pentadbir sekolah dengan segera;
 - (iii) Mengurangkan penggunaan air secara keseluruhan untuk kerja-kerja berkebun, pembersihan dan penyelenggaraan di sekolah;
 - (iv) Melarang mencuci kereta atau motosikal di kawasan sekolah;
 - (v) Melaksanakan “projek penjimatan air” sekolah seperti sistem penuaian air hujan yang inovatif untuk menakung air untuk kegunaan berkebun dan/atau memasang sistem tandas yang meminimumkan penggunaan air untuk tujuan pembilasan;
 - (vi) Membaiki/menukar semua paip dan pili yang bocor di kawasan sekolah dengan segera; dan
 - (vii) Menghubungi PBAPP untuk menggantikan meter air sekolah lama yang mungkin tidak berfungsi.
15. Nyatakan status pembaikan mural Ernest Zacharevic yang semakin luntur di Lebuhraya Armenian.
- (a) Mengapakah proses tersebut mengambil masa yang panjang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Pengerusi Penang State Art Gallery dan Penang Global Tourism (PGT) telah memaklumkan secara rasmi kepada peguam Ernest Zacharevic cadangan untuk mengupah beliau bagi memulihkan mural-mural tersebut. PGT sedang menunggu jawapan daripada peguam Ernest Zacharevich mengenai perkara ini.
- (a) PGT sedang menunggu maklum balas daripada peguam Ernest Zacharevic. Ernest Zacharevic sedang melaksanakan tugas di lokasi lain.
16. Apakah status projek 'Penang Free WiFi' yang dilancarkan sebelum ini dan bilangan 'hotspot' yang masih aktif sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Perkhidmatan *Penang Free Wifi* (PFW) telah diperkenalkan pada tahun 2009 oleh Kerajaan Negeri sebagai usaha untuk mengurangkan jurang digital dalam kalangan penduduk di negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, pada 13 Februari 2019, Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan ini kerana terdapat beberapa isu berbangkit berkaitan perkhidmatan PFW seperti tahap *bandwidth* dan liputan yang disediakan oleh pihak REDtone International Berhad (REDtone) adalah tidak memuaskan.
17. Terminal Bas KOMTAR telah berjaya dipulihkan dan dibersihkan dengan imej yang bagus. Adakah kerajaan ingin menambah baik keadaan gelap dan merbahaya di Terminal Bas BM Summit?
- (a) Adakah terminal bas di SPS akan dibina?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menambah baik keadaan gelap dan merbahaya di Terminal BM Summit memandangkan terminal tersebut adalah hak milik swasta.
- (a) Terdapat terminal bas sedia ada di SPS iaitu di Pekan Nibong Tebal. Selain itu, perancangan untuk membina dua (2) terminal bas di SPS adalah seperti kawasan berikut:
- (i) Kawasan Bandar Cassia di bawah kemajuan Tetuan Aspen Vision City Sdn Bhd; dan
- (ii) Kawasan Simpang Ampat di bawah kemajuan Tetuan GUH Sdn Bhd.
18. Adakah program cergas yang pada satu ketika dulu dipergiatkan di negeri ini akan kembali diusahakan seperti acara basikal 'Campaign For A Lane' (CFAL), acara 'Penang Run', acara 'Ultra Marathon' dan acara 'Penang International Duathlon & Triathlon'?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kerajaan Negeri sentiasa menyokong dan menerima baik cadangan penganjuran sukan-sukan berkemuniti dari persatuan sukan negeri atau pertubuhan-pertubuhan rekreasi yang ingin menganjurkan program kesukanan yang mampu memberi manfaat kepada pembangunan gaya hidup sihat dan aktif di negeri ini.

Program berbasikal seumpama "*Campaign for a Lane: Come Ride with CM*" yang dianjurkan pada tahun 2009 dan kesinambungan program "*Campaign for a Lane*" secara tahunan untuk tempoh 11 tahun lamanya telah dianjurkan oleh Kelab G

Berbasikal Pulau Pinang yang turut merupakan penganjur utama bagi acara *Penang International Duathlon & Triathlon* sejak tahun 2013 hingga 2017 untuk 5 tahun berturut-turut. Manakala program larian *Penang Run* telah dianjurkan oleh syarikat pengurusan acara *Active Style Events* untuk tempoh selama 12 tahun lamanya.

Dalam menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai Bandaraya Sukan Bertaraf Antarabangsa, sebarang tawaran kerjasama serta penganjuran program kesukanan negeri akan dipertimbangkan untuk pelaksanaannya jika memberi manfaat kepada ekonomi, sosial dan kesihatan masyarakat Pulau Pinang.

19. Apakah perancangan projek laluan khas basikal?
- (a) Adakah laluan khas akan dipanjangkan?
 - (b) Bagaimanakah dengan bahagian yang berkongsi laluan dengan kenderaan bermotor?
 - (c) Nyatakan status dan perancangan laluan khas basikal di Seberang Perai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Projek Laluan Khas Basikal di Seberang Perai adalah projek yang dirancang di dalam Pelan Induk Laluan Basikal yang dilancarkan oleh pihak MBSP pada tahun 2012. Pelan induk ini mencadangkan laluan basikal sepanjang 210 kilometer yang berkonsepkan *road sharing* (berkongsi dengan kenderaan bermotor) bermula dari Kuala Muda di Seberang Perai Utara dan berakhir di Seri Ampangan di Seberang Perai Selatan. Sehubungan itu, pihak MBSP juga telah meluluskan satu Garis Panduan dan Pelaksanaan Penyediaan Laluan Basikal Di Kawasan MBSP pada 25 Februari 2019 yang mensyaratkan penyediaan laluan basikal berukuran 10 kaki bagi rezeb jalan 50 kaki dan ke atas.
- (a) Setakat ini, pihak MBSP tiada perancangan untuk memanjangkan laluan khas basikal tersebut kerana pihak MBSP sedang memfokuskan kepada pelaksanaan projek yang telah dirancang terlebih dahulu yang memakan masa dan melibatkan peruntukan kewangan.
 - (b) Setakat ini, laluan basikal yang berkongsi dengan kenderaan bermotor akan dikekalkan dengan tambahan peletakkan papan tanda (laluan basikal) supaya kenderaan bermotor lebih prihatin dan berwaspada kepada pengguna basikal.
 - (c) Pihak MBSP kini sedang dalam proses perancangan Pelan Induk Laluan Basikal Bandar Cassia yang akan diusahakan bersama-sama pihak Penang Development Corporation (PDC). Pelan ini merupakan lanjutan daripada Pelan Induk Laluan Basikal MBSP dan akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut fasa yang merangkumi jarak sejauh 82.5 kilometer.
20. Adakah peraturan 'tanpa pekerja asing' masih berkuat kuasa di premis makanan di bawah seliaan Kerajaan Tempatan?
- (a) Apakah yang akan dilakukan jika terdapat penjaja melanggar peraturan?
 - (b) Nyatakan bilangan penjaja yang telah diambil tindakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Penguatkuasaan polisi tiada pekerja / pembantu warga asing di kesemua premis makanan di bawah seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) masih berkuatkuasa.

- (a) Antara tindakan yang boleh diambil terhadap penjaja asing yang melanggar peraturan adalah seperti berikut:
- (i) Tindakan rampasan barangan perniagaan tanpa lesen;
 - (ii) Mengambil tindakan pembatalan lesen perniagaan yang dimiliki oleh warga tempatan di atas kesalahan tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan seperti menyewakan premis perniagaan kepada warga asing;
 - (iii) Mengeluarkan Notis Menghendaki Perniagaan Dihentikan kepada pemilik perniagaan dan warga asing yang tidak berlesen; dan
 - (v) Mengeluarkan tawaran kompaun kepada pemilik yang tidak mematuhi syarat pelesenan berkaitan pengambilan pekerja atau pembantu warga asing.
- (b) Bilangan penjaja yang telah diambil tindakan bagi isu warga asing yang berniaga secara haram di kawasan MBPP dan MBSP sehingga bulan Oktober 2023 adalah masing-masing sebanyak 104 dan 36 penjaja.

21. Nyatakan caj yang telah dikutip sehingga kini dan kegunaannya bagi Hari Tanpa Beg Plastik.

- (a) Huraikan cabaran kempen ini.
- (b) Nyatakan perancangan yang teliti Kerajaan Negeri bagi meneruskan pelbagai inisiatif hijau.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Selepas Kerajaan Negeri menaikkan caj beg plastik daripada RM0.20 ke RM1.00 dan memperkenalkan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik pada 2021, permintaan beg plastik oleh pengguna telah menurun sebanyak 78 peratus dari 2020 hingga 2021. Hasil kutipan ini akan dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Kebajikan di mana digunakan untuk program kebajikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Caj beg plastik akan dikutip oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Berikut merupakan jumlah kutipan caj beg plastik oleh MBPP dan MBSP:

- (i) Jumlah kutipan oleh MBPP; dan

Tahun	Jumlah Kutipan (RM)
2019	1,170,363.60
2020	982,109.00
2021	991,577.20
2022	905,265.00
2023 (sehingga 31 Oktober)	966,926.40

- (ii) Jumlah kutipan oleh MBSP

Tahun	Jumlah Kutipan (RM)
2019	949,795
2020	1,141,350

2021	1,141,525
2022	682,833
2023 (sehingga 30 September)	978,569

(a) Pelbagai cabaran untuk melaksanakan kempen ini dihadapi oleh pihak MBPP dan MPSP. Antara cabaran tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Memastikan jumlah serahan kutipan caj jualan beg plastik yang telah dikutip oleh peniaga diserahkan dalam jumlah yang seharusnya dibayar kepada MBSP dan MBPP;
- (ii) Memastikan peniaga-peniaga mengenakan caj yang sepatutnya kepada semua pelanggan yang menggunakan setiap helaian beg plastik;
- (iii) Untuk memastikan kempen Hari Tanpa Beg Plastik dilaksanakan secara menyeluruh oleh peniaga-peniaga pada hari-hari yang telah ditetapkan di dalam garis panduan;
- (iv) Untuk memastikan semua peniaga memahami dan melaksanakan kempen ini pada setiap hari;
- (v) Untuk mendaftarkan premis-premis sedia ada berdaftar penyertaan kempen dengan MBSP dan MBPP;
- (vi) Mengubah persepsi orang awam mengenai amalan penggunaan beg plastik sekali guna;
- (vii) Kurangnya kesedaran dan pengetahuan di peringkat masyarakat mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar;
- (viii) Kurangnya sambutan daripada pihak-pihak tertentu terutama daripada pengilang beg plastik yang seharusnya membuat persediaan untuk beralih kepada beg yang diperbuat daripada bahan mudah terurai;
- (ix) Kempen tidak dibuat secara menyeluruh selain tiada kerjasama dalam kalangan premis perniagaan berhubung penggunaan beg plastik di premis masing-masing bagi menjaga kelangsungan masing-masing;
- (x) Menggubal dan menguatkuasakan undang-undang sedia ada agar lebih tegas bagi memberi impak kepada pengusaha yang enggan mematuhi larangan; dan
- (xi) Rasional kepada penggunaan beg plastik sekali guna atas alasan penggunaannya lebih mudah kerana boleh terus dibuang terutama bagi pembelian barang basah.

(b) Perancangan yang teliti Kerajaan Negeri bagi meneruskan pelbagai inisiatif hijau adalah seperti berikut:

(i) **Trash-Free Penang;**

Trash-Free Penang merupakan program bertemakan HIJAU di bawah Inisiatif Pembinaan Komuniti yang diperkenalkan oleh Unit *Penang2030* selaras dengan pelaksanaan Fasa 2 *Penang2030*-Mempercepat Pencapaian *Penang2030* (*Accelerating Penang2030*).

Program yang melibatkan kerjasama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan pelbagai pihak berkepentingan ini bertujuan untuk menggalakkan pengasingan sisa di punca dan mengurangkan

penggunaan plastik sekali guna. Program ini adalah usaha PGC dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menggalakkan masyarakat setempat mengasingkan sisa mereka dengan cara yang betul selaras dengan dasar Pengasingan Sisa di Punca. Di samping itu, ia juga dapat membantu mewujudkan masyarakat yang prihatin terhadap alam sekitar di kawasan kejiranan mereka.

Sehingga November 2023, sebanyak tujuh (7) buah stesen kitar semula telah dibina dan ditambah baik manakala dua (2) lagi stesen dalam fasa pembinaan:

- (1) *Tanjong Bungah Market & Food Complex*;
- (2) Pusat pengumpulan bahan kitar semula Tingkat Erskine satu (1);
- (3) Pusat kitar semula MPKK Thamby Kecil;
- (4) Pusat kitar semula MPKK Taman Lucky;
- (5) SJKC Chin Hwa, Kepala Batas;
- (6) SJKC Moh Ghee Cawangan, Jelutong;
- (7) SJKC Sin Chung, Penaga;
- (8) SJKC Mah Hua, Tasek Gelugor (dalam pembinaan); dan
- (9) SJKC Pai Chai, Batu Feringgi (dalam pembinaan).

(ii) Kajian Kebolehlaksanaan bagi Pengumpulan dan Kitar Semula Filem Pembungkusan Plastik;

PGC dengan kerjasama *Resource Recycling System, Inc. (RRS)* sedang menjalankan kajian kebolehlaksanaan bagi pengumpulan dan kitar semula filem pembungkusan plastik. Untuk menyokong kajian kebolehlaksanaan ini, satu kaji selidik mengenai persepsi orang awam terhadap sisa plastik di Pulau Pinang telah dijalankan bermula 5 Oktober 2022 sehingga 30 November 2022. Hasil daripada kaji selidik ini menunjukkan bahawa lebih separuh (53%) daripada responden membawa beg yang boleh diguna semula pada kebanyakan masa. Hasil laporan dan maklumat daripada kaji selidik ini akan digunakan untuk pelaksanaan projek perintis bagi pengumpulan dan kitar semula filem pembungkusan plastik di samping membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengumpul data yang diperlukan untuk mengenal pasti elemen yang diperlukan untuk mewujudkan program perintis ini.

(iii) Kaji Selidik Persepsi Orang Awam Terhadap Pelaksanaan Kempen Tanpa Beg Plastik di Pulau Pinang dan Video Rasmi Kempen;

PGC telah menjalankan kaji selidik mengenai persepsi orang awam terhadap pelaksanaan Kempen Tanpa Beg Plastik di Pulau Pinang serta video rasmi kempen sebagai usaha dalam menghebahkan serta mempromosikan kempen Tanpa Beg Plastik.

- (1) Kaji Selidik Persepsi Orang Awam Terhadap Pelaksanaan Kempen Tanpa Beg Plastik di Pulau Pinang.

Satu (1) kaji selidik telah dijalankan bagi memahami persepsi masyarakat dan peniaga di Pulau Pinang dalam menangani penggunaan plastik sekali guna. Kaji selidik ini juga bertujuan mengukur tahap kesediaan masyarakat untuk menghentikan penggunaan plastik sekali guna dalam kehidupan seharian.

Seramai 750 orang pengguna dan 304 orang peniaga terlibat dalam kaji selidik yang telah dijalankan selama tiga (3) bulan dari Julai hingga September 2023. Kajian ini kini berada pada fasa penyediaan laporan dan dijangkakan akan diterbitkan pada Disember 2023; dan

(2) Video Rasmi Kempen Tanpa Beg Plastik.

Video rasmi kempen ini bertujuan untuk mempromosikan kempen yang telah mula diperkenalkan sejak tahun 2009 dan juga sebagai sebahagian daripada strategi publisiti kempen. Video tersebut turut mendapatkan tinjauan daripada orang awam terhadap pendapat dan persepsi mereka mengenai kempen tersebut. Menurut temubual jalanan, orang ramai mengetahui Kempen Tanpa Beg Plastik dan gembira kerana ia telah dilaksanakan di Pulau Pinang. Video rasmi tersebut boleh ditonton di media sosial PGC (*Facebook, Youtube*) dan turut digunakan ketika sesi taklimat pendidikan, kunjungan hormat agensi dalam dan luar negara, dan semasa jerayawara (*roadshow*).

(iv) **Program Pendidikan dan Kesedaran;**

Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran tentang isu-isu alam sekitar dan menyediakan platform untuk membimbing dan melatih pemimpin dan ahli komuniti dalam pemeliharaan alam sekitar. Kumpulan sasaran projek ini adalah orang awam, pemimpin komuniti, pihak swasta & agensi kerajaan, pihak sekolah dan golongan belia. Antara projek-projek yang dijalankan termasuk ceramah pendidikan, bengkel dan kem alam sekitar, lawatan sambil belajar serta pendidikan melalui video pendek. Topik perkongsian seperti perubahan iklim, pengurusan sisa pepejal dan makanan, impak-impak plastik sekali guna, pemeliharaan biodiversiti, konservasi sumber air dan tenaga.

(v) **Anugerah & Insentif Hijau; dan**

PGC turut menyediakan pelbagai insentif dan anugerah bagi merakamkan penghargaan kepada pihak sekolah, swasta dan komuniti dalam usaha untuk mengalakkan kecekapan sumber (termasuk pengurangan penggunaan beg plastik). Ini termasuk Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang, Insentif Tadika Hijau Pulau Pinang dan Pensijilan Pejabat Hijau.

- (1) Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang adalah program pengauditan alam sekitar yang telah membantu sekolah-sekolah di Pulau Pinang mewujudkan persekitaran sekolah yang Lestari;
- (2) Insentif Tadika Hijau Pulau Pinang telah memupuk semangat cinta terhadap alam sekitar dalam kalangan kanak-kanak di Pulau Pinang; dan
- (3) Pensijilan Pejabat Hijau Pulau Pinang ialah program pensijilan untuk membantu pejabat menguna pakai prinsip-prinsip mampan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih lestari.

(vi) **Jaringan Sisa Sifar (Zero Waste Network).**

Jaringan Sisa Sifar (*Zero Waste Network*) merupakan pangkalan data yang membolehkan orang awam mencari lokasi dan cara menghubungi pusat kitar semula dan pusat pembelian balik (*buyback centre*) yang terdekat di kawasan kediaman mereka di negeri Pulau Pinang. Sehingga kini, terdapat sebanyak 161 lokasi pusat kitar semula dan pusat pembelian balik (*buyback centre*) telah direkodkan.

22. Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri bagi mengatasi gangguan bekalan air yang telah berlaku beberapa kali akibat masalah Sungai Muda.
- (a) Nyatakan perancangan yang sepatutnya dilakukan untuk menjamin bekalan air tidak putus dalam jangka panjang dan jangka pendek.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mengambil inisiatif menyediakan pelan Pengurusan Krisis Sungai Muda (SM-CMP) bagi mengatasi gangguan bekalan air yang telah berlaku beberapa kali akibat masalah Sungai Muda.
- (a) Kerajaan Negeri menerusi kenyataan media yang telah dibuat oleh PBAPP pada 4 Oktober 2023 telah mengumumkan beberapa perangkaan pelan SMCMP melalui perancangan projek infrastruktur bekalan air yang berdaya maju dan kos efektif yang akan lebih melindungi pengguna air Pulau Pinang daripada kesan insiden Sungai Muda di Kedah pada masa hadapan. Antara perancangan jangka masa pendek dan panjang yang diusahakan adalah melibatkan projek kejuruteraan cegahan melibatkan saluran paip pelepasan kecemasan 400 juta liter sehari (JLH) untuk melengkapkan pakej pembesaran Empangan Mengkuang supaya kapasiti pelepasan air dapat ditingkatkan dengan maksimum sebanyak 1000JLH kerana ketika ini kapasiti pelepasan air adalah 300JLH menerusi Empangan Mengkuang dan apabila projek Fasa 2B siap sepenuhnya ianya akan meningkatkan kapasiti pelepasan sebanyak 600 JLH sahaja. Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua memerlukan kira-kira 1,100 JLH air mentah setiap hari untuk menghasilkan 1,000 JLH air terawat. Oleh yang demikian, Empangan Mengkuang masih memerlukan 400JLH lagi untuk melepaskan air secara maksimum sebanyak 1000JLH supaya LRA Sungai Dua dapat beroperasi secara optimum. Bagi membolehkan pelepasan air dilaksanakan secara maksimum sebanyak 1000JLH menerusi Empangan Mengkuang, Kerajaan Negeri telah memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan pelaksanaan projek fasa 2C bagi melengkapkan pakej pembesaran Empangan Mengkuang supaya bekalan air di Negeri Pulau Pinang akan terjamin. Seterusnya pelan ini juga melibatkan projek bagi kerja-kerja pra rawatan air mentah melibatkan pra-tapis/rawat air mentah yang memasuki LRA Sungai Dua serta penyingkiran zarah dan mendapan yang berkesan daripada air mentah yang sangat berlumpur/keruh dari Sungai Muda dan ianya adalah tertakluk kepada kajian kebolehlaksanaan. Selain itu, pelan ini juga mengambilkira perancangan menyediakan kemudahan takungan air mentah pinggir sungai (TAPS) (Empangan Mini Pinggir Sungai) untuk menyokong keperluan bekalan air kepada Terusan Sungai Dua jika diperlukan, menyediakan kolam pengimbang 2 Sungai Dua serta menaiktaraf keupayaan modul rawatan air untuk merawat lebih banyak air berlumpur/keruh daripada maksimum 1,000 *nephelometric turbidity units* (NTU) kepada 2,500 NTU tertakluk kepada kajian kebolehlaksanaan.

Bagi perancangan jangka masa panjang jua, Kerajaan Negeri tetap berusaha untuk meneruskan rundingan bersama dengan Kerajaan Negeri Perak bagi mempercepatkan pelaksanaan projek Sungai Perak Raw Water Transfer Scheme (SPRWTS) sebagai sumber air mentah tambahan bagi menampung keperluan bekalan air menjelang Tahun 2050. Selain itu, Kerajaan Negeri juga dalam usaha untuk meneroka sumber-sumber baru yang dapat memberi impak yang tinggi kepada sumber air untuk memenuhi permintaan air yang semakin tinggi melalui kolaborasi bersama dengan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan kajian-kajian lanjut secara terperinci bagi penerokaan sumber baru untuk mengenal pasti potensi terhadap sumber air.

23. Nyatakan status projek Kereta Kabel Bukit Bendera.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Bagi memastikan pelaksanaan projek ini lancar, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Bagi Pelaksanaan Projek Kereta Kabel Bukit Bendera yang telah diluluskan di Mesyuarat MMK pada 18 Januari 2023.

Jawatankuasa ini mempunyai tiga (3) jawatankuasa kecil iaitu Jawatankuasa Kewangan dan Perundangan, Jawatankuasa Pembangunan dan Teknikal serta Jawatankuasa Kerja Urusan Tanah yang akan meneliti setiap komponen projek bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek ini.

Beberapa siri mesyuarat dan lawatan tapak telah diadakan bersama pihak Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP), pihak konsesi iaitu syarikat Hartasuma Sdn. Bhd. serta jabatan-jabatan teknikal bagi memuktamadkan kedudukan stesen dan jajaran kereta kabel. Jajaran yang dimuktamadkan akan bermula dengan stesen bawah (*Garden Station*) daripada sebahagian lot 2845 dan lot 2850 (bersebelahan dengan Kelab Menembak Pulau Pinang) dan akan tamat di stesen atas (*Hill Station*) di kawasan JKR Valley (di belakang Balai Polis Bukit Bendera). Panjang jajaran adalah 2.77km dengan masa perjalanan gondola hampir 12 minit.

PBBPP telah membentangkan projek ini di Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 3/2023 yang bersidang pada 13 April 2023. Perjanjian konsesi telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dan pihak konsesi pada 26 Jun 2023. Kerja-kerja *soil investigation*, *mackintosh probe* dan *resistivity survey lines* telah dilaksanakan di kesemua lokasi stesen dan *phylon* di sepanjang jajaran tersebut. Kajian *Traffic Impact Assessment* (TIA), *Environmental Impact Assessment* (EIA), *Social Impact Assessment* (SIA) dan geoteknikal telah dilaksanakan dan dikemukakan kepada jabatan yang berkaitan untuk kelulusan.

Reka bentuk seni bina dan landskap masih di peringkat penyediaan akhir dan akan dimuktamadkan dalam masa terdekat ini. Permohonan Kebenaran Merancang telah dikemukakan pada 14 Ogos 2023. Seterusnya projek ini akan dibentangkan di Majlis Perancang Fizikal Negara yang dijadualkan pada 7 Disember 2023 untuk pemakluman. Mesyuarat berkala di pelbagai peringkat diadakan bagi memastikan setiap langkah yang perlu diambil dilaksanakan.

24. Kempen penggunaan basikal ke tempat kerja iaitu 'Bike on Friday' diperkenalkan sejak tahun 2015. Berapakah jumlah insentif hijau yang telah dikeluarkan dan adakah ia mencapai matlamat KPI?

(a) Nyatakan rancangan dengan terperinci bagi kemudahan seperti tempat mandi, persalinan dan kawasan rehat untuk menjayakan kempen ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kempen penggunaan basikal ke tempat kerja iaitu '*Bike on Friday*' diperkenalkan sejak tahun 2015 dan diuruskan oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). MBPP telah mengadakan beberapa program berbasikal bersama organisasi-organisasi bukan kerajaan dan persatuan-persatuan bagi tujuan mempromosikan aktiviti penggunaan basikal.

MBPP juga telah menyediakan insentif *Green Mileage* kepada kakitangan MBPP yang menggunakan basikal untuk ke tempat kerja. Bayaran sebanyak RM1.00 per kilometer atau maksimum RM300 sebulan boleh dituntut oleh kakitangan MBPP. Tujuan kempen ini adalah untuk menggalakkan lebih ramai kakitangan MBPP menggunakan basikal sebagai mod pengangkutan ke tempat kerja di samping dapat meningkatkan kesihatan badan.

Di samping itu, MBPP juga mempunyai beberapa inisiatif lain bagi meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan kakitangannya. Salah satu inisiatif utama adalah program *Green Incentive*. Dalam program ini, insentif diberikan kepada kakitangan yang menggunakan pengangkutan awam ke pejabat dan bagi menjalankan tugas rasmi serta urusan persendirian. Ini bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan sekali gus mengurangkan *carbon footprint* di negeri Pulau Pinang selaras dengan konsep *Greener and Healthier* Penang. Subsidi sebanyak 100% akan diberikan kepada mereka yang mengemukakan tuntutan penggunaan pengangkutan awam tertakluk kepada lima belas (15) hari sebulan.

- (a) Selain itu, MBPP telah menyediakan kemudahan-kemudahan di laluan basikal seperti tempat letak basikal, lampu isyarat untuk penunggang basikal melintas jalan, halangan untuk motosikal, papan tanda serta garisan jalan untuk laluan basikal yang diadakan mengikut piawaian MBPP. Seterusnya, tempat rehat untuk penunggang basikal telah dibina oleh MBPP di Jalan Tanjong Bungah berhampiran dengan *Penang Swimming Club* (PSC) dan beberapa lokasi di pesisiran pantai timur pulau untuk memberi kemudahan kepada penunggang basikal berhenti berehat dan menikmati pemandangan laut di kawasan tersebut.

MBPP juga telah mensyaratkan terhadap sebahagian projek-projek pemajuan untuk penyediaan tempat letak basikal, tempat mandi, bilik persalinan dan tempat menyimpan barangan khas untuk penunggang basikal. MBPP telah mensyaratkan kepada projek-projek pemajuan baharu untuk tambahan 20% daripada petak letak motosikal disediakan untuk tempat letak basikal. Tempat mandi, bilik persalinan dan tempat menyimpan barangan disediakan untuk pembangunan komersial, pejabat dan institusi pendidikan yang meliputi keluasan lantai terbina (built-up floor area) melebihi 50,000 kaki persegi. Keluasan lantai sekurang-kurangnya 250 kaki persegi atau 23 meter persegi disediakan untuk kemudahan ini. Tambahan seluas 10 kaki persegi untuk kemudahan pengguna basikal disediakan untuk setiap tambahan 10,000 kaki persegi keluasan lantai pembangunan terlibat.

25. Bajet 'George Town Festival' telah berkurangan daripada RM4.5 juta kepada RM1.5 juta semasa pandemik. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk kembalikan bajet asal ini supaya penganjur dapat memperluaskan program dan menjemput artis antarabangsa terkenal?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. George Town World Heritage Incorporated adalah penganjur George Town Festival sejak tahun 2008. George Town Festival telah menjadi pentas seni, warisan dan

kebudayaan antarabangsa yang terunggul di Asia Pasifik dan telah mendapat sambutan yang amat baik di kalangan komuniti tempatan dan antarabangsa. Walaupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan peruntukan RM1.5 juta kepada George Town World Heritage Incorporated untuk melaksanakan George Town Festival pada tahun 2024, lebih banyak program dan aktiviti akan tetap dilaksanakan bagi memupuk minat generasi muda mengambil bahagian dengan aktif dalam festival ini.

26. Pesta Belon Udara Panas Pulau Pinang telah mendapat sambutan baik sebelum ini. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk meneruskan program ini sebagai produk pelancongan untuk Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Bagi penganjuran Pesta Belon Udara Panas Pulau Pinang, Penang Global Tourism telah memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi meneruskan penganjuran pesta ini. Kerajaan Negeri akan membuat pertimbangan berdasarkan kesesuaian tapak, kesesuaian jadual serta bajet program berkenaan.
27. Bekalan air di Pulau Pinang terganggu berulang kali akibat insiden di Sungai Muda. Apakah pelan jangka pendek, sederhana dan panjang serta tempoh masa yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mengambil inisiatif menyediakan Pelan Pengurusan Krisis Sungai Muda (SM-CMP) bagi mengatasi gangguan bekalan air yang telah berlaku beberapa kali akibat masalah Sungai Muda.

Kerajaan Negeri menerusi kenyataan media yang telah dibuat oleh PBAPP pada 4 Oktober 2023 telah mengumumkan beberapa perangkaan pelan SM-CMP melalui perancangan projek infrastruktur bekalan air yang berdaya maju dan kos efektif yang akan lebih melindungi pengguna air Pulau Pinang daripada kesan insiden Sungai Muda di Kedah pada masa hadapan. Antara perancangan jangka masa pendek dan panjang yang diusahakan adalah melibatkan projek kejuruteraan cegahan melibatkan saluran paip pelepasan kecemasan 400 juta liter sehari (JLH) untuk melengkapkan pakej pembesaran Empangan Mengkuang supaya kapasiti pelepasan air dapat ditingkatkan dengan maksimum sebanyak 1000JLH kerana ketika ini kapasiti pelepasan air adalah 300JLH menerusi Empangan Mengkuang dan apabila projek Fasa 2B siap sepenuhnya ianya akan meningkatkan kapasiti pelepasan sebanyak 600JLH sahaja. Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua memerlukan kira-kira 1,100JLH air mentah setiap hari untuk menghasilkan 1,000 JLH air terawat. Oleh yang demikian, Empangan Mengkuang masih memerlukan 400JLH lagi untuk melepaskan air secara maksimum sebanyak 1000JLH supaya LRA Sungai Dua dapat beroperasi secara optimum. Bagi membolehkan pelepasan air dilaksanakan secara maksimum sebanyak 1000JLH menerusi Empangan Mengkuang, Kerajaan Negeri telah memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan pelaksanaan projek Fasa 2C bagi melengkapkan pakej pembesaran Empangan Mengkuang supaya bekalan air di negeri Pulau Pinang akan terjamin. Seterusnya pelan ini juga melibatkan projek bagi kerja-kerja pra rawatan air mentah melibatkan pra tapis / rawat air mentah yang memasuki LRA Sungai Dua serta penyingkiran zarah dan mendapan yang berkesan daripada air mentah yang sangat berlumpur / keruh dari Sungai Muda dan ianya adalah tertakluk kepada kajian kebolehlaksanaan. Selain itu, pelan ini juga mengambil kira perancangan menyediakan kemudahan takungan air mentah pinggir sungai

(TAPS) (Empangan Mini Pinggir Sungai) untuk menyokong keperluan bekalan air kepada Terusan Sungai Dua jika diperlukan, menyediakan kolam pengimbang dua (2) Sungai Dua serta menaik taraf keupayaan modul rawatan air untuk merawat lebih banyak air berlumpur / keruh daripada maksimum 1,000NTU (nephelometric turbidity units) kepada 2,500NTU tertakluk kepada kajian kebolehlaksanaan.

Bagi perancangan jangka masa panjang jua, Kerajaan Negeri tetap berusaha untuk meneruskan rundingan bersama dengan Kerajaan Negeri Perak bagi mempercepatkan pelaksanaan projek Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) sebagai sumber air mentah tambahan bagi menampung keperluan bekalan air menjelang tahun 2050. Selain itu, Kerajaan Negeri juga dalam usaha untuk meneroka sumber-sumber baru yang dapat memberi impak yang tinggi kepada sumber air untuk memenuhi permintaan air yang semakin tinggi melalui kolaborasi bersama dengan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan kajian-kajian lanjut secara terperinci bagi penerokaan sumber baru untuk mengenal pasti potensi terhadap sumber air.

Penyelesaian bagi setiap perangkaan perancangan ini akan mengambil masa bertahun-tahun untuk siap beroperasi kerana ianya melibatkan proses pembinaan berperingkat kerana semua kerja kejuruteraan bekalan air utama yang dijalankan oleh PBAPP di Pulau Pinang perlu mematuhi peraturan kerajaan dan prosedur operasi standard (SOP).

28. Pulau Pinang menghadapi penduduk yang semakin menua. Apakah cabaran dan masalah yang akan dihadapi?
- (a) Nyatakan usaha yang akan dilakukan bagi menghadapi cabaran ini terutamanya bagi warga emas bujang atau tinggal bersendirian yang kurang sihat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Menurut *United Nations World Population Prospects 2019: Methodology of the United Nations population estimates and projections*, negeri menua adalah sebuah negeri yang mempunyai lebih daripada 7% orang yang berumur 65 tahun dan ke atas daripada jumlah penduduk.

Pulau Pinang adalah antara negeri menua kerana peratusan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas di Pulau Pinang adalah sebanyak 7.7% (sumber: Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2023 - Jabatan Perangkaan Malaysia).

Antara cabaran utama yang bakal dihadapi oleh Pulau Pinang dalam mendepani status negeri menua adalah daripada konteks kesihatan. Warga emas berpotensi menghidap penyakit tidak berjangkit seperti darah tinggi, diabetes dan lain-lain penyakit mengikut peningkatan usia. Warga emas juga adalah golongan yang terdedah kepada risiko jangkitan penyakit berjangkit seperti yang telah disaksikan ketika berlakunya pandemik COVID-19, di mana kebanyakan kematian adalah dalam kalangan warga emas. Keadaan ini akan menyebabkan sektor kesihatan berhadapan dengan peningkatan kos penjagaan dan rawatan kesihatan. Hal ini juga akan meningkatkan beban kepada pekerja sektor kesihatan.

Selain ini, warga emas turut menghadapi cabaran kewangan apabila mereka tidak lagi bekerja. Simpanan persaraan yang tidak mencukupi serta peluang pekerjaan yang terhad juga menjadi antara masalah yang perlu ditempuhi oleh kebanyakan warga emas. Masalah mendapatkan tempat tinggal dan tekanan *social isolation* serta *loneliness* adalah juga antara masalah yang kian dihadapi oleh warga emas.

- (a) Kerajaan Negeri telah memperkenalkan inisiatif Bandar Mesra Usia (*Age Friendly City*) yang dijalankan secara berperingkat. Tujuan inisiatif ini dilaksanakan adalah untuk mewujudkan satu persekitaran yang mesra kepada semua golongan terutamanya warga emas. Pelan Hala Tuju ini akan dilaksanakan dalam tiga (3) fasa. Fasa pertama adalah pelaksanaan program kesedaran dan juga kajian bagi memahami jurang yang dihadapi oleh rakyat. Fasa kedua adalah pelaksanaan program berdasarkan polisi dan inisiatif hasil daripada dapatan kajian. Seterusnya, fasa ketiga pula adalah fasa terakhir di mana konsep bandar mesra usia akan dilaksanakan.

Lapan (8) domain utama yang difokuskan inisiatif ini adalah selaras dengan kerangka kerja *World Health Organization*. Setiap rakyat tanpa mengira umur, status perkahwinan atau keadaan hidup akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan inisiatif Bandar Mesra Usia ini.

Warga emas yang bujang dan menghadapi situasi taraf kesihatan yang tidak memuaskan akan berdepan dengan isu penjagaan dan kebergantungan kepada komuniti setempat untuk membantu. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui perkhidmatan komuniti memperkenalkan aktiviti Sukarelawan Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) yang merupakan program kolaborasi strategik antara JKM dengan Majlis Pusat Kebajikan Se-Malaysia (MPKSM) bagi pelaksanaan di negeri Pulau Pinang. Ia merupakan satu program yang memberi khidmat sokongan kepada warga emas dan orang kurang upaya (OKU) terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian atau bersama ahli keluarga di rumah yang kurang penjagaan dan kurang berkemampuan. Ia bercorak pendampingan sosial (*social outreach*) oleh sukarelawan yang dilatih dan melaksanakan tugas mereka berdasar konsep dan prinsip kesukarelaan. Ia juga berkonsepkan kebajikan sebagai tanggungjawab bersama.

Program ini bertujuan memberi bantuan dan sokongan sosial kepada warga emas dan OKU untuk menjalani kehidupan seharian mereka dengan lebih selesa, dihormati dan tidak merasa mereka disisihkan. Seorang sukarelawan akan memberi khidmat kepada empat (4) orang klien JKM melalui sesi lawatan ke rumah sekurang-kurangnya dua (2) jam sekali lawatan. Lawatan dibuat sebanyak sekali setiap minggu. Khidmat bantuan yang boleh diberikan oleh sukarelawan-sukarelawan ini adalah seperti berikut:

- (i) Penyediaan makanan dan minuman;
- (ii) Pembersihan diri (memandikan, memotong kuku) menyikat rambut dan sebagainya);
- (iii) Menjadi rakan berbual;
- (iv) Menjalankan aktiviti riadah;
- (v) Mengemas atau membersihkan tempat tinggal, persekitaran;
- (vi) Membasuh, menyidai dan melipat pakaian;
- (vii) Mengeluarkan wang dari bank;
- (viii) Membuat pembayaran bil;
- (ix) Memberikan perkhidmatan fisioterapi berkeelayakan
- (x) Memberi latihan praktikal tentang teknik-teknik penjagaan kepada penjaga;
- (xi) Memberi galakan dan latihan praktikal ke arah gaya hidup sihat;
- (xii) Membawa ke hospital/klinik untuk tujuan rawatan dan mengambil ubat;
- (xiii) Mengajar warga emas/OKU/penjaga mengambil ubat dengan betul;
- (xiv) Menemani warga emas dan OKU ke tempat beribadat; dan

(xv) Bantuan-bantuan lain yang dirasakan perlu.

Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang turut juga menyediakan perkhidmatan kesihatan warga emas di klinik kesihatan meliputi saringan kesihatan dan juga rawatan kepada warga emas yang mempunyai penyakit. Selain itu, bagi warga emas yang terlantar, perawatan domisiliari juga disediakan iaitu dengan anggota kesihatan membuat lawatan ke rumah bagi memberi pendidikan kesihatan tentang penjagaan kepada penjaga warga emas tersebut.

Kerajaan Negeri akan menjalinkan kerjasama melalui pihak JKM dan agensi berkaitan dengan komuniti setempat seperti Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK), Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP), Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk, Badan Pengurusan Bersama (JMB), Perbadanan Pengurusan (MC), serta NGO untuk menghasilkan senarai warga emas yang tinggal bersendirian, supaya kita dapat memantau kesejahteraan mereka.

29. Masalah gelandangan di Stesen Bas KOMTAR telah mencetuskan kebimbangan orang awam dan pihak Rapid Penang. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani isu ini secara berkesan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang telah mengambil beberapa langkah untuk menangani isu gelandangan di Stesen Bas KOMTAR adalah seperti berikut:

- (i) Pembinaan Pusat Transit Gelandangan di Jalan Magazine yang boleh menempatkan sejumlah 80 orang (maksimum);
- (ii) Melaksanakan Operasi Menyelamat Orang Papa di bawah Akta Orang Papa 1977;
- (iii) Membuat penempatan pegawai JKM secara berkala di stesen bas;
- (iv) Melaksanakan advokasi melalui Kempen Bijak Membantu, Elak Tertipu;
- (v) Penguatkuasaan untuk mengawal orang awam supaya tidak memberi sumbangan makanan secara langsung kepada gelandangan di tempat awam dan menasihati agar makanan dihantarkan ke Pusat Transit Gelandangan; dan
- (vi) Bekerjasama dengan pihak MBPP bagi meningkatkan kebersihan dan keselamatan di Stesen Bas KOMTAR.

30. Berikan jadual kerja, jangkaan kos, sumber dana dan peranan mana-mana pihak swasta / kerajaan bertanggungjawab bagi kesemua projek-projek jenis lebuh raya, jalan raya dan pembinaan jalan sambungan termasuk lima (5) daerah dan dua (2) Kerajaan Tempatan. Berikan butiran tersebut bagi setiap pecahan fasa termasuk reka bentuk, pra-pembinaan dan pembinaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Senarai jadual kerja, jangkaan kos, sumber dana dan peranan pihak swasta/kerajaan bagi projek jalan raya dan pembinaan jalan sambungan adalah seperti berikut:

Manakala, perincian berkenaan projek lebuh raya di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Projek : Kerja-kerja Pelebaran Jalan Lorong Sempadan Enam, Ayer Itam, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang

	Anggaran Kos (RM)	Sumber Peruntukan	Penglibatan agensi/ pihak lain	Jadual kerja/Tahun
Rekabentuk	Secara dalaman jabatan	-	Secara dalaman jabatan	2021
Pra-pembinaan /Pengambilan Tanah (PBT)	1,731,692.50	P12/26	Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut	2023
Pembinaan	300,000.00	P12/26	Lantikan kontraktor	2024

Projek : Kerja-kerja Pelebaran Jalan Lebuhraya Halia, Tanjong Tokong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang

	Anggaran Kos (RM)	Sumber Peruntukan	Penglibatan agensi/pihak lain	Jadual kerja/Tahun
Rekabentuk	Secara dalaman jabatan	-	Secara dalaman jabatan	2021
Pra-pembinaan /Pengambilan Tanah (PBT)	7,200,000.00	P12/26	Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut	2024
Pembinaan	2,100,000.00	P12/26	Lantikan kontraktor	2025

Projek: Pelebaran Dan Mengadakan Median Di Jalan Alam/Bukit Minyak (Dari Simpang Kota Permai Ke Simpang Rozhan) Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang (Pakej 1)

	Anggaran Kos (RM)	Sumber Peruntukan	Penglibatan agensi/pihak lain	Jadual kerja/ Tahun
Rekabentuk	200,000.00	P12/26	Perunding	2021
Pra-pembinaan /Pengambilan Tanah (PBT)	-	-	-	-
Pembinaan	4,184,000.00	P12/26	Kontraktor	2022 & 2023
Pembinaan	4,419,000.00	P12/26	Kontraktor	2024

**Projek: Perlebaran Jalan Dari 2 Lorong Kepada 4 Lorong Bermula Dari
Persimpangan Jalan Tok Kangar, Kebun Baru Ke Jalan Juru Estet, SPT**

	Anggaran Kos (RM)	Sumber Peruntukan	Penglibatan agensi/pihak lain	Jadual kerja/ Tahun
Rekabentuk	693,625.00	P12/26	Perunding	2017
Pra-pembinaan /Pengambilan Tanah (PBT)	2,889,993.60	P12/26	Pe. Daerah & Tanah SPT, JKR Daerah SPT & JKR Pulau Pinang	2023
Pembinaan	16,720,046.58	P12/26	Kontraktor	2022 &2023

Projek :Pembinaan Jalan Menghubungkan Jalan Bukit Panchor Ke Laluan Persekutuan 1 di Daerah Seberang Perai Selatan

	Kos (RM)	Sumber Peruntukan	Pihak Terlibat	Tahun Laksana
Kerja Ukur Tanah & Pemetaan Utiliti	32,158.15	P12/26	Perunding	2022
Rekabentuk/ Perolehan	227857.74	P12/26	Perunding	2023-2024
Pengambilan Tanah	0.00	P12/26	Pdt Sps	2024
Pembinaan	11,260,000.00	P12/26	Kontraktor	2025

Projek : Pembinaan Jalan Pintasan Dari Jalan Tasek Mutiara 10 Ke Hijauan Hill 1, Dearah Seberang Perai Selatan

	Kos (RM)	Sumber Peruntukan	Pihak Terlibat	Tahun Laksana
Kerja Ukur Tanah & Pemetaan Utiliti	189,210.00	P12/26	JKR	2019
Rekabentuk/ Perolehan	-	P12/26	JKR	2020-2022
Pengambilan Tanah		P12/26	KKDW/ JKPTG	2022-2023
Pembinaan	4,040,000.00	P12/26	JKR	2022-2025

Projek : Pengukuhan Tebing Terusan Menggunakan Concrete Sheet Pile

	Kos(RM)	Sumber Peruntukan	Pihak Terlibat	Tahun Laksana
Pembinaan	2,299,125.00	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	MBPP	2023

- (i) Pakej 2: Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu Ke Ayer Itam; dan
- (ii) Projek Pakej 2 sepanjang 6 km ini merupakan sebahagian daripada komponen di bawah PTMP dengan kos kontrak bernilai RM851.0 juta. Sumber pembiayaan projek ini ialah secara pembayaran melalui pertukaran tanah *land exchange* oleh Kerajaan Negeri kepada pihak kontraktor.

Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perancang Ekonomi (BPEN) adalah selaku pemilik projek dan berperanan sebagai badan yang mengawal selia projek bermula dari peringkat perancangan sehinggalah penyiapan projek manakala Kontaktor Zenith Consortium Construction (CZC) sebagai kontraktor utama pelaksanaan projek.

XVI. Ahli Kawasan Penanti (YB. Zulkefli bin Bakar) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri

1. Air sungai yang mengalir dari Loji PBA Sungai Dua ke Sungai Perai Mati sehingga ke Sungai Perai di Guar Jering dalam kawasan Penanti berwarna keputihan. Berkemungkinan kerana terdapat bahan yang telah dimasukkan sebelum dilepaskan. Kesannya adalah kekurangan ikan dan pembiakan udang galah terjejas di situ. Mohon penjelasan dari pihak terlibat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri melalui pemerhatian Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaporkan bahawa kualiti air sungai yang mengalir sentiasa keruh bermula dari Loji PBAPP Sg. Dua ke Sg Perai Mati sehingga ke Sg Perai di Guar Jering. Perkara ini telah diperjelaskan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bahawa Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua tidak melepaskan bahan berwarna keputihan ke dalam aliran sungai. Walau bagaimanapun, PBAPP sedang berusaha untuk melaksanakan pemprosesan sisa enapcemar dari LRA Sungai Dua supaya tiada pelepasan efluen pada masa hadapan.
2. Berapakah kuari yang sedang beroperasi di Penanti?
 - (a) Berapakah kuari pajakan di dalam negeri Pulau Pinang yang masih beroperasi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berdasarkan sumber Pejabat Tanah dan Daerah, Daerah Seberang Perai Tengah, didapati bahawa terdapat satu (1) kuari yang sedang beroperasi di atas tanah pajakan di Penanti iaitu oleh Syarikat Teik Granite Quarry Sdn. Bhd. di atas Lot 707 dan 411, Mukim 20, Seberang Perai Tengah.
 - (a) Berikut adalah jumlah kuari pajakan yang masih beroperasi di Pulau Pinang mengikut daerah:

Bil	Daerah	Syarikat dan Lokasi
1	DTL	Tiada Walau bagaimanapun, terdapat permit 4C (permit memindah batu batuan) yang diluluskan kepada Syarikat Tropical Island Resort Sdn. Bhd. bagi tujuan mengeluarkan batu bata (<i>stockpile</i>) dan masih lagi aktif.
2	DBD	Tiada
3	SPU	Tiada
4	SPT	Syarikat Saw Chong Teok Quarry Sdn. Bhd. – Mukim 12
5	SPS	Tiada

Walau bagaimanapun, terdapat lima (5) kuari berstatus *First Grade* di Daerah Seberang Perai Selatan iaitu seperti berikut:

Bil	Nama Pengusaha/Syarikat	Lokasi
1	Asas Dunia Sdn. Bhd.	Lima Kongsi
2	Pakatan Protim Properties Sdn. Bhd.	Bukit Tambun
3	Kerjapuri Sdn. Bhd.	Tasek (Belakang Mountain View)
4	Wellepeq Sdn. Bhd.	Lima Kongsi
5	Kebun Ngohoch (P.W) Sdn. Bhd.	Sungai Baong

Nota: Syarat Nyata *Condition A & B* dan *First Grade* tidak perlu dikeluarkan permit sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Melaka dan Pulau Pinang) 1963 (Akta 518).

3. Jelaskan peranan Chief Minister Incorporated (CMI) dalam perancangan untuk mengusahakan kuari-kuari terbiar yang menakung air sehingga membahayakan masyarakat setempat di kawasan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pihak Berkuasa Negeri telah memutuskan supaya Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) memohon pemberimilikan tiga (3) tapak bekas kuari yang terletak di Penanti iaitu di PT 43, PT 44 dan Lot 908 dan kini masih dalam proses pendaftaran hak milik kepada CMI.

Pentadbiran CMI telah membuat beberapa siri perbincangan dan telah mengutarakan beberapa cadangan bagi pembangunan tapak-tapak tersebut seperti pembinaan kolam takungan air, *extreme sport*, *eco-tourism*, *inland port* dan *SME Technology Park*. Kesemua cadangan ini akan diteliti semula setelah mendapat ulasan daripada jabatan atau agensi teknikal yang berkaitan dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kesesuaian tanah serta akses ke tapak-tapak tersebut.

4. Jelaskan maklumat terkini mengenai status projek Pulau Pinang Selatan (PSI) yang membabitkan penambakan tiga (3) pulau buatan yang telah mencetuskan kontroversi susulan bantahan dibangkitkan oleh pelbagai pihak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Projek tambakan *Penang South Island* (PSI) telah mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) pada 11 April 2023 dan kelulusan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) pada Julai 2023. Susulan daripada kelulusan tersebut, kerja-kerja tambakan telah bermula pada 1 September 2023.

Status terkini kerja-kerja tambakan setakat 31 Oktober 2023, dianggarkan 0.5 ekar tanah sudah terbentuk di tapak Silicon Island. Namun, tanah tersebut masih belum stabil untuk pembangunan. Dijangkakan bidang tanah (*land parcel*) yang pertama iaitu *Green Tech Park* (GTP) iaitu taman industri, yang merupakan sektor pembangunan utama di Silicon Island siap pada Disember 2025.

Sejak dulu lagi, Kerajaan Negeri telah mengamalkan pendekatan yang terbuka dan telus dalam menghadapi dan menjawab bantahan nelayan, pihak berkepentingan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Kebanyakan bantahan yang diutarakan mengenai PSI adalah berkisar tentang impak projek kepada kehidupan nelayan dan keluarga mereka. Kerajaan Negeri menitik beratkan kebajikan masyarakat nelayan dengan serius. Jeti baharu akan dibina untuk kegunaan para nelayan. Mereka akan diberikan keutamaan dalam peluang pekerjaan, perniagaan dan keusahawanan.

Melalui Projek PSI ini, nelayan dan keluarga mereka akan berpeluang untuk melangkaui ke arah pembangunan moden yang dapat membantu mereka menaik taraf kehidupan dan pendapatan serta peluang pekerjaan yang lebih banyak.

Sementara kerja-kerja tambakan dijalankan, Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) yang menawarkan pelbagai manfaat kepada nelayan seperti bantuan kewangan (*ex-gratia*), bantuan bot dan enjin, kemudahan jeti / bangsal, peluang latihan, peluang pekerjaan dan perniagaan, program sokongan pendidikan untuk anak mereka, dan skim perumahan juga sedang dilaksanakan secara berfasa. Sehingga kini, proses pendaftaran nelayan untuk skim SIMP masih dibuka di Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN).

Selain itu, program-program di bawah Pelan Induk Pengimbangan Ekologi PSI (PEOM) yang bertujuan mengurangkan kesan projek dan mewujudkan habitat baru untuk hidupan laut serta memulihara kepelbagaian biodiversiti juga sedang dilaksanakan.

Program penanaman pokok bakau sedang dirancang bersama Jabatan Perhutanan Pulau Pinang di bawah memorandum persefahaman yang ditandatangani pada Januari 2023. Kajian-kajian berkaitan pelabuhan tukul tiruan dan unjam, pelepasan benih ikan dan udang untuk menambahkan stok perikanan, kesan bunyi dan pergerakan udang akibat proses penambakan, serta pembinaan garis pantai bereka bentuk mesra alam juga sedang dijalankan.

Kerajaan Negeri akan meneruskan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan dalam membantu rakyat memahami keperluan dan kepentingan PSI kepada Pulau Pinang.

5. Apakah langkah-langkah yang telah diambil Kerajaan Negeri bagi mematuhi syarat Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) merupakan komponen penting dalam pelaksanaan projek Laporan Kajian Alam Sekeliling (EIA). EMP merupakan suatu laporan yang perlu dikemukakan selepas EIA diluluskan.

Bagi memastikan Kerajaan Negeri sentiasa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan:-

- (a) Pihak pemaju perlu mengemukakan laporan EIA dan perlu dikemaskini dari semasa ke semasa sekiranya terdapat sebarang perubahan pembangunan di tapak projek; dan
- (b) Laporan EIA yang disediakan perlulah berdasarkan garis panduan dan format yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Justeru, EMP hendaklah dikemaskini dan diubahsuai selaras dengan perubahan dan peningkatan dalam polisi alam sekitar dan juga mengambil kira aspek dan impak alam sekitar pada masa yang berkaitan.

6. Nyatakan statistik jumlah permohonan dan permohonan yang berjaya melibatkan bumiputera Pulau Pinang untuk projek perumahan berikut melalui portal eRumah Penang untuk pentadbiran sebelum:
 - (i) Rumah Kos Rendah (KR);
 - (ii) Kos Sederhana Rendah (KSR);
 - (iii) Projek Perumahan Rakyat (PPR); dan
 - (iv) Rumah Mampu Milik (RMM).

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berikut merupakan perincian permohonan mengikut pecahan Rumah Mampu Milik A (RMM A) (dahulunya dikenali sebagai Kos Rendah (KR)), Rumah Mampu Milik B (RMM B) (dahulunya dikenali sebagai Kos Sederhana Rendah (KSR)) dan Rumah Mampu Milik (RMM C) dahulunya dikenali sebagai Rumah Mampu Milik (RMM) yang ditawarkan seperti di Jadual 1.

Jenis Rumah	PPR	RMM A	RMM B	RMM C
Jumlah Permohonan	1,102	36,075	17,767	7,524
Jumlah Keseluruhan	62,468			

Jadual 1: Permohonan yang ditawarkan kepada Bumiputera bagi tempoh 1 Januari 2008 hingga 23 Oktober 2023

Berikut merupakan perincian yang telah terima tawaran seperti di Jadual 2.

Jenis Rumah	PPR	RMM A	RMM B	RMM C
Jumlah Penerima	814	10,244	3,492	2,328
Jumlah Keseluruhan	16,878			

Jadual 2: Permohonan terima dan ditawarkan kepada Bumiputera bagi tempoh 1 Januari 2008 hingga 23 Oktober 2023

Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat komited dalam memastikan hanya mereka yang layak ditawarkan perumahan mampu milik. Permohonan Rumah Mampu Milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang direkod dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) yang boleh diakses secara talian di Portal eRumah <https://www.erumah.penang.gov.my>.

XVII. Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri

1. Beca merupakan satu tarikan pelancongan. Masalah yang dihadapi adalah kekurangan tukang baiki beca, apakah usaha kerajaan bagi menyelesaikan masalah ini?
 - (a) Adakah kerajaan akan berusaha dengan syarikat swasta untuk memperkenalkan e-Beca?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sejak 26 Oktober 2020, sejumlah 126 buah beca dari kawasan George Town dan Batu Ferringhi telah menerima manfaat di bawah Program Penaiktarafan Imej Penarik Becas di Pulau Pinang. Antara beca yang menerima manfaat tersebut, sejumlah 46 beca adalah dimiliki oleh Encik Saw Chin Choon, 43 beca adalah dimiliki oleh Encik Koay Beng Hong, dan bakinya adalah dimiliki oleh individu berlainan.

Kebanyakan beca di George Town adalah dibaiki oleh Encik Saw Chin Choon (56 buah beca) dan Encik Choo Yew Choon (45 buah beca), manakala beca di Batu Ferringhi adalah dibaiki oleh pengayuh beca sendiri yang juga merupakan pemilik beca tersebut.

Adalah jelas bahawa Becas Pulau Pinang boleh dibaiki oleh perseorangan sekiranya ada niat dan usaha untuk menceburi dalam bidang ini. Kebolehlaksanaan Becas elektrik (e-Beca) masih perlu dikaji untuk memastikannya tidak bercanggah dengan peraturan jalan raya sedia ada. Keselamatan pengayuh dan penumpang beca serta pengguna jalan raya yang lain juga perlu diambil kira sebelum inisiatif ini dilaksanakan.

Malahan, peranan Becas Pulau Pinang yang telah berubah daripada alat pengangkutan untuk orang tempatan kepada perkhidmatan pelancongan telah membawa cabaran baharu kepada industri ini. Kerajaan akan berusaha untuk mengatasi cabaran ini dengan usaha seperti berikut:

- (i) Pengawasan pemilikan Becas Pulau Pinang. Memandangkan ke semua 126 beca di Pulau Pinang adalah dimiliki oleh persendirian, maka ada keperluan untuk Kerajaan Negeri memastikan keadaan beca ini adalah memenuhi piawaian keselamatan.
- (ii) Pengawasan kualiti perkhidmatan dan harga yang dikutip. Pihak kerajaan akan menyediakan piawaian kualiti perkhidmatan yang perlu dipatuhi oleh pengayuh beca. Harga kutipan juga akan ditetapkan untuk mengelakkan kejadian tekanan harga tinggi atau penindasan.
- (iii) Memberikan insentif subsidi kepada tukang baiki beca dalam pembaikan Becas Pulau Pinang.
- (iv) Memberikan insentif kepada pembekal bahagian beca (contohnya bumbung kanvas, tayar, rim, pedal, kaki beca, kusyen penumpang, kusyen penarik beca, rantai beca, papan merehat tangan penumpang dan penghadang hujan).
- (v) Menyediakan latihan kapasiti kepada pengayuh beca demi meningkatkan imej profesional, kualiti perkhidmatan, dan sikap yang lebih mesra pelancong.
- (vi) Menggalakkan golongan muda dalam menceburi bidang Becas Pulau Pinang.
- (a) Kerajaan Negeri sedang dalam usaha memperkasa perkhidmatan beca sedia ada melalui pelesenan, bantuan kepada penarik beca dan penambahbaikan beca.

2. Apakah pencapaian Kerajaan Negeri dalam Projek Pengasingan Sisa di Punca / *Waste Segregation at Source*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melaksanakan pelbagai kaedah bagi memperkasakan Pengasingan Sisa di Punca seperti pengedaran risalah dan program pendidikan.

Usaha ini telah membuahkan hasil dan dapat dilihat melalui pencapaian kadar kitar semula yang tertinggi di Malaysia iaitu 53.02%. Pencapaian ini merupakan kejayaan Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Visi Penang2030 yang menetapkan sasaran 50% kadar kitar semula menjelang tahun 2030 dengan lebih awal dari tempoh ditetapkan selain mengatasi kadar kitar semula kebangsaan pada tahap 31.52% bagi tahun yang sama. Berdasarkan kejayaan mencapai sasaran 50% kadar kitar semula negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah meningkatkan sasaran pencapaian kadar kitar semula negeri kepada 70% menjelang tahun 2030.

Pencapaian keseluruhan dasar ini dapat dilihat melalui peningkatan kadar kitar semula sejak pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca pada 1 Jun 2017. Perincian kadar kitar semula yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri adalah seperti di jadual berikut:

Tahun	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
MBPP	28.00%	29.68%	31.20%	31.22%	31.64%	31.97%	35.65%
MBSP	42.60%	43.25%	47.15%	51.64%	55.91%	56.85%	58.30%
Kerajaan Negeri	38.37%	39.22%	42.69%	46.61%	45.23%	51.18%	53.02%

3. Perkembangan kenderaan elektrik (EV) menjadi semakin penting dalam kalangan negeri-negeri dalam mempromosi tenaga bersih. Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk menggunakan EV sebagai kereta rasmi seperti di Sarawak?

- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambah bilangan stesen pengecas dalam negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Buat masa ini Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menggunakan kenderaan elektrik sebagai kenderaan rasmi seperti di Sarawak. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah memulakan perolehan kenderaan dan motosikal elektrik semenjak tahun 2015 bagi kegunaan penguatkuasaan di sekitar Pulau Pinang. Selain itu, kedua-dua PBT juga dalam perancangan untuk membeli kenderaan elektrik sebagai kenderaan kegunaan jabatan mulai tahun depan tertakluk kepada prestasi kewangan dan keperluan semasa.

- (a) Di peringkat Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Garis Panduan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (GPP EVCB) dan Prosedur Permohonan Pemajuan telah dibentangkan ke Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) ke-42 Bilangan 2 Tahun 2023 pada 18 September 2023. Ia dipersetujui untuk pemakaian dan pelaksanaan di semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Garis panduan ini akan dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Perancang Negeri bagi kelulusan pemakaian di kedua-dua PBT.

Selain itu, MBPP telah membuat panggilan *RFP* fasa 1 bagi pemasangan stesen pengecas *EV* di 26 lokasi bagi seluruh kawasan pentadbiran MBPP di mana *RFP* ini masih dalam peringkat penilaian. Pemasangan ini akan melibatkan tempat letak kenderaan MBPP *on street parking* dan tempat letak kenderaan premis MBPP yang akan merangkumi *DC & AC charging station*. Kerja-kerja pemasangan stesen pengecas *EV* dijangka akan dimulakan pada suku pertama tahun 2024.

Manakala MBSP telah menyediakan tapak mengecas kereta elektrik di Tapak Letak Kereta Kakitangan di Menara Bandaraya, Bandar Perda, Bukit Mertajam selain menggalakkan pemaju bagi penyediaan stesen caj kenderaan elektrik (*EV*) di beberapa kawasan kemudahan awam di Seberang Perai serta pemudahcara urusan kelulusan pelan di peringkat Permohonan Kebenaran Merancang.

4. PDC telah melakukan banyak usaha terhadap rejuvenasi bangunan KOMTAR, tetapi tidak begitu berkesan. Adakah PDC akan melantik konsultan untuk membantu dalam *rebranding* KOMTAR dan menentukan hala tuju yang lebih jelas terhadap rejuvenasi bangunan KOMTAR?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Pihak PDC telah membuat perbincangan dengan beberapa konsultan hartanah untuk tujuan rejuvenasi KOMTAR dan kini dalam perancangan untuk melantik konsultan bagi membuat kajian *rezoning* di KOMTAR. Ini bagi memastikan segala aktiviti promosi dan sewaan di KOMTAR selari dengan keadaan semasa serta membantu dalam peningkatan pengunjung dan perancangan penganjuran aktiviti perniagaan serta acara di sana. PDC akan memanggil sebut harga dalam membuat pelantikan konsultan ini dalam masa terdekat.
5. Adakah Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan untuk memperkenalkan penyelesaian *Waste to Energy* (*WtE*) seperti insinerator untuk mengendalikan sisa-sisa pepejal?

(a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mencapai matlamat berkenaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Negeri bersama-sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sedang menuju ke arah pelaksanaan *Waste to Energy* (*WtE*). Teknologi *WtE* yang dicadangkan tidak terhad kepada insinerator sahaja dan terbuka kepada teknologi-teknologi berkonsepkan *WtE* seperti *incineration*, *anaerobic digestion*, *pyrolysis* dan sebagainya.
 - (a) Bagi mencapai matlamat tersebut, Kerajaan Negeri bersama-sama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menyediakan dokumen *Roadmap* Pengurusan Sisa Pepejal Negeri Pulau Pinang 2050 bagi mengkaji komposisi dan kaedah paling sesuai untuk dilaksanakan di negeri ini. Di samping itu, proses penyediaan dokumen *Request for Proposal* (*RFP*) bagi pembangunan dan pengoperasian Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung sedang dijalankan. Antara teknologi yang akan dicadangkan untuk dilaksanakan adalah teknologi *WtE*. *RFP* tersebut memberi ruang untuk syarikat-syarikat yang berminat untuk mencadangkan teknologi atau kaedah pengurusan sisa pepejal yang terbaik dan cadangan tersebut akan dinilai dan diteliti oleh Kerajaan Negeri dan PBT.

6. Negeri Pulau Pinang telah mencatatkan defisit beberapa tahun ini disebabkan oleh perbelanjaan yang semakin meningkat tetapi hasil masih sama. Apakah usaha Kerajaan untuk mencari punca hasil yang baru?
- (a) Adakah Kerajaan akan menjual tanah untuk meningkatkan hasil seperti dulu?
 - (b) Nyatakan tanah kerajaan yang telah dijual sejak tahun 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. **Usaha Kerajaan untuk mencari punca hasil baru adalah seperti berikut:**

Langkah-langkah untuk meningkatkan hasil pendapatan Kerajaan Negeri bagi menampung perbelanjaan negeri yang meningkat setiap tahun adalah seperti berikut:

Jangka Pendek:

1. **Penubuhan Pasukan Petugas Khas (Taskforce) Di Setiap Daerah Di Negeri Pulau Pinang** *(Telah dilaksanakan dan masih dalam pelaksanaan)*
 - (i) Petugas ini melaksanakan tugas yang meliputi perkara-perkara seperti pemeriksaan hak milik yang mempunyai tunggakan cukai tanah dan cukai petak/blok sementara, membetulkan kadar cukai nominal RM1.00 di hak milik dan/atau RM0 di bil cukai tanah dan cukai petak serta membetulkan kadar cukai tahunan berjumlah RM1.00 dan/atau RM0 di hak milik.
 - (ii) Pasukan Petugas Khas ini juga bertanggungjawab melaksanakan perampasan tanah hak milik atas sebab kegagalan membayar tunggakan cukai (dibawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara - KTN) dan/atau pelanggaran syarat (di bawah Seksyen 128 dan 129 KTN).
2. **Pelaksanaan Rebat Bagi Bayaran Tunggakan Denda**
 - (i) Seksyen 14(1)(j) KTN membenarkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk membuat peruntukan mengenai pemungutan, pengurangan, perebatan, pembayaran secara ansuran atau penangguhan berkaitan pembayaran cukai. Cadangan rebat bagi bayaran tunggakan denda ini merupakan salah satu langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan tunggakan hasil negeri Pulau Pinang dan menggalakkan pemilik tanah untuk membayar cukai.
 - (ii) Pelaksanaan rebat ini dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 2024 selepas mendapat kelulusan PBN.

Jangka Panjang:

1. **Melaksanakan Semakan Sewa (Cukai) Di Bawah Seksyen 101 KTN**
 - (i) PBN mempunyai bidang kuasa untuk menyemak sewa (cukai) bagi tanah bermilik tidak kurang daripada 10 tahun sekali. Cukai tanah di negeri Pulau Pinang telah disemak pada tahun 1970, 1984 dan 1994.
 - (ii) Kali terakhir semakan cukai di negeri Pulau Pinang ialah pada tahun 1994 tetapi ianya hanya berkuatkuasa pada tahun 1996.
2. **Pelaksanaan Portal PgLand** *(Telah dan sedang dilaksanakan).*
 - (i) Portal PgLand merupakan satu pusat sehenti (*one-stop centre*) yang menyediakan kemudahan kepada orang awam atau pelanggan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) untuk menjalankan urusan-urusan berkaitan dengan tanah. Pelaksanaan PgLand Fasa 1 telah bermula secara rasmi pada 3 Januari 2023 manakala Fasa 2 telah bermula pada 23 Mac 2023. Pelaksanaan Fasa 3 yang melibatkan penggunaan

Smartkiosk (melibatkan PTG sahaja) pula telah bermula pada awal Jun 2023.

- (ii) Melalui portal PgLand ini, orang awam dapat melaksanakan pembayaran cukai tanah dan cukai petak, melakukan pembelian dokumen carian persendirian dan rasmi secara atas talian, urusan penyerahan dan sebagainya pada bila-bila masa.

3. Pengkelasan Semula Tanah Desa Ke Tanah Bandar Seksyen 11 (ca) dan (d) KTN

- (i) PBN berbidang kuasa untuk mengubah atau meminda sempadan mana-mana daerah, daerah kecil, mukim, bandar atau pekan dan/atau menetapkan mana-mana kawasan negeri sebagai bandar atau pekan (selepas pengukuran dilakukan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan atau bagi pihaknya). Pemindaan sempadan ini boleh dilakukan melalui pemberitahuan dalam Warta.
 - (ii) Pelaksanaan ini adalah untuk melihat semula pewartaan bandar-bandar di negeri Pulau Pinang dan mewartakan bandar-bandar baharu di bawah Seksyen 11 (d) Kanun Tanah Negara dan pindaan bandar sedia ada di bawah Seksyen 11 (CA) Kanun Tanah Negara.
- (a) Maklumat jualan tanah mengikut kawasan berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) (berasaskan akruan) dari tahun 2008 sehingga tahun 2022, Akaun Pengurusan PDC bagi Januari sehingga Oktober 2023 dan Jangkaan Bagi Tahun 2023 dapat dilihat seperti berikut:

Jualan tanah yang telah diiktirafkan dalam Penyataan Kewangan Beraudit PDC Bagi Tahun 2008 - 2022, Akaun Pengurusan Jan - Okt 2023 dan jangkaan bagi tahun 2023

No	Kawasan	Penyata Kewangan Beraudit PDC Bagi Tahun																Akaun Pengurusan Jan - Okt 2023	Jangkaan 2023
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022			
		Ekar	Ekar	Ekar	Ekar	Ekar	Ekar	Ekar	Ekar	Ekar	Ekar	Ekar	Ekar	Ekar	Ekar	Ekar			
1	BUKIT MINYAK INDUSTRIAL PARK	110.34	39.28	53.46		42.56	45.72	10.44	3.00	6.04	7.19	2.44	0.72	4.04		4.64			
2	PRAI IND PARK	14.70	16.03	6.19	6.06	6.34		0.50	1.34	2.32	0.38	5.02				2.80			
3	BAYAN LEPAS INDUSTRIAL PARK	6.17																	
4	BERTAM	2.07																	
5	MACALLUM STREET GHAUT	0.07			1.80					0.02							0.03	0.03	
6	B TENGGAH INDUSTRIAL PARK		3.08	2.00			8.50												
7	BAYAN LEPAS RECLAMATION LAND - IB3		1.83	1.88				1.98		0.30		0.24	6.31						
8	BAYAN LEPAS RECLAMATION LAND - IB5		15.00	2.67	29.48								1.02						
9	SUNGAI NIBONG		4.86																
10	BATU MAUNG		17.31	1.51	5.91														
11	BATU KAWAN		21.04	44.85	79.63	2.15	76.75	275.71	13.57				0.65	33.63	0.56	0.32		19.09	37.88
12	BANDAR SEBERANG JAYA				8.03	1.16	15.16	2.88					4.88		0.14	0.07		0.00	0.00
13	BATU KAWAN - INDUSTRIAL PARK				142.96	30.52	33.79	57.13	170.58	62.64	85.82	50.23	25.34	87.41	177.77	42.86		5.05	12.34
14	BUKIT JAMBUL				6.74														
15	BANDAR BAYAN BARU				6.16	4.71							0.05	0.03	0.02				
16	NORTH PENANG SCIENCE PARK										6.75	51.25	12.49	16.54	27.41	26.28		44.56	48.92
17	TIMUR BATU KAWAN																		3.03
	Jumlah	133.36	118.43	112.37	286.76	87.45	179.93	348.64	188.50	71.32	100.14	109.88	84.42	108.58	205.64	76.64	68.73	102.18	

Manakala, jualan tanah bagi tahun-tahun hadapan adalah bagi kawasan-kawasan pembangunan PDC yang masih mempunyai tanah untuk dibangunkan seperti di Taman-Taman Perindustrian PDC, Batu Kawan, Byram, Sungai Nibong, Bayan Lepas dan Batu Maung.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Perbadanan Ketua Menteri (CMI) untuk bertindak sebagai agensi yang proaktif dan produktif dalam menjana pendapatan dalam mempertingkatkan ekonomi negeri Pulau Pinang dengan memaksimumkan nilai strategik aset, menjana hasil pendapatan melalui konsep *Public Private Professional*

Partnership (4P'S) melalui aset sedia ada (tanah dan bangunan) Kerajaan Negeri yang diberi milik kepada CMI.

- (a) Fungsi utama CMI adalah untuk menyewa dan memajak tanah milikannya kepada syarikat swasta untuk tempoh yang tertentu dan tidak wujudkan kaedah penjualan tanah selain tanah Island Hospital pada tahun 2018. Kaedah tawaran penyewaan dan pajakan sedang dilaksanakan dengan mematuhi tatacara perolehan yang sedia ada dan mengikut kadar nilai terkini yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.
- (b) Pada 1 Disember 2018, tanah PT 71, Seksyen 4, DTL yang berkeluasan 6.4 ekar telah didaftarkan kepada Island Hospital Sdn Bhd bagi cadangan 'Penang Medical City' dengan harga jualan sebanyak RM156.44 juta dengan pajakan 99 tahun berdasarkan nilai Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

- 7. Taman Trafik dibina khasnya untuk mendedahkan kanak-kanak kepada undang-undang jalan raya melalui penyertaan program yang dianjurkan. Adakah program-program ini masih dijalankan pada tahun 2022 dan 2023?
 - (a) Jika ya, nyatakan program yang telah dijalankan.
 - (b) Jika tidak, nyatakan sebab-sebab program ini tidak diteruskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 7. Program pendedahan undang-undang jalan raya kepada kanak-kanak masih dilaksanakan di Taman Trafik (Taman Lalu Lintas), George Town.
 - (a) Antara program-program yang telah dijalankan pada tahun 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Program	Tarikh	Pemohon
1	2022	Latihan Lalu Lintas	20.11.2022	Triple Wisdom Hall Dhamma School No.5 Pangkor Road, 10050 Pulau Pinang.
2	2023	Latihan Lalu Lintas	04.08.2023	Maple Bear Penang, 121 Halaman York, 10450 Pulau Pinang.

- (b) Tidak berkaitan.

- 8. Nyatakan hartanah Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) dan jumlah tunggakan sewa para penyewa di kawasan Tanjong hingga tahun 2022.
 - (a) Bagaimanakah MAINPP membantu penyewa yang tidak mampu membayar kadar sewa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 8. Hartanah Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) dan jumlah tunggakan sewa para penyewa di kawasan Tanjong sehingga tahun 2022 adalah seperti berikut:

Jumlah Premis	Jumlah Tunggakan Sehingga 2022
401 unit	RM3,471,370.36

- (a) Berdasarkan polisi MAINPP, kadar sewa yang dikenakan kepada penyewa penyewa premis MAINPP adalah 30% lebih rendah daripada kadar sewa pasaran semasa. Bagi penyewa-penyewa yang mempunyai tunggakan sewa, pihak Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. (WPPSB) akan mengambil tindakan dengan memanggil penyewa-penyewa yang terlibat bagi mengadakan sesi perbincangan untuk membuat penstrukturan semula kadar bayaran sewa yang tertunggak tersebut.

9. Fakir miskin di DUN KOMTAR.

- (a) Berapakah jumlah fakir miskin yang didaftarkan melalui Zakat Pulau Pinang di dalam DUN KOMTAR? Pecahkan senarai nama mengikut masjid.
- (b) Apakah jenis bantuan yang diterima oleh fakir miskin dan nyatakan jumlah kewangan?
- (c) Apakah perancangan untuk mengurangkan jumlah fakir miskin di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Jumlah Fakir Miskin yang didaftarkan melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP) di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) KOMTAR mengikut masjid adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Masjid	Bil. Fakir Miskin (Orang)
1.	Masjid Jamek Lebuh Aceh	51
2.	Masjid Jamek Perangin	9
3.	Masjid Jamek Simpang Enam	83
4.	Masjid Jamek Titi Papan	7
Jumlah		150

- (b) Senarai nama fakir mengikut masjid serta jenis bantuan yang diterima adalah seperti berikut:

(i)

Lebuh Aceh

Bil	No. K/P	Nama	Alamat 1	Alamat 2	Poskod	Alamat 3	Alamat 4	No.Tel 1	Jumlah (RM)
1	1376312	Mat Isa Bin Din @ Den	No.8d-07-18 Kompleks Pulau Mutiara	Gat Lebu Macallum	10300	George Town	Pulau Pinang	0164362827	600.00
2	441122-07-5304	Halijah Binti Hashim	No.73	Acheen Street	10200	George Town	Pulau Pinang	0194296666	600.00
3	450414-07-5175	Abdul Aziz Bin A Wahab	No.69	Lebu Aceh	10200	George Town	Pulau Pinang	0174879805	600.00
4	500301-71-5271	V.M Sv Naina Mohamed		81-1 Lebu Aceh	10100	George Town	Pulau Pinang	0166085271	5,000.00
5	510708-02-5466	Kamariah Binti Mohd Nat		No 69 Lebu Aceh	10200	George Town	Pulau Pinang	0124795957	600.00
6	520316-07-5375	Abdul Wahed Bin Abdullah	No.120	Lebu Melaka	10400	George Town	Pulau Pinang	0194780371	5,000.00
7	520612-07-5513	Abdul Shukor Bin Othman	No 2	Jalan Langkawi	10460	George Town	Pulau Pinang	0189428445	600.00

							Pinang		
8	540626-05-5263	Johari Bin Mohd Yusoff	A2-2-4 Taman Han Chiang	Jalan Kampar	10460	George Town	Pulau Pinang	01155548794	900.00
9	550312-71-5221	Habib Rahuman Bin Mohamed Shariff	Blok 7-2-7	Lintang Macallum 2	10300	George Town	Pulau Pinang	0164089763	800.00
10	551205-08-5003	Mohamed Roslan Bin K.Abd Rahman	No 51.2 Masjid Melayu	Lebuh Aceh	10200	George Town	Pulau Pinang		700.00
11	560303-07-5014	Noor Jannah Binti Abdul Rashid	69	Lebuh Aceh	10200	George Town	Pulau Pinang	0164712269	700.00
12	570423-07-5819	Razali Bin Ibrahim	No 5852 Pongsu Seribu	Kepala Batas	13200	Kepala Batas	Pulau Pinang		700.00
13	580622-07-5079	Mohd Yusoff Bin Mohd Hashim	Blok 3-4-4 P/Puri Pelangi	Lintang Maccallum 2	10300	George Town	Pulau Pinang	01124387314	1,100.00
14	591022-07-5861	Azmi Bin Mohamed Ariff	53-1	Lebuh Aceh	10200	George Town	Pulau Pinang	0123633927	600.00
15	611224-07-5099	Abdul Razak Bin Samsudin	No.14	Lebuh Buckingham	10200	George Town	Pulau Pinang	0175267055	100.00
16	631221-07-5075	Mohamed Egbal Bin Noor Mohamed	No.73	Lebuh Aceh	10200	George Town	Pulau Pinang	0164570185	4,500.00
17	640501-02-5552	Rossiah Binti Zakaria	Block 360-9-1	Gat Lebuh Macallum	10300	George Town	Pulau Pinang	0174381815	70.00
18	640912-02-5899	Mohd Nasir Bin Ishak	Masjid Kapitan /Masjid Aceh /PdG Polo	Georgetown	10200	George Town	Pulau Pinang	999	700.00
19	650615-07-5266	Sharifah Bebi Binti Haja Maydin	Blok 350-02-8	Lebuh Macallum	10300	George Town	Pulau Pinang	0182174454	800.00
20	700306-02-5532	Jalidah Binti Kamal	Ooi Hock Keong,	Hdprn 23 Pkln Weld Foreshore	10300	George Town	Pulau Pinang	0142501136	700.00
21	700628-07-5073	Nazli Bin Mohamed Noor		67 Lbh Aceh	10300	George Town	Pulau Pinang		600.00
22	701203-71-5009	Sadik Ali Bin Aribu	96-07-01	Jalan Faraday	11700	George Town	Pulau Pinang	0164596676	100.00
23	720125-07-5715	Mohamed Mustafa Bin Mohd Shaikadi	No.79-1	Lebuh Aceh	10200	George Town	Pulau Pinang	0184645548	2,750.00
24	720909-08-5073	Muhammad Luqmanulhakim Puspa Nathan Bin Abdullah	123w Gat	Lebuh Noordin	10300	George Town	Pulau Pinang	0164383200	70.00
25	740725-07-5631	Mohd Noorhisha Bin Mohd Abdul Kadir	No 73	Lebuh Aceh	10200	George Town	Pulau Pinang		70.00
26	740725-07-5653	Mohd Noorhisham Bin Mohd Abdul Kadir		No 73 Lebuh Aceh	10200	George Town	Pulau Pinang	0194296666	100.00
27	770318-07-5995	Mikhail Tan Kee Seng	No. 348-6-7	Gat Lebuh Macallum	10300	George Town	Pulau Pinang	01112506993	100.00
28	790320-07-5722	Zurinah Binti Rowther	B-03-09 Alimsawally Apartment	Lebuh Chulia	10200	George Town	Pulau Pinang	0164282441	100.00

29	790608-07-5668	Masiah Binti Wan Chik	Sebelah No 2	Jalan Langkawi	10460	George Town	Pulau Pinang	01153401479	1,000.00
30	820321-02-5043	Muhammad Hazbar Bin Basri	69	Lebuh Acheh	10200	George Town	Pulau Pinang	0163904964	600.00
31	820522-07-5709	Luqman Bin Abdul Rahman	7-11-2 Pangsapuri Pelangi	Lintang Macculum 2	10300	George Town	Pulau Pinang	0164231205	1,100.00
32	840108-11-5662	Rokiah Binti Mansor	42 C -9-12 Sri Saujana	Gat Lebuh Macallum	10300	George Town	Pulau Pinang	0129694824	4,500.00
33	960804-10-5480	Irawati Binti Abdullah		84 Jln Masjid Kapitan Keling	10200	George Town	Pulau Pinang		600.00
Jumlah Keseluruhan (RM)									37,060.00

(ii)

Perangin

Bil	No.K/P	Nama	Alamat 1	Alamat 2	Poskod	Alamat 3	Alamat 4	No.Tel	Jumlah (RM)
1	501014-07-5595	Mohd Jalil Bin Ahmed		23-C Jalam Siam	10400	George Town	Pulau Pinang	0174922590	4,470.00
2	610218-07-5848	Sakinah Bee Binti Mohamed Thambi	E-G-7, Taman Abidin,	Jalan Perak,	10150	George Town	Pulau Pinang	-	100.00
3	710210-02-5131	Wansani Bin Walahwan Abdullah	42c-5-29, Sri Saujana	Gat Lebuh Macallum	10300	George Town	Pulau Pinang	0199627830	100.00
4	730418-71-5199	Syed Muhammad Bin Seeni Muhammed	42c-7-24, Sri Saujana	Gat Lebuh Macallum	10300	George Town	Pulau Pinang	0143109786	100.00
5	771126-02-5752	Mahboob Subhani Binti Hajamydin	7-4-7 Pangsapuri Pelangi	Lintang Macallum 2	10300	George Town	Pulau Pinang	0194488331	100.00
6	911104-07-5152	Meharaj Begum Binti Ahmed Ansari	352-17-4	Gat Lebuh Macallum	10300	George Town	Pulau Pinang	0183654671	100.00
7	930129-07-5136	Mazlina Bin Rahmathulah	42b-19-24	Gat Lebuh Macallum	10300	George Town	Pulau Pinang	01136047170	100.00
									3,000.00
Jumlah Keseluruhan (RM)									8,070.00

(iii)

Titi papan

Bil	No.K/P	Nama	Alamat 1	Alamat 2	Poskod	Alamat 3	Alamat 4	No.Tel	Jumlah (RM)
1	490815-07-5527	Zakaria Bin Mat		22a Jalan Burma	10050	George Town	Pulau Pinang	0124244952	1,000.00
2	520425-07-5104	Latifah Bee Binti Abdul Razak	No.152	Jln Seang Teik	11600	George Town	Pulau Pinang	042286726	800.00
3	600204-02-5859	Hashim Bin Ahmad		2-1-8 Taman Manggis Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang		100.00
4	601220-07-5586	Aisha Bee Binti Mohamed	Blok 115-4-11	Jalan Kedah	10050	George Town	Pulau Pinang	0164721195	1,600.00
5	671014-02-6189	Mohd Omar Bin Fadel Hak	No.24 Kg Herriot	Jalan Burma	10250	George Town	Pulau Pinang	042276807	4,500.00
6	891126-09-5124	Baizuliana Binti Baharom	L2 U1, Kuarters Guru, Sek. Men. Keb.	Medan Lim Cheng Teik	10250	George Town	Pulau Pinang	0124161424	420.00

			Agama (P) Almashoor						
7	AA47778845	Tariq Ali Gondal S ikandarHayat	Blok 350-11-3	Gat Lebu Macallum	10300	George Town	Pulau Pinang	0164552760	550.00
Jumlah Keseluruhan (RM)									8,970.00

(iv)

Simpang Enam

Bil	No.K/P	Nama	Alamat 1	Alamat 2	Poskod	Alamat 3	Alamat 4	No.Tel	Jumlah (RM)
1	4242308	Mohd Bin Pakir Mohd	Blok 2-2-1	Flat Taman Manggis	10400	George Town	Pulau Pinang	01133666727	700.00
2	360727-07-5484	Salmah A/P Muhamad Ibrahim	80	Lebu Melaka	10400	George Town	Pulau Pinang		100.00
3	420403-07-5279	Bab Bin Kassim Shah	2A-04-13 Taman Manggis	Jln Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0103839697	5,400.00
4	430324-07-5050	Zarina Binti S.M Mohd Yaseen	2-12-15 Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0124620352	600.00
5	441016-07-5087	Othuman Mydin A/L Sintha Madar	No 2-15-11 Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0177272160	4,900.00
6	471112-07-5084	Rafiathul Fajariah Binti Baharudin	Blok 2-G-3 Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	048272041	100.00
7	480811-07-5141	Isahak Bin Bakar	No 288	Pokok Sena	13200	Kepala Batas	Seberang Perai Utara	0164261406	700.00
8	480815-07-5464	Fatimah Binti M.K Syed Ibrahim	Blok 2-G-7 Flat PPR	Lorong Selamat, Taman Manggis	10400	George Town	Pulau Pinang	0196545592	700.00
9	490921-07-5256	Sanbula @ Lilijan Binti Abdul Majid	Blok 2-11-14	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0197444068	600.00
10	500506-07-5191	Maula Mydin Bin Shaikhu	Blok 2-8-4 Flat PPR	Jalan Zainol Abidin	10150	George Town	Pulau Pinang	01111458665	5,100.00
11	501019-07-5279	Baharuddin Bin Noor Mohd	Blok-A 12-10	Jalan Veterinari	10150	George Town	Pulau Pinang	01133239242	800.00
12	510924-07-5492	Amirjan Binti Osman	39053	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0174833102	700.00
13	520615-07-5260	Sharom Bee Binti Daud	Blok 2-12-4 Flat PPR Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0165026184	4,500.00
14	521115-07-5381	Zakaria Bin Pawanchik	No.2-11-19	Flat PPR Taman Manggis	10400	George Town	Pulau Pinang	0125947365	100.00
15	540120-02-5606	Tijah Binti Baharom	No.32	Jalan Selangor	10400	George Town	Pulau Pinang	0143458366	4,500.00
16	560614-07-5353	Kamis Bin Osman	1-20-04 Tingkat Paya Terubong 5	Taman Terubong Indah	11060	George Town	Pulau Pinang	0166053926	600.00
17	560720-02-5077	Mansor Bin Ahmad	No.13	Lebu Mc Nair	10300	George Town	Pulau Pinang		4,500.00
18	561118-07-5068	NooJan Binti Rahman Syed	Blok 2-13-03	Jalan Merbah	11900	George Town	Pulau Pinang	6428849	600.00
19	590617-07-5532	Noorain Binti Othman	No.2-2-4 Flat PPR Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0125861061	4,500.00
20	600313-07-5361	Shaik Daud Bin Shaik	No 381-A	Jalan Hajjah	10250	George	Pulau		50.00

Bil	No.K/P	Nama	Alamat 1	Alamat 2	Poskod	Alamat 3	Alamat 4	No.Tel	Jumlah (RM)
		Hamid		Remah		Town	Pinang		
21	600410-07-5750	Kamsida Binti Mohamed Abu Bakar	Blok 5-14-3 Pangsapuri Pelangi	Lintang Maccalum 2	10300	George Town	Pulau Pinang	0109249293	800.00
22	600915-07-5457	Ahmad Fauzi Bin Abdullah	No.2-4-16, PPR Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0164265169	5,499.20
23	611109-07-5544	Sarizat Binti Ahmad Murat	Blok 1 B-12-09 Mutiara Idaman 1	Sungai Pinang	11600	George Town	Pulau Pinang		600.00
24	620709-07-5331	Abdul Malik Bin Gulamali	No.2-7-8	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0164283351	1,600.00
25	620728-07-5329	Jefry Tan Bin Abdullah	3-07-13 Desa Mawar	Lintang Kg Melayu 2	11500	George Town	Pulau Pinang	0169648952	4,400.00
26	630419-07-5850	Noorjan Binti S S Syed Ahamed	2-4-1 Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0124784431	4,500.00
27	630512-07-5871	Noordin Bin Hashim	Blok 2-2-3 Lorong Selamat	Flat PPR Taman Manggis	10400	George Town	Pulau Pinang	0174697033	700.00
28	631210-07-5889	Roseli Bin Abd Majid	Blok 2-5-2 PPR Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	01113350801	9,700.00
29	650329-02-5380	Zamrah Binti Zainol	D/A Masjid Simpang Enam	Jln Macalister	10400	George Town	Pulau Pinang		600.00
30	650402-07-5254	Haji Bee Bee Bt. Mohamed Ibrahim	1B-20-12 Mutiara Idaman 1	Solok Tengku	11600	George Town	Pulau Pinang	0124749571	600.00
31	651226-07-5064	Che Yusnidah Binti Md Yusoff	02-16-11 Flat PPR	Tmn Manggis Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang		600.00
32	670206-07-5474	Suraya Binti Mohamed Aboo Backar	2-16-2 Flat Taman Manggis	Jalan Zainal	10400	George Town	Pulau Pinang	0143017764	600.00
33	670307-02-5337	Badrul Loo Bin Abdullah		37 Love Lane	10200	George Town	Pulau Pinang	0189456123	830.00
34	670704-07-5493	Abdul Rahman Bin Mohamed	2-13-12	Tmn Manggis Jln Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0164598744	600.00
35	671112-02-5286	Norrhayati Binti Din	2-6-12 Taman Manggis	Jln Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	01128484983	7,300.00
36	671114-02-5538	Kamariah Binti Sharif	Blok 2A-23-10	Mutiara Hts	11600	George Town	Pulau Pinang		600.00
37	680627-02-5044	Che Gayah Binti Abdul Rahman	13-13 Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0174168769	5,500.00
38	680923-08-5981	Addenan Bin Kamaruddin	No.2-16-6 Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0194646156	600.00
39	691001-07-5158	Hasliza Binti Ahmad	Blok 2-4-3 Flat Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0123118249	1,600.00
40	691122-07-5058	Noorian Binti Hussain	2-9-14 Flat PPR Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0143677120	5,000.00
41	700213-07-5522	Siti Fatimah Binti Ahmad	Blok A-12-10	Flat PPRT Jln Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang		600.00

Bil	No.K/P	Nama	Alamat 1	Alamat 2	Poskod	Alamat 3	Alamat 4	No.Tel	Jumlah (RM)
42	701211-07-5013	Rahumathulla Bin Sal Hamid	Blok 2-6-18 Flat Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0147594635	2,500.00
43	710528-07-5649	Saidin Bin Hussain	2-9-14 Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0167848516	3,100.00
44	710605-07-5475	Mohd Latif Bin Osman	Blok 2-17-8 Taman Manggis	Jln Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	01123342336	6,850.00
45	720209-02-5870	Noor Azizah Binti Abdul Aziz	Blok 2-4-6 Flat PPR Taman Manggis	Jln Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0184699226	7,300.00
46	720522-02-5949	Haszemee Bin Ab Hamid	2-2-6 Flat PPR Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0134202535	5,570.00
47	720531-08-5708	Nasibah Bebe Bt Abdul Ghani	2-6-2 Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0174894145	600.00
48	721226-07-5495	Abdul Wahab Bin P M Ibrahim	Blok 2-14-17	Falat PPRT Taman Manggis Jalan Zainal Abidin	10050	George Tow	Pulau Pinang	0164361103	600.00
49	730326-07-5091	Mohd Haniffah Bin Rosli	Blok 2-13-18 Flat PPR	Taman Manggis, Jln Zainal Abidin	10150	George Town	Pulau Pinang	0189719578	700.00
50	730727-08-5514	Siti Rohayu Binti Ibrahim	Blok 7-10-2 P/Puri Pelangi	Lintang Macullum 2	10300	George Town	Pulau Pinang	0125470426	700.00
51	731123-07-5037	Zaiwawi Bin Zaidi	Blok 2-5-18 Taman Manggis	Jln Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	01125323001	1,200.00
52	740726-02-5076	Haslinda Binti Che Din	Blok 2-2-6, Flat Ppr	Taman Manggis, Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0134202535	100.00
53	750319-07-5788	Nazrimah Binti Jamal Abidin	Blok 2-5-15 Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang		600.00
54	750429-02-5466	Siti Fatimah Binti Musa	2A-G-4 Flat Pprt JlnZainol Abidin	Lorong Selamat	10400	George Town	Pulau Pinang	042826721	600.00
55	760115-03-5724	Nosirah Binti Ashari @ Mamat	2-3-13 Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0175847348	600.00
56	760120-07-5181	Nazri Bin Walid	41335	Taman Manggis Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang		100.00
57	760814-07-5071	Osman Bin Ibrahim	No.76 Jalan Irawadi	Kuarters MBPP	10050	George Town	Pulau Pinang	0143433024	400.00
58	760822-14-5156	Hafizah Binti Ibrahim	Blok 2-5-2 PPR Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	01113350801	600.00
59	761002-02-6092	Maznah Binti Radzi	2-11-7, Tumah PPR	Taman Manggis	10400	George Town	Pulau Pinang	0105046024	600.00
60	770224-07-5695	Mohd Izwan Nagarajen Bin Abdullah	39388	Taman Manggis, Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0124686576	9,500.00
61	770821-02-5194	Zaharah Binti Zakaria	18-09-05 Serina Bay	Hilir Sungai Pinang	11600	George Town	Pulau Pinang	0174437604	5,400.00

Bil	No.K/P	Nama	Alamat 1	Alamat 2	Poskod	Alamat 3	Alamat 4	No.Tel	Jumlah (RM)
62	770821-07-5917	Syahrulnizam Bin Abdul Wahab	D/A;Masjid Jamek Simpang Enam	Jln Macalister	11600	George Town	Pulau Pinang		600.00
63	770915-07-5504	Sarimah Binti Megat Hassim	Blok 2-1-13 Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0183934006	6,850.00
64	780102-07-5768	Mashetah Binti Azizan	Blok 2-17-8 Taman Manggis	Jln Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	01123342336	600.00
65	780309-07-5386	Nashima Binti Maula Mydin	A-2-3 Pangsapuri Alimsah	Walley Lebu Chulia	10200	George Town	Pulau Pinang		600.00
66	780923-08-6317	Roslan Bin Ishak	No.32	Jalan Selangor	10400	George Town	Pulau Pinang	01123347742	4,500.00
67	790515-07-5669	Rizman Bin Hashim	2-3-5 Flat Tmn Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0134458557	600.00
68	791104-12-5654	Rosidah Binti Abd Rahman	Blok 2-9-19 Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	0174074745	1,100.00
69	811106-07-5342	Johana Binti S.S.Hidayatullah	No.19	A.S Mansoor	10050	George Town	Pulau Pinang	01121498442	2,100.00
70	830509-08-5274	Roslaini Binti Rosdi	Blok 5-6-8 Pangsapuri Pelangi	Lintang Macallum 2	10300	George Town	Pulau Pinang	0182417055	950.00
71	840116-07-5402	Roshidah Binti Abdul Razak	Blok 17-3-6	Paya Terubong 3	11060	George Town	Pulau Pinang	0168349213	4,499.95
72	840213-09-5093	Hairi Ismadi Bin Ismail	115-07-14	Flat Jalan Kedah	10050	George Town	Pulau Pinang	0174268215	98.05
73	850412-07-5377	Mohd Harun Al Rasyid Bin Pawanteh	Blok 2-9-14 Flat PPR Taman Manggis	Jalan Zainal Abidin	10400	George Town	Pulau Pinang	01172499114	2,320.00
74	850813-07-5087	Ahmed Shahnizam Bin Yusoff	8-3-10 Flat Halaman Damai	Kampung Rawa	10150	George Town	Pulau Pinang	042833079	600.00
75	860922-35-5722	Siti Norlili Binti Ramli	42-A MK 11 Sg Batu	Jln Telok Kumbar	11920	George Town	Pulau Pinang		600.00
76	901024-02-5009	Mohamad Firdaus Bin Mohd Ibrahim	115-14-15	Jalan Kedah	10050	George Town	Pulau Pinang	0195047789	99.00
77	930918-07-5147	Muhamad Shahidan Bin Abdul Rahman	G-2-10 Flat Uda Fasa li	Tanjung Tokong	10470	George Town	Pulau Pinang	01162475042	100.00
Jumlah Keseluruhan (RM)									166,416.20

(c) Antara pendekatan yang diambil oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) untuk mengurangkan fakir di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) Memperkasakan skim agihan-agihan zakat konsumtif (sekali gus) yang efektif merangkumi:
 - (a) Wang tunai (sekali gus & bulanan);
 - (b) Makanan & keperluan asas – kedai runcit & *panel mart* yang berdekatan;
 - (c) Perubatan dan peralatan kesihatan – *panel pharmacy*; dan
 - (d) Pusat Hemodialisis Zakat.
- (ii) Menyediakan Skim Agihan Pendidikan dalam bentuk Skim Awal Persekolahan, Skim Agihan Pakaian Seragam Sekolah, Skim Agihan

Permulaan Ke Institusi Pengajian Tinggi, Skim Dermasiswa serta Skim Tajaan Program TVET dan Profesional kepada yang layak.

- (iii) Menambah baik nilai wang tunai skim agihan zakat dengan meningkatkan kadar nilai wang tunai sebanyak antara RM100.00 sehingga RM400.00 terhadap Skim Agihan Asnaf Fakir Miskin.
- (iv) Menawarkan Skim Agihan Keusahawanan Zakat melalui Tunas Usahawan Zakat bagi modal permulaan perniagaan dan modal mengembangkan perniagaan dengan kerjasama SME Corp (kursus dan kemahiran), bengkel perakaunan perniagaan dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui program *Ummi Therapy*.
- (v) Melaksanakan program khas Peladang Asnaf; seperti berikut:
 - (a) Projek Ladang Fertigasi Asnaf – Kerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pulau Pinang untuk tanaman timun sebanyak 1,000 polibeg di Ara Kuda. Peserta terdiri daripada asnaf fakir miskin; dan
 - (b) Projek Peladang Asnaf Nanas Zakat – Kerjasama dengan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) sebanyak 100,000 pokok nanas di Ara Kuda. Peserta terdiri daripada asnaf fakir miskin.
- (vi) Melaksanakan Program Rintis:
 - (a) Rakan Grab Zakat Pulau Pinang – Kerjasama dengan Syarikat Grab Malaysia. Seramai 10 orang *rider e-hailing* (penghantar makanan) dalam kalangan asnaf fakir miskin diberikan sumbangan motosikal baharu dengan pemantauan daripada ZPP dan Syarikat Grab; dan
 - (b) Makmal Sosio-Akademik (MASA) @ Sungai Nibong – Program rintis yang menghimpunkan 17 buah keluarga dalam kalangan asnaf fakir miskin bandar. Mereka diberikan rumah di Pangsapuri Wakaf Hajah Norijah di Sungai Nibong. Pelaksanaan program dan pemantauan dibuat sepanjang masa bagi mengeluarkan peserta daripada belunggu kemiskinan dalam tempoh tiga (3) tahun pelaksanaannya.

10. Taman Bandar Arkeologi Sia Boey merupakan salah satu tarikan pelancongan, adakah Kerajaan Negeri akan menyediakan tandas awam untuk memenuhi keperluan pengunjung?

- (a) Apakah perancangan penyelenggaraan yang ditentukan untuk memastikan taman ini sentiasa dalam keadaan yang memuaskan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dalam perancangan untuk menyediakan kemudahan tandas awam yang berkaitan. PDC juga sedang memohon peruntukan yang berkaitan daripada Kementerian Ekonomi.

- (a) PDC telah melantik PDC Setia Urus Sdn. Bhd. (PDCSU) untuk mengurus dan menyelenggara Taman Arkeologi Sia Boey. PDCSU melaksanakan perkhidmatan pembersihan dan kawalan keselamatan ke atas taman tersebut. PDCSU juga dipertanggungjawabkan untuk membersihkan dan menyelenggara

Prangin Canal di kawasan tersebut. Di samping itu PDCSU juga akan diminta untuk melihat penaiktarafan kamera keselamatan dan juga pencahayaan.

11. Jelaskan status perkembangan untuk projek Jajaran Transit Aliran Ringan (LRT).
 - (a) Bilakah kerja-kerja pembinaan akan bermula?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Pada masa ini, pelaksanaan projek LRT sedang menunggu keputusan Kementerian Pengangkutan bagi memuktamadkan kaedah pelaksanaan dan perincian teknikal, iaitu dari segi jajaran dan lokasi stesen LRT.
 - (a) Tarikh permulaan bagi kerja-kerja pembinaan projek ini masih belum ditentukan dan ianya bergantung kepada keputusan Kementerian Pengangkutan.
12. Terdapat banyak bangunan usang warisan yang terbenhkalai di dalam tapak warisan UNESCO. Pesuruhjaya Warisan Negeri telah mengeluarkan notis kepada pemilik-pemilik unit tersebut pada bulan September. Jelaskan tindakan lanjut yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Semakan George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) pada Disember 2022 telah mendapati terdapat sekurang-kurangnya 11 buah bangunan dalam keadaan bahaya dan mungkin mendatangkan kacau ganggu, dan 120 buah bangunan dalam keadaan usang. Memandangkan pihak GTWHI merupakan agensi kerajaan bukan berkanun dan tiada kuasa untuk mengambil tindakan penguatkuasaan, perkara ini telah dilaporkan kepada Mesyuarat Technical Review Panel pada 14 Disember 2022 untuk tindakan daripada Jabatan Konservasi Warisan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri.

Perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat *Technical Review Panel* pada 5 Ogos 2022, 9 Mac 2023, 28 Ogos 2023 dan 15 September 2023. Pengarah Konservasi Warisan Majlis Bandaraya Pulau Pinang melalui surat bertarikh 8 September 2023 dan 22 September 2023 telah memohon tindakan penguatkuasaan daripada Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri ke atas pemilik tanah dan pemilik bangunan yang telah membiarkan bangunan milikan mereka dalam keadaan usang dan membahayakan keselamatan orang awam di bawah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011. Semakan Jabatan Konservasi Warisan Majlis Bandaraya Pulau Pinang yang dilaporkan pada 15 September 2023 juga mendapati terdapat 88 buah bangunan usang dan 92 bangunan tidak diselenggara dengan baik di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Kerajaan Negeri telah menurunkan kuasa kepada Pengarah Konservasi Warisan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated sebagai pegawai yang diberi kuasa memasuki tapak di bawah Seksyen 20 (1) Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 supaya langkah-langkah yang munasabah dapat diambil bagi tujuan pemuliharaan, pembaikan atau penyelenggaraan yang sewajarnya dapat dijalankan untuk menyelamatkan bangunan warisan ini.

Bagi maksud penjagaan tapak warisan, berdasarkan Seksyen 34 Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011, pemunya atau penghuni tapak warisan hendaklah memastikan tapak sentiasa dalam keadaan baik [Seksyen 34 (1)], membenarkan pegawai yang diberi kuasa memasuki tapak bagi maksud menjalankan kerja pemuliharaan, pembaikan atau penyelenggaraan sebagaimana yang difikirkannya

suai manfaat atau perlu [Seksyen 34 (2)] dan segala kos dan belanja yang ditanggung semasa menjalankan kerja itu hendaklah dibayar balik oleh pemunya atau penghuni tapak [Seksyen 34 (3)].

13. Masalah kerosakan eskalator dan lif senantiasa berlaku di Jejantas Octopus. Walaupun telah acap kali dimaklumkan kepada MBPP namun tindakan sangat lambat. Jelaskan langkah-langkah efisien yang seharusnya dilaksanakan oleh MBPP agar keselamatan orang awam terjamin.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Projek menaik taraf Jejantas Octopus di persimpangan Jalan Penang/ Jalan Burma/ Jalan Dr. Lim Chwee Leong telah dilaksanakan oleh Syarikat Esignia Construction Sdn. Bhd. secara projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) pada tahun 2018.

Sebagai timbal balik kepada projek CSR yang telah dijalankan, Syarikat Esignia Construction Sdn. Bhd. dibenarkan untuk memasang iklan di atas jejantas dengan syarat dan tangga bergerak (*escalator*) dan lif di jejantas tersebut diselenggara selama tempoh 25 tahun.

Berdasarkan pemeriksaan yang dibuat oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), ketiga-tiga *escalator* dan tiga (3) lif berfungsi dengan baik manakala baki satu (1) lif tidak berfungsi kerana kerja-kerja pembaikan sedang dijalankan dan dijangkakan siap sepenuhnya pada 15 November 2023.

Bagi memastikan keselamatan orang awam terjamin apabila menggunakan kemudahan *escalator* dan lif yang disediakan, pihak MBPP telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (a) Memasang sebanyak 11 unit kamera CCTV pada lokasi-lokasi yang dikenal pasti di dalam dan luar kawasan jejantas bagi pemantauan sebarang unsur dan kejadian-kejadian yang tidak diingini di kawasan tersebut;
- (b) Laporan penyelenggaraan dan pembaikan *escalator* dan lif perlu dilakukan oleh Syarikat Esignia Construction Sdn. Bhd. kepada MBPP bagi memastikan kemudahan tersebut diselenggara dengan baik dan mengikut jadual yang ditetapkan; dan
- (c) Mewujudkan kesedaran awam melalui penampalan poster dan mengadakan kempen kesedaran bagi memupuk kesedaran untuk menjaga harta awam di kalangan pengguna yang menggunakan fasiliti tersebut.

14. Apakah perkembangan pembinaan projek terowong dasar laut yang dicadangkan sebelum ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih meneliti dan mempertimbangkan hala tuju pelaksanaan projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang sehingga Pelan Induk Pembesaran *North Butterworth Container Terminal* (NBCT) oleh pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) dimuktamadkan pada Disember 2023. Perkara ini adalah kerana terdapat pertindihan jajaran terowong dengan cadangan pembesaran NBCT secara berfasa sehingga 2025 oleh pihak SPPP. Pihak SPPP juga telah dimohon untuk membentangkan hasil kajian Pelan Induk Pembesaran NBCT tersebut untuk pertimbangan Kerajaan Negeri selanjutnya.

15. Senaraikan petak *loading-unloading* di kawasan Tanjong.
- (a) Adakah waktu tertentu diatitkan untuk urusan berkenaan?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membenarkan kenderaan lain bagi meletak di petak itu selepas masa *loading-unloading* tamat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Terdapat lima (5) lokasi petak *loading-unloading* di kawasan Tanjong yang disediakan seperti berikut:

- (i) Lebuh Campbell;
- (ii) Lebuh Victoria;
- (iii) Jalan Dato Keramat;
- (iv) Jalan Gurdwara; dan
- (v) Jalan Dr. Lim Chwee Leong.

- (a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mewartakan waktu larangan bagi aktiviti punggah-memunggah (*loading-unloading*) di dalam kawasan Bandaraya George Town bermula dari **jam 7.00 pagi hingga 9.00 pagi** dan **dari jam 4.30 petang hingga 7.00 petang** setiap hari kecuali hari Ahad dan hari kelepasan am.

Untuk makluman pada masa sekarang pihak MBPP adalah dalam perancangan untuk mengadakan satu sesi libat urus dengan pihak perniagaan yang terlibat dan tempoh percubaan akan dilaksanakan dahulu sebelum waktu larangan bagi aktiviti punggah-memunggah (*loading-unloading*) yang dijangka akan berkuat kuasa serta dilaksanakan pada tahun 2024.

- (b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai cadangan untuk membenarkan kenderaan lain untuk meletak kenderaan di petak *loading-unloading* selepas masa tersebut tamat. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dipertimbangkan semula sekiranya terdapat keperluan.

16. Kerajaan Negeri sedia maklum bahawa di bahagian Pulau menghadapi masalah kekurangan tanah RIBI, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti tanah khas untuk pembangunan RIBI di bahagian Pulau?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Mengikut Garis Panduan Untuk Penyediaan Kemudahan Masyarakat Di Kawasan Pemajuan Perumahan Baru yang diguna pakai oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 14.12.1989 (pindaan terkini 15.12.2017), Tapak Lain-Lain Ibadat (RIBI) merupakan sebahagian keperluan kemudahan masyarakat yang hendaklah disediakan oleh pemaju sebagai syarat pematuhan Permohonan Kebenaran Merancang bagi semua skim perumahan yang dikemukakan kepada MBPP.

Selain daripada tapak RIBI, lain-lain tapak kemudahan masyarakat antaranya kawasan lapang, pusat masyarakat/dewan, surau dan tapak penjaja/pasar yang hendaklah disediakan dalam Permohonan Kebenaran Merancang setiap skim perumahan dan diserahkan kepada MBPP.

Piawai perancangan bagi tapak RIBI adalah pada kadar 0.10 meter persegi tanah bagi setiap penduduk. Oleh yang demikian, cadangan tapak RIBI dikira berdasarkan cadangan unit perumahan yang dikemukakan oleh pemaju di mana tapak RIBI tersebut adalah untuk kegunaan penduduk skim tersebut kelak.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini dalam peringkat kajian semula bagi penyediaan tapak RIBI sedia ada bagi memastikan mengikut kesesuaian tapak dan keselesaan penganut persatuan.

Selain daripada itu, bagi perancangan tanah RIBI baru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk membangunkan projek Tanah RIBI seperti Ampang Jajar di Daerah Timur Laut atau Daerah Barat Daya pada masa akan datang.

17. Kerajaan Negeri mempunyai hubungan diplomatik yang baik dengan negara China dari aspek pelancongan, pelaburan, perniagaan dan sebagainya, adakah Kerajaan Negeri akan menyediakan platform khas di antara Pulau Pinang dan China bagi memudahkan urusan berkenaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Jalinan hubungan diplomatik Kerajaan Negeri dan Negara China telah lama terjalin secara harmoni melalui aktiviti-aktiviti perdagangan, pelaburan, perniagaan, pelancongan dan sebagainya. Hubungan diplomatik ini terus dikukuhkan dengan pembukaan sebuah Pejabat Konsulat Jeneral China di negeri ini yang bertindak sebagai sebuah *platform* dalam mengukuhkan jalinan hubungan dan kerjasama antara dua pihak.

Kerajaan Negeri melalui *InvestPenang* turut bertindak sebagai sebuah platform dalam menjalinkan hubungan yang baik dengan pihak Kerajaan Tempatan, agensi-agensi promosi pelaburan, persatuan perdagangan dan dewan perniagaan di China seperti *China Council for the Promotion of International Trade (CCPIT)*, *Terminal Electronics Manufacturing Association (TEMA)*, *Hong Kong Chinese Chamber of Commerce (HKCCC)*, *Hong Kong Trade Development Council (HKTDC)*, pihak Kerajaan Tempatan dari Wilayah Henan, Xinhui, Xiamen dan sebagainya.

Jalinan hubungan diplomatik yang erat ini membolehkan kedua-dua pihak dapat berkomunikasi dan bertukar idea mahupun pendapat khususnya berkaitan dengan maklumat pelaburan, inisiatif dan dasar-dasar kerajaan dan sebagainya.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui *InvestPenang* juga sentiasa menganjurkan misi promosi pelaburan ke Negara China dalam meningkatkan kesedaran mengenai peluang-peluang pelaburan di Negeri Pulau Pinang khususnya di dalam bidang pembangunan industri, kebudayaan dan pelancongan. Syarikat-syarikat dari Negara China turut mengadakan jalinan kerjasama yang erat dengan *InvestPenang* melalui usaha kolaborasi secara bersama dengan rakan-rakan strategik tempatan yang lain dalam memahami dan mendalami mengenai ekosistem perindustrian dan pelaburan di negeri ini.

Jalinan kerjasama ini turut diperhebatkan dengan kunjungan daripada persatuan-persatuan perdagangan mahupun Kerajaan Tempatan China ke negeri ini dengan membawa bersama syarikat-syarikat dari Negara China yang berpotensi dan berminat untuk melabur di negeri ini.

18. Nyatakan status terkini projek menaik taraf Pasar Lebu Campbell.
 - (a) Adakah projek tersebut masih diteruskan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah memutuskan tidak meneruskan *Request For Proposal (RFP)* bagi Cadangan Projek Tender Secara Terbuka untuk memastikan *Outstanding Universal Value (OUV)* sentiasa dipelihara dan dilindungi

bagi memastikan status Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town (TWDGT) terus kekal.

Setakat ini, pihak MBPP akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di Pasar Lebu Campbell pada tahun 2024.

19. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperkenalkan perkhidmatan 'water taxi' dan apakah status perancangan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperkenalkan perkhidmatan *Water Taxi* di bahagian Pulau, Pulau Pinang. MBPP dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan agensi-agensi lain telah menjalankan kajian awal dan telah mengenal pasti lokasi-lokasi jeti yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai tempat mengambil dan menurunkan penumpang di mana sebanyak empat (4) lokasi jeti telah dicadangkan untuk perkhidmatan Teksi Air ini.

Sehubungan itu, MBPP telah memanggil satu *Request For Proposal* (RFP) bagi melantik syarikat yang berminat untuk menyediakan perkhidmatan Teksi Air ini. Dokumen RFP telah diiklankan pada 12 Disember 2022 dan ditutup pada 27 Februari 2023. Sebanyak dua (2) syarikat telah mengemukakan cadangan melalui RFP ini dan beberapa siri pembentangan kepada Jawatankuasa Penilaian Teknikal RFP telah dilaksanakan.

MBPP telah mengeluarkan satu Surat Niat kepada syarikat yang berjaya untuk melaksanakan projek Teksi Air ini. Sekiranya syarikat ini bersetuju dengan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Surat Niat tersebut, satu Surat Tawaran akan dikeluarkan kepada syarikat berkenaan. Projek Teksi Air ini dijangka akan mula beroperasi pada pertengahan tahun 2025.

20. Adakah MAHB akan membina 'link-bridge' berbambung untuk menyambungkan lapangan terbang dengan parkir bertingkat di LTAPP untuk menyempurnakan lagi projek tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Parkir bertingkat di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) telah siap dibina dan dibuka kepada orang awam pada bulan April 2023. Kerja-kerja pembinaan *link bridge* berbambung dari bangunan parkir bertingkat LTAPP ke bangunan terminal utama telah bermula pada bulan Ogos 2023 dan dijangka siap dalam tempoh sembilan (9) bulan iaitu pada bulan April 2024. *Link Bridge* ini menghubungkan aras 3 parkir bertingkat LTAPP sehingga ke *kerbside* di aras perlepasan terminal utama LTAPP.

21. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menaik taraf Stesen Bas KOMTAR termasuk membina tandas awam baru dan menaik taraf kaunter Rapid Penang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Kerajaan Negeri telah menaik taraf Stesen Bas KOMTAR pada tahun ini dengan kerjasama MBPP. Antara kerja-kerja yang telah dilaksanakan adalah dengan mengecat semula tiang-tiang sedia ada, menaiktaraf pencahayaan dengan menukar lampu sedia ada jenis HSPV kepada jenis LED, menggantikan tempat duduk jenis konkrit kepada tempat duduk jenis *stainless steel* dan memperbaiki lantai *interlocking* di laluan bas.

Kos yang terlibat untuk kerja-kerja menaik taraf stesen bas KOMTAR adalah sebanyak RM37,800.00. Di samping itu, MBPP juga telah memperuntukan sebanyak RM50,000.00 untuk kerja-kerja menaiktaraf lantai *interlocking* sedia ada di Lebuhraya Tek Soon dan laluan bas di Stesen Bas KOMTAR.

Untuk pembinaan tandas awam baru masih tiada dalam perancangan.

Bagi kaunter Rapid Penang adalah di bawah seliaan Rapid Penang sendiri dan tiada perancangan buat masa ini.

22. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mendapatkan sokongan Kerajaan Pusat untuk mewujudkan zon kewangan khas di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Zon Kewangan Khas dilihat sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan atau merencanakan industri pelaburan, pertumbuhan dan aktiviti ekonomi sesebuah bandar atau kawasan. Hal ini kerana kos-kos seperti pengurusan, pendidikan, kesihatan, perniagaan adalah lebih berpatutan di kawasan yang dikategorikan sebagai Zon Kewangan Khas dengan bantuan dan inisiatif daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Rentetan itu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pembentukan Zon Kewangan Khas di Forest City di negeri Johor.

Oleh itu, negeri ini memerlukan kajian yang lebih mendalam dan teliti sebelum memutuskan untuk mewujudkan Zon Kewangan Khas di negeri ini. Sekiranya Kerajaan Negeri memutuskan untuk mewujudkan zon tersebut, sokongan Kerajaan Pusat adalah penting.

23. Pusat CAT Pulau Pinang merupakan pusat perhubungan untuk mencari pekerjaan dan majikan bagi memastikan warga Pulau Pinang mencapai tujuan *My Penang, My Workplace*. Berapakah tawaran pekerjaan yang telah diberi kepada pencari kerja selama ini?

- (a) Jelaskan langkah-langkah yang telah dibuat bagi meningkatkan kecekapan program tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Berdasarkan data sehingga bulan Oktober 2023, sejumlah 3,053 tawaran pekerjaan atau jawatan kosong telah diiklankan melalui laman sesawang Pusat Career Assistance And Talent (CAT) dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 7,154 permintaan bagi urusan pepadanan pekerjaan iaitu melibatkan pihak majikan dengan individu pencari kerja telah dilakukan oleh Pusat CAT.

- (a) Pusat CAT Pulau Pinang berperanan memberikan khidmat fasilitasi atau penyelarasan dari awal proses pengiklanan jawatan kosong sehingga proses pepadanan kerja (*job matching*) antara majikan dengan individu pencari kerja. Selain itu, Pusat CAT Pulau Pinang juga telah memperluaskan peranannya dalam perkhidmatan yang berkaitan seperti berikut:

i. **Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya**

Kaedah mempromosikan Pulau Pinang adalah melalui '*outreach program*' bersama institusi pengajian tinggi bagi memberikan kesedaran kepada para pelajar dan juga pencari kerja di Malaysia, khususnya di Pulau Pinang tentang peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di negeri ini.

ii. **Pelaksanaan program subsidi latihan industri iaitu ‘Penang Internship Subsidy Program’ (PISP)**

Pusat CAT Pulau Pinang bertindak sebagai sekretariat dalam pelaksanaan program ini yang bertujuan sebagai salah satu peluang bagi para pelajar di Malaysia mengikuti program latihan industri di syarikat-syarikat yang berkelayakan dengan memperoleh kadar elaun bulanan yang menarik.

iii. **Pelaksanaan program biasiswa ‘Penang Future Foundation’ (PFF)**

Program ini merupakan sebuah program yang menawarkan biasiswa daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada rakyat Malaysia yang majoritinya adalah anak jati negeri yang cemerlang dan layak untuk melanjutkan pengajian mereka di institusi pengajian tinggi tempatan. Ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab bakat. Program PFF terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak tanpa mengira kaum, agama dan jantina. Setelah berjaya menamatkan pengajian yang ditaja, pemegang biasiswa dikehendaki bekerja di Pulau Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada di sektor awam mahupun swasta.

iv. **Mempromosikan program-program yang bermanfaat seperti Program ‘My Next, Career Comeback’**

Pusat CAT Pulau Pinang turut menjalinkan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (*Northern Corridor Implementation Authority–NCIA*), *TalentCorp* Malaysia dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan melaksanakan hebahan bagi program-program berkaitan pekerjaan melalui saluran komunikasi sedia ada seperti laman sesawang InvestPenang dan Pusat CAT. Kerjasama ini membolehkan Pusat CAT Pulau Pinang menyalurkan sebarang pertanyaan mahupun permohonan daripada golongan sasaran pencari kerja terus kepada pihak yang berkaitan bagi mengisi kekosongan jawatan yang ada.

24. Pembinaan bumbung tambahan di Pasar Basah Jalan Anson pernah dicadangkan dan dijanji akan dibuat bagi memudahkan penjaja menjalankan perniagaan serta memberi keselesaan kepada pelanggan-pelanggan yang melawat ke pasar. Apakah status terkini bagi cadangan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Bagi Projek Pembinaan Bumbung Tambahan Pasar Basah Jalan Anson, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini sedang dalam proses penyediaan spesifikasi skop kerja dan reka bentuk. Projek ini dijangka akan melalui proses perolehan melalui tender terbuka pada tahun 2024.

25. Akademi eSports Pulau Pinang.

- (a) Apakah perkembangan akademi ini dan jelaskan hala tuju dan tujuan penubuhan akademi berkenaan?
- (b) Berapakah pertandingan telah disertai oleh pasukan Akademi eSports kita?
- (c) Adakah Akademi eSports akan menyediakan pasukan untuk bertanding dalam pertandingan peringkat negeri dan antarabangsa pada masa hadapan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Akademi Esports Pulau Pinang ditubuhkan dengan tujuan untuk mendorong Pembangunan sukan elektronik secara meluas berpaksikan kepada perkembangan dan kepesatan sukan ini yang menjadi trend ikutan generasi anak-anak muda serta selaras dengan pembangunan sukan esports yang telah mula dipertandingkan di peringkat sukan bertemasya kebangsaan dan antarabangsa yang merangkumi Sukan Malaysia (SUKMA), Sukan SEA, dan yang terbaharu di Sukan Asia Hangzhou 2022.

Di bawah akademi ini, pihak Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Sukan Negeri (Unit Sukan), Persatuan Sukan Elektronik Pulau Pinang, Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah melaksanakan program pendidikan berteraskan "Game On: Esports!" yang menyeragamkan sukan elektronik dengan etika bermain secara berhemah dan teratur kepada anak-anak muda di negeri Pulau Pinang.

Selain berfungsi sebagai tempat pembentukan pemain-pemain baharu dalam sukan elektronik, akademi ini turut menjadi pusat latihan kepada atlet-atlet esports negeri Pulau Pinang yang akan menyertai kejohanan Sukan Malaysia Sarawak 2024.

- (b) Setakat kini, Akademi Esports ini tidak mengasaskan pembentukan sebarang pasukan untuk bermain di bawah nama Akademi Esports Pulau Pinang memandangkan program-program pengenalan sukan elektronik dan pendidikan merupakan tumpuan utama penubuhan akademi ini di negeri Pulau Pinang. Pasukan yang dibawakan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang merupakan pemain-pemain yang dibangunkan menerusi usaha sama bersama dengan Persatuan Sukan Elektronik Pulau Pinang untuk diketengahkan ke Sukan Malaysia sahaja.
- (c) Dalam fasa terkini, hasrat Akademi Esports masih dalam fasa memberi tumpuan kepada penganjuran Klinik Pengenalan Sukan Elektronik dan berteraskan kepada memperkenalkan sukan elektronik dengan etika bermain secara berhemah untuk membentuk budaya bersukan yang sihat dan terkawal. Bagi atlet-atlet yang berkemahiran, mereka akan diketengahkan kepada Persatuan Sukan Elektronik Pulau Pinang untuk diperkembangkan skil dan kemahiran permainan mereka agar dapat beraksi dengan lebih cemerlang di arena pertandingan tempatan dan antarabangsa.

26. Apakah usaha yang diambil oleh PBA untuk mengurangkan *non-revenue water* (NRW)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mengambil inisiatif mempertingkatkan pencapaian kerja-kerja penggantian meter berusia lebih 10 tahun yang masih berada di tapak meter pengguna domestik. Selain itu perancangan projek penggantian paip ini untuk tempoh 2023 – 2025 dengan anggaran kos sebanyak RM180.3 juta di bawah peruntukan PBAPP.

XVIII. Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Amir Hamzah bin Abdul Hashim @ Md Hashim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri

1. Berapakah jumlah penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut komposisi kaum dan jantina di DUN Permatang Pasir?
 - (a) Berapakah bilangan penerima yang telah diberhentikan bantuan sejak tahun 2018 hingga 2022?
 - (b) Apakah alasan bantuan diberhentikan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Jumlah penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang mengikut komposisi kaum dan jantina di DUN Permatang Pasir sehingga Oktober 2023 adalah seperti berikut:

Jumlah Penerima Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Mengikut Komposisi Kaum Dan Jantina Di DUN Permatang Pasir Sehingga Oktober 2023

DUN	Kaum					Jantina		
	Melayu	Cina	India	Lain-Lain	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Permatang Pasir	355	60	7	2	424	195	229	424

- (a) Bilangan penerima yang telah diberhentikan bantuan sejak tahun 2018 hingga 2022 adalah seramai 348 orang.
 - (b) Bantuan JKM diberhentikan atas sebab-sebab seperti kematian penerima bantuan, penerima berpindah ke daerah atau negeri lain dan sekiranya pendapatan penerima melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu melebihi RM1,169.00.
2. Senaraikan parit dan tali air yang diselenggara oleh Jabatan Pengairan dan Saliran di DUN Permatang Pasir.
 - (a) Senaraikan syarikat yang bertanggungjawab menyelenggara parit dan tali air dan bilangan kekerapan diselenggara.
 - (b) Senaraikan parit yang kerap menyebabkan banjir sekiranya tidak diselenggara.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Senarai parit dan tali air yang di selenggara oleh Jabatan Pengairan dan Saliran negeri Pulau Pinang (JPSPP) khususnya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir untuk tahun 2023 adalah seperti berikut:

Jadual 1: Senarai Kerja Penyelenggaraan Parit Dan Tali Air di DUN Permatang Pasir

Bil.	Senarai Kerja	Kekerapan	Kontraktor
1	Kerja-kerja penyelenggaraan tali air utama Kubang Semang	8	Setia Jaya

Bil.	Senarai Kerja	Kekerapan	Kontraktor
2	Kerja-kerja penyelenggaraan tali air dan parit di K2A Skim Pengairan Sungai Kulim	8	Delima Menawan Venture
3	Kerja-kerja penyelenggaraan tali air dan parit di K2B (Zon Kampung Kota) Skim Pengairan Sungai Kulim	8	RNS Global Services
4	Kerja-kerja penyelenggaraan tali air dan parit di K2B (Zon Sama Gagah) Skim Pengairan Sungai Kulim	8	Exterior Technique Contractor & Supplier
5	Kerja-kerja penyelenggaraan tali air dan parit di K3 (Zon Kubang Semang) Skim Pengairan Sungai Kulim	8	MZ Tegas Enterprise
6	Kerja-kerja penyelenggaraan tali air dan parit di K3 (Zon Bukit Merah) Skim Pengairan Sungai Kulim	8	Aimar Global Venture
7	Kerja-kerja penyelenggaraan tali air dan parit di K4 Skim Pengairan Sungai Kulim	8	Pauh Indah Enterprise
8	Kerja-kerja penyelenggaraan parit di K5 dan K6 Skim Pengairan Sungai Kulim	8	Ikal Teguh Enterprise
9	Kerja-kerja penyelenggaraan tali air di K5 dan K6 Skim Pengairan Sungai Kulim	8	Rahsiabaru Enterprise

- (a) Senarai syarikat yang bertanggungjawab untuk menyelenggara parit dan tali air dan bilangan kekerapan penyelenggaraan adalah seperti di **Jadual 1**.
- (b) Parit yang kerap menyebabkan banjir sekiranya tidak di selenggara adalah seperti berikut:
- (i) Parit K6/2A; dan
 - (ii) Parit Kampung Kota.

3. Apakah bantuan segera yang diberikan Kerajaan Negeri sekiranya berlaku bencana?
- (a) Bagaimanakah cara memohon bantuan segera sekiranya berlaku bencana?
 - (b) Berapakah peruntukan bencana yang telah disalurkan kepada mangsa di DUN Permatang Pasir sejak tahun 2018 hingga 2022 mengikut kategori bencana?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pada ketika ini terdapat dua (2) bantuan segera yang diberikan sekiranya berlaku bencana, iaitu:-
1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Tabung Bantuan TYT akan memberikan bantuan dalam bentuk bayaran suguhati kepada mangsa bencana di Negeri Pulau Pinang bagi tujuan meringankan penderitaan mangsa. Kadar bantuan yang diluluskan adalah 10% daripada nilai kemusnahan/kerosakan dimana

bantuan minima adalah sebanyak RM200.00 dan maksima bantuan adalah sebanyak RM5,000.00.

2. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) juga memberikan Bantuan Wang Ihsan (BWI) tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.
 - (a) Cara memohon bantuan Tabung TYT Negeri Pulau Pinang atau Bantuan Wang Ihsan di bawah NADMA adalah melalui Pejabat Daerah dan Tanah di kawasan masing-masing. Berikut adalah senarai yang diperlukan bagi memohon bantuan kepada Pejabat Daerah dan Tanah:
 - (i) Borang Bantuan Bencana TYT (daripada Pejabat Daerah & Tanah);
 - (ii) Salinan Laporan Polis;
 - (iii) Salinan Kad Pengenalan Ketua Isi Rumah (KIR);
 - (iv) Salinan Kad Pengenalan Ahli Isi Rumah (AIR);
 - (v) Salinan Buku Akaun (Aktif); dan
 - (vi) Gambar Kejadian Bencana

Semua bantuan ini tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.

- (b) Peruntukan bencana yang telah disalurkan kepada mangsa di DUN Permatang Pasir sejak tahun 2018 hingga 2022 di bawah Tabung TYT adalah seperti berikut:

**Jumlah Maklumat Statistik Kewangan Tahunan Bantuan TYT
01/2018 - 12/2022 (Permatang Pasir)**

Tahun	Daerah	Jenis Bencana	Jumlah Kejadian	Jumlah Bantuan TYT (RM)	Jumlah Besar (RM)	Jumlah Tahunan (RM)
2018	DUN Permatang Pasir	Kebakaran	4	17,000.00	21,995.00	21,995.00
		Pokok Tumbang	1	100		
		Ribut	19	4,895.00		
2019		Kebakaran	10	36,850.00	39,000.00	39,000.00
		Ribut	4	2,150.00		
2020		Kebakaran	2	5,000.00	7,600.00	7,600.00
		Pokok Tumbang	1	1,000.00		
		Ribut	4	1,600.00		
2021		Pokok Tumbang	1	270	14,070.00	14,070.00
		Ribut	2	1,800.00		
	Kebakaran	3	12,000.00			
2022	Kebakaran	1	3,500.00	3,500.00	3,500.00	

4. Apakah tindakan dan perancangan Majlis Bandaraya Seberang Perai ke atas Pasar Awam Sama Gagah bagi memastikan keselesaan kepada peniaga dan pengunjung serta penduduk setempat memandangkan kawasan tersebut kecil dan sempit?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Pihak MBSP telah mengenal pasti tapak baharu iaitu di kawasan Permatang Pauh di atas tanah kerajaan lot 1272, 1273 dan sebahagian lot 2054, Mukim 2, Seberang Perai Tengah bagi membina sebuah pasar awam baharu menggantikan Pasar Awam Sama Gagah.

Pembinaan pasar awam yang baharu ini akan mengambil kira reka bentuk yang bersesuaian dengan saiz tapak tersebut bagi memastikan keselesaan kepada pengunjung dan penduduk setempat.

5. Senaraikan projek PPRT dan rumah kos rendah di DUN Permatang Pasir.
- Apakah syarat kelayakan untuk permohonan PPRT dan rumah kos rendah?
 - Apakah tindakan jika penyewa menyewakan rumah tersebut?
 - Apakah perancangan untuk menambah rumah PPRT dan kos rendah di DUN Permatang Pasir?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Projek Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) adalah program kendalian Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah yang diuruskan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) yang melibatkan kerja-kerja baik pulih dan pembinaan baharu atas tapak milik penerima atau dengan kelulusan pemilik tanah. Merujuk kepada rekod Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Tengah (PDT SPT), tiada rekod pelaksanaan projek PPRT di DUN Permatang Pasir. Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan Kerajaan Negeri (Projek Khas Ekonomi), PDT SPT telah melaksanakan tiga (3) projek bina baru rumah bagi tahun 2023 di DUN Permatang Pasir.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) sentiasa memantau pembekalan rumah kos rendah (RMM A) di Pulau Pinang bagi memastikan golongan berpendapatan rendah (B40) dapat memiliki rumah kediaman. Sehingga kini sebanyak 460 unit RMM A berada dalam pelbagai peringkat pembinaan dapat dibekalkan di DUN Permatang Tinggi. Perinciannya adalah seperti berikut:

Data Pecahan RMM A Bagi Projek Dalam Perancangan, Sedang Dibina dan Siap Dibina di DUN Permatang Pasir

Jenis RMM/Status	Dalam Perancangan	Sedang Dibina	Siap Dibina	JUMLAH
RMM A	350	0	110	460
JUMLAH	350	0	110	460

Senarai Projek RMM A Bagi Projek Dalam Perancangan di DUN Permatang Pasir

Bil.	Tahun	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMM	Bil. Unit
1	2021	Lot 1056, 1057, 1058, 1059, Mukim 21, SPT	Spirit of Perai Sdn Bhd	Pelingkungan Semula	A	350

Senarai Projek RMM A Bagi Projek Siap Dibina di DUN Permatang Pasir

Bil.	Tahun	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMM	Bil. Unit
1	2018	Pangsapuri Harmoni	Sunway Bintang Sdn Bhd	Di Atas Lot 90, 95, 113, 114, 115, 119, 122, 133 Dan 138, Seksyen 1, Jalan Muthu Palaniappan, Bukit Mertajam	A	110

(a) Bagi projek PPRT kriteria dan syarat permohonan bantuan adalah seperti berikut:

(i) Kriteria

1. Disahkan sebagai miskin tegar (pendapatan isi rumah RM1,169) dan miskin (pendapatan isi rumah RM2,208) yang berdaftar dalam Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih); atau
2. Diperaku dan disahkan layak oleh Mesyuarat Focus Group Pembasmian Kemiskinan Peringkat Daerah (FGD) atau Negeri (FGN) atau jawatankuasa yang setara dengannya di peringkat negeri; atau
3. Diperaku oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan; atau
4. Diperaku oleh jawatankuasa di peringkat Kementerian.

(ii) Syarat pembinaan baharu

1. Tidak mempunyai rekod pemilikan rumah;
2. Rumah yang didiami terlalu uzur dan tidak selamat didiami;
3. Tidak ekonomik untuk dibaiki;
4. Memiliki tanah sendiri (pemilikan penuh); atau
5. Pemilikan tanah sebahagian atau mendapat kebenaran menggunakan tanah daripada Tuan Tanah (tanah atas milik ibu / bapa / adik-beradik / saudara mara yang mempunyai pertalian darah dengan pemohon atau tanah Kerajaan atau tanah wakaf) dengan mengemukakan Borang Kebenaran Menggunakan Tanah.

(iii) Syarat bantuan baik pulih

1. Bantuan diberikan kepada peserta yang mempunyai rumah yang uzur atau rosak disebabkan oleh bencana dan masih ekonomik untuk dibaiki; atau

2. Mendapat kebenaran untuk membaik pulih bagi kes menumpang tanah milik orang lain/tanah milik sebahagian/tanah Kerajaan dengan mengemukakan Borang Kebenaran Menggunakan Tanah.
 3. Bagi memastikan hanya mereka yang layak sahaja memperolehi manfaat perumahan bersubsidi, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menetapkan syarat-syarat permohonan Rumah Mampu Milik khususnya RMM A seperti berikut:
 - (i) Warganegara Malaysia;
 - (ii) Berumur 21 tahun ke atas pada tarikh permohonan;
 - (iii) Anak kelahiran Pulau Pinang ATAU bermastautin di Pulau Pinang;
 - (iv) Pengundi berdaftar di Pulau Pinang;
 - (v) Bekerja di Pulau Pinang; dan
 - (vi) Pendapatan bulanan isi rumah tidak melebihi RM2,500.00 untuk RMM A harga maksimum RM42,000.00.
- (b) Penawaran Rumah Mampu Milik khususnya RMM A melalui proses yang sangat teliti bagi memastikan hanya mereka yang layak diberi peluang pemilikan. Mereka juga disyaratkan untuk mendiami unit tersebut (*owner occupied*) dan tidak dibenarkan menyewakannya. Unit ini juga dikenakan tempoh moratorium selama 10 tahun untuk dipindahmilik bagi mengelakkan spekulasi. Pada ketika ini, tiada tindakan yang dapat diambil sekiranya didapati pemilik rumah menyewakan unit mereka kepada pihak ketiga. Namun, pindaan kepada Jadual G, H, I dan J di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 [Akta 118] telah disyorkan untuk dipinda dan dikuatkuasakan bagi projek-projek pemajuan baharu.
- (b) Kerajaan Negeri sentiasa peka terhadap isu pemilikan rumah untuk golongan berpendapatan rendah, terutamanya golongan B40 dan M40. Kerajaan Negeri sehingga kini masih mengekalkan harga maksima RMM A pada harga RM42,000.00, RMM B pada harga RM72,500.00 dan RMM C dengan harga maksimum RM300,000.00 di kawasan Pulau dan RM250,000.00 di kawasan Seberang Perai. Selaras dengan perkara ini, Kerajaan Negeri sedang dalam proses untuk mengenalpasti beberapa tanah milik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di seluruh Pulau Pinang bagi cadangan pembangunan RMM termasuk juga tanah-tanah di daerah Seberang Perai amnya dan di bawah DUN Permatang Pasir khususnya. Selain itu, Kerajaan Negeri juga dari semasa ke semasa akan mengadakan sesi libat urus bersama pemaju swasta yang mempunyai milikan tanah bagi pembangunan RMM di kawasan tersebut.
- Bagi projek PPRT, penambahan unit PPRT adalah berdasarkan kelulusan peruntukan di peringkat Kementerian yang akan disalurkan kepada BPEN dan PDT.

6. Senaraikan lokasi pelancongan di DUN Permatang Pasir.

- (a) Apakah langkah kerajaan dalam mempromosikan tempat-tempat ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Antara lokasi pelancongan di DUN Permatang Pasir ialah:

- (i) Makam Kerabat Diraja Kedah;
- (ii) Kampung Kota – Makam Tunku Sulaiman;
- (iii) Masjid Jamek Tuan Haji Abdul Latif;
- (iv) Pesisir Sungai Perai dari Pengkalan Tambang, SPU ke Kampung Terus, Penanti, SPT;
- (v) Surau Kubang Semang ;
- (vi) Tanjung Putus ; dan
- (vii) Pengkalan Tambang – Produk berunsurkan *gastronomy* iaitu mee udang.
- (a) Kempen promosi pelancongan untuk Pulau Pinang yang dijalankan oleh Penang Global Tourism (PGT) adalah secara keseluruhan termasuk bagi kawasan Permatang Pasir.

Promosi di kawasan Seberang Perai telah dijalankan secara konsisten melalui media sosial, kempen pemasaran, penyediaan risalah dan video promosi.

PGT akan meneruskan pengemaskinian bahan pemasaran di Seberang Perai mengenai tarikan pelancongan, makanan dan aktiviti pengalaman. Dengan itu, PGT akan mempromosikan destinasi itu melalui latihan penjenamaan, kerjasama dengan pemain industri pelancongan domestik dan antarabangsa serta aktiviti media sosial.

- 7. Berapakah jumlah kilang yang ditutup di Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2022?
 - (a) Berapakah jumlah pekerja yang diberhentikan mengikut komposisi kaum sepanjang tempoh tersebut?
 - (b) Apakah bentuk bantuan yang Kerajaan Negeri berikan kepada mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 7. Berdasarkan data daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Pulau Pinang, terdapat sejumlah 81 majikan di Negeri Pulau Pinang yang menutup perniagaan sepenuhnya dari tahun 2018 hingga 2022.
 - (a) Jumlah majikan yang melaksanakan pemberhentian kerja di Pulau Pinang adalah dilaporkan seperti berikut:

**Data Pemberhentian Biasa dan Skim Pemisahan Sukarela (VSS)
Tahun 2019-2023**

Tahun	Pemberhentian biasa	Skim Pemisahan Sukarela (VSS)	Jumlah
2019	73	17	90
2020	225	49	274
2021	125	32	157
2022	93	32	125
2023 (setakat Ogos	59	26	85

Tahun	Pemberhentian biasa	Skim Pemisahan Sukarela (VSS)	Jumlah
2023)			

Sumber: Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

Setakat bulan Ogos 2023, 28 majikan sektor pembuatan melaksanakan pemberhentian pekerja tetap manakala Skim Pemisahan Sukarela (VSS) dilaksanakan oleh 20 majikan. Data pemberhentian kerja yang direkodkan oleh JTK dan PERKESO adalah tidak mengikut komposisi kaum.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengalu-alukan bakat-bakat mahir di dalam bidang Science, Technology, Engineering, Mathematics (STEM) dan Technical and Vocational Education and Training (TVET) bagi memenuhi sebahagian besar daripada permintaan bakat untuk industri di negeri ini. Dengan adanya pelan perancangan yang rapi, peluang perkerjaan bagi industri-industri di Pulau Pinang secara tidak langsung akan membuka peluang yang luas kepada warga Pulau Pinang bagi memenuhi kekosongan jawatan yang ditawarkan. Selain itu, untuk industri perkhidmatan dan ekonomi digital, InvestPenang telah berkerjasama dengan Malaysia Digital Economy Corporation(MDEC), Penang Skills Development Centre (PSDC) dan Kumpulan Fokus GBS Pulau Pinang dengan menubuhkan Penang GBS Industry Academy (PGIA) pada tahun 2022. Akademi ini menawarkan peluang kepada para pekerja untuk meningkatkan kemahiran dan melatih semula individu bagi memberi nilai tambah serta melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam pekerjaan teknologi yang amat diperlukan kini khususnya dalam bidang seperti sains data, pembangunan perisian dan keselamatan siber dan sebagainya. Ini secara tidak langsung dapat membantu Kerajaan Negeri melahirkan lebih ramai bakat baharu pada masa hadapan dan meningkatkan tahap kebolehpasaran individu di negeri ini. Antara program-program yang telah/sedang dijalankan dan jumlah peruntukan yang disalurkan adalah seperti berikut:

1. Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya

Kaedah mempromosikan Pulau Pinang adalah melalui '*outreach program*' bersama institusi pengajian tinggi bagi memberikan kesedaran kepada para pelajar dan juga pencari kerja di Malaysia, khususnya di Pulau Pinang mengenai peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di negeri ini.

2. Pelaksanaan program subsidi latihan industri iaitu '*Penang Internship Subsidy Program*' (PISP)

Pelaksanaan program ini bertujuan sebagai salah satu peluang kepada para pelajar di Malaysia bagi mengikuti program latihan industri di syarikat-syarikat yang berkeelayakan di samping memperoleh kadar elaun bulanan yang menarik. Program ini diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM1.5 juta bagi pelaksanaan sepanjang tahun 2022 dan 2023.

3. **Pelaksanaan program biasiswa ‘Penang Future Foundation’ (PFF)**

Program ini merupakan sebuah program penawaran biasiswa daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada rakyat Malaysia khususnya anak jati negeri ini yang cemerlang dan layak untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi tempatan. Ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab bakat. Program PFF adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak tanpa mengira kaum, agama dan jantina. Setelah berjaya menamatkan pengajian yang ditaja, pemegang biasiswa dikehendaki bekerja di Pulau Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada di sektor awam mahupun swasta. Dana permulaan bagi program ini adalah sebanyak RM40.0 juta merangkumi sumbangan daripada pihak swasta kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan biasiswa.

4. **Mempromosikan program-program yang bermanfaat seperti Program ‘My Next, Career Comeback’**

Kerajaan Negeri menjalinkan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (*Northern Corridor Implementation Authority – NCIA*), TalentCorp Malaysia dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan melaksanakan hebahan bagi program-program berkaitan pekerjaan melalui saluran komunikasi sedia ada seperti laman sesawang InvestPenang dan Pusat CAT. Kerjasama ini membolehkan Pusat CAT Pulau Pinang menyalurkan sebarang pertanyaan mahupun permohonan daripada golongan sasaran pencari kerja terus kepada pihak yang berkaitan bagi mengisi kekosongan jawatan yang ada.

5. **Youth Entrepreneurship Challenge (YEC) 4.0 National Level 2023**

Kerajaan Negeri mewujudkan peluang kepada usahawan belia yang bercita-cita tinggi serta memupuk minat belia dalam bidang keusahawanan.

8. Berapakah jumlah pekerja asing di dalam sektor pengilangan di Pulau Pinang mengikut kerakyatan negara pada ketika ini?
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam sektor ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berdasarkan sumber maklumat daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), di sebelah Pulau mencatatkan seramai 11,772 orang pekerja asing manakala di sebelah Seberang Perai merekodkan seramai 25,000 orang pekerja asing, menjadikan jumlah keseluruhan pekerja asing dalam sektor perkilangan di Negeri Pulau Pinang adalah seramai 36,772 orang.
- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui agensi berkaitan memainkan peranan penting dalam merapatkan keperluan kemahiran sektor perindustrian dan penawaran dalam sektor pendidikan. Peranan ini penting untuk mendepani jurang kemahiran dan memperbaiki ketandusan pekerja mahir dalam pasaran buruh sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Negeri ini juga menitikberatkan penglibatan sektor swasta di sekolah-sekolah, di samping menyokong laluan alternatif kepada tenaga kerja mahir, khususnya model pendidikan vokasional. Selain membina bakat tempatan, kesedaran terhadap mobiliti tenaga kerja boleh meningkatkan

pemadanan bakat dengan profil kemahiran dan pilihan pekerjaan di seluruh Malaysia.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui agensi berkaitan memainkan peranan penting dalam merapatkan keperluan kemahiran sektor perindustrian dan penawaran dalam sektor pendidikan. Peranan ini penting untuk mendepani jurang kemahiran dan memperbaiki ketandusan pekerja mahir dalam pasaran buruh. Negeri ini juga menitikberatkan penglibatan sektor swasta di sekolah-sekolah, di samping menyokong laluan alternatif kepada tenaga kerja mahir, khususnya model pendidikan vokasional. Selain membina bakat tempatan, kesedaran terhadap mobiliti tenaga kerja boleh meningkatkan pemadanan bakat dengan profil kemahiran dan pilihan pekerjaan di seluruh Malaysia.

Berdasarkan *Penang Strategy of Economic Ecosystem Development (SEED)*, dasar dan strategi pembangunan modal insan adalah seperti berikut:

i. **Peningkatan padanan kemahiran**

1. Bekerjasama rapat dengan agensi persekutuan untuk memantau kekerapan dan maklumat mengenai kekurangan kemahiran, permintaan kemahiran dan jurang kemahiran yang tersedia di peringkat negeri; dan
2. Mengubah Pulau Pinang menjadi destinasi pilihan untuk bakat dan tenaga kerja mahir.

ii. **Perkembangan kemahiran baharu**

1. Memperbanyakkan program latihan dan pembangunan melalui perkongsian awam-swasta untuk meningkatkan sokongan dalam peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pekerja;
2. Memastikan bahawa bekalan latihan adalah responsif and proaktif terhadap permintaan kemahiran;
3. Meningkatkan program-program kemahiran di sekolah untuk menyokong laluan kemahiran permintaan tinggi dengan menyediakan latihan dan pembangunan kepada guru sekolah untuk memperkayakan sistem pendidikan negara; dan
4. Mempromosikan pendidikan TVET dan STEM sebagai pilihan untuk pendidikan lanjutan dan mewujudkan mekanisme pemantauan untuk penempatan bagi memastikan keselamatan pekerja.

iii. **Menyokong peralihan pertengahan kerjaya / *Support mid-career transition***

1. Meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja dengan menambah baik kuantiti, kualiti dan kebolehcapaian perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan penjagaan warga emas serta meningkatkan sokongan untuk kembali bekerja.

9. Senaraikan syarikat pelaburan baru yang diterima oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2018 hingga 2022 mengikut sektor dan negara.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Syarikat pelaburan baharu yang diterima oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2018 sehingga 2022 mengikut sektor dan negara adalah seperti berikut:

Senarai Pelabur Baharu Yang Melabur Di Pulau Pinang

Tahun	Syarikat Pelaburan Baharu	Sektor	Negara
2018	Pentax Medical	Peralatan Sainifik & Peranti Perubatan	Jepun
	Japan Lifeline	Peralatan Sainifik & Peranti Perubatan	Jepun
2019	Micron	Elektronik & Elektrik	Singapura
	Smith & Nephew	Peralatan Sainifik & Peranti Perubatan	United Kingdom
	Visco Technology	Peralatan Sainifik & Peranti Perubatan	Taiwan
	Lam Research	Mesin & Logam	Amerika Syarikat
	IMA Automotive Malaysia	Mesin & Logam	Itali
2020	Bruker	Mesin & Logam	Switzerland
	Comet	Mesin & Logam	Switzerland
	Ultra Clean Asia Pacific Pte Ltd	Mesin & Logam	Singapura
	Dexcom	Peralatan Sainifik & Peranti Perubatan	Amerika Syarikat
	LEM Malaysia	Elektronik & Elektrik	Switzerland
	Computime	Elektronik & Elektrik	Hong Kong
	Sustio	Elektronik & Elektrik	Singapura
2021	Inventec	Elektronik & Elektrik	Taiwan
	In-Tech Electronics	Elektronik & Elektrik	Hong Kong
	Ascentec Engineering	Produk Logam Fabrikasi	Amerika Syarikat
	Mass Precision	Mesin & Logam	Amerika Syarikat
	Dolphin Manufacturing Solutions	Kelengkapan Pengangkutan	Singapura
2022	TTM Technologies	Elektronik & Elektrik	Amerika Syarikat
	Micro View Link	Elektronik & Elektrik	Singapura

Sumber: Malaysian Investment Development Authority (MIDA)

Kerajaan Negeri Melalui Perbadanan Ketua Menteri Juga Menerima Beberapa Pelaburan Baharu Daripada Syarikat-Syarikat Tempatan Dalam Pelbagai Sektor Iaitu Seperti Berikut:

Senarai Pelabur Baharu Yang Melabur Di Pulau Pinang

Bil.	Syarikat	Projek	Sektor
1	JKP Jelutong Development Sdn. Bhd.	Perumahan Kampung Pisang Awak II	Perumahan
2	Hamna Sdn. Bhd.	Perumahan Hamna	Perumahan
3	Island Landcap Properties Sdn. Bhd.	Pembangunan Bayu Senja	Komersial
4	PGBC Sdn.Bhd.	Pembangunan Akademi Badminton	Sukan
5	Splendid Arch Sdn. Bhd.	Astaka Tanjung Bungah	Komersial
6	Island Landscap Hospitality Sdn. Bhd.	Butterworth Arena	Komersial

Sumber: Perbadanan Ketua Menteri (Cmi)

10. Senaraikan organisasi MPKK di DUN Permatang Pasir.
- (a) Bagaimanakah mekanisme pelantikan mereka?
 - (b) Apakah fungsi, peranan dan autoriti MPKK?
 - (c) Senaraikan setiap peruntukan yang diterima oleh MPKK di DUN Permatang Pasir setahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Senarai organisasi MPKK di DUN Permatang Pasir adalah seperti berikut:
- (i) MPKK Bukit Indra Muda/ Kepala Bukit;
 - (ii) MPKK Kubang Semang/ Sungai Semambu MK5;
 - (iii) MPKK Kampung Petani/ Kampung Pelet;
 - (iv) MPKK Permatang Rawa MK8;
 - (v) MPKK Pengkalan Tambang;
 - (vi) MPKK Permatang Tengah/ Permatang Pauh/ Sama Gagah;
 - (vii) MPKK Permatang Pasir (SPT);
 - (viii) MPKK Tanah Liat Mukim 8;
 - (ix) MPKK Kampung Petani;
 - (x) MPKK Permatang Tengah;
 - (xi) MPKK Semambu, Tanah Liat; dan
 - (xii) MPKK Kampung Paya / Cross Street.
- (a) Mekanisme pelantikan MPKK sebagaimana digariskan dalam Tatacara Pengurusan MPKK Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Pihak Berkuasa Melantik (PBM) bagi pelantikan penggal baharu adalah YAB Ketua Menteri melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

- (ii) Manakala PBM bagi pelantikan, penamatan dan pertukaran Ahli MPKK selain penggal baharu adalah YB Timbalan Ketua Menteri. Mekansime yang digariskan adalah seperti berikut:
1. Calon hendaklah mengemukakan borang permohonan yang lengkap kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT);
 2. Permohonan tersebut akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan MPKK Peringkat Daerah. Keanggotaan jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:
 - a. Pengerusi - Pegawai Daerah
 - b. Ahli-Ahli Parlimen / Penyelaras Parlimen;
 - c. ADUN / Penyelaras DUN; dan
 - d. Sekiranya dirasakan sesuai atau perlu
 - e. Lain-lain pihak yang dirasakan perlu.
 3. PDT akan mengemukakan keputusan jawatankuasa tersebut kepada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), PSUKPP untuk mendapatkan kelulusan PBM iaitu YB Timbalan Ketua Menteri.
 4. Selepas pelantikan Ahli MPKK diluluskan oleh PBM, PDT perlu mengemukakan dan menyerahkan surat kuasa pelantikan / watakah pelantikan kepada anggota yang berkenaan.
- (b) Fungsi, peranan dan autoriti MPKK adalah sebagai pemudahcara di antara Jabatan / Agensi Negeri dengan masyarakat setempat selain merancang dan melaksanakan Pelan Tindakan Kemajuan Kampung (PTKK) dengan penglibatan komuniti setempat menggunakan pendekatan *bottom-up approach* ke arah mewujudkan kampung yang maju dan sejahtera. MPKK juga merupakan jentera pentadbiran Kerajaan Negeri yang paling hampir dengan kelompok Masyarakat.
- (c) Peruntukan yang diterima oleh MPKK DUN Permatang Pasir adalah melibatkan pembayaran Elaun Pengerusi, Elaun Setiausaha, Elaun Bendahari, Elaun Kehadiran Mesyuarat dan Elaun Pengendalian Mesyuarat yang berjumlah RM415,200.00 secara keseluruhan.
11. Senaraikan lokasi dan jumlah lot pasar malam, pasar pagi dan bazar Ramadan di DUN Permatang Pasir.
- (a) Siapakah yang menguruskan pasar tersebut?
 - (b) Berapakah jumlah kutipan sewaan tapak yang dikutip di setiap lokasi?
 - (c) Apakah penambahbaikan prasarana oleh Kerajaan Negeri untuk keselesaan pengunjung, peniaga dan penduduk setempat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Lokasi dan jumlah lot pasar malam, pasar pagi dan bazar Ramadan di DUN Permatang Pasir adalah seperti berikut:

Pasar Malam

Bil	Lokasi	Jumlah Lot
1	Kubang Semang	200
2	Perkarangan Pasar Awam Penanti	354
3	Tok Elong	200

Pasar Pagi

Bil	Lokasi	Jumlah Lot
1	Tapak Pasar Malam Kubang Semang	200

Bazar Ramadan

Bil	Lokasi	Jumlah Lot
1	Tapak Parking Dewan Orang Ramai, Permatang Pasir	30
2	Taman Ciku	45
3	Kubang Semang	165

- (a) Pasar malam, pasar pagi dan bazar Ramadan di DUN Permatang Pasir diuruskan oleh Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) seperti berikut:

Pasar Malam

Bil	Lokasi	Nama Pengurusan
1	Kubang Semang	MPKK Kubang Semang
2	Perkarangan Pasar Awam Penanti	MPKK Kg Pelet
3	Tok Elong	MPKK Kg Tok Elong

Pasar Pagi

Bil	Lokasi	Nama Pengurusan
1	Tapak Pasar Malam Kubang Semang	MPKK Kubang Semang

Bazar Ramadan

Bil	Lokasi	Nama Pengurusan
1	Tapak Parking Dewan Orang Ramai, Permatang Pasir	MPKK Kg Pelet
2	Taman Ciku	MPKK Permatang Rawa
3	Kubang Semang	MPKK Kubang Semang

- (b) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak membuat sebarang kutipan sewaan tapak di semua lokasi pasar dan bazar Ramadan. Walau bagaimanapun, MBSP membuat kutipan caj lesen penganjuran sebanyak RM240.00 setahun kepada pihak penganjur.
- (c) Sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk membuat sebarang penambahbaikan prasarana di mana-mana lokasi pasar dan bazar Ramadan dikawasan Seberang Perai memandangkan semua tapak pengoperasian/penganjuran pasar dan bazar Ramadan dibuat di lokasi awam sahaja. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dipertimbangkan semula di masa hadapan sekiranya perlu.

12. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah kesesakan di simpang tiga Berapit?
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan keselamatan pemandu dan penduduk khususnya di kawasan Tokong Cina Kampung Cross Street apabila jalan di kawasan tersebut menjadi jalan pintas ke Berapit dan Tanah Liat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Perancangan Kerajaan Negeri melalui MBSP dan JKR dalam menyelesaikan masalah kesesakan di simpang tiga Berapit adalah seperti berikut:
- (i) Cadangan pelebaran Jalan Berapit;
 - (ii) Cadangan pelebaran Jalan Abdul Kadir;
 - (iii) Cadangan pelebaran Jalan Arumugam Pillai;
 - (iv) Cadangan Membina dari Jalan Perda Utama ke Jalan Permatang Nibong, (BM Outer Ring Road), Seberang Perai Tengah;
 - (v) Pembinaan Jalan Baru 4 Lorong 2 Hala dari Jalan BKE ke Pekan Penanti, (BM Outer Ring Road) Seberang Perai Tengah;
 - (vi) Cadangan Pelebaran dari 2 Lorong kepada 4 Lorong di Jalan Permatang Ara ke Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah;
 - (vii) Membina Dan Menaiktaraf Jalan Tok Elong Tanah Liat Berapit; dan
 - (viii) Projek Sebahagian Jalan Baru dan Penyelarasan Jalan di Kawasan Bukit Mertajam.
- (a) Usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan keselamatan pemandu dan penduduk khususnya di kawasan Tokong Cina Kampung Cross Street apabila jalan di kawasan tersebut menjadi jalan pintas ke Berapit dan Tanah Liat adalah seperti berikut:
- (i) Cadangan menaiktaraf Jalan Ciku dan Jalan Permatang Rawa bagi mengelakkan kenderaan melalui Kampung Cross Street. Cadangan ini telah disyaratkan di dalam Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) Tetuan Sunway Bintang Sdn. Bhd. dan pemaju perlu siapkan pelebaran jalan sebelum Sijil Layak Menduduki (CCC) dikeluarkan; dan
 - (ii) MBSP telah melantik perunding bagi menjalankan kajian lalulintas dan cadangan perubahan aliran lalulintas di Pekan Bukit Mertajam pada tahun 2021. Salah satu cadangan adalah menambahbaik aliran lalulintas di Jalan Ciku dan Jalan Arumugam Pillai bagi menggalakkan kenderaan menggunakan jalan tersebut daripada melalui Kampung Cross Street. Hasil kajian tersebut telah diluluskan dalam Majlis Penuh Kali Ke 570 pada 23 Disember 2021 untuk dilaksanakan oleh pihak JKR kelak.

13. Senaraikan masalah sosial berdasarkan bilangan kes dan tempat berlaku di DUN Permatang Pasir.
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Perincian masalah sosial di kawasan Dewan Undangan Negeri Permatang Pasir dari tahun 2020 sehingga September 2023 adalah seperti berikut:

**Senarai Masalah Sosial di Kawasan Dewan Undangan Negeri Permatang Pasir
Dari Tahun 2020 Sehingga September 2023**

Kes Mencuri

Bil.	Tahun	Jumlah Kes
1	2020	23
2	2021	23
3	2022	10
4	Januari hingga September 2023	8
JUMLAH		64

Kes Penyalahgunaan Dadah

Bil.	Tahun	Jumlah Kes
1	2020	10
2	2021	17
3	2022	10
4	Januari hingga September 2023	12
JUMLAH		49

Kes Lari Dari Rumah

Bil.	Tahun	Jumlah Kes	Catatan
1	2020	0	
2	2021	2	2 kes telah selesai dan pulang ke rumah
3	2022	5	4 kes telah selesai dan 1 kes dalam siasatan dan belum pulang
4	Januari hingga September 2023	1	1 kes telah selesai dan pulang ke rumah
JUMLAH		8	

Sumber: Polis Diraja Malaysia (PDRM) Negeri Pulau Pinang

- (a) Masalah sosial terutamanya di kalangan remaja tidak seharusnya dipandang remeh kerana remaja merupakan tonggak utama dalam menerajui kepimpinan sesebuah negara. Antara langkah yang disokong oleh Kerajaan Negeri dalam membendung masalah ini adalah seperti berikut:
- (i) Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjalankan pemeriksaan hotel dan rumah penginapan serta *homestay* secara berterusan bagi memastikan aktiviti pelacuran tidak berlaku;

- (ii) PDRM turut mengambil tindakan melalui risikan dengan mencari maklumat suspek-suspek yang terlibat terutama dalam kes kecurian dan pecah rumah serta membuat pemeriksaan di premis barang-barang lusuh, bengkel motosikal yang berdaftar dan tidak berdaftar serta serbuan ke atas rumah suspek yang disyaki terlibat;
- (iii) Pelaksanaan kempen anti dadah di peringkat sekolah dan universiti untuk memberi kesedaran awal berkaitan kesan negatif dadah sebagai usaha untuk mengurangkan gejala penyalahgunaan dadah. Selain itu, peranan masyarakat dalam menyalurkan maklumat berkaitan seperti penagihan dadah dan pelacuran juga dapat membendung masalah ini daripada berleluasa; dan
- (iv) Selain ini, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menubuhkan Majlis Penyelaras bagi perlindungan kanak-kanak dan telah mewujudkan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak. Penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan pelbagai sumber jabatan kerajaan yang terlibat dengan perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan membangunkan program-program untuk mendidik orang ramai dalam pencegahan, penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak.

14. Senaraikan tanah wakaf yang berada di DUN Permatang Pasir.

- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri yang telah dan akan dibangunkan tanah wakaf tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Senarai tanah wakaf yang berada dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir adalah berjumlah 56 buah lot dengan keluasan keseluruhannya adalah 203,940.90 meter persegi seperti berikut:

Senarai Tanah Wakaf di DUN Permatang Pasir

Bil	Lot	Daerah/ Mukim/ Seksyen	Keluasan (Meter Persegi)	Kegunaan Tanah
1	2446	SPT Mukim 4	319.766	Surau
2	981	SPT Mukim 4	885.601	Madrasah
3	545	SPT Mukim 3	52.438	Tanah Kosong
4	620	SPT Mukim 8	502.427	Kediaman
	Kel Sayur Kg Cross Street	45	Baja NPK 15 15 15 Naiktaraf Parit Ladang, Racun serangga	17,225.00
Pembangunan Lain-Lain	Projek cendawan Kg Samagagah	1	Mesin bagging 4 lubang	9,500.00

Butiran Projek	Nama Projek	Bil Projek / Peserta	Jenis Bantuan Butiran	Peruntukan Diterima
Tanaman Ekonomi	Pusat kecemerlangan organik Kg Pelet	2	Sistem perparitan, Lintasan ladang	7,500.00
Pembangunan Kawasan Kelapa	Projek kelapa Kg Bukit Merah	1	Baja NPK 13 13 21, Papan tanda projek	3,300.00
JUMLAH PERUNTUKAN				138,215.00

Tahun 2021

Butiran Projek	Nama Projek	Bil Projek / Peserta	Jenis Bantuan Butiran	Peruntukan Diterima
Pembangunan Khidmat Pengembangan Tekno Pertanian	PB Padi Samagagah	18	Hands On Kawalan Tikus Siri 1 Dan 2	1,800.00
	Projek Pertanian Bandar	18	Hands On Pertanian Bandar Siri 1 Dan 2	2,000.00
	PB Padi Pmtg Ara	20	Bimbingan Pengurusan Ipm Di Sawah Padi	2,000.00
	PB Sayuran Kg Kepala Bukit	20	Bimbingan Pengurusan Kesuburan Tanah	2,000.00
	Projek Tanaman Herba Kg Pelet	16	Bimbingan Peningkatan Hasil Tanaman Herba	1,600.00
Program Perkhidmatan Kejenteraan	PB Padi Samagagah	13	Inovasi Mesin Kawalan Tikus	8,000.00
	Projek Nurseri Samagagah	3	Alat Pembungkusan Tanah Campuran	10,000.00
	PB Padi Bkt Indera Muda	40	Inovasi Pembuatan Cuka Kayu	9,000.00
Pembangunan Tanaman Padi	Kel.Padi Samagagah	13	Racun Tikus	910.00
	Kel.Padi Pmtg Pasir	11	Racun Kulat Propineb	880.00
	Kel.Padi Tanjung Putus	10	Racun Tikus	700.00
	Kel.Padi Sg Sintok	19	Racun Tikus	1,330.00
	Sawah Gemilang Sg Sintok	19	Racun Kulat, Bahan Penggalak, Baja Sebatian	25,745.00

Butiran Projek	Nama Projek	Bil Projek / Peserta	Jenis Bantuan Butiran	Peruntukan Diterima
	PB Padi Bukit Jelutong	10	Racun Tikus, Pembersihan Kawasan	18,700.00
	PB Padi Bkt Indera Muda	40	Racun Tikus	2,800.00
	PB Padi Pmtg Ara	24	Racun Tikus, Racun Kulat	5,040.00
	PB Padi Sg Semambu	25	Racun Tikus, Racun Kulat	5,250.00
	PB Padi Paya Chong	10	Racun Tikus	700.00
Pembangunan Tanaman Sayur-Sayuran	PB Sayur Kepala Bukit	20	Bahan Penggalak Bokashi, Silicone Fire	4,370.00
	PB Sayur Paya Chong	12	Bahan Penggalak Bokashi	1,800.00
	PB Sayur Kg Cross	42	Bahan Penggalak Bokashi	6,300.00
Pembangunan Tanaman Industri, Kontan, Herba & Florikultur	Projek Tanaman Herba Kg Pelet	3	Naiktaraf kolam takungan air (20mX20mX4m)	10,150.00
	Projek Tanaman Jagung Bukit Indera Muda	1	Sistem Pengairan	2,100.00
	Projek Tanaman Jagung Bukit Indera Muda	1	Baja Organik 8:8:8	150.00
Pembangunan Kelompok Tani	Pusat Koperasi Padi Pmtg Pasir	11	Econdex Cabin	16,000.00
JUMLAH KESELURUHAN				139,325.00

Tahun 2022

Butiran Projek	Nama Projek	Bil Projek / Peserta	Jenis Bantuan Butiran	Peruntukan Diterima
Pembangunan Khidmat Pengembangan Tekno Pertanian	Kel.Padi Sg Sintok	20	Hari Ladang Padi	3,600.00
	Kelompok Padi Bukit Jelutong	20	Kursus Pengurusan perosak utama tanaman padi	1,200.00
Program Perkhidmatan Kejenteraan	Kel Sayur Kepala Bukit	20	Perangkap Babi Hutan	5,000.00
Pembangunan Tanaman Padi	Kel.Padi Samagagah	20	Racun Rumpai,Cuka Kayu	1,560.00

Butiran Projek	Nama Projek	Bil Projek / Peserta	Jenis Bantuan Butiran	Peruntukan Diterima
	Kel.Padi Pmtg Pasir	20	Racun Rumpai,Cuka Kayu,Racun Tikus	2,960.00
	Kel.Padi Tanjung Putus	15	Racun Rumpai,Cuka Kayu	1,170.00
	Kel.Padi Sg Sintok	20	Racun Rumpai,Cuka Kayu,Stor Mygap	8,560.00
	Kel Padi Bukit Jelutong	10	Racun rumpai dan Cuka kayu	780.00
	Kel Padi Bkt Indera Muda	40	Racun rumpai dan Cuka kayu	3,120.00
	Kel Padi Pmtg Ara	24	Racun rumpai dan Cuka kayu	1,872.00
	Kel Padi Pmtg Ara	24	Stor myGAP	7,000.00
	Kel Padi Sg Semambu	25	Racun rumpai dan Cuka kayu	1,950.00
	Kel Padi Paya Chong	10	Racun rumpai dan Cuka kayu	780.00
Pembangunan Tanaman Sayur-Sayuran	Kel Sayur Kepala Bukit	20	Cuka Kayu	300.00
	Kel Sayur Kepala Bukit	20	HDPE pipe 32mm dan HDPE pipe 63mm	3,900.00
	Kel Sayur Paya Chong	12	2 Wheeler Garden tiller	3,300.00
	Kel Sayur Paya Chong	12	Cuka Kayu	180.00
	Kel Sayur Padang Temusu	24	Bakul Hasil	2,760.00
	Kel Sayur Padang Temusu	24	Cuka Kayu	360.00
Pembangunan Tanaman Buah-Buahan	Tanaman Pisang Tanah Liat	1	Benih Pokok Pisang,Baja NPK	2,230.00
Pembangunan Tanaman Industri, Kontan, Herba Dan Florikultur	Projek Organik Kg Pelet	3	Papan tanda projek 8' x 4'	1,600.00
	Projek Organik Kg Pelet	3	Menaiktaraf pintu pagar utama	3,000.00
	Projek nurseri Permatang Ara	1	Rumah Semaian 20"x20"	11,500.00
Pembangunan Lain-Lain	Kg Sungai Sintok(Herba)	1	Baja NPK, Cuka Kayu	440.00

Butiran Projek	Nama Projek	Bil Projek / Peserta	Jenis Bantuan Butiran	Peruntukan Diterima
Tanaman Ekonomi				
JUMLAH KESELURUHAN				69,122.00

Tahun 2023

Butiran Projek	Nama Projek	Bil Projek / Peserta	Jenis Bantuan Butiran	Peruntukan Diterima
Pembangunan Khidmat Pengembangan Tekno Pertanian	Kel.Padi Sg Sintok	15	Kawalan Tikus/Perosak Padi	225.00
	Kel.Padi Samagagah	15	Kawalan Tikus/Perosak Padi	225.00
	Kel.Padi Pmtg Pasir	15	Kawalan Tikus/Perosak Padi	225.00
	Kel.Padi Tanjung Putus	15	Kawalan Tikus/Perosak Padi	225.00
	Smk Samagagah	20	Pertanian Bandar	300.00
Program Perkhidmatan Kejenteraan	Projek Jagung Samagagah	3	Pam Air 2 Inci (Diesel)	6,500.00
	Koperasi Pmtg Pasir	51	Mini Combine Harvest	160,000.00
	Projek Sayuran Kg Paya Chong	10	Perangkap Babi Hutan	5,000.00
Pembangunan Tanaman Padi	Kel.Padi Samagagah	45	Racun Serangga,Racun Kulat	7,200.00
	Kel.Padi Sg Sintok	35	Racun Serangga,Racun Kulat	5,775.00
	Kel Padi Bukit Jelutong	15	Racun Serangga,Racun Kulat Dan Cuka Kayu	4,215.00
	Kel Padi Bkt Indera Muda	40	Racun Serangga,Racun Kulat Dan Cuka Kayu	6,450.00
	Kel Padi Pmtg Ara	26	Racun Serangga,Racun Kulat Dan Cuka Kayu	6,540.00
	Kel Padi Sg Semambu	25	Racun Serangga,Racun Kulat Dan Cuka Kayu	4,050.00

Butiran Projek	Nama Projek	Bil Projek / Peserta	Jenis Bantuan Butiran	Peruntukan Diterima
	Kel Padi Paya Chong	14	Racun Serangga,Racun Kulat Dan Cuka Kayu	5,010.00
Pembangunan Tanaman Sayur-Sayuran	Kel Sayur Bukit Indera Muda	20	Baja NPK 15:15:15	3,300.00
	Kel Sayur Bukit Indera Muda	20	Baja Organik Bio Nrich	7,000.00
	Kel Sayur Paya Chong	12	Baja NPK 15:15:15	3,900.00
	Kel Sayur Paya Chong	12	Baja Organik Bio Nrich	6,000.00
	Kel Sayur Padang Temusu	24	Baja NPK 15:15:15	2,760.00
	Kel Sayur Padang Temusu	24	Baja Organik Bio Nrich	360.00
	Kel Sayur Padang Temusu	24	Khemah 20"X20"	3,000.00
	Kel Sayur Padang Temusu	24	Bahan Mentah Dan Peralatan Plantbooster	1,000.00
Pembangunan Tanaman Industri, Kontan, Herba Dan Florikultur	Projek Tanaman Jagung Bukit Jelutong	1	Baja NPK 12:12:17:2	1,500.00
	Projek Tanaman Jagung Bukit Jelutong	1	Baja Organik Bio Nrich	1,050.00
	Projek Tanaman Jagung Kepala Bukit	5	Racun Rumpai Dan Racun Serangga	1,840.00
Pembangunan Lain-Lain Tanaman Ekonomi	Projek Jagung Samagagah	1	Sistem Pengairan Renjis	10,000.00
Pembangunan Petani Pelapis	Briged Tani Spt2	5	Power Sprayer (C/W Tank)	4,500.00
			Jumlah Keseluruhan	258,150.00

27. Sejauh manakah kejayaan *Permatang Pauh Agro Park*?

(a) Berapakah peruntukan yang dikeluarkan Kerajaan Negeri untuk projek ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Permatang Pauh Agro Park telah dibangunkan bermula tahun 2018 di Lot 331 dan Lot 498, Mukim 19, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dengan keluasan fizikal seluas 9.07 hektar manakala luas bertanam 7.28 hektar. Senarai peserta yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Peserta	Keluasan (Ha)
1	Koperasi Mengkuang Bestari	0.809
2	Yash PNT Enterprise	0.809
3	Sumathi a/p Jayabalan	0.809
4	Jubli Rebak Baru Sdn. Bhd.	2.428
5	Pertubuhan Kebajikan, Kebudayaan & Sosial Kaum India Pulau Pinang	1.618
6	PPK Kg Pelet	0.809
JUMLAH		7.282

Pembangunan pertanian di Permatang Pauh Agro Park adalah secara berperingkat sejak awal penubuhannya pada tahun 2018. Pembangunan ini telah memberi impak kepada komuniti setempat dari segi pembangunan ekonomi dan membantu dalam menjamin kecukupan bekalan bahan makanan di negeri Pulau Pinang.

Jenis tanaman yang diusahakan di Permatang Pauh Agro Park adalah seperti kacang panjang, bendi, petola, peria, terung, labu manis, vanila dan lain-lain bergantung kepada keperluan dan permintaan pasaran. Berikut adalah hasil jualan dari tahun 2021 hingga tahun 2023 oleh para peserta di Permatang Pauh Agro Park:

Tahun	Hasil Jualan (RM)
2021	256,537.00
2022	319,908.70
2023	186,145.40

Selain itu, salah seorang peserta di Permatang Pauh Agro Park juga telah menerima pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Record* sebagai *First Vanilla Smart Farm in Malaysia* pada tahun 2020.

Permatang Pauh Agro Park telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang berdasarkan perincian seperti berikut:

Tahun	Nilai Peruntukan (RM)	Butiran
2018	44,200.00	Input Baja Organik dan Mesin Jentera Kecil Pertanian
2019	32,000.00	Pembersihan Kawasan, Pagar Perimeter dan Kolam
2020	31,132.00	Pembersihan Kawasan, Kolam dan Pagar Perimeter.

Tahun	Nilai Peruntukan (RM)	Butiran
2021	157,800.00	Jalan Ladang, Pintu Pagar dan Pagar Perimeter, Parit, Papan Tanda serta Pembersihan Kawasan.
2022	73,000.00	Pusat Infotani dan Pengumpulan, Tandas dan Menambak Tanah
2023	55,845.00	Menambak Tanah, Pintu Pagar, Sistem Pengairan dan barangan input pertanian kawalan IPM.
JUMLAH KESELURUHAN		393,977.00

28. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf Jalan Permatang Nibong?
- (a) Senaraikan jumlah kemalangan maut yang berlaku sejak tahun 2018 hingga 2023 di sepanjang laluan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang dalam perancangan bagi menaik taraf Jalan Permatang Nibong dan telah menyenaraikan cadangan tersebut di dalam projek Rancangan Negeri Pulau Pinang (RNPP). Pihak JKR juga telah memohon peruntukan sebanyak RM400,000.00 bagi melaksanakan kajian trafik di jalan tersebut pada tahun hadapan.
- (a) Jumlah kemalangan maut yang berlaku di sepanjang Jalan Permatang Nibong sejak tahun 2018 hingga tahun 2023 adalah sebanyak 4 kes kematian. Perincian statistik bagi kemalangan maut di kawasan tersebut sejak tahun 2018 hingga tahun 2023 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan
2018	0
2019	0
2020	1
2021	3
2022	0
2023	0
JUMLAH	4

XIX. Ahli Kawasan Sungai Bakap (YB. Nor Zamri bin Latiff) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri

1. Jelaskan kronologi permasalahan yang berlaku di Taman Halaman Indah sehingga menyebabkan rumah penduduk tergedai.
 - (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini?
 - (b) Bagaimanakah kerajaan akan memastikan permasalahan ini tidak berulang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Taman Halaman Indah, Daerah Seberang Perai Selatan merupakan projek perumahan yang mengandungi 1,138 unit rumah. Projek ini adalah usahasama antara Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan UDI Property Sdn. Bhd.

UDI Property Sdn. Bhd. mengambil alih pelaksanaan dari Tetuan Amal Bersih yang tertangguh sejak 2012 dan dipantau oleh Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mulai 2017 berikutan kelewatan dan projek sakit. Komponen projek termasuk 211 unit rumah kos rendah (kini dikenali sebagai RMM A) yang perlu dijual dengan harga maksima RM42,000.00 dan 249 unit rumah kos sederhana rendah (kini dikenali sebagai RMM B) pada harga maksima RM80,000.00.

Selaras dengan dasar Kerajaan Negeri, kebenaran merancang bagi projek ini telah menggariskan syarat supaya RMM A dan RMM B ditawarkan kepada pemohon yang berkelayakan dan berdaftar dengan Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (kini dikenali sebagai Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang - LPNPP). Kriteria pendaftaran bagi kedua-dua kategori RMM A dan RMM B dinyatakan dengan jelas di dalam Borang PN1. Pemilihan nama bagi tawaran rumah RMM A dan RMM B juga perlu terlebih dahulu melalui saringan dan kelulusan sebelum diberikan penawaran. Sepertimana syarat dalam Pelan Kebenaran Merancang, penawaran unit RMM A dan RMM B adalah dikawal oleh Kerajaan Negeri iaitu pematuhan syarat ini merupakan sokongan kepada Perakuan Siap dan Pematuhan/*Certificate of Completion and Compliance* (CCC). Bagi memastikan penduduk-penduduk yang telah membeli unit kediaman dan dapat mendiami kediaman tersebut, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah membantu dalam proses pengeluaran CCC setelah syarat-syarat teknikal dipatuhi.

Berhubung aduan daripada 155 pembeli yang terpaksa menyelesaikan sebanyak RM21,000.00 seunit berikutan hakmilik telah dicagar/dimasukkan sekatan kepentingan/kaveat oleh pihak ketiga (peminjam wang berlesen). Unit rumah berkenaan merupakan unit-unit yang telah dijual terus oleh pemaju kepada pembeli mereka sendiri dan secara tunai. Berikutan unit-unit tersebut dijual secara tunai, tiada sekatan kepentingan dimasukkan oleh bank pembiaya dan pemaju mengambil kesempatan untuk mencagar unit tersebut bagi membiayai projek. Dalam perkara ini, pemaju perlu menyelesaikan pinjaman tersebut bagi membolehkan hak milik dilepaskan. Selain itu, bagi memastikan kepentingan pembeli terbela, firma guaman yang menguruskan proses jual beli tersebut dengan segera membuat pindahmilik tanpa membenarkan cagaran dibuat selepas bayaran penuh diterima dari pembeli.

Pemaju UDI Property juga didapati telah digulungkan atas permohonan dari SME Bank di Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 27 Julai 2020 dan Jabatan Insovensi Malaysia. Penalti juga dikenakan kepada pemaju atas kegagalan mendapatkan senarai nama pembeli potensi dari Kerajaan Negeri.

- (a) Kerajaan Negeri sedang meneliti perkara ini terutamanya dari aspek perundangan dan akan mendapatkan khidmat nasihat dari Penasihat Undang-Undang Negeri bagi meneliti tindakan dan hala tuju yang boleh diambil bagi membantu pembeli-pembeli yang terlibat untuk menyelesaikan isu ini.

- (b) Kerajaan Negeri memandang serius berhubung isu berkaitan yang menyebabkan pembeli terpaksa menanggung masalah ini dan hakmilik unit tersebut tidak dapat dipindahmilik kepada mereka. Kerajaan Negeri akan memastikan semua pemohon yang layak sahaja boleh ditawarkan dengan unit RMM A dan RMM B ini. Pemaju adalah tidak dibenarkan untuk menjual unit-unit tersebut secara terus kepada pembeli tanpa melalui atau mendapat kelulusan Kerajaan Negeri.
2. Jelaskan kronologi krisis air yang berlaku di Mukim 5 Sungai Bakap sehingga menyebabkan penduduk terkesan semenjak tahun 2019.
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini?
 - (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri hendak bertanggungjawab terhadap rakyat yang terpaksa menanggung bil air walhal air tiada?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah menyediakan kronologi krisis air yang berlaku di Mukim 5 Sungai Bakap sehingga menyebabkan penduduk terkesan semenjak tahun 2019 seperti berikut:
- (1) Tahun 2019

PBAPP mula menerima aduan tekanan air rendah terutamanya di waktu puncak daripada penduduk-penduduk di kawasan berikut;

 - (i) Flat Taman Seruling Emas (bangunan 5 tingkat tanpa tangki sedutan dan sistem pam);
 - (ii) Taman Seri Seruling – hujung sistem rangkaian paip air; dan
 - (iii) Taman Widuri – kawasan tinggi.

Semakan PBAPP mendapati punca keadaan di atas berlaku disebabkan tekanan rendah di paip utama sehingga menjejaskan tekanan sedutan di Rumah Pam Wellesley.

PBAPP telah menyediakan lori tangki air untuk membekalkan air ke kawasan yang terjejas.
 - (2) Tahun 2020

PBAPP telah menyediakan lori tangki air dalam keadaan siap sedia untuk digunakan apabila perakam tekanan PBAPP mengesan gangguan bekalan air lebih 24 jam.

PBAPP juga telah menempatkan kakitangan PBAPP secara bergilir-gilir dari semasa ke semasa di rumah pam di kawasan terjejas untuk memantau tekanan air.

PBAPP juga telah mengambil inisiatif dengan pemasangan tangki air statik komuniti di beberapa kawasan.
 - (3) Tahun 2021

PBAPP telah mempergiatkan pemeriksaan untuk kebocoran, kerosakan injap atau air lock dalam sesalur utama dan saluran paip, dan menjalankan kerja de-airing jika diperlukan.

PBAPP juga telah memperbaiki atau mengganti semua saluran paip dan injap bocor dalam masa sesingkat mungkin.

(4) Tahun 2022

PBAPP telah mengadakan perjumpaan bersama mantan Timbalan Menteri KASA dan penduduk pada 20.2.2022.

PBAPP juga telah mengadakan pembentangan Pelan Kontingensi Bekalan Air 2022 (WSCP2022) di Bilik Gerakan, Pejabat Ketua Menteri pada 8.6.2022.

PBAPP juga telah mengadakan taklimat kepada YB ADUN Seberang Perai Selatan pada 19.10.2022 di Pusat KADUN Sg Bakap.

PBAPP juga telah mengadakan taklimat kepada Ahli Parlimen Nibong Tebal, YB Fadhlina Sidek dan perjumpaan bersama penduduk Mk 5 di Dewan Orang Ramai, Permatang Ara, Sg Duri pada 12.12.2022.

PBAPP telah mengambil langkah penyelesaian dengan membina Rumah Pam Permatang Tinggi pada Oktober 2022 dan siap pada Disember 2022.

(5) Tahun 2023

PBAPP telah memulakan operasi Rumah pam Permatang Tinggi pada 16.1.2023.

Kerajaan Negeri melalui PBAPP telah melaksanakan 4 projek penyelesaian sementara kepada aduan bekalan air di Seberang Perai Selatan (SPS).

PBAPP telah mengadakan perbincangan bersama Biro Pengaduan Awam mengenai isu bekalan air di SPS pada 17.7.2023.

Kerajaan Negeri bersama dengan PBAPP telah mengadakan lawatan Tapak bagi Projek Loji Rawatan Mudah Alih (PWTP) bersama YB Fadhlina Sidek dan penduduk Taman Sg Duri pada 28.7.2023.

PBAPP telah mengadakan perbincangan bersama wakil rakyat mengenai isu bekalan air di Seberang Perai Selatan pada 19.9.2023 di Pejabat Daerah dan Tanah SPS.

PBAPP juga telah mengadakan perbincangan masalah bekalan air di Kawasan Nibong Tebal semasa Hari Bersama Rakyat anjuran Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Nibong Tebal pada 22.9.2023.

- (a) Kerajaan Negeri melalui PBAPP telah merangka beberapa projek infrastruktur pembekalan air untuk mengatasi masalah krisis air di Mukim 5. PBAPP telah merancang sebanyak 4 projek infrastruktur bekalan air dengan kos pelaburan sebanyak RM24.6 juta dan sekiranya projek ini siap, ianya akan memberi manfaat kepada 18,066 pengguna secara keseluruhan melalui projek berikut:

Bil	Projek PT SPS 2023	Pelaburan (RM juta)	Bil. Pengguna SPS yang akan mendapat manfaat	Jangka Siap
1	Loji DAF 10 juta liter sehari (JLH) baharu di Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Panchor	18.6	12,660	Ogos 2023
2	LRA Kompak 2.4 JLH di Sungai Kerian	4.0	1,749	Januari 2024
3	Tangki sedutan baharu di Rumah Pam	1.2	3,495	Oktober 2023

Bil	Projek PT SPS 2023	Pelaburan (RM juta)	Bil. Pengguna SPS yang akan mendapat manfaat	Jangka Siap
	Taman Widuri dan Taman Wellesley			
4	Dua LRA mudah alih di Taman Sungai Duri Indah dengan jumlah kapasiti 0.25 MLD	0.8	162	Jun 2023
Jumlah		24.6	18,066	

Walau bagaimanapun, terdapat sedikit kelewatan dalam menyiapkan projek-projek ini mengikut perancangan asal kerana PBAPP perlu memenuhi semua keperluan dan permintaan tambahan dari semasa ke semasa daripada Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan projek ini dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan serta terdapat isu-isu diluar jangkaan yang perlu diselesaikan bagi membolehkan projek-projek ini berjalan dengan lancar.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga melalui PBAPP dalam perancangan untuk membina Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Kerian Fasa 1 di Seberang Perai Selatan (SPS) dengan kapasiti rawatan air sebanyak 114JLH untuk menangani permintaan air yang tinggi secara khusus di SPS sehingga Tahun 2030. Sekiranya projek ini disiapkan, ianya akan memberi manfaat kepada 55,000 pengguna di SPS.

- (b) Kerajaan Negeri telah mendapatkan penjelasan PBAPP dan perkara ini telah diperjelaskan bahawa bayaran bil air bergantung kepada bacaan meter air semasa. Jika ketiadaan air, tiada bacaan meter dan tiada bayaran yang akan dikenakan kepada pengguna yang terjejas. Sehubungan dengan itu, kadar bil yang dikenakan adalah berdasarkan bacaan meter dan sekiranya terdapat isu-isu di luar jangkaan, pengguna boleh menghubungi pihak PBAPP dan melaporkan perkara tersebut untuk tindakan selanjutnya.

3. Senaraikan nama pengerusi masjid di seluruh DUN Sungai Bakap.

- (a) Senaraikan kriteria dan KPI untuk menjadi seorang pengerusi masjid.
 (b) Mengapakah pelantikan pengerusi Masjid Abu Ubaidah Al-Jarrah Bandar Tasek Mutiara yang dipilih oleh anak qaryah dinafikan oleh MAINPP?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Senarai nama pengerusi semua masjid di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap adalah seperti berikut:

Bil	Nama	Masjid
1.	Haji Mohamed Khairi bin Haji Mohd Isa@Mat Said	Masjid Lama Sungai Bakap
2.	Mat Nor bin Hashim	Masjid Baru Sungai Bakap
3.	Abidin bin Ismail	Masjid Sungai Duri
4.	Ismail bin Hamid	Masjid Kepala Gajah

Bil	Nama	Masjid
5.	Haji Abd Razak bin Haji Zakaria	Masjid Kampung Besar
6.	Haji Abd Razak bin Haji Zakaria	Masjid Tasek Cempedak
7.	Haji Ramli bin Mahmud	Masjid Padang Lalang
8.	Abd Nasir bin Salleh	Masjid Bandar Tasek Mutiara
9.	Amir bin Man	Masjid Sungai Kechil

- (a) Berdasarkan Tatacara Pemilihan Calon Jawatankuasa Kariah Negeri Pulau Pinang Tahun 2023-2025 , kriteria untuk menjadi seorang pengerusi masjid adalah seperti berikut:
- (i) Berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan tidak melebihi 65 tahun bagi calon baharu. Walau bagaimanapun, calon daripada jawatankuasa utama (Pengerusi dan Timbalan Pengerusi) sedia ada yang berusia lebih 65 tahun boleh dipertimbangkan sekiranya masih berkupayaan dari aspek fizikal dan mental serta mempunyai rekod prestasi perkhidmatan yang memuaskan;
 - (ii) Tinggal tetap dalam kariah masjid itu untuk tempoh tidak kurang dari tiga (3) bulan seperti ketetapan pada perenggan 5.1.2 (i) (ii) melainkan bagi kariah yang tidak cukup ahli kariahnya seperti kariah pada perenggan 5.2.1;
 - (iii) Mempunyai asas pengetahuan agama Islam yang mencukupi;
 - (iv) Mempunyai daya kepimpinan;
 - (v) Mempunyai akhlak yang mulia dan amanah;
 - (vi) Berminat, bersedia untuk berkhidmat dan berjihad dalam meninggikan syiar Islam;
 - (vii) Sihat tubuh badan dan mental;
 - (viii) Selalu solat berjemaah di masjid atau surau di kariah itu; dan
 - (ix) Tidak mufliis dan tidak disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah oleh mana-mana mahkamah.
- (b) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menggunakan kuasa yang diperuntukkan dalam Kaedah-kaedah Jawatankuasa Qaryah dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) 1997 (Pindaan) 2003 Bahagian III dalam urusan pelantikan Pengerusi Masjid Abu Ubaidah Al-Jarrah Banar Tasek Mutiara. Perkara 4.2 Kaedah tersebut memperuntukkan bahawa **“Jika MAINPP tidak berpuas hati dengan mana-mana nama yang disyorkan itu, MAINPP bolehlah minta dikemukakan nama-nama yang lain, atau melantik mana-mana anak qaryah bagi qaryah masjid itu yang pada pandangannya adalah layak untuk menjadi Pengerusi atau Ahli Jawatankuasa Qaryah.”** Justeru, MAINPP boleh membuat keputusan sendiri dan tidak terikat dengan mana-mana pihak. MAINPP juga tidak perlu mengemukakan sebarang alasan atas keputusan yang telah dibuat.

4. Berapakah jumlah babi dan kandang babi di dalam DUN Sungai Bakap?
- (a) Berapakah jumlah kandang babi yang memenuhi spesifikasi akta penternakan babi?
- (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap pengusaha yang tidak memenuhi spesifikasi tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Jumlah kandang babi di Kawasan DUN (KADUN) Sungai Bakap adalah sebanyak 46 buah ladang babi.
- (a) Senarai kandang babi dan jumlah babi di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) adalah seperti berikut:

Kawasan	Jumlah Ladang	100% <i>Closed house</i>	90%-70% <i>Closed house</i>	Ladang Kosong Kerana ASF	Proses Tutup	Tutup
Kampung Valdor	42 (87,728)	3 (33,662)	17 (51,528)	11 (0)	5 (2,538)	6 (0)
Lima Kongsu	3 (8,184)	-	3 (8,184)	-	-	1 (0)
Sungai Bakap	4 (12,066)	1 (1,500)	3 (10,566)	-	-	2 (0)
Jawi	3 (6,928)	-	3 (6,928)	-	-	2 (0)
Impang Ampat	3 (15,387)	-	3 (15,387)	-	-	-
Nibong Tebal	1 (2,646)	-	1 (2,646)	-	-	-
Jumlah	56 (132,939)	4 (35,162)	30 (95,239)	11 (0)	5 (2,538)	11 (0)

- (b) Penternak hanya dibenarkan untuk menggunakan kandang yang telah dinaik taraf kepada sistem tertutup sahaja untuk meneruskan penternakan dan untuk mendapatkan lesen.

Tindakan kompaun mengikut Enakmen Penternakan Babi 2016 dan Peraturan-Peraturan Pelesenan Penternakan Babi 2020 telah diambil. Kesalahan pertama memperuntukkan kompaun sebanyak RM7,500.00, kesalahan kedua memperuntukkan kompaun sebanyak RM10,000.00, manakala kesalahan ketiga memperuntukkan kompaun sebanyak RM15,000.00.

5. Senaraikan tanah wakaf yang terdapat di Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan tanah wakaf mengikut DUN.
- (b) Apakah langkah kerajaan untuk menguruskan tanah wakaf tersebut?
- (c) Apakah perancangan pihak kerajaan untuk membangunkan semua tanah wakaf di seluruh Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Sehingga kini, terdapat sebanyak 1,370 lot tanah wakaf yang berkeluasan 1,297 ekar yang didaftarkan di atas nama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Senarai tanah wakaf mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti berikut:

No	KADUN	Jumlah Lot Wakaf	Keluasan (Meter Persegi)
1	N.01 - Penaga	72	194,822.83
2	N.02 - Bertam	36	100,488.28
3	N.03 - Pinang Tunggal	18	92,643.77
4	N.04 - Permatang Berangan	28	371,074.26
5	N.05 - Sungai Dua	45	102,716.37
6	N.06 - Telok Ayer Tawar	40	104,779.87
7	N.07 - Sungai Puyu	7	17,817.44
8	N.08 - Bagan Jermal	16	36,240.96
9	N.09 - Bagan Dalam	10	19,536.51
10	N.10 - Seberang Jaya	40	241,922.31
11	N.11 - Permatang Pasir	56	203,940.90
12	N.12 - Penanti	23	256,291.33
13	N.13 - Berapit	5	975.58
14	N.14 - Machang Bubuk	59	107,689.74
15	N.15 - Padang Lalang	21	19,121.48
16	N.16 - Perai	2	4,916.65
17	N.17 - Bukit Tengah	37	37,426.75
18	N.18 - Bukit Tambun	37	42,047.14
19	N.19 - Jawi	39	84,464.49
20	N.20 - Sungai Bakap	38	173,573.34
21	N.21 - Sungai Acheh	35	185,478.95
22	N.22 - Tanjung Bunga	7	13,987.98
23	N.23 - Air Puteh	2	1,995.96
24	N.24 - Kebun Bunga	2	708.89
25	N.25 - Pulau Tikus	4	15,447.74
26	N.26 - Padang Kota	29	18,943.21
27	N.28 - Komtar	30	18,376.90
28	N.29 - Datok Keramat	16	149,085.73

No	KADUN	Jumlah Lot Wakaf	Keluasan (Meter Persegi)
29	N.30 - Sungai Pinang	6	28,925.52
30	N.32 - Seri Delima	6	11,917.02
31	N.33 - Air Itam	3	1,660.88
32	N.34 - Paya Terubong	4	1,190.32
33	N.35 - Batu Uban	17	24,340.72
34	N.36 - Pantai Jerejak	6	30,343.71
35	N.37 - Batu Maung	32	115,333.80
36	N.38 - Bayan Lepas	44	111,617.35
37	N.39 - Pulau Betong	45	136,583.02
38	N.40 - Telok Bahang	21	105,066.35
	Jumlah	938	3,183,494.04 (786.6 ekar)

Perbezaan rekod maklumat di atas adalah disebabkan oleh terdapatnya tanah wakaf yang masih berstatus hak milik sementara yang belum ditukarkan kepada hak milik muktamad. Pihak MAINPP dari semasa ke semasa membuat tindakan pengemaskinian maklumat berkenaan.

Daripada jumlah tersebut, dianggarkan hampir 70% tanah wakaf telah dibangunkan sesuai dengan amanah pewakaf iaitu bagi tujuan masjid, tanah perkuburan, surau, sekolah agama dan lain-lain bagi manfaat tertentu.

- (b) MAINPP telah mewujudkan dua (2) entiti secara khusus untuk menguruskan harta wakaf tersebut melalui anak syarikat iaitu Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. dan Unit Pengurusan dan Penyelenggaraan Premis di MAINPP. Unit Pengurusan dan Penyelenggaraan Premis MAINPP mengenal pasti tanah-tanah terbiar untuk disewakan kepada orang ramai bagi menambahkan hasil kepada wakaf berkenaan di samping menguruskan pendaftaran penyewaan di atas tanah wakaf, manakala Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. pula bertanggungjawab dalam menguruskan aset-aset wakaf dan melaksanakan urusan pembangunan.
- (c) Pihak MAINPP telah memberi tanggungjawab merancang dan melaksanakan projek pembangunan hartanah wakaf MAINPP kepada anak syarikatnya iaitu Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. bagi membangunkan semua tanah-tanah wakaf di seluruh Pulau Pinang.

Pembangunan yang sedang dirancang adalah melibatkan rancangan pemajuan bercampur yang melibatkan projek perumahan dan bangunan komersial. Setiap perancangan pembangunan hartanah wakaf oleh MAINPP akan dirujuk kepada mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang supaya perancangan pembangunan yang dirancang menepati tujuan wakaf mengikut panduan hukum syarak. Hasil wakaf akan digunakan mengikut sebagaimana tujuan atau syarat yang telah ditentukan oleh pewakaf bagi harta wakaf yang berkenaan, selaras dengan kehendak hukum syarak dan ia ditentukan untuk kepentingan umat Islam sahaja.

6. Senaraikan sungai-sungai di Pulau Pinang dan tahap pencemaran di sungai-sungai tersebut.
- (a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk membaik pulih sungai yang tercemar?
 - (b) Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri untuk mengatasi pencemaran sungai di seluruh Pulau Pinang dari tahun 2019 hingga 2023?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah agensi yang memantau Indeks Kualiti Air Sungai di beberapa sungai terpilih dalam negara. Berdasarkan Laporan Kualiti Air Sungai yang dibentangkan oleh pihak JAS dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Khas Bagi Menangani Isu Pencemaran Sungai dan Laut Pulau Pinang Bil. 1/2023 pada 20 Februari 2023, tahap pencemaran sungai-sungai yang terdapat di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Lembangan Sungai Pinang – Kelas III;
 - (ii) Lembangan Sungai Perai – Kelas III;
 - (iii) Lembangan Sungai Juru – Kelas III;
 - (iv) Lembangan Sungai Jawi – Kelas III;
 - (v) Lembangan Sungai Kluang – Kelas III;
 - (vi) Lembangan Sungai Bayan Lepas – Kelas III; dan
 - (vii) Lembangan Sungai Kelian – Kelas II.
- (a) Kerajaan Negeri melalui JAS Pulau Pinang telah membuat penguatkuasaan undang-undang terhadap kawasan industri yang melepaskan efluen perindustrian ke lembangan sungai seperti Sungai Perai, Sungai Juru, Sungai Jawi, Sungai Pinang dan sungai-sungai lain di Pulau Pinang untuk memastikan pelepasan efluen perindustrian mematuhi had piawaian yang telah ditetapkan seperti yang digariskan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.
- Penguatkuasaan juga dibuat ke atas loji-loji pengolahan kumbahan milik premis persendirian dan Indah Water Konsortium (IWK) untuk memastikan pelepasan kumbahan terawat mematuhi had piawaian yang digariskan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. Selain itu, penguatkuasaan undang-undang terhadap premis-premis industri yang melepaskan efluen dengan siasatan pemeriksaan yang lebih kerap untuk memastikan tiada pelepasan terlarang atau pintasan dilakukan oleh pihak premis industri. Langkah lain adalah memastikan premis industri mengaplikasikan teknologi terbaik yang tersedia untuk pengolahan efluen perindustrian bagi mengurangkan '*daily load*' pelepasan premis untuk mengurangkan impak kepada sungai-sungai di Pulau Pinang melalui penilaian notifikasi.
- JAS juga menjalankan pengawasan kualiti air sungai secara berkala melalui stesen-stesen automatik dan manual. Data dan pelaporan boleh diakses dan dikongsi bersama agensi lain. Selain itu, pihak JAS turut mengadakan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar yang turut melibatkan penjagaan sungai-sungai. Kerjasama bersama pihak institusi pendidikan, industri, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan swasta turut diadakan. Antara program yang dijalankan adalah seperti penanaman pokok bakau, *mudball* dan sebagainya.
- (b) Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan khusus untuk mengatasi pencemaran sungai di seluruh Pulau Pinang. Walau bagaimanapun,

peruntukan diperoleh daripada bajet Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) yang diluluskan sebanyak RM63 juta untuk melaksanakan program pemuliharaan sungai di Negeri Pulau Pinang.

7. Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengawal masalah babi hutan berkeliaran di sekitar Sungai Bakap dan Sungai Duri?
- (a) Berapakah kes kemalangan yang ditanggung oleh penduduk disebabkan masalah ini?
- (b) Berapakah kerugian yang ditanggung oleh penduduk disebabkan masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Dalam tempoh dari tahun 2021 hingga Oktober 2023, tiga puluh enam (36) aduan gangguan babi hutan telah diterima dan diambil tindakan oleh Jabatan PERHILITAN di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap. Hasil daripada itu, sebanyak tiga puluh lapan (38) ekor babi hutan telah berjaya dilupuskan oleh Jabatan PERHILITAN dalam tempoh tersebut.

Sebagai langkah dalam menangani konflik hidupan liar terutamanya konflik gangguan kera dan babi hutan, Jabatan PERHILITAN Pulau Pinang telah menyediakan dan mengangkat kertas kerja bagi Program Pengurusan Hidupan Liar di Negeri Pulau Pinang melalui EXCO Perumahan dan Alam Sekitar Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk pertimbangan dan tindakan selanjutnya.

- (a) Laporan kemalangan yang melibatkan babi hutan di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Lokasi Kemalangan	Jenis Kenderaan / Kecederaan
1.	05/01/2023	KM 157.3 Lrus (Arah Selatan)	M/Kar Rosak / Tiada Kecederaan
2.	14/01/2023	Jalan Tasek Simpang Ampat	M/Kar Rosak / Tiada Kecederaan
3.	06/02/2023	Jalan Victoria, Nibong Tebal	M/Kar Rosak / Tiada Kecederaan
4.	11/02/2023	Selekoh Susur Masuk L/Raya Arah Utara Batu Kawan	M/Kar Rosak / Tiada Kecederaan
5.	01/03/2023	JK2PP BK R3 0.1 Batu Kawan	M/Kar Rosak / Tiada Kecederaan
6.	16/03/2023	Jalan Valdor, Sg Bakap	M/Kar Rosak / Tiada Kecederaan
7.	20/03/2023	Jalan Seberang Tasek, Simpang Ampat	M/Kar Rosak / Tiada Kecederaan
8.	02/06/2023	KM 151.0 Lebuhraya U/S (Arah Selatan)	M/Lori Rosak / Ada Kecederaan
9.	13/06/2023	KM 151.0 Lebuhraya U/S (Arah Selatan)	M/Sikal Rosak / Ada Kecederaan

Bil	Tarikh	Lokasi Kemalangan	Jenis Kenderaan / Kecederaan
10.	15/06/2023	Jalan Selamat, Sungai Bakap	M/Sikal Rosak / Ada Kecederaan
11.	02/07/2023	Jalan Valdor Tasek, Sungai Bakap	M/Kar Rosak / Tiada Kecederaan
12.	07/08/2023	Jalan Valdor, Sungai Bakap	M/Kar Rosak / Tiada Kecederaan
13.	07/08/2023	Jalan Valdor, Sungai Bakap	M/Jip Rosak / Tiada Kecederaan
14.	17/08/2023	Jalan Permatang Tok Mahat, Nibong Tebal	M/Kar Rosak / Tiada Kecederaan
15.	05/09/2023	KM 160.6 Lebuhraya U/S (Arah Selatan)	M/Sikal Rosak / Ada Kecederaan
16.	17/10/2023	Jalan Valdor, Sungai Bakap	M/Sikal Rosak / Ada Kecederaan
17.	18/10/2023	KM 157.6 Lebuhraya U/S (Arah Selatan)	M/Sikal Rosak / Ada Kecederaan

- (b) Dari tahun 2021 sehingga November 2023, dianggarkan kerugian yang disebabkan oleh kacau ganggu babi hutan di DUN Sungai Bakap adalah anggaran RM8,000.00 hingga RM9,000.00.

Selain kemalangan jalan raya, antara kerugian yang terpaksa ditanggung oleh penduduk setempat disebabkan oleh masalah babi hutan adalah:

- (i) Kerugian pendapatan akibat tidak dapat bekerja terutamanya sekiranya penduduk tersebut bekerja sendiri; dan
- (ii) Kerugian akibat kecederaan fizikal dan mental (fobia) akibat kemalangan.

8. Berapakah kes penyakit *African Swine Fever* di DUN Sungai Bakap?

- (a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam melupuskan babi-babi yang telah dijangkiti?
- (b) Bagaimanakah kerajaan memastikan langkah-langkah ini dipatuhi?
- (c) Nyatakan peruntukan dan jumlah peruntukan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sebanyak 16 buah ladang telah disahkan positif penyakit *African Swine Fever* (ASF) di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Bakap dan semua ladang ini telah selesai proses pelupusan. Proses pelupusan terakhir yang melibatkan ternakan dijalankan pada 7 Mac 2023.

- (a) Pelupusan ternakan babi yang dijangkiti dengan ASF ini dijalankan dengan kaedah tanam. Ternakan yang dijangkiti terlebih dahulu dimasukkan ke dalam lori jenis ro-ro milik Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) atau lori yang disewa untuk dimatikan dengan kaedah pelepasan menggunakan gas karbon dioksida (CO₂). Setelah dipastikan kesemua ternakan babi di dalam tong ro-ro telah mati, babi-babi ini dibawa ke tapak pelupusan iaitu lubang yang telah

digali. Lokasi tapak pelupusan ini telah diputuskan oleh kerajaan negeri melalui mesyuarat jawatankuasa pengurusan bencana negeri.

Setelah selesai memasukkan babi di dalam lubang, kapur (*sodium calcium hydrate*) akan ditaburkan sebelum lubang ini ditutup. Kapur sekali lagi ditaburkan di atas tanah setelah selesai kerja-kerja menutup lubang untuk menyahkuman. Proses sanitasi juga dijalankan ke atas semua kenderaan yang keluar atau masuk dari ladang dan tapak pelupusan termasuk petugas yang terlibat dalam operasi ini.

- (b) Bagi memastikan setiap langkah yang dijalankan dipatuhi, pemantauan secara berterusan dijalankan oleh ketua operasi pengawalan wabak penyakit yang juga merupakan ketua bahagian kesihatan veterinar negeri Pulau Pinang. Satu latihan simulasi lapangan penyakit ASF telah dijalankan pada 13 hingga 15 September 2022 iaitu sebelum wabak ASF dikesan di Pulau Pinang bagi menguji kesiapsiagaan kakitangan jabatan dalam menguruskan wabak penyakit ini. Semasa sesi latihan ini, kakitangan juga telah diberi penerangan dan tunjuk ajar berkaitan prosedur dan langkah yang perlu dijalankan bagi mengawal dan membasmi penyakit ini.

Selain itu, taklimat operasi dijalankan pada setiap hari di Pusat Operasi Lapangan (POL) yang telah diwujudkan di dalam kawasan wabak. Pihak jabatan juga telah membentuk beberapa pasukan operasi yang setiap satu darinya diketuai oleh seorang pegawai veterinar bagi memastikan semua prosedur operasi dijalankan dengan betul serta mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

- (c) Implikasi kewangan dalam operasi pengawalan wabak ASF ini adalah sebanyak RM94,980.00 yang diperolehi melalui peruntukkan NADMA dan peruntukan di bawah kerajaan negeri sebanyak RM11,596.62. Selain itu, pihak jabatan telah menggunakan peruntukan sebanyak RM186,569.21 untuk bayaran tuntutan kerja lebih masa dan tuntutan perjalanan.

9. Senaraikan pusat-pusat pelancongan yang terdapat di dalam DUN Sungai Bakap.

- (a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menarik pelancong ke DUN Sungai Bakap?
- (b) Berapakah pendapatan bagi sektor pelancongan di DUN Sungai Bakap yang diterima oleh Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Antara pusat-pusat pelancongan yang terdapat di dalam DUN Sungai Bakap ialah:

- (i) Mountain View Golf Resort;
- (ii) Rumah Berhala Hock Teik See;
- (iii) Masjid Lama Sungai Bakap;
- (iv) Kee Poh Huat Kongsi;
- (v) Taman Negeri Bukit Panchor;
- (vi) Bukit Jawi Golf Resort;
- (vii) Cendol Ali Sungai Bakap; dan
- (viii) *Homestay* Sungai Duri.
- (a) Kempen promosi pelancongan untuk Pulau Pinang yang dijalankan oleh *Penang Global Tourism* (PGT) adalah secara keseluruhan. Promosi di

kawasan Seberang Perai telah dijalankan secara konsisten melalui media sosial, kempen pemasaran, penyediaan risalah dan video promosi.

Risalah dan peta seperti Jalan-jalan Pulau Pinang (pelancongan mesra Muslim), *Seberang Perai Street Food*, *Seberang Perai Tourist Map* dan *Seberang Perai Heritage Map* telah dihasilkan dan digunakan dalam *tradeshows*, *roadshows*, *sale missions*, serta *familiarization trips* ke Seberang Perai oleh PGT. Risalah-risalah tersebut boleh dimuat turun secara atas talian dari <https://mypenang.gov.my/downloads/> dan ia juga akan disediakan di tempat-tempat seperti hotel-hotel, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, pusat membeli-belah dan tempat-tempat tarikan pelancong untuk mempromosikan daya tarikan di Seberang Perai .

Video promosi juga dihasilkan untuk menarik perhatian pelancong domestik; video promosi seperti *The Opposite Side Of The Island* Seberang Perai telah dilancarkan untuk menonjolkan keistimewaan dan kecantikan Seberang Perai.

- (b) Tiada rekod spesifik mengenai hasil bagi sektor pelancongan di DUN Sungai Bakap yang diterima oleh Kerajaan Negeri.

10. Mengapakah Taman Negeri Bukit Panchor masih kekurangan pelancong meskipun telah dinaik taraf?

- (a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menarik lebih ramai pelancong ke Taman Negeri Bukit Panchor?
- (b) Apakah langkah proaktif yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memulihkan industri pelancongan bagi meningkatkan ekonomi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Negeri Pulau Pinang mempunyai empat (4) Taman Rimba seluas hampir 800 hektar yang digunakan oleh umum untuk tujuan riadah, rekreasi dan ekopelancongan seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri Di Negeri Pulau Pinang

Bil	Nama Hutan Lipur / Taman Negeri	Keluasan (ha)	Daerah
1	Taman Rimba Teluk Bahang	32.00	Barat Daya
2	Taman Rimba Bukit Mertajam	311.00	Seberang Perai Tengah
3	Taman Negeri Bukit Panchor	445.00	Seberang Perai Selatan
4	Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam	11.67	Seberang Perai Utara

Taman-taman Rimba ini ditubuhkan berdasarkan ciri-ciri keunikan sumber khazanah biodiversitinya tersendiri untuk pembelajaran mengenai alam sekitar selain untuk tujuan riadah oleh penduduk setempat.

Taman Negeri Bukit Panchor (TNBP) yang dahulunya dikenali sebagai Hutan Lipur Bukit Panchor telah dinamakan semula dan diisytiharkan sebagai Taman Negeri pada tahun 2007. Salah satu keunikan di Hutan Taman Negeri ini ialah ianya menjadi habitat kepada spesies terancam iaitu pokok Pinang Angin atau nama saintifiknya *Inguana corniculata* yang boleh dijumpai dengan mudah di negeri Pulau Pinang. Selain daripada itu, TNBP juga mempunyai gua kelawar yang menjadi tarikan lawatan oleh pengunjung.

Semua Taman Rimba di negeri Pulau Pinang dibuka secara percuma untuk menarik lebih ramai pengunjung di samping menjadikan kawasan taman rimba sebagai taman awam pilihan dalam menjalankan aktiviti riadah berasaskan hutan, seperti *hiking* dan perkhemahan. Walau bagaimanapun akses laluan masuk ke TNBP adalah terhad kepada kenderaan ringan yang perlu menyusuri laluan jalan kampung dan menyukarkan perjalanan bagi kenderaan besar seperti bas.

- (a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM 1.39 juta menerusi Jabatan Perhutanan Negeri untuk pembangunan TNBP sejak tahun 2019 sehingga 2023 seperti di **Jadual 2** berikut:

Jadual 2: Peruntukan Pembangunan (P.09) Taman Negeri Bukit Panchor, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dari tahun 2019 sehingga 2023

Lokasi	Peruntukan Pembangunan P.09 (RM)					Jumlah (RM)
	2019	2020	2021	2022	2023	
Taman Negeri Bukit Panchor	300,000	330,000	330,000	200,000	200,000	1,390.000

Peruntukan pembangunan tersebut khusus untuk kerja-kerja menaik taraf dan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan baharu dan sedia ada demi mewujudkan kemudahan yang kondusif kepada pengunjung seperti berikut:

- (i) meningkatkan kemudahan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti rekreasi seperti denai hutan dan laluan pejalan kaki, penyelenggaraan bangunan tandas awam dan pondok rehat, kolam mandi, pemasangan paip air dan menara tinjau serta kemudahan infra asas lain;
- (ii) menaik taraf tapak perkhemahan; dan
- (iii) pengurusan pokok bahaya untuk tujuan keselamatan pengunjung.

Selain daripada program-program pembangunan untuk penyelenggaraan dan menaik taraf infrastruktur sedia ada, Jabatan Perhutanan juga menyediakan program-program pembelajaran menerusi kempen-kempen kesedaran yang telah dianjurkan. Program-program yang dianjurkan secara percuma ini bukan sahaja bertindak sebagai medium pembelajaran terhadap alam sekitar malah sekaligus sebagai promosi kepada taman-taman rimba di negeri Pulau Pinang yang akhirnya akan menggalakkan aktiviti pengunjung di taman-taman ini.

Sepanjang tahun 2021 sehingga 2022, sebanyak 222 program telah dianjurkan di taman-taman pelancongan ini melibatkan sekolah-sekolah, jabatan kerajaan, persendirian, badan bukan kerajaan dan syarikat swasta yang melibatkan penyertaan peserta seramai 18,832 orang seperti di **Jadual 3** berikut:

Jadual 3: Data Penganjuran Program di Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2021 sehingga 2022.

Bil	Nama Hutan Lipur / Taman Negeri	Jenis Program	Tahun 2021		Tahun 2022	
			Bilangan Program	Bilangan Peserta	Bilangan Program	Bilangan Peserta
1	Taman Rimba	Pembelajaran/ Latihan	18	720	14	646

Bil	Nama Hutan Lipur / Taman Negeri	Jenis Program	Tahun 2021		Tahun 2022	
			Bilangan Program	Bilangan Peserta	Bilangan Program	Bilangan Peserta
	Teluk Bahang	Kesedaran Awam / tanggungjawab sosial	7	210	4	185
		Riadah	33	3,325	47	2,969
Jumlah Kecil			47	4,255	65	3,800
2	Taman Rimba Bukit Mertajam	Pembelajaran/ Latihan	5	407	8	358
		Kesedaran Awam / tanggungjawab sosial	4	400	3	215
		Riadah	22	3,175	7	695
Jumlah Kecil			31	4,442	18	1,268
3	Taman Negeri Bukit Panchor	Pembelajaran/ Latihan	2	85	6	300
		Kesedaran Awam / tanggungjawab sosial	5	135	1	100
		Riadah	30	2,624	17	1,823
Jumlah Kecil			37	2,844	24	2,223
JUMLAH KESELURUHAN			115	11,541	107	7,291

Ini menunjukkan taman-taman pelancongan ini menjadi pilihan orang ramai susulan infrastruktur dan kemudahan serta modul pembelajaran yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Penang Global Tourism (PGT) juga turut mempromosikan aktiviti berasaskan alam semula jadi secara konsisten di Pulau Pinang. Aktiviti-aktiviti promosi termasuk kempen media sosial, kempen promosi, penghasilan brosur dan video.

- (b) PGT selaku biro pelancongan Kerajaan Negeri akan terus mencari perkongsian pintar dengan syarikat penerbangan, *Onlines Travel Agents* (OTA) dan pemain industri pelancongan bagi pemasaran dan kempen kepada negara-negara tumpuan seperti ASEAN, Asia, Timur Tengah, Oceania, Eropah dan Amerika Syarikat.

Aktiviti promosi adalah penting untuk mengukuhkan promosi pelancongan Pulau Pinang di pasaran antarabangsa dan domestik serta *platform* untuk pemain industri tempatan menembusi pasaran antarabangsa dengan menawarkan pakej yang seterusnya meningkatkan ketibaan pelancong ke Pulau Pinang.

Selepas pembukaan semula sempadan kurang daripada satu setengah tahun (April 2022 - September 2023), kadar pemulihan pergerakan pelancong di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) untuk tempoh Januari hingga September pada tahun 2019 dan 2023 adalah mencapai 83.85%. Ini mencerminkan peningkatan yang signifikan dalam pergerakan pelancong di lapangan terbang ini dalam jangka waktu empat (4) tahun, menunjukkan kestabilan dan pertumbuhan dalam sektor pelancongan negeri.

Bagi ekopelancongan di Taman Rimba pula, usaha menaik taraf Taman-taman Rimba mampu menjadikan ia sebagai penggerak kepada peluang-peluang ekonomi setempat sedia ada selain menambah tempat-tempat baharu di dalam Taman Rimba sebagai tarikan tambahan. Misalnya, Jabatan Perhutanan Negeri telah dan sedang membina atau menaik taraf beberapa kemudahan di taman rimba sebagai tarikan baru seperti berikut:

- (i) Jeti terapung di Hutan Pelajaran Air Itam Dalam, Seberang Perai Utara. Telah dibuka kepada pengunjung aktiviti *Sg. Perai River Cruising* pada tahun 2022;
- (ii) Menaik taraf tapak samaian kepada Pusat Pembelajaran Tapak Samaian Bukit Mertajam di Taman Rimba Bukit Mertajam. Pembinaan telah selesai dan akan mula dibuka kepada orang ramai bermula Januari 2024;
- (iii) Pembaikan cerun dan laluan pejalan kaki ke puncak Bukit Mertajam (Cherok Tok Kun) sedang dalam pembinaan dan dijangka dibuka kepada orang ramai pada bulan Jun 2024;
- (iv) Pembinaan laluan pejalan kaki ke puncak Bukit Panchor, Taman Negeri Bukit Panchor sedang dalam pembinaan secara berfasa dan dijangka dibuka kepada orang ramai pada tahun 2024; dan
- (v) Pembinaan laluan pejalan kaki di sekitar Hutan Paya Laut Balik Pulau sehingga ke pesisir Pantai Malindo, Kg Sungai Burung, Balik Pulau sedang dalam pembinaan secara berfasa dan dijangka dibuka kepada orang ramai pada tahun 2024.

Selain daripada itu juga, beberapa ruang premis jabatan seperti kantin, gerai, asrama dan chalet juga telah dibina di Taman-taman Rimba untuk disewa oleh penduduk setempat bagi menjalankan perniagaan di kawasan tersebut. Dalam perkara ini, pihak Kerajaan Negeri sentiasa menjelajah peluang-peluang baharu dalam meningkatkan tarikan pengunjung di Taman-taman Rimba tanpa menjejaskan matlamat dan fungsi taman tersebut sebagai ekopembelajaran dan ekopelancongan.

11. Senaraikan visi, misi dan organisasi Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd.
 - (a) Senaraikan tanah yang telah dimajukan dan pemaju yang terlibat.
 - (b) Senaraikan projek-projek yang akan dilaksanakan.
 - (c) Nyatakan perbelanjaan pengurusan tahunan dan sumber pendapatan syarikat.


Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Syarikat Wakaf Negeri Pulau Pinang telah ditubuhkan melalui Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) Bilangan 2 Tahun 2015 pada 7 April 2015. Maklumat visi dan misi Wakaf Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- Visi - Membangunkan sebuah organisasi pengurusan wakaf terunggul dalam menunaikan amanah ummah melalui pemeraksanaan instrumen wakaf.
- Misi - Mengurus harta wakaf dengan efisien melalui urus tadbir berintegriti dan berhemah demi masa depan ummah.

 - (iv) Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan agensi kerajaan dan bukan Kerajaan yang lain turut memainkan peranan penting dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan Denggi seperti ceramah, pameran, hebahan awam dan nasihat individu di lokaliti kes dan lokaliti wabak Demam Denggi.
- (b) Antara insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk komuniti menjalankan kempen menangani pembiakan nyamuk aedes di kawasan perumahan mereka adalah:
- (i) Kerajaan Negeri telah menyumbang sebanyak RM130,000 bagi menjayakan program-program pencegahan dan kawalan Denggi di komuniti terutamanya melalui aktiviti pasukan sukarelawan COMBI seperti Pertandingan Kitar Semula dan Pertandingan Kutip Sampah Lawan Denggi yang menyediakan hadiah-hadiah menarik untuk komuniti yang menyertai program tersebut;
 - (ii) Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyokong inisiatif komuniti dalam mencegah Denggi melalui sumbangan dana bagi program '*Search & Destroy Aedes*', program Pokok Anti Aedes dan penggunaan inovasi *Mosquito Home & Biogel* dalam mengurangkan pembiakan dan populasi nyamuk *Aedes* seterusnya membendung penularan Denggi; dan
 - (iii) Kerajaan negeri juga aktif melaksanakan program gotong-royong bersama komuniti bagi memusnahkan pembiakan *Aedes* yang diselaraskan oleh YB ADUN, Pejabat Daerah dan Pejabat Kesihatan Daerah.

19. Berapakah jumlah kedai arak yang berlesen mengikut DUN di seluruh Pulau Pinang?

- (a) Berapakah jumlah kedai arak tidak berlesen yang disita bagi tahun 2018 hingga 2022?
- (b) Apakah syarat-syarat untuk membuka kedai arak di suatu kawasan?

- (c) Apakah langkah kerajaan bagi menangani masalah ketagihan arak sehingga menyebabkan kemalangan maut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Jumlah keseluruhan kedai arak yang berlesen di negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 1,271 buah. Jumlah kedai arak mengikut DUN adalah seperti di berikut:

Jumlah Kedai Arak Mengikut Kadun Di Negeri Pulau Pinang

Bil	KADUN	Jumlah
1	Penaga	3
2	Bertam	1
3	Pinang Tunggal	0
4	Permatang Berangan	12
5	Sungai Dua	10
6	Telok Air Tawar	28
7	Sungai Puyu	21
8	Bagan Jermal	26
9	Bagan Dalam	17
10	Seberang Jaya	28
11	Permatang Pasir	0
12	Penanti	8
13	Berapit	8
14	Machang Bubok	14
15	Padang Lalang	38
16	Perai	67
17	Bukit Tengah	121
18	Bukit Tambun	12
19	Jawi	12
20	Sungai Bakap	20
21	Sungai Acheh	5
22	Tanjong Bunga	43
23	Air Putih	3
24	Kebun Bunga	45
25	Pulau Tikus	65
26	Padang Kota	64
27	Pengkalan Kota	33
28	Komtar	205
29	Datok Keramat	75

Bil	KADUN	Jumlah
30	Sungai Pinang	36
31	Batu Lanchang	8
32	Seri Delima	5
33	Air Itam	25
34	Paya Terubong	18
35	Batu Uban	15
36	Pantai Jerejak	26
37	Batu Maung	50
38	Bayan Lepas	95
39	Pulau Betong	0
40	Telok Bahang	9
JUMLAH		1,271

- (a) Jumlah keseluruhan kedai arak yang tidak berlesen dan disita sejak tahun 2018 hingga 2022 adalah sebanyak 144 buah. Perincian kedai arak yang telah disita mengikut tahun adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Jumlah Kedai Arak
1	2018	23
2	2019	39
3	2020	23
4	2021	22
5	2022	37
JUMLAH		144

- (b) Antara syarat-syarat untuk membuka kedai arak adalah seperti berikut:
- (i) Pemohon haruslah berumur **21 tahun** dan ke atas dan **bukan beragama Islam**;
 - (ii) Pemohon haruslah melepasi tapisan keselamatan pihak PDRM dan JKDM serta tapisan keselamatan kebakaran daripada JBPM;
 - (iii) Premis menjual arak mestilah merupakan bangunan perniagaan dan tidak terletak di bawah flat atau pangsapuri;
 - (iv) Lesen Establismen Makanan adalah diwajibkan bagi permohonan lesen jenis Rumah Awam, Rumah Bir dan Runcit (MBPP sahaja);
 - (v) Pemohon diwajibkan membuat iklan di dalam dua (2) jenis surat khabar dan potongan iklan hendaklah dihantar kepada urus setia Lembaga Pelesenan (Eksais) Negeri; dan
 - (vi) Lembaga Pelesenan (Eksais) Negeri berhak membatalkan lesen sekiranya terdapat aduan daripada orang ramai atau agensi kerajaan terhadap premis yang didapati berasas.
- (c) Kerajaan Negeri sememangnya memandang serius terhadap isu ketagihan arak sehingga menyebabkan kemalangan maut. Sehubungan itu, Kerajaan

Negeri melalui Pihak Berkuasa telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Menubuhkan satu pasukan kerja ulasan *liquor* / arak bagi mempertimbangkan permohonan baharu dan pindaan lesen *liquor*;
- (ii) Tidak mempertimbangkan permohonan baharu lesen *liquor* / arak yang berada di dalam radius 250 meter dengan kawasan-kawasan orang awam seperti rumah kediaman, pusat pendidikan, rumah ibadat dan kawasan permainan;
- (iii) Tidak mempertimbangkan permohonan baharu lesen *liquor* / arak yang berada di kawasan yang telah mempunyai beberapa kedai runcit sedia ada yang turut menjalankan jualan *liquor* / arak;
- (iv) Mengadakan Kerjasama dengan agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Kastam dan Eksais Pulau Pinang bagi operasi pemeriksaan penjualan *liquor* / arak di premis-premis perniagaan runcit;
- (v) Mengetatkan syarat-syarat pelesenan bagi penjualan *liquor* / arak di kedai-kedai runcit; dan
- (vi) Mengambil tindakan pembatalan lesen terhadap premis-premis perniagaan runcit yang gagal mematuhi syarat-syarat pelesenan.

Selain itu, bagi menangani kejadian kemalangan yang melibatkan pemandu di bawah pengaruh alkohol, pihak PDRM Pulau Pinang melalui Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik telah mempertingkatkan operasi ke atas pemandu tersebut. Mulai 01/01/2023 hingga 28/10/2023 sebanyak 141 kali operasi dan 155 tangkapan manakala pada tahun 2022 bermula 01/01/2022 hingga 31/12/2022 sebanyak 126 kali operasi dan 220 tangkapan. Kesemua pesalah tersebut telah dituduh di bawah Sek. 45A (1) APJ 1987 dan membawa hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun dan denda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak lebih RM30,000.

20. Senaraikan projek Rumah Mampu Milik yang dibina pihak kerajaan dari tahun 2018 hingga 2023 di DUN Sungai Bakap.
 - (a) Senaraikan jumlah pemohon Rumah Mampu Milik di DUN Sungai Bakap sepanjang tempoh tersebut.
 - (b) Apakah perancangan kerajaan bagi menambah pembinaan Rumah Mampu Milik di DUN Sungai Bakap?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Berdasarkan rekod pangkalan data yang dikemaskini oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) bagi DUN Sungai Bakap, terdapat sebanyak 1,835 unit Rumah Mampu Milik (RMM) yang telah siap dibina (586 unit), dalam pembinaan (1,097 unit) dan dalam perancangan (152 unit). Daripada jumlah 1,835 unit RMM tersebut, 1,186 unit terdiri daripada unit RMM A, 334 unit RMM B dan 315 unit RMM C. Senarai RMM di DUN Sungai Bakap adalah seperti berikut:

Data Pecahan RMM A, B Dan C Yang Dibina Pihak Kerajaan Dari Tahun 2018 Hingga 2023 Di DUN Sungai Bakap

Jenis RMM/ Status	Dalam Perancangan	Sedang Dibina	Siap Dibina	Jumlah
RMM A	152	782	252	1,186
RMM B	0	0	334	334
RMM C	0	315	0	315
JUMLAH	152	1,097	586	1,835

Perincian bagi penyenaiaan projek-projek terlibat adalah seperti berikut:

Senarai Projek RMM A,B Dan C Yang Siap Dibina Pihak Kerajaan Dari Tahun 2018 Hingga 2023 Di DUN Sungai Bakap

Bil.	Tahun	Projek	Pemaju	Status	Jenis RMM	Bil. Unit
1	2018	Taman Halaman Indah	UDA Properties Sdn Bhd	Lot-Lot 200, 448 Dan 449, Mukim 6, Jawi, Seberang Perai Selatan	A	211
2	2018	Taman Halaman Indah	UDA Properties Sdn Bhd	Lot-Lot 200, 448 Dan 449, Mukim 6, Jawi, Seberang Perai Selatan	B	249
3	2018	Panchor Residence	Panchor Residence Sdn Bhd	Lot PT873 hingga PT 1088 (Lot lama 542,591 dan 1867) Jalan Bukit Panchor, Mukim 7, SPS	B	85
4	2021	Taman Sejahtera Rakyat	PDC Properties Sdn. Bhd.	Siap	A	41
				JUMLAH		586

Senarai Projek RMM A,B Dan C Yang Sedang Dibina Pihak Kerajaan Dari Tahun 2018 Hingga 2023 Di DUN Sungai Bakap

Bil.	Tahun	Projek	Pemaju	Status	Jenis RMM	Bil. Unit
1	2021	Bandar Tasik Mutiara B	Palmington Sdn. Bhd.	Di atas Lot No. 8746 dan Sebahagian Lot No. 2473 , Jalan Tasek Mutiara 8, Simpang Ampat , Mukim 15,	A	391
2	2021	Bandar Tasik Mutiara C	Palmington Sdn. Bhd.	Di atas Lot No. 8746 dan Sebahagian Lot No. 2494(Lot Lama No. 8747), Jalan Tasek Mutiara 8, Simpang Ampat , Mukim 15,	A	391
3	2020	Di Atas Lot 402,461,752,75 3,754,899 dan 900, Mukim 5, SPS	Tetuan Asas Dunia Berhad	Lingkungan Semula SPC	C	315
				JUMLAH		1,097

Senarai Projek RMM A,B Dan C Yang Dalam Perancangan Pihak Kerajaan Dari Tahun 2018 Hingga 2023 Di DUN Sungai Bakap

Bil.	Tahun	Projek	Pemaju	Status	Jenis RMM	Bil. Unit
1	2022	Di Atas Lot 10609, Mukim 11, Jalan Nibong Tebal, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Chen Yu Land Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	152
				JUMLAH		152

- (a) Bagi tempoh yang sama iaitu dari tahun 2018 hingga 2023, sebanyak 910 permohonan diterima bagi RMM yang terdiri daripada 528 permohonan bagi RMM A, 146 permohonan bagi RMM B dan 236 permohonan bagi RMM C. Perincian bagi setiap permohonan mengikut kategori RMM dan kaum adalah seperti berikut:

Statistik Memohon (KADUN) 01/2018 - 12/2023

KADUN Pohon	Rumah Mampu Milik A (RM42,000)			
	Melayu	Cina	India	Lain-Lain
Sungai Bakap	357	69	101	1
Jumlah	357	69	101	1
	528			

KADUN Pohon	Rumah Mampu Milik B (Maksima RM72,500)			
	Melayu	Cina	India	Lain-Lain
Sungai Bakap	102	23	21	0
Jumlah	102	23	21	0
	146			

KADUN Pohon	Rumah Mampu Milik C1 (Maksima RM150,000)			
	Melayu	Cina	India	Lain-Lain
Sungai Bakap	11	6	3	0
Jumlah	11	6	3	0
	20			

KADUN Pohon	Rumah Mampu Milik C2 (Maksima RM200,000)			
	Melayu	Cina	India	Lain-Lain
Sungai Bakap	21	18	7	0
Jumlah	21	18	7	0
	46			

KADUN Pohon	Rumah Mampu Milik C3 (Maksima RM300,000)			
	Melayu	Cina	India	Lain-Lain
Sungai Bakap	90	61	19	0
Jumlah	90	61	19	0
	170			

- (b) Kerajaan Negeri sedang dalam proses untuk mengenalpasti beberapa tanah milik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di seluruh Pulau Pinang bagi cadangan pembangunan RMM termasuklah tanah-tanah di Daerah Seberang Perai Selatan amnya dan di bawah DUN Sungai Bakap khususnya untuk dilaksanakan oleh LPNPP. Selain itu, Kerajaan Negeri juga dari semasa ke semasa akan mengadakan sesi libat urus bersama pemaju swasta yang mempunyai milikan tanah bagi pembangunan RMM di kawasan tersebut.

21. Apakah status terkini pembinaan hospital patuh syariah?

- (a) Senaraikan konsultan dan pemaju yang terlibat.
- (b) Apakah masalah yang berlaku sehingga menyebabkan projek ini masih belum disiapkan sepenuhnya?
- (c) Berapakah jangkaan peningkatan kos pembinaan daripada perancangan awal?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Penubuhan Pembinaan Hospital Islam Pulau Pinang yang dianggarkan bernilai RM300 juta tertangguh selepas kontraktor yang dilantik sejak 2018 gagal menyiapkan projek.

- (a) Senarai konsultan dan pemaju yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil	Fungsi	Konsultan/Pemaju
1	Kontraktor	Pembinaan APM Sdn. Bhd.
2	Operator	Hospital Pakar An Nur Specialist Hospital
3	Medical Facility Planner	Teknireka Architects Sdn. Bhd.
4	Konsultan	Mogh Sdn. Bhd.
5	Arkitek	Zafa Arkitek
6	C&S Engineer	Suharto Engineers
7	Perancang Kelengkapan Perubatan	Advance Pact
8	Jurunilai	Quantum Surveyors Sdn. Bhd.

- (b) Projek ini tertangguh selepas kontraktor yang dilantik gagal menyiapkan projek berikutan isu dana dan ketiadaan pelabur untuk membiayai projek berkenaan. Walaubagaimanapun, dengan penstrukturan semula Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) yang dianggotai oleh para professional dalam bidang berkaitan, YIPP melalui Kerajaan Negeri dalam usaha mendapatkan rakan strategik samada dari dalam mahupun luar negara.
- (c) Pada tahun 2021, pihak YIPP dengan pengurusan baharu telah melantik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebagai "*Project Management Office*" (PMO) untuk merangka kaedah pembangunan yang lebih teratur. Pihak PDC menjangkakan peningkatan kos antara 30-50% dengan mengambil kira peningkatan kos bahan mentah dan kos pembinaan.

22. Senaraikan bilangan permit yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri kepada peniaga trak makanan.
- (a) Senaraikan lokasi yang dibenarkan kepada peniaga trak makanan untuk berniaga.
- (b) Apakah insentif kerajaan kepada peniaga trak makanan di seluruh Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Jumlah bilangan permit yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri kepada peniaga trak makanan adalah sebanyak 179 permit. Perincian ringkas bilangan permit tersebut adalah seperti berikut:

PBT	Bilangan Permit
MBPP	88
MBSP	91
Jumlah keseluruhan	179

Perincian bilangan permit yang dikeluarkan mengikut lokasi adalah seperti berikut:

Senarai Lokasi Dan Bilangan Permit Yang Telah Diluluskan Oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Bil.	Lokasi	Bilangan Permit
1	TPS Lorong Kulit	30
2	Jalan Ibbetson / Jalan Air Itam	10
3	Tapak Penjaja di atas Lot 340, Jalan Sungai Nipah 4, Balik Pulau	3
4	Lebuhraya Duke, Padang Kota Lama	5
5	Penghujung Jalan Bukit Gambir selepas pintu masuk USM	5
6	Tapak Penjaja Taman Sri Sayang, Jalan Balik Pulau	3
7	Atas tapak parkir di hadapan Honda, Jalan Sungai Pinang	5
8	Jalan Khidmat Jalan Mayang Pasir	5
9	Jalan Kg. Jawa, Bayan Baru	10
10	Tapak Penjaja Jalan Lembah Permai	12
Jumlah keseluruhan		88

Senarai Lokasi Dan Bilangan Permit Yang Telah Diluluskan Oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai

Bil.	Lokasi	Bilangan Permit
1	Upcycle Park MBSP	16
2	Tapak Rekreasi Vision Park	15
3	Jalan 11, Perkampungan Juru	30

Bil.	Lokasi	Bilangan Permit
4	Perkarangan Pusat Perniagaan Oren, Butterworth	11
5	Jalan Pasar, Permatang Tinggi	2
6	Flextronics Technology Penang Sdn Bhd Plant 5, No 2736 MK 1, Lorong Perusahaan Baru 2	6
7	Kawasan Pasar Awam Kota Permai	1
8	Jalan Icon City	2
9	Lorong Sembilang 33, Seberang Jaya	1
10	Cangkat Damai/Lebuhraya Muhibbah (Taman Permata)	1
11	Jalan Maju, Bukit Mertajam	1
12	Taman Bakap Indah	1
13	1088, Tingkat Perusahaan 6, Perai	1
14	Hentian Sebelah RNR Sungai Bakap	1
15	Hadapan Pusat Perniagaan Seri Tambun	1
16	Taman Rekreasi Ampang Jajar Nibong Tebal	1
Jumlah keseluruhan		91

- (a) Terdapat 10 lokasi di kawasan MBPP dan 16 lokasi di kawasan MBSP yang telah disediakan untuk peniaga trak makanan menjalankan perniagaan. Perincian lokasi tersebut adalah seperti berikut:

PBT	Lokasi
MBPP	<ul style="list-style-type: none"> i. TPS Lorong Kulit; ii. Jalan Ibbetson / Jalan Air Itam; iii. Tapak Penjaja di atas Lot 340, Jalan Sungai Nipah 4, Balik Pulau; iv. Lebuh Duke, Padang Kota Lama; v. Penghujung Jalan Bukit Gambir selepas pintu masuk USM; vi. Tapak Penjaja Taman Sri Sayang, Jalan Balik Pulau; vii. Atas tapak parkir di hadapan Honda, Jalan Sungai Pinang; viii. Jalan Khidmat Jalan Mayang Pasir; ix. Jalan Kg. Jawa, Bayan Baru; dan x. Tapak Penjaja Jalan Lembah Permai.
MBSP	<ul style="list-style-type: none"> i. Upcycle Park MBSP; ii. Tapak Rekreasi Vision Park; iii. Jalan 11, Perkampungan Juru; iv. Perkarangan Pusat Perniagaan Oren, Butterworth; v. Jalan Pasar, Permatang Tinggi; vi. Flextronics Technology Penang Sdn Bhd Plant 5, No 2736 MK 1, Lorong Perusahaan Baru 2; vii. Kawasan Pasar Awam Kota Permai;

PBT	Lokasi
	viii. Jalan Icon City;
	ix. Lorong Sembilang 33, Seberang Jaya;
	x. Cangkat Damai/Lebuhraya Muhibbah (Taman Permata);
	xi. Jalan Maju, Bukit Mertajam;
	xii. Taman Bakap Indah;
	xiii. 1088, Tingkat Perusahaan 6, Perai;
	xiv. Hentian Sebelah RNR Sungai Bakap;
	xv. Hadapan Pusat Perniagaan Seri Tambun; dan
	xvi. Taman Rekreasi Ampang Jajar Nibong Tebal.

- (b) Kerajaan Negeri pada ketika tiada perancangan untuk memberikan insentif kepada peniaga trak makanan di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menyediakan garis panduan bagi memudahkan proses permohonan lesen trak makanan seperti berikut:
- (i) Majlis Bandaraya Pulau Pinang - Garis Panduan Pengurusan Lesen Trak Bergerak (Trak Makanan, Barangan Dan Perkhidmatan) Majlis Bandaraya Pulau Pinang Tahun 2020; dan
 - (ii) Majlis Bandaraya Seberang Perai - Garis Panduan Pengurusan Trak Bergerak (Makanan, Barangan Dan Perkhidmatan) Di Pihak Berkuasa Tempatan.

23. Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengklasifikasi penduduk miskin dan miskin tegar?
- (a) Berapakah bilangan penduduk miskin dan miskin tegar mengikut kaum bagi setiap DUN di negeri Pulau Pinang?
 - (b) Apakah langkah kerajaan bagi menektahkan kemiskinan di Pulau Pinang?
 - (c) Senaraikan program mikro kredit yang khusus untuk golongan miskin dan miskin tegar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Penentuan Status Miskin dan Miskin Tegar adalah berdasarkan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 sesebuah keluarga. PGK ialah pendapatan isi rumah yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) [kini dikenali sebagai Kementerian Ekonomi (KE)] bersandarkan Laporan Survei Isi Rumah Dan Kemudahan Asas (HIS&BA) 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). PGK 2019 telah diguna pakai sepenuhnya bermula Februari 2021. Bagi penduduk di Negeri Pulau Pinang, pendapatan purata isi rumah sebanyak RM289.00 ke bawah dikategorikan sebagai Miskin Tegar, manakala pendapatan purata isi rumah sebanyak RM581.00 ke bawah dikategorikan sebagai Miskin. Walau bagaimanapun, kadar Pendapatan Per Kapita (PPK) iaitu RM260.00 masih kekal diguna pakai bagi penyaluran bantuan berkaitan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

- (a) Perincian bagi bilangan penduduk miskin dan miskin tegar mengikut kaum bagi setiap DUN di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Bilangan Penduduk Miskin Dan Miskin Tegar Mengikut Kaum Bagi Setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Di Pulau Pinang

DUN / Pecahan Kaum	Miskin	Miskin Tegar	Jumlah
Air Itam	181	49	230
Cina	44	12	56
India	39	15	54
Lain-Lain	1	1	2
Melayu	97	21	118
Air Putih	190	55	245
Cina	115	26	141
India	39	15	54
Melayu	36	14	50
Bagan Dalam	239	58	297
Cina	21	4	25
India	82	23	105
Lain-Lain	0	1	1
Melayu	136	30	166
Bagan Jermal	227	66	293
Cina	51	13	64
India	79	25	104
Lain-Lain	0	1	1
Melayu	97	27	124
Batu Lancang	103	21	124
Cina	56	10	66
India	22	5	27
Melayu	25	6	31
Batu Maung	243	50	293
Cina	22	6	28
India	39	5	44
Melayu	182	39	221
Batu Uban	208	32	240
Cina	74	7	81
India	42	9	51
Lain-Lain	2		2
Melayu	90	16	106

DUN / Pecahan Kaum	Miskin	Miskin Tegar	Jumlah
Bayan Lepas	420	94	514
Cina	26	5	31
India	30	6	36
Lain-Lain	2	0	2
Melayu	362	83	445
Berapit	114	29	143
Cina	46	7	53
India	23	7	30
Melayu	45	15	60
Bertam	377	104	481
Cina	14	4	18
India	69	12	81
Lain-Lain	1	0	1
Melayu	293	88	381
Bukit Tambun	276	77	353
Cina	50	8	58
India	100	30	130
Melayu	126	39	165
Bukit Tengah	285	66	351
Cina	29	3	32
India	48	13	61
Lain-Lain	3	0	3
Melayu	205	50	255
Datok Keramat	183	34	217
Cina	42	8	50
India	39	9	48
Melayu	102	17	119
Jawi	388	113	501
Cina	66	9	75
India	149	44	193
Melayu	173	60	233
Kebun Bunga	72	17	89
Cina	32	7	39
India	25	5	30
Melayu	15	5	20

DUN / Pecahan Kaum	Miskin	Miskin Tegar	Jumlah
Komtar	92	37	129
Cina	19	3	22
India	28	10	38
Lain-Lain	1	1	2
Melayu	44	23	67
Machang Bubuk	504	122	626
Cina	80	15	95
India	83	13	96
Melayu	341	94	435
Padang Kota	25	11	36
Cina	10	4	14
India	9	5	14
Melayu	6	2	8
Padang Lalang	203	62	265
Cina	50	8	58
India	43	19	62
Lain-Lain	1	0	1
Melayu	109	35	144
Pantai Jerejak	108	21	129
Cina	24	5	29
India	20	7	27
Lain-Lain	0	1	1
Melayu	64	8	72
Paya Terubong	307	63	370
Cina	170	33	203
India	92	22	114
Lain-Lain	1	0	1
Melayu	44	8	52
Penaga	774	248	1,022
Cina	11	2	13
India	5	1	6
Melayu	758	245	1,003
Penanti	422	134	556
Cina	9	3	12
India	8	1	9

DUN / Pecahan Kaum	Miskin	Miskin Tegar	Jumlah
Lain-Lain	3	0	3
Melayu	402	130	532
Pengkalan Kota	68	25	93
Cina	39	13	52
India	17	6	23
Melayu	12	6	18
Perai	132	31	163
Cina	16	6	22
India	94	18	112
Lain-Lain	1	0	1
Melayu	21	7	28
Permatang Berangan	840	213	1,053
Cina	10	4	14
India	36	10	46
Melayu	794	199	993
Permatang Pasir	504	174	678
Cina	10	4	14
India	53	26	79
Lain-Lain	1	0	1
Melayu	440	144	584
Pinang Tunggal	805	208	1013
Cina	15	4	19
India	40	13	53
Lain-Lain	0	1	1
Melayu	750	190	940
Pulau Betong	312	76	388
Cina	24	3	27
India	10	2	12
Lain-Lain	1	0	1
Melayu	277	71	348
Pulau Tikus	54	8	62
Cina	21	4	25
India	9	1	10
Melayu	24	3	27
Seberang Jaya	464	119	583

DUN / Pecahan Kaum	Miskin	Miskin Tegar	Jumlah
Cina	43	5	48
India	65	13	78
Lain-Lain	2	1	3
Melayu	354	100	454
Seri Delima	95	19	114
Cina	21	7	28
India	27	1	28
Melayu	47	11	58
Sungai Acheh	568	134	702
Cina	29	4	33
India	32	13	45
Lain-Lain	1	0	1
Melayu	506	117	623
Sungai Bakap	493	141	634
Cina	33	7	40
India	107	34	141
Lain-Lain	0	1	1
Melayu	353	99	452
Sungai Dua	553	147	700
Cina	18	1	19
India	12	3	15
Lain-Lain	1	0	1
Melayu	522	143	665
Sungai Pinang	322	86	408
Cina	44	14	58
India	108	27	135
Melayu	170	45	215
Sungai Puyu	265	83	348
Cina	69	18	87
India	63	17	80
Melayu	133	48	181
Tanjong Bunga	129	27	156
Cina	19	3	22
India	26	7	33
Lain-Lain	1	0	1

DUN / Pecahan Kaum	Miskin	Miskin Tegar	Jumlah
Melayu	83	17	100
Telok Ayer Tawar	372	92	464
Cina	17	1	18
India	37	5	42
Lain-Lain	1	2	3
Melayu	317	84	401
Telok Bahang	277	81	358
Cina	20	7	27
India	9	2	11
Melayu	248	72	320
JUMLAH KESELURUHAN	12,194	3,227	15,421

***Data daripada Sistem eKasih bertarikh 30 Oktober 2023**

- (b) Kerajaan telah mengambil langkah untuk menoktahkan Miskin Tegar di negara ini melalui pelbagai program dan pelaksanaan.

Antara langkah yang diambil termasuklah proses pembersihan data (*data cleaning*) eKasih melalui bengkel bersama jabatan dan agensi pemberi bantuan. Proses pembersihan data dilaksanakan bagi membuat semakan untuk melihat bantuan yang telah diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) atau Ahli Isi Rumah (AIR). Melalui pelaksanaan bengkel bersama agensi-agensi ini, kesemua KIR akan diperhalusi dan mengelakkan berlaku keciciran bantuan disalurkan kepada KIR Miskin Tegar.

Selain itu, pihak Kerajaan melalui bantuan pihak Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melaksanakan proses pendaftaran AIR yang sesuai ke dalam sistem *MYFutureJobs*, iaitu Portal Pekerjaan Nasional Malaysia untuk semua pencari kerja dan majikan. *MYFutureJobs* menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan algoritma pepadanan yang disahkan untuk menyediakan padanan kerja paling tepat berdasarkan kemahiran dan kecekapan pencari kerja. Penempatan pekerjaan bagi AIR dapat membantu sesebuah keluarga itu dapat dikeluarkan daripada status Miskin Tegar.

Pihak Kerajaan juga melaksanakan Program Pemerksaan Komuniti yang dijalankan untuk membantu komuniti berpendapatan rendah. Program Pemerksaan Komuniti akan menyediakan sumber dan peralatan yang diperlukan untuk meningkatkan kehidupan mereka yang memerlukan. Program ini biasanya dikendalikan oleh pihak kerajaan melalui Pejabat Daerah meliputi program latihan pekerjaan, kursus celik kewangan dan program pembangunan keusahawanan.

Program Pemerksaan Komuniti adalah bahagian penting dalam usaha memerangi kemiskinan, kerana ia membantu masyarakat berpendapatan rendah agar dapat berdikari melalui pendidikan, latihan dan akses kepada sumber.

Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) juga telah dimulakan sebagai usaha menokotahkan kemiskinan tegar. IPR menumpukan kepada pengupayaan golongan termiskin supaya meningkatkan potensi pendapatan. Sebanyak RM750 juta disediakan untuk tahun 2023 kepada Kementerian Ekonomi bagi menjayakan IPR. Tiga (3) inisiatif rintis yang dipergiatkan di bawah IPR adalah Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

Kerajaan juga melaksanakan pelbagai Program Pemberian Tunai yang merupakan strategi pengurangan kemiskinan yang digunakan secara meluas dengan menyediakan bantuan kewangan kerajaan kepada keluarga dan individu berpendapatan rendah. Program ini secara dasarnya menawarkan bantuan tunai kepada penerima secara tetap, yang boleh digunakan untuk menampung keperluan asas seperti makanan, perumahan dan penjagaan kesihatan. Program-program ini menyediakan jaringan keselamatan bagi mereka yang bergelut untuk memenuhi keperluan hidup dan membantu mereka mengakses sumber yang mereka perlukan untuk memperbaiki keadaan ekonomi mereka. Antara bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) yang diberi secara bulanan dan bantuan-bantuan lain seperti Bantuan Pendidikan Pelajar Miskin, Bantuan Bencana Alam, Tabung Bantuan Segera Negeri, Bantuan Latihan Sambil Belajar serta Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan.

- (c) Program mikro kredit yang khusus untuk golongan Miskin dan Miskin Tegar di Malaysia termasuklah Program Basmi Miskin Tegar (BMT) yang dilancarkan oleh Kementerian Ekonomi. Program ini bertujuan untuk membasmi kemiskinan tegar dalam kalangan KIR dan AIR Miskin Tegar di seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Program BMT yang kini dijenamakan sebagai Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) menawarkan pelbagai latihan dan bimbingan keusahawanan, bantuan modal permulaan perniagaan, bantuan peralatan dan mesin, pembungkusan, pelabelan dan pensijilan.

Penyediaan perkhidmatan Skim Pinjaman Harapan (SPH) kepada usahawan atau anak negeri yang ingin menceburi bidang keusahawanan. SPH di bawah seliaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) ini menyediakan saluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan peminjam tanpa syarat-syarat kelayakan yang kompleks dan menyukarkan proses pinjaman. Program pinjaman mikro kredit memberi peluang kepada usahawan tempatan, penganggur dan golongan B40 untuk menceburi bidang keusahawanan dengan membuat pinjaman wang tanpa sebarang cagaran dan penjamin. Golongan miskin ini dapat menggunakan pinjaman yang disediakan ini untuk mengubah nasib hidup mereka.

Selain itu, pihak Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) juga menyediakan pinjaman mikro dan bantuan usahawan kepada golongan berpendapatan rendah di Malaysia. Bantuan ini bertujuan untuk membantu masyarakat berpendapatan rendah di Malaysia mendapat akses kepada sumber kewangan yang lebih mampu milik. Selain itu, pihak AIM juga turut menawarkan pelbagai latihan dan bimbingan keusahawanan, bantuan modal permulaan perniagaan, bantuan peralatan dan mesin, pembungkusan, pelabelan dan persijilan.

24. Senaraikan tempat-tempat *hotspot* gelandangan di Pulau Pinang.
- (a) Apakah usaha kerajaan untuk menjaga kebajikan gelandangan di Pulau Pinang?
 - (b) Apakah usaha kerajaan untuk mengurangkan gelandangan di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Tempat-tempat *hotspot* gelandangan di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Stesen Bas KOMTAR;
 - (ii) Jalan Masjid Kapitan Keling;
 - (iii) Terminal Feri Raja Tun Uda;
 - (iv) Jejantas Pejalan Kaki KOMTAR;
 - (v) Sekitar Padang Kota Lama;
 - (vi) Masjid Umar Ibnu Al-Khattab, Bayan Baru;
 - (vii) Kawasan kaki lima bank di Bandar Baru Perda;
 - (viii) Penang Sentral; dan
 - (ix) Kawasan kaki lima bank di sekitar Seberang Perai Utara.
- (a) Bagi memastikan kebajikan golongan gelandangan di Pulau Pinang turut dijaga, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membina sebuah Pusat Transit Gelandangan di Jalan Magazine. Pusat ini adalah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu dan mendaya upayakan golongan gelandangan di Pulau Pinang. Di bawah program ini, gelandangan akan ditempatkan di sebuah rumah atau bangunan di mana mereka akan dibekalkan dengan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selesa sebagai permulaan.
- Anjung Singgah di Jalan Lebu Chulia juga berfungsi sebagai alternatif kepada gelandangan yang memerlukan penempatan sementara sebelum mendapatkan pekerjaan.
- (b) Pelbagai usaha diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan gelandangan di negeri Pulau Pinang. Bagi mendaya upayakan golongan ini, pihak JKM berkolaborasi dengan jabatan kerajaan lain seperti Jabatan Tenaga Kerja dan Pihak Berkuasa Tempatan, serta agensi yang berkaitan untuk penempatan pekerjaan yang bersesuaian selain daripada memberi perkhidmatan kaunseling untuk membuat pepadanan pekerjaan. Selain itu, gelandangan yang dihantar ke Desa Bina Diri (Institusi JKM) akan menerima latihan kemahiran untuk menjana pendapatan.
- Kerajaan Negeri melalui JKM turut menjalankan operasi secara berjadual dan berkala di kawasan *hotspot*. Selain itu, program-program berbentuk advokasi kepada masyarakat juga dijalankan dari semasa ke semasa seperti Kempen Bijak Membantu, Elak Tertipu.
25. Senaraikan nama dan maklumat ibu tunggal B40 di DUN Sungai Bakap.
- (a) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan ini untuk keluar daripada paras kemiskinan?
 - (b) Senaraikan pusat psiko-sosial yang disediakan bagi membantu ibu tunggal yang mengalami masalah emosi dan mental di DUN Sungai Bakap.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Semakan mendapati senarai bilangan ibu tunggal B40 bagi Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap adalah tidak tersedia pada ketika ini. Namun, berdasarkan data penerima ibu tunggal di sistem i-Sejahtera sejumlah 554 orang ibu tunggal menerima bantuan wang perhargaan ibu tunggal di DUN Sungai Bakap.

- (a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat Pulau Pinang termasuk golongan ibu tunggal untuk keluar daripada paras kemiskinan. Bantuan-bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:
- (i) Menyalurkan bantuan kewangan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang merangkumi Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) secara bulanan manakala bantuan-bantuan lain seperti Bantuan Pendidikan Pelajar Miskin, Bantuan Bencana Alam, Tabung Bantuan Segera Negeri, Bantuan Latihan Sambil Belajar dan Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan;
 - (ii) Memberi bantuan kewangan secara bulanan melalui Program BAES untuk membantu dan membasmi kemiskinan di Pulau Pinang. Pemberian BAES merupakan kesinambungan pemberian Bantuan Am JKM yang dijenamakan semula daripada Program Agenda Ekonomi Saksama (AES). Setiap Ketua Isi Rumah (KIR) yang memenuhi syarat-syarat kelayakan penerimaan BAES akan dibayar pada kadar antara RM100.00 (minimum) sehingga RM1,300.00 (maksimum) sebulan;
 - (iii) Melaksanakan Program “2 Years Exit Programme” (2YEP) kepada penerima-penerima bantuan JKM yang layak. Program yang berkonsepkan kebajikan produktif ini menyediakan peserta program ke arah kehidupan yang lebih berdikari agar tidak bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata untuk sara hidup selain mewujudkan peluang penjana sumber pendapatan yang stabil dan berterusan kepada peserta program;
 - (iv) Bantuan Bina Baru Rumah merupakan antara bantuan yang diberikan kepada golongan miskin untuk menampung perbelanjaan membina rumah kediaman yang lebih selamat dan sesuai untuk didiami. Bantuan Baik Pulih Rumah pula diberikan untuk menampung kos-kos membaik pulih rumah kediaman yang rosak agar bebanan implikasi kewangan tersebut kepada golongan miskin dapat dikurangkan; dan
 - (v) Mengadakan kursus-kursus Kemahiran di bawah Program Pembangunan Modal Insan. Melalui program ini, keluarga miskin digalakkan menyertai kursus-kursus kemahiran tertentu seperti kursus masakan atau jahitan supaya kemahiran tersebut boleh dimanfaatkan untuk menjana pendapatan dan hidup berdikari tanpa perlu bergantung kepada bantuan kerajaan.

Selain ini, terdapat pelbagai jenis bantuan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan terutamanya Kerajaan Persekutuan meliputi bantuan secara langsung dan tidak langsung kepada rakyat di negara ini. Antaranya termasuk Program Pemberian Tunai yang merupakan strategi pengurangan kemiskinan yang digunakan secara meluas, bantuan padanan pekerjaan melalui portal MYFutureJobs yang dikendalikan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Program Pemerksaan Komuniti dan lain-lain program lagi.

- (b) Pada Ketika ini, tiada pusat psiko-sosial yang khusus ditubuhkan bagi menangani ibu tunggal yang mengalami masalah emosi dan kesihatan mental

di kawasan DUN Sungai Bakap. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pusat yang berdekatan menawarkan perkhidmatan tersebut seperti perincian berikut:

- (i) Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. (Agensi Kerajaan);
- (ii) Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW), No.13, Lorong Sutera 6, Taman Sutera, 13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang; dan
- (iii) Pertubuhan Kebajikan Sneham Malaysia (Mental Health and Suicide Hotline), Taman Seri Berapit, 14000 Bukit Mertajam Pulau Pinang.

Selain ini, Klinik Kesihatan Sungai Bakap mempunyai Pakar Perubatan Keluarga yang boleh membantu golongan ibu tunggal yang memerlukan rawatan dan kaunseling berkaitan masalah emosi. Terdapat dua orang Pegawai Psikologi Kaunseling di daerah Seberang Perai Selatan memberi khidmat kaunseling. Namun, mereka tidak ditempatkan secara tetap di Klinik Kesihatan Sungai Bakap. Perkhidmatan kaunseling dan intervensi adalah melalui temu janji.

26. Senaraikan nama dan maklumat warga emas B40 serta statistik mengikut kaum di DUN Sungai Bakap.
 - (a) Nyatakan bentuk bantuan penjagaan kesihatan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada warga emas termasuk mereka yang menghidap penyakit 'dementia'.
 - (b) Apakah bantuan Kerajaan Negeri kepada warga emas yang mengalami masalah penyakit kronik?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Berdasarkan statistik penduduk, Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap, Pulau Pinang tahun 2020 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penduduk DUN Sungai Bakap adalah seramai 56,802 orang. 3.4% atau seramai 1,931 daripada jumlah ini adalah warga emas. Senarai nama dan maklumat terperinci warga emas B40 mengikut kaum adalah tidak tersedia.
 - (a) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang menyediakan perkhidmatan kesihatan warga emas di klinik kesihatan meliputi saringan kesihatan dan juga rawatan kepada warga emas yang mempunyai penyakit. Perkhidmatan ini merangkumi pesakit yang menghidap *dementia*.
 - (b) Bagi warga emas yang menghidap penyakit kronik, rawatan diberikan di klinik kesihatan dan juga hospital. Manakala bagi pesakit terlantar, perawatan domisiliari juga disediakan iaitu dengan anggota kesihatan membuat lawatan ke rumah bagi memberi pendidikan kesihatan tentang penjagaan kepada penjaga warga emas tersebut.
27. Nyatakan statistik kes gejala sosial di kalangan wanita muda mengikut jenis kesalahan dari tahun 2018 hingga 2022.
 - (a) Senaraikan tempat pemulihan dan perlindungan yang diberikan kepada wanita muda yang bermasalah di Pulau Pinang.
 - (b) Apakah pelan tindakan Kerajaan Negeri bagi mengurangkan bilangan kes gejala sosial tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) Negeri Pulau Pinang, jumlah kes gejala sosial di kalangan wanita muda yang berumur antara 19 tahun hingga 35 tahun bagi tahun 2018 hingga 2022 adalah seperti berikut:

Maklumat Kes Gejala Sosial Di Kalangan Wanita Muda Yang Berumur Antara 19 Tahun Hingga 35 Tahun Bagi Tahun 2018 Hingga 2022 Di Pulau Pinang

Kes Mencuri

Kategori Jenayah	2018	2019	2020	2021	2022
Curi Tempat Bebas	11	17	19	19	11
Curi dalam Bangunan	57	66	36	42	33
Curi dalam Kenderaan	3	2	0	0	1
Curi Motokar	6	6	8	2	5
Curi Motosikal	6	11	10	4	8
Curi Van/Lori/Jentera Berat	0	1	0	0	2
Pecah Rumah dan Curi	6	17	12	10	10
JUMLAH	89	120	85	77	70

Kes Penyalahgunaan Dadah

Tahun / Seksyen	2018	2019	2020	2021	2022
SEK. 39B ADB 1952	60	62	67	44	65
SEK. 39A ADB 1952	67	92	74	60	69
SEK. 12(3) ADB 1952	220	245	169	184	182
SEK. 9AR 1952	-	1	-	-	-
SEK. 6 ADB 1952	5	2	7	2	11
SEK. 30(3) 1952	7	5	6	8	1
SEK. 15(1) ADB 1952	111	175	80	59	98
JUMLAH KESELURUHAN	470	582	403	357	426

Kes Pelacuran Melibatkan Warganegara

Tahun	2018	2019	2020	2021	2022	Jumlah
Bilangan Kes	31	57	29	31	35	183

Kes Pelacuran Melibatkan Bukan Warganegara

Tahun	2018	2019	2020	2021	2022	Jumlah
Bilangan Kes	91	103	101	60	98	453

Sumber: Polis Diraja Malaysia (PDRM) Negeri Pulau Pinang

- (a) Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Kebajikan Wanita Pulau Pinang telah menubuhkan Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) yang memberi perkhidmatan kaunseling, perlindungan sementara dan nasihat guaman untuk golongan wanita yang menghadapi krisis.
- (b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menawarkan perkhidmatan kaunseling bagi membantu golongan wanita yang menghadapi krisis. Selain itu, melalui program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pelbagai jabatan/agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri merupakan antara langkah proaktif dalam membendung gejala sosial di kalangan remaja khususnya wanita. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti *Women! This Is the Time! Let's Step Forward and We Make the Change!*, Program Kempen Wanita Bangkit dan lain-lain program.

Selain peranan kerajaan, pendidikan dan institusi keluarga memainkan peranan penting dalam membimbing remaja supaya tidak terjebak dalam masalah sosial.

28. Apakah perkembangan program pengumpulan kitar semula di Pulau Pinang?
- (a) Senaraikan jadual kutipan barangan kitar semula bagi kawasan perumahan di DUN Sungai Bakap.
 - (b) Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah pengurusan barangan kitar semula di kawasan kampung yang tidak dilaksanakan dengan baik?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mencapai kadar kitar semula 53.02 peratus yang merupakan kejayaan Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Visi Penang2030 yang menetapkan sasaran 50 peratus kadar kitar semula menjelang tahun 2030 dengan lebih awal dari tempoh ditetapkan selain mengatasi kadar kitar semula kebangsaan pada tahap 31.52 peratus bagi tahun yang sama. Susulan itu, Kerajaan Negeri telah meningkatkan sasaran kadar kitar semula kepada 70 peratus menjelang tahun 2023.
- (a) Jadual kutipan barangan kitar semula yang dijalankan oleh MBSP bagi kawasan perumahan di seluruh Seberang Perai termasuk DUN Sungai Bakap adalah pada setiap hari Sabtu bermula dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang.
 - (b) Kerajaan Negeri melalui MBPP dan MBSP telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mengatasi masalah pengurusan barangan kitar semula di kawasan kampung seperti berikut:
 - (i) Melakukan hebahan mengenai waktu kutipan kitar semula kepada masyarakat setempat dengan kerjasama MPKK;
 - (ii) Mewujudkan fasiliti kitar semula; dan
 - (iii) Menjalinkan kerjasama dengan syarikat swasta bagi penganjuran program dan pengasingan sisa kitar semula yang efisien.

29. Senaraikan warisan Melayu yang berada di Pulau Pinang yang telah diwarta dan belum diwarta oleh Kerajaan Negeri.

- (a) Apakah syarat yang perlu dipenuhi untuk diwartakan?
- (b) Apakah usaha kerajaan dalam mewartakan warisan Melayu ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Senarai warisan Melayu yang telah diwartakan dan dalam proses pewartaaan adalah seperti berikut:

Senarai warisan Melayu yang berada di Pulau Pinang yang telah diwarta dan proses untuk diwartakan

Bil	Item Warisan	Kategori	Warta / Belum Warta
1.	Masjid Melayu Lebuah Aceh	Tapak (Bangunan)	Warta di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005
2.	Masjid Kapitan Keling	Tapak (Bangunan)	Warta di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005
3.	Makam Sheikh Omar	Tapak (Bangunan)	Warta di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005
4.	Bangunan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang	Tapak(Bangunan)	Belum Warta
5.	Masjid Jamek Alim Shah Welley	Tapak(Bangunan)	Belum Warta
6.	Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah	Tapak(Bangunan)	Belum Warta
7.	Rumah Teh Bunga	Tapak(Bangunan)	Belum Warta
8.	Surau Haji Mahmud Taib (Surau Kubang Semang)	Tapak(Bangunan)	Belum Warta
9.	Masjid Negeri Pulau Pinang	Tapak(Bangunan)	Belum Warta
10.	Masjid Jamek Haji Abdul Rashid	Tapak(Bangunan)	Belum Warta
11.	Rumah Tuan Guru Haji Sheikh Othman Bin Jalaludin	Tapak(Bangunan)	Belum Warta

Bil	Item Warisan	Kategori	Warta / Belum Warta
12.	Rumah Tuan Haji Hashim Bin Itam (Tuan Haji Hashim Kerani)	Tapak(Bangunan)	Belum Warta
13.	Kediaman Abdullah Fahim (Rumah Merdeka)	Tapak(Bangunan)	Belum Warta
14.	Boria	Seni Persembahan Kebudayaan	Belum Warta
15.	Ghazal Parti	Seni Persembahan Kebudayaan	Belum Warta
16.	Omar Bin Md. Hashim	Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH)	Warta di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005
17.	Tanjung Bungah Village - Abdullah Arif	Lukisan (Penang Pioneer Artist)	Belum Warta
18.	Limestone - Abdullah Arif	Lukisan (Penang Pioneer Artist)	Belum Warta

(a) Bagi perisytiharan sesuatu item sebagai Warisan Negeri ianya hendaklah mempunyai:

- (i) kepentingan sejarah Negeri;
- (ii) ciri reka bentuk atau estetik
- (iii) pembaharuan atau pencapaian saintifik atau teknikal;
- (iv) hubungan sosial atau kebudayaan masyarakat;
- (v) potensi untuk mendidik, menjelaskan atau menyediakan penyiasatan saintifik berhubung dengan warisan kebudayaan dan warisan semula jadi di negeri Pulau Pinang ; atau
- (vi) keunikan warisan kebudayaan atau warisan semula jadi.

(b) Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk mewartakan warisan Melayu ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Majlis Warisan Negeri dan Jawatankuasa Pakar dalam bidang Alam Bina, Sosio Budaya, Seni Tampak, Arkeologi, Sejarah Tempatan dan Seni Persembahan untuk menilai kepentingan sesuatu item yang dipohon sebagai Warisan Negeri.

30. Berapakah jumlah kilang haram yang terdapat di negeri Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2022 mengikut DUN?

- (a) Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan kepada pemilik kilang haram?
- (b) Senaraikan jumlah kilang haram yang telah diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2018 hingga 2022 mengikut DUN.

Y.A.B. Ketua Menteri

30. Terdapat sebanyak 98 buah kilang haram di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan sebanyak 457 buah kilang haram di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Perincian jumlah kilang haram yang terdapat di negeri Pulau Pinang sejak tahun 2018 hingga tahun 2022 mengikut DUN adalah seperti berikut:

**Statistik Kilang Haram Di Majlis Bandaraya Pulau Pinang
Sejak Tahun 2018 Hingga Tahun 2022 Mengikut DUN**

Bil.	Dewan Undangan Negeri (DUN)	Jumlah Kilang Tanpa Lesen /Haram
1.	Tanjong Bunga	2
2.	Air Putih	0
3.	Kebun Bunga	1
4.	Pulau Tikus	0
5.	Padang Kota	0
6.	Pengkalan Kota	3
7.	Komtar	0
8.	Datok Keramat	1
9.	Sungai Pinang	4
10.	Batu Lancang	0
11.	Seri Delima	0
12.	Air Itam	16
13.	Paya Terubong	1
14.	Batu Uban	6
15.	Pantai Jerejak	5
16.	Batu Maung	46
17.	Bayan Lepas	13
18.	Pulau Betong	0
19.	Telok Bahang	0
JUMLAH KESELURUHAN		98

**Statistik Kilang Haram Di Majlis Bandaraya Seberang Jaya
Sejak Tahun 2018 Hingga Tahun 2022 Mengikut DUN**

Bil.	Dewan Undangan Negeri (DUN)	Jumlah Kilang Tanpa Lesen /Haram
1.	Penaga	8
2.	Bertam	34
3.	Pinang Tunggal	32
4.	Permatang Berangan	8

5.	Sungai Dua	29
6.	Telok Air Tawar	12
7.	Sungai Puyu	28
8.	Bagan Jermal	8
9.	Bagan Dalam	7
10.	Seberang Jaya	12
11.	Permatang Pasir	31
12.	Penanti	29
13.	Berapit	10
14.	Machang Bubuk	35
15.	Padang Lalang	5
16.	Perai	3
17.	Bukit Tengah	57
18.	Bukit Tambun	29
19.	Jawi	31
20.	Sungai Bakap	27
21.	Sungai Acheh	22
JUMLAH KESELURUHAN		457

- (a) Kerajaan Negeri sememangnya memandang serius terhadap isu kilang-kilang haram yang beroperasi tanpa kebenaran. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:
- (i) Mengeluarkan kompaun atas kesalahan aktiviti perindustian tanpa lesen;
 - (ii) Mengambil tindakan mahkamah dibawah Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 kerana menjalankan aktiviti di luar zon industri;
 - (iii) Mengambil tindakan merobohkan bangunan mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 bagi struktur haram;
 - (iv) Membantu Pentadbir Tanah Daerah dalam usaha menguatkuasakan Akta Kanun Tanah Negara 1965; dan
 - (v) Mengeluarkan notis/kompaun kepada pemilik premis secara berkala mengikut jenis aktiviti yang dijalankan di bawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan Dan Perindustrian MPPP 1991 atau Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan MPPP 1991.
- (b) Perincian tindakan yang telah diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2018 hingga 2022 mengikut DUN ke atas kilang haram tersebut adalah seperti berikut:

Senarai Kilang Haram Yang Telah Diambil Tindakan Oleh Kerajaan Negeri Sejak Tahun 2018 Hingga 2022 Mengikut DUN

Bil	Nama Perniagaan	Alamat	Jenis Aktiviti	Daerah	DUN	Tindakan
1.	Apple Arrow Technology	1046,Jalan Dato Ismail	Kejuruteraan Logam	BD	Bayan Lepas	Kompaun
2.	Genetic Equipment Technology Sdn Bhd	1038,1040,1042,Jalan Dato Ismail Hashim	Kejuruteraan Logam	BD	Bayan Lepas	Kompaun
3.	Unity Synergy Insdustries Sdn Bhd	1018, Jalan Dato Ismail Hashim	Kejuruteraan Logam	BD	Bayan Lepas	Kompaun
4.	Intech Engineering	2c-1,Tingkat Kenari 5	Kejuruteraan Logam	BD	Bayan Lepas	Kompaun
5.	H&K Engineering	402,Jalan Baru Batu Maung	Kejuruteraan Logam	BD	Batu Maung	Kompaun
6.	Kean Aircondition Engineering	404,Jalan Baru Batu Maung	Kejuruteraan Logam	BD	Batu Maung	Kompaun
7.	Lean Seng Venture Sdn Bhd	794,Blok J,Permatang Damar Laut	Perabot	BD	Bayan Lepas	Kompaun
8.	New Life Sdn Bhd	Plot 1,Sebahagian Lot 359, Jalan Teluk Tempoyak	Kejuruteraan Logam	BD	Bayan Lepas	Kompaun
9.	Vertect Engineering Sdn Bhd	3a-1,Lintang Sg Tiram 5	Kejuruteraan Logam	BD	Bayan Lepas	Kompaun
10.	Synertac Precision Engineering Sdn Bhd	28,Jalan Sg Tiram 3	Kejuruteraan Logam	BD	Bayan Lepas	Kompaun
11.	Cxr Engineering	38,Jalan Sg Tiram 3	Kejuruteraan Logam	BD	Bayan Lepas	Kompaun
12.	Brighton Precision Engineering	9,Solok Kekakbu 1	Kejuruteraan Logam	BD	Bayan Lepas	Kompaun
13.	Ckm Engineering	11a,Solok Kekabu 1	Kejuruteraan Logam	BD	Bayan Lepas	Kompaun
14.	Ss Renovation Works	20,Solok Kekabu 1	Kejuruteraan Logam	BD	Bayan Lepas	Kompaun
15.	I-Metal Precision Sdn Bhd	18,Solok Kekabu 1	Kejuruteraan Logam	BD	Bayan Lepas	Kompaun
16.	Sh Power Engineering	11,Pesara Mahsuri 5	Kejuruteraan Logam	BD	Pantai Jerjak	Kompaun
17.	Vt Technology	1a,Pesara Mahsuri 5	Kejuruteraan Logam	BD	Pantai Jerjak	Kompaun
18.	Pinnale Precision Technology	23,Pesara Mahsuri 5	Kejuruteraan Logam	BD	Pantai Jerjak	Kompaun
19.	Cosam Elevator Sdn Bhd	25,Pesara Mahsuri 5	Kejuruteraan Logam	BD	Pantai Jerjak	Kompaun
20.	Excellon Engineering	31,Pesara Mahsuri 5	Kejuruteraan Logam	BD	Pantai Jerjak	Kompaun
21.	Wah Keong Steel Works Enterprise	Sebelah 598-L, Jalan Lembah Permai	Kejuruteraan Logam	BD	Pantai Jerjak	Kompaun
22.	Eng Ghee Foundry	Sebelah 598-L, Jalan Lembah Permai	Kejuruteraan Logam	TL	Tanjung Bunga	Kompaun
23.	Yan Brothers Industries Sdn Bhd	287,Block H,Mk 12, Jalan Batu Maung	Kejuruteraan Logam	BD	Batu Maung	Kompaun
24.	Loo Soon Seng Sdn Bhd	250-H,Mk 12, Jalan Baru Batu Maung	Penyimpanan Gas	BD	Batu Maung	Kompaun
25.	Lss Hyper Electrical Sdn Bhd	250-H,Mk 12, Jalan Baru Batu Maung	Barangan Elektrikal	BD	Batu Maung	Kompaun
26.	Winmax Design Sdn Bhd	249-H,Mk 12, Jalan Baru Batu Maung	Rekaan Grafik	BD	Batu Maung	Kompaun
27.	Hua Yong Engineering Sdn Bhd	248-H,Mk 12, Jalan Baru Batu Maung	Kejuruteraan Logam	BD	Batu Maung	Kompaun
28.	Pemilik/Pengusaha	Di Belakang 248-H,Mk 12, Jalan Baru Batu Maung	Stor Penyimpanan	BD	Batu Maung	Kompaun
29.	Lee Min Hardware Sdn Bhd	248-H,Mk12, Jalan Baru Batu Maung	Kedai Perkakasan Logam	BD	Batu Maung	Kompaun
30.	Rayflex Enterprise	Di Belakang 247-H,Mk 12, Jalan Baru Batu Maung	Pusat Kitar Semula	BD	Batu Maung	Kompaun
31.	Pemilik/Pengusaha	Di Belakang 246-H,Mk 12, Jalan Baru Batu Maung	Setor Penyimpanan Barang-Barang Pечатан	BD	Batu Maung	Kompaun
32.	Thye Shun Electrical	245-H,Mk 12, Jalan Baru Batu Maung	Menjual Barangan Elektrik	BD	Batu Maung	Kompaun

Bil	Nama Perniagaan	Alamat	Jenis Aktiviti	Daerah	DUN	Tindakan
33.	Seah Electrical & Electronic Service	245-H,Mk 12, Jalan Baru Batu Maung	Menjual Barangan Elektrik	BD	Batu Maung	Kompaun
427	Focal Park Sdn Bhd	352, Maklom, 13800 Butterworth	Tiada Maklumat	SPU	N5 - Sungai Dua	Kompaun
428	Lenhon Kilang Kopi Sdn Bhd	157 Bagan Ajam 13000 Butterworth , Pulau Pinang	Kilang Kopi	SPU	N6 - Telok Air Tawar	Kompaun
429	Kilang Beras Leong Guan Sdn Bhd	968, Permatang Tinggi, 13200 Kepala Batas	Tiada Maklumat	SPU	N1 - Penaga	Kompaun
430	Double Secure Products (M) Sdn Bhd	No 7697 Tingkat Selamat 4 Kampung Selamat 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	Memproses Bahan Plastik	SPU	N3 - Pinang Tunggal	Kompaun
431	Lim Sing Hoo	7053, Tkt Selamat 10, Kg Selamat, 13300 Tasik Gelugor	Tiada Maklumat	SPU	N3 - Pinang Tunggal	Kompaun
432	Lim Chin Kok	Lot Pt 1613 Mk 12 Spu Kampung Selamat, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	Tiada Maklumat	SPU	N3 - Pinang Tunggal	Kompaun
433	Tan Choi Hin Sdn Bhd	Tiada	Memproses Makanan Binatang	SPU	N5 - Sungai Dua	Kompaun
434	Tan Choi Hin Sdn Bhd	1697 Jalan Bagan Lalang 13400 Butterworth, Pulau Pinang	Ternakan Itik	SPU	N7 - Sungai Puyu	Kompaun
435	Nam Lean Construction Sdn Bhd	2, Lrg Industri Sg Lokan 4, Tmn Industri Sg Lokan, 13800 Butterworth	Pejabat	SPU	N5 - Sungai Dua	Kompaun
436	Shan Tatt Enterprise	Tiada	Perusahaan Perabot & Gudang	SPU	N3 - Pinang Tunggal	Kompaun
437	Eng Loong Furniture Industries (M) Sdn. Bhd	Tiada	Membuat Perabut Kayu	SPU	N5 - Sungai Dua	Kompaun
438	Chzew Szew Kee	388 Simpang Tiga Juru 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang	Tiada Maklumat	SPT	N17 - Bukit Tengah	Kompaun
439	Kwong Joo Hong Tapioca Factory Sdn Bhd	442, 443 & 32 Mk 18 Kubang Ulu 14400 Kubang Semang Bukit Mertajam, Pulau Pinang	Tiada Maklumat	SPT	N12 - Penanti	Kompaun
440	Her Cheng Sdn Bhd	No 1018, Jalan Talang, Taman Perai, 13600 Perai, Pulau Pinang	Gudang Menyimpan Bahan Kertas	SPT	N16 - Perai	Kompaun
441	Aruskaya Sdn Bhd	474 Jalan Berapit 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang	Kilang Elektronik	SPT	N12 - Penanti	Kompaun
442	Sunway Quarry Industries Sdn Bhd	769 Jalan Berapit 14000 Bukit Mertajam , Pulau Pinang	Tiada Maklumat	SPT	N13 - Berapit	Kompaun
443	Tan Soon Heong, Tan Song Chai, Tan Han Siang, Syarikat Ang Hock Stockfeefs Manufacturing Sdn. Bhd	670, Bukit Tengah, 14000 Bukit Mertajam	Tiada Maklumat	SPT	N17 - Bukit Tengah	Kompaun
444	Eagle Auto Parts Sdn Bhd	1553 Jalan Besar 14000 Bukit Mertajam , Pulau Pinang	Tiada Maklumat	SPT	N17 - Bukit Tengah	Kompaun
445	Li Huat Oil Mill Sdn Bhd	894 Kubang Semang 14000 B Mertajam, Pulau Pinang	Tiada Maklumat	SPT	N12 - Penanti	Kompaun

Bil	Nama Perniagaan	Alamat	Jenis Aktiviti	Daerah	DUN	Tindakan
446	Ban Chai Huat Sdn Bhd	2558, Jalan Samagagah Permatang Pauh 13500 Bukit Mertajam, Pulau Pinang	Tiada Maklumat	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
447	Fenxenn Trading Sdn Bhd	Tiada	Tiada Maklumat	SPT	N12 - Penanti	Kompaun
448	Phoenix Base Sdn Bhd	1591, Pengkalan Bajak Juru, 14100 Simpang Ampat	Membuat Dan Menjahit Tilam	SPT	N17 - Bukit Tengah	Kompaun
449	Ooi Say Ghee	No 22 Lengkok Kurau 1 Taman Chai Leng 13700 Perai , Pulau Pinang	Tiada Maklumat	SPT	N17 - Bukit Tengah	Kompaun
450	Chiam Sim Kim	11a Tingkat Mihibbah 6 Taman Alma Bukit Mertajam 14000, Pulau Pinang	Tiada Maklumat	SPT	N17 - Bukit Tengah	Kompaun
451	Wg Trading Sdn Bhd	23, 25, Lorong Kota Permai 14 Taman Kota Permai Bukit Minyak 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang	Tiada Maklumat	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
452	Hiang-Hiang Yuen Trading Sdn Bhd	Tiada	Tiada Maklumat	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
453	Northern Furniture (M) Sdn Bhd	910, Juru Estate, 14100 Simpang Ampat	Kilang Memproses Dan Memotong Kayu	SPT	N17 - Bukit Tengah	Kompaun
454	Prestige Dynamics Industries Sdn Bhd (518)	Plot 517, Jalan Perusahaan Baru, Fasa Iv, Mukim 11, Kawasan Perusahaan Perai, 13600, Pulau Pinang	Engineering Works	SPT	N10 - Seberang Jaya	Kompaun
455	Southern Latex Products Sdn.Bhd	Tiada	Membuat Sarung Tangan.	SPS	N18 - Bukit Tambun	Kompaun
456	Renaissance Plasterboard (M) Sdn. Bhd	Di Atas Lot 2308, Jln Bagan Buaya, 14300 Nibong Tebal	Pengeluaran Papan Plaster	SPS	N19 - Jawi	Kompaun
457	Lth Timber Export Import(M) Sdn. Bhd	3852 Jalan Belakang Bukit Changkat 14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang	Kilang Memproses Dan Memotong Kayu	SPS	N19 - Jawi	Kompaun
458	Weishen Engineering Sdn. Bhd	No Tbp 1026 Jalan Paboi Bukit Tambun 14110 Simpang Ampat, Pulau Pinang	Engineering Works	SPS	N18 - Bukit Tambun	Kompaun
459	Precico Electronics Sdn. Bhd	Plot 26 Lorong lks Tasek 3 Kawasan Industri Perda Tasek 14120 Simpang Ampat, Pulau Pinang	Memproses Bahan Plastik Terpakai	SPS	N20 - Sungai Bakap	Kompaun
460	Hong Bersaudara Kilang Kapur	1369 Simpang Tiga 14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang	Tiada Maklumat	SPS	N21 - Sungai Aceh	Kompaun
461	Akn Services Centre Sdn. Bhd Chin Lak Motor Sdn.Bhd	2181 Jalan Besar 14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang	Tiada Maklumat	SPS	N21 - Sungai Aceh	Kompaun
462	Enterprenuer Park Simpang Ampat Fasa 1 (Mara)	1533, Jln Besar Spg Ampat, 14100 Simpang Ampat	Tiada Maklumat	SPS	N18 - Bukit Tambun	Kompaun
463	Gooi Chin Soo	3701, Jln Changkat Sg Jawi, Sg Bakap, 14200 Sg Jawi	Tiada Maklumat	SPS	N19 - Jawi	Kompaun
464	Pembinaan Lac Sdn. Bhd	1420, Jln Kg Changkat Dain, Kg Sg Duri, 14200 Sg Jawi	Memotong Dan Mengubah Saiz Batu Batu Marmar	SPS	N20 - Sungai Bakap	Kompaun
465	Palmkos Plastic Sdn.Bhd	2267, Jalan Bukit Jawi, Kampung Paya Kemian, 14200, Pulau Pinang	Kitar Semula Bahan Plastik	SPS	N20 - Sungai Bakap	Kompaun
466	Abadi Plastic Industries Sdn. Bhd	Tiada	Memproses Bahan Plastik Terpakai	SPS	N20 - Sungai Bakap	Kompaun

Bil	Nama Perniagaan	Alamat	Jenis Aktiviti	Daerah	DUN	Tindakan
467	Eppor Pack Sdn Bhd	2263 Mk 9 Permatang Kling 14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang	Kilang Membuat Bekas Telur Kertas	SPS	N21 - Sungai Acheh	Kompaun
468	Tan Sooi Chuen	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPT	N12 - Penanti	Kompaun
469	Lavie Furniture Manufacturing Sdn Bhd	Di Atas Lot 1491, Tkt Selamat 5, Kg Selamat, 13300 Tasek Gelugor	Perabut	SPU	N3 - Pinang Tunggal	Kompaun
470	Ben Woods Industri Sdn Bhd	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPT	N17 - Bukit Tengah	Kompaun
471	Tlp Resources Sdn Bhd (Tpl)	444, Tanjong Berembang, 14310 Nibong Tebal	Tiada Maklumat	SPU	N3 - Pinang Tunggal	Kompaun
472	Tan Lim Meng	Tiada Data	Menyimpan Barang Plastik	SPT	N12 - Penanti	Kompaun
473	Wah Lee Chain Store Sdn Bhd	2732, Jln Harmoni, Tmn Bukit Mas, 14000 Bukit Mertajam	Menyimpan Barang Letrik	SPT	N14 - Machang Bubuk	Kompaun
474	Lim Chung Meng	1688, Kg Baru, 13300 Tasik Gelugor	Tiada Maklumat	SPT	N17 - Bukit Tengah	Kompaun
475	Shun Shun Enterprise	Tiada Data	Sejuk Beku Ikan	SPU	N2 - Bertam	Mahkamah
476	V.C.E. Veechem (M) Sdn. Bhd.	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
477	Bee Guan Rice Mill	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
478	Hhm Industries Sdnbhd	2732, Jln Harmoni, Tmn Bukit Mas, 14000 Bukit Mertajam	Tiada Maklumat	SPS	N19 - Jawi	Kompaun
479	Ys Advance Engineering Sdnbhd	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPU	N5 - Sungai Dua	Kompaun
480	Soon Aik Seng Trading	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPT	N12 - Penanti	Kompaun
481	Weng Soon Tai Fishery Sdn. Bhd.	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPS	N21 - Sungai Acheh	Kompaun
482	Wonderful Furniture Trading	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPT	N15 - Padang Lalang	Kompaun
483	Linkhardware Trading Sdn Bhd.	Tiada Data	Membuat Dan Menjual Barang Pintu	SPT	N14 - Machang Bubuk	Kompaun
484	B'worth General Service	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
485	Volcano Name Plate Sdnbhd	31, Lrg Shahbandar 8, Bertam Perdana 3, 13200 Kepala Batas	Membuat Plet Nama	SPT	N16 - Perai	Kompaun
486	Chue Engineering Sdn. Bhd.	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
487	Ban Cheong Construction Sdn. Bhd.	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPT	N12 - Penanti	Kompaun
488	Ewe Xing Enterprise	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPT	N10 - Seberang Jaya	Kompaun
489	Top Base Structure Sdn. Bhd	3, Lrg Seruling 5, Kaw Perindustrian Valdor	Tiada Maklumat	SPT	N12 - Penanti	Kompaun
490	Khor Khye Hing Constructions Sdn Bhd	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
491	Modernria Plastic Industries (M) Sdn Bhd	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPT	N17 - Bukit Tengah	Kompaun
492	Yo Soon Timber Sdn Bhd	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPT	N12 - Penanti	Kompaun

Bil	Nama Perniagaan	Alamat	Jenis Aktiviti	Daerah	DUN	Tindakan
493	Sin Guan Hup Oil & Rice Mill Sdn Bhd	469, Jln Samagagah, Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh	Membungkus Minyak Masak / Kilang Beras	SPS	N21 - Sungai Aceh	Kompaun
494	Ws Polycycle Trading	Lot3336, Jln Changkat Estate, Changkat, 14300 Nibong Tebal	Tiada Maklumat	SPS	N19 - Jawi	Kompaun
495	Sky Railway Furniture Trading Sdn. Bhd.	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPS	N19 - Jawi	Kompaun
496	Yi Shunfa Furniture Sdnbhd	Di Atas Lot 873, Jln Hutan Petai, Kg Kepala Gajah, 14120 Simpang Ampat	Tiada Maklumat	SPS	N18 - Bukit Tambun	Kompaun
497	Audio Tones Enterprise Sdn Bhd	Tiada Data	Memproses Kayu Lapis	SPU	N2 - Bertam	Kompaun
498	Kilang Papan Naga Jaya Sdn Bhd	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPU	N3 - Pinang Tunggai	Kompaun
499	Arda-Tek (M) Sdnbhd	3486, Kg Telok Wang, 14000 Bukit Mertajam	Gudang Makanan Udang & Ikan	SPS	N21 - Sungai Aceh	Kompaun
500	Evergreen Ice Enterprise	650, Jalan Bagan Lallang, 13400 Butterworth, Pulau Pinang	Memproses Ais Kiub	SPU	N7 - Sungai Puyu	Kompaun
501	Fd Furniture Sdn Bhd	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPS	N19 - Jawi	Kompaun
502	Butterworth Foundry & Sms Liner Industry Sdnbhd	Di Atas Lot746, Jln Gajah Mati, Machang Bubok, 14020 Bukit Mertajam	Kilang Besi	SPU	N9 - Bagan Dalam	Kompaun
503	Farben Technique (M) Sdn Bhd	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPS	N18 - Bukit Tambun	Kompaun
504	Jyt Engineering Sdnbhd	1153, Off Jln Kubang Semang, Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh	Kerja - Kerja Besi	SPS	N18 - Bukit Tambun	Kompaun
505	Golden Star Machinery & Hardware Sdnbhd	Tiada Data	Kerja-Kerja Besi	SPU	N2 - Bertam	Kompaun
506	Sun Renewables Sdnbhd	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPU	N3 - Pinang Tunggai	Kompaun
507	Xintongsi Enterprise	Tiada Data	Kerja-Kerja Kejuruteraan	SPU	N3 - Pinang Tunggai	Kompaun
508	E Sun Jospapersdn Bhd	1411, Jln Perusahaan , Kaw Perusahaan Perai, 13600 Perai	Kertas Sembahyang Cina	SPU	N5 - Sungai Dua	Kompaun
509	Tong Guan Factory Company	2222, Kg Paya Kemayan, 14300 Nibong Tebal	Memotong Papan	SPU	N5 - Sungai Dua	Kompaun
510	Kean Hin Cofectionerysdnbhd	Di Atas Lot 2205, Off Jln Kubang Semang, Bukit Merah, 13500 Permatang Pauh	Tiada Maklumat	SPU	N2 - Bertam	Kompaun
511	Casa Inti Sdn. Bhd	752, Jln Ara Kuda, Kg Telok Wang, 14000 Bukit Mertajam	Perabut	SPU	N2 - Bertam	Kompaun
512	Wei Siong Canvas Trading Sdn. Bhd	Tiada Data	Kanvas	SPU	N3 - Pinang Tunggai	Kompaun
513	Heop Seong Suppliers	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPU	N3 - Pinang Tunggai	Kompaun
514	Beauty Wood Enterprise Sdn.Bhd & Accord Furniture Industries Sdn.Bhd	808, Jln Sg Puyu, 13020 Butterworth	Perabut	SPU	N3 - Pinang Tunggai	Kompaun
515	Jv Everich Hardware Sdnbhd & Osaka Plastics (M) Sdn Bhd	1178, Maklom, 13800 Butterworth	Hardware	SPU	N3 - Pinang Tunggai	Kompaun
516	Nstp Enterprise	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPU	N3 - Pinang Tunggai	Kompaun

Bil	Nama Perniagaan	Alamat	Jenis Aktiviti	Daerah	DUN	Tindakan
517	Shan Tatt Enterprise	Tiada Data	Perabut & Gudang	SPU	N3 - Pinang Tunggai	Kompaun
518	Advance Casket Enterprise	1399, Jln Padang Benggali, Telok Air Tawar, 13050 Butterworth	Tiada Maklumat	SPU	N3 - Pinang Tunggai	Kompaun
519	Lazim Asia Sdn Bhd	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPU	N3 - Pinang Tunggai	Kompaun
520	An Marketing Tradings Sdn Bhd	1451, Jln Pecah Batu, 14400 Kubang Semang	Tiada Maklumat	SPT	N15 - Padang Lalang	Kompaun
521	Kean Chooi Engineering & Construction (M) Sdn. Bhd.	1239, Kg Pdg, Lahar Keper, 13200 Kepala Batas	Tiada Maklumat	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
522	Winch Engineering Sdnbhd	149, Jln Pengkalan, 14000 Bukit Mertajam	Tiada Maklumat	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
523	Kean Chooi Engineering & Construction (M) Sdn. Bhd	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
524	Mari Ya Succes Sdn Bhd	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPS	N20 - Sungai Bakap	Kompaun
525	Kepala Batas Bihun Sdn Bhd.	Tiada Data	Kilang Bihun	SPU	N2 - Bertam	Kompaun
526	S.G. Concrete Products (M) Sdn Bhd	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPT	N17 - Bukit Tengah	Kompaun
527	Loh Tee Heng (Chan And Loh Engineering)	1295, Permatang Pak Maras, 13100 Penaga	Tiada Maklumat	SPT	N12 - Penanti	Kompaun
528	Arch Wood Protection (M) Sdn Bhd	547, Jln Juru, 14100 Simpang Ampat	Racun Tikus / Serangga Perosak	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
529	Tan Kim Liang	Di Atas Lot 729, Permatang Tok Mahat, 14300 Nibong Tebal	Tiada Maklumat	SPT	N14 - Machang Bubok	Kompaun
530	Pertubuhan Peladang Kawasan Lahar Bubu	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPU	N5 - Sungai Dua	Kompaun
531	Tonah Trading Company Sdn Bhd	Lot 1144, Tkt Selamat 6, Kg Selamat, 13300 Tasek Gelugor	Memproses Kayu Dan Papan	SPT	N14 - Machang Bubok	Kompaun
532	Empire Venture Resources Sdn Bhd	Di Atas Lot 2286, Jln Bukit Teh, Machang Bubok, 14020 Bukit Mertajam	Tiada Maklumat	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
533	Sing Chuan Aik Transport Sdn Bhd	1483, Spg Ampat, Permatang Buloh, 13200 Kepala Batas	Tiada Maklumat	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
534	Eng Joo Logistics Sdn Bhd	Di Atas Lot 5039, Jln Bukit The, Machang Bubok, 14020 Bukit Mertajam	Haulage & Logistics	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
535	Beh Kean Enterprise	Lot 5958, Tkt Selamat 7, Kg Selamat, 13300 Tasek Gelugor	Tiada Maklumat	SPU	N3 - Pinang Tunggai	Kompaun
536	Tan Chee Eng	Di Atas Lot 284, Jln Kubang Semang, 13500 Permatang Pauh	Memproses Serbuk Kayu Gaharu	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
537	Ewe Yong Trading Sdn Bhd	Lot 1445, Tkt Selamat 7, Kg Selamat, 13300 Tasek Gelugor	Tiada Maklumat	SPT	N17 - Bukit Tengah	Kompaun
538	Chin Chooi Kham	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
539	Ch Perunding	Lot 984&986, Ladang Juru, 14000 Simpang Ampat	Tiada Maklumat	SPS	N19 - Jawi	Kompaun
540	Ocean Megamax Sdn Bhd	Di Atas Lot 21, Jln Kubang Semang, Ptg Rambai, 13500 Permatang Pauh	Tiada Maklumat	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
541	Law Meng Hai	Tiada Data	Menjual Alat Sembahyang	SPU	N3 - Pinang Tunggai	Kompaun

Bil	Nama Perniagaan	Alamat	Jenis Aktiviti	Daerah	DUN	Tindakan
542	Sunrise Coating & Industries Sdn Bhd	Tiada Data	Mengecat Besi	SPT	N11 - Permatang Pasir	Kompaun
543	Lay Chew Liang	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPS	N20 - Sungai Bakap	Kompaun
544	Trio Paper Mills	Jln Byram, N T, 14300 Nibog Tebal	Bahan Kertas	SPS	N20 - Sungai Bakap	Kompaun
545	Janaharta Sdn Bhd	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPS	N21 - Sungai Acheh	Kompaun
546	Tian Yuan Sdn Bhd	Tiada Data	Tiada Maklumat	SPT	N17 - Bukit Tengah	Kompaun
547	Lnm Marketing (S.E.A) Sdn Bhd	969, Jalan Perusahaan, Perai Industrial Estate, 13600 Pulau Pinang	Perniagaan Dan Pembuatan Pintu Kayu	SPT	N16 - Perai	Kompaun
548	Huat Lee Hong Sdn Bhd	Lot 1433 Dan 1435, Mukim 12, Jalan Juru Estate, Juru 14000, Bukit Mertajam, Pulau Pinang	Stor Kayu	SPT	N17 - Bukit Tengah	Kompaun
549	Guan Kim Heng Trading Dan Transport Sdn Bhd	Di Atas Lot 414, Jalan Seberang Tasek, Tasek 14120, Simpang Ampat, Pulau Pinang	Kilang Tisu	SPS	N20 - Sungai Bakap	Kompaun
550	Essex Furuawa	No 1914, Jalan Besar, Permatang Tinggi, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang	Wayar Tembaga	SPT	N14 - Machang Bubuk	Kompaun
551	Ngiah Leong Commercial Sdn Bhd	1158, Mk 15, Jalan Tasek, Lima Kongs, Sungai Bakap 14200 Sungai Jawi	Pembuatan Colok	SPS	N20 - Sungai Bakap	Kompaun
552	Sunnyjaya Plastic Industries Sdn Bhd Dan J&T Express (Malaysia) Sdn Bhd	Lot 20056 (Lot Lama 5132), Mukim 16,, Jalan Kampung Manggis, Kampung Manggis, 14100 Bukit Mertajam, Pulau Pinang	Gudang	SPT	N14 - Machang Bubuk	Kompaun
553	Sri Tanjong Bina Sdn Bhd	No. 499 N/To, Jalan Bukit Tok Alang, Kg Jarak Atas, 13310 Tasek Gelugor, Pulau Pinang	Gudang Simpan Alatan Jentera	SPU	N4 - Permatang Berangan	Kompaun
554	Kean Beng Lee Industries (M) Sdn Bhd	1384, Lot 841, Mk 1, Jalan Tasek, 14120 Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Membuat Barang - Barang Plastik	SPS	N20 - Sungai Bakap	Kompaun
555	Beng Seng Enterprise Sdn Bhd	3274, Eng Lee Estate, Permatang Tinggi, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang	Memproses Ayam / Itik	SPT	N17 - Bukit Tengah	Kompaun

XX. Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Fauzi bin Yusoff) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri

1. Senaraikan kes-kes kemalangan yang disebabkan oleh pemandu mabuk dari tahun 2018 hingga 2022.

(a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri

1. Senarai kes-kes kemalangan yang disebabkan oleh pemandu mabuk dari tahun 2018 hingga 2022 adalah seperti di jadual berikut:

Daerah	2018	2019	2020	2021	2022	Jumlah
Timur Laut	1	1	2	2	1	7
SPU	0	1	1	1	0	3
SPT	1	0	5	3	1	10
SPS	0	0	0	0	1	1
Barat Daya	0	2	0	0	0	2
Jumlah	2	4	8	6	3	23

(a) Antara langkah-langkah dalam mengatasi masalah tersebut adalah:

(i) Mengadakan kerjasama dengan Agensi penguatkuasa lain

Mengoptimumkan penguatkuasaan sedia ada dari semua pihak termasuk agensi penguatkuasaan luar dan memainkan peranan masing-masing dengan melakukan penguatkuasaan menyeluruh bersama seperti mengadakan ops bersepadu antara agensi-agensi penguatkuasa yang lain.

(ii) Hukuman dan Tindakan Undang-undang

Mengoptimumkan undang-undang sedia ada dan meneruskan tindakan undang-undang terhadap pemandu yang didapati memandu di bawah pengaruh alkohol atau mabuk dan sewajarnya diambil tindakan undang-undang. Antara tindakan yang akan diambil adalah dengan menahan individu terbabit, dibawa untuk perbicaraan dan jika didapati bersalah denda dan pembatalan lesen memandu atau tindakan/denda yang lain yang mana ditentukan oleh berdasarkan undang-undang jalanraya sedia ada akan dikenakan terhadap pemandu terbabit.

(iii) Mengadakan Kempen Kesedaran dan Pencegahan

Memperbanyakkan kempen kesedaran dan pencegahan tentang bahayanya memandu di bawah pengaruh alkohol dan akibatnya. Kempen secara berterusan ini dapat membuka mata dan minda masyarakat. Justeru, dapat membantu dalam mencegah dan mengurangkan kejadian kes kemalangan dengan mengingatkan orang-orang untuk tidak memandu ketika berada di bawah pengaruh alkohol.

(iv) Menjalinkan Kerjasama dengan Lembaga berkaitan/ berkenaan

Kerajaan Negeri boleh bekerjasama dengan lembaga berkaitan, seperti Kementerian Kesihatan, untuk memperluaskan aspek pencegahan dalam menangani masalah memandu di bawah pengaruh alkohol ini. Hal ini kerana, dengan menjalinkan kerjasama dengan institusi

perubatan dan institusi lain ianya dapat membantu meningkatkan pendekatan holistik dalam menangani masalah ini.

2. Nyatakan statistik kes kemalangan yang disebabkan oleh pemandu yang melawan arus.
 - (a) Apakah punca utama berlakunya kes tersebut?
 - (b) Apakah usaha kerajaan di dalam mengatasi masalah tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Statistik kes kemalangan yang disebabkan oleh pemandu yang melawan arus mengikut daerah di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Daerah	2018	2019	2020	2021	2022	Jumlah
Timur Laut	6	4	7	6	7	30
SPU	8	4	9	6	6	33
SPT	8	7	6	6	3	30
SPS	6	5	3	8	7	29
Barat Daya	6	6	6	4	7	29
Jumlah	34	26	31	30	30	151

- (a) Punca utama berlakunya kemalangan disebabkan oleh pemandu yang melawan arus adalah seperti berikut:
 - (i) Kegagalan pemandu untuk mematuhi papan tanda lalu lintas contohnya papan tanda arah yang menunjukkan trafik hanya perlu bergerak satu arah yang mungkin menyebabkan pemandu keliru sehingga mereka tidak sengaja memasuki jalan yang salah;
 - (ii) Pengaruh alkohol, dadah atau ubat-ubatan dalam dos yang tinggi boleh menyebabkan pemandu membuat keputusan yang salah dan tidak menyedari tentang bahayanya melawan arus;
 - (iii) Terdapat pemandu yang mungkin tidak memahami betapa berbahayanya melawan arus atau tidak menyedari kesan serius yang mungkin berlaku akibat tindakan mereka;
 - (iv) Keadaan jalan tertentu mungkin mengelirukan pemandu dan menyebabkan mereka tersalah jalan. Ini termasuk papan tanda yang tidak jelas, kerja-kerja pembinaan atau susun atur yang kompleks; dan
 - (v) Pemandu mungkin mengalami gangguan atau kegagalan teknikal pada kenderaan mereka, seperti masalah penglihatan, masalah brek atau masalah transmisi yang menyebabkan mereka melawan arus tanpa disengaja.
- (b) Antara usaha kerajaan dalam menangani kes kemalangan yang melibatkan pemandu melawan arus adalah seperti berikut :
 - (i) Melancarkan kempen kesedaran untuk mendidik pemandu tentang bahaya melawan arus, termasuk tindakan dan hukuman dari segi undang-undang dan risiko yang timbul daripada tindakan melawan arus tersebut. Ini boleh dilakukan melalui pengiklanan, brosur/ risalah/ pamflet, video pendidikan, program sekolah, dan latihan pemandu;

- (ii) Menambahbaik peraturan lalu lintas berkaitan perbuatan melawan arus dan mengenakan sekatan yang ketat bagi individu yang melakukan kesalahan tersebut. Ini termasuk denda yang lebih berat, penarikan lesen memandu dan hukuman dari segi undang-undang yang maksimum/optimum. Penguatkuasaan yang ketat juga diperlukan untuk memastikan peraturan ini dipatuhi secara konsisten.
 - (iii) Memasang papan tanda lalu lintas yang jelas dan tanda jalan yang mudah dilihat bagi mengelakkan kekeliruan pemandu. Papan tanda arah yang jelas dan tanda larangan lalu lintas mesti diletakkan di tempat strategik, terutamanya di persimpangan dan akses jalan yang terdedah;
 - (iv) Menggunakan teknologi dan prasarana yang sesuai untuk mengurangkan kemungkinan melawan arus. Ini termasuk pemasangan kamera pemantauan, pengesanan pergerakan melawan arus dan penggunaan sistem amaran di lebuh raya untuk memberi amaran kepada pemandu yang melawan arus;
 - (v) Bekerjasama dengan pihak agensi penguatkuasa lain, seperti PDRM, JPJ, Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) di bawah bidang kuasa JPJ (sebelumnya dikenali sebagai JKJR) dan beberapa Agensi penguatkuasa lain untuk mengumpul data, menganalisis arah aliran dan mengenal pasti lokasi yang terdedah kepada aliran balas;
 - (v) Menilai dan menambah baik reka bentuk jalan yang berpotensi mengelirukan pemandu, seperti papan tanda yang tidak jelas, susun atur yang rumit, atau pintu keluar dan masuk yang tidak sesuai. Kejuruteraan/mekanisme jalan raya yang baik boleh membantu pemandu mengelak daripada tersalah arah; dan
 - (v) Perkembangan teknologi seperti sistem amaran arah yang salah atau pengecaman tanda trafik boleh dipasang di dalam kenderaan untuk memberi amaran kepada pemandu jika mereka sedang melawan arus.
3. Senaraikan premis judi berlesen di Pulau Pinang mengikut DUN dari tahun 2018 hingga 2022.
- (a) Apakah langkah-langkah kerajaan dalam mengurangkan premis judi di Pulau Pinang?
 - (b) Apakah langkah-langkah kerajaan dalam mengatasi isu judi tidak berlesen?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Jumlah keseluruhan premis judi berlesen di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2018 hingga tahun 2022 adalah sebanyak 106 buah premis. Senarai premis judi tersebut mengikut DUN adalah seperti berikut:

Senarai Premis Judi Berlesen Mengikut DUN Di Negeri Pulau Pinang Sejak Tahun 2018 Hingga 2022

Bil	Nama Syarikat	Alamat Perniagaan	DUN
1	Looi Voon Choy	78 Lebuh China	Padang Kota
2	Ban Lee Company	60 Lebuh China	Padang Kota
3	Treasure Lights	54 Lebuh China	Padang Kota
4	Casa Genius S/B	56 Jalan Sri Bahari	Padang Kota
5	4-D Agency Dhoby	54 Jalan Sri Bahari	Padang Kota

Bil	Nama Syarikat	Alamat Perniagaan	DUN
6	Tan Ah Kam	52 Jalan Sri Bahari	Padang Kota
7	Valiant Success	9 Jalan Rangoon	Padang Kota
8	Regirich Sdn Bhd	217 Jalan Hutton	Padang Kota
9	Pan Malaysian	72 Jalan C.Y Choy	Pengkalan Kota
10	Mashyur Megah	88 Jalan C.Y Choy	Pengkalan Kota
11	Syarikat Mastul	117 Jalan C.Y Choy	Pengkalan Kota
12	Pan Malaysian	18 Lebuh Kimberly	Pengkalan Kota
13	Pan Malaysian	61 Jalan Magazine	Pengkalan Kota
14	Sport Toto (M)	87 Pengkalan Weld	Pengkalan Kota
15	Sport Toto (M)	21 Persiaran Karpal Singh	Sungai Pinang
16	Pan Malaysian	72-G Jalan Anson	Komtar
17	Pan Malaysian	207 Lebu Melaka	Komtar
18	Ene (Penang) Sdn Bhd	Lot 3 & 4 Tingkat Bawah Bangunan Heng Guan (No.171 Jalan Burma)	Pulau Tikus
19	Magnum Ene	33, Jalan Fettes	Kebun Bunga
20	Sport Toto	9-0-10 Lorong Batu Bukit, Tg. Tkg	Tanjung Bunga
21	Unique Target	2q -G Jalan Lembah Permai	Tanjung Bunga
22	Magnum 4d	2f-G Jalan Lembah Permai	Tanjung Bunga
23	Pjay Enterprise	2e -G Jalan Lembah Permai	Tanjung Bunga
24	Khoo Poh Siak	1a Lorong Delima 5	Sri Delima
25	Regina Rhee Corprration Sdn Bhd	1e Lorong Delima 5	Sri Delima
26	Ong's Agency	1f Lorong Delima 5	Sri Delima
27	Eng Qiang (M) Sdn Bhd	11a Lintang Angsana	Paya Terubong
28	Northern Heritage Sdn Bhd	12a Lintang Angsana	Paya Terubong
29	Lucky Agency	20h Jalan Paya Terubong	Paya Terubong
30	Sport Toto	220 Jalan Paya Terubong	Paya Terubong
31	Agency Empat Nombor Ekor Paya Terubong	1043h Jalan Paya Terubong	Paya Terubong
32	Choo Hwei Nee	19-A Medan Angsana, Bandar Baru Air Itam	Paya Terubong

Bil	Nama Syarikat	Alamat Perniagaan	DUN
33	Loh Yee On	246 Jalan Jelutong	Sungai Pinang
34	Ene (Penang) Sdn	294 & 296 Vantage Point Jalan Jelutong	Sungai Pinang
35	Sunnyland Development Sdn Bhd	82 Jalan Free School	Batu Lanchang
36	Maxrich Ene Agency	82c Jalan Free School	Batu Lanchang
37	Ene (Penang) Sdn Bhd	320t Jalan Perak	Batu Lanchang
38	A Rich Sdn Bhd	320x Jalan Perak	Batu Lanchang
39	Thor Phek Tong	139m Jalan Tan Sri The Ewe Lim	Batu Lanchang
40	Empat Nombor Ekor Hong Yunn	9 Lebuhraya Jelutong	Batu Lanchang
41	Factor Equity	326-T Jalan Perak	Batu Lanchang
42	Brilliant Sapphire Sdn Bhd	86 Lintang Mayang Pasir 1	Batu Uban
43	Unipac Agency	90 Lintang Mayang Pasir 2	Batu Uban
44	Reginvest Sdn Bhd	29 Desa Permai Indah Jalan Helang	Batu Uban
45	Eminent Nprofile Sdn Bhd	6d-G Jalan Tun Dr Awang	Batu Uban
46	Andrew Lim Boon Leong	6f-G Jalan Tun Dr Awang	Batu Uban
47	Getaran Ehsan Sdn Bhd	88v Jalan Tun Dr Awang	Batu Uban
48	Winnie Wan Saw	8 R Jalan Tun Dr Awang	Batu Uban
49	Pan Malaysian	8l G/F Jalan Tun Dr Awang	Batu Uban
50	Chew Enterprise	16-1 Lintang Batu Maung	Batu Maung
51	Kelso Magnum Sdn Bhd	12a Lintang Batu Maung	Batu Maung
52	Lean Yew Agency	18-1 Lintang Batu Maung,	Batu Maung
53	Midtrack Reward Sdn Bhd	2e-1 Tingkat Kenari Sg Ara	Bayan Lepas
54	Pure Rotary Sdn Bhd	2c-1 Tingkat Kenari Sg Ara	Bayan Lepas
55	Blue Pearl	2d-1 (Tingkat Bawah)Taman Desa Ria Tingkat Kenari, S	Bayan Lepas

Bil	Nama Syarikat	Alamat Perniagaan	DUN
56	Pan Malaysian	55 Jalan Besar, Balik Pulau	Pulau Betong
57	Magnum Ene (Tan Seng Keat)	57, Jalan Air Itam	Air Itam
58	Pan Malaysian Pools Sdn Bhd	578 Tingkat Bawah Jln Air Itam	Air Itam
59	Yip Kooi Ming	601-K Mk. 16 Jln Air Itam	Air Itam
60	Gaya Agency (Cheah Hong Hong)	601 Mk 16 Jln Air Itam	Air Itam
61	Chin Poh Trading	676 Jln Padang Kelab, 13200 Kepala Batas	Bertam
62	Empat Nombor Ekor Kepala Batas Agency	8 Lrg Cantik 2, Butterworth, 13400 Butterworth	Bagan Jermal
63	Lim Say Ean.	6141 Jln Raja Uda, Butterworth, 12300 Butterworth	Bagan Jermal
64	Lau Jenfee	7305 Jln Raja Uda, Tmn Anggerik, 12300 Butterworth	Bagan Jermal
65	Everyray (M) Sdn Bhd	6920 Jln Ong Yi How, 13400 Butterworth	Sungai Puyu
66	Empat Nombor Ekor Magnum Sdn. Bhd	6697 Jln Bagan Ajam, Tmn Bagan Ajam, 13000 Butterworth	Sungai Puyu
67	Ejen Empat Nombor Ekor B'worth.	6037 Pekan Sg Puyu, Sg Puyu, 13020 Butterworth	Sunga Puyu
68	Lim Huat Soo	4794 Jln New Ferry, 12100 Butterworth	Bagan Dalam
69	Perniagaan Lean Sweet Huat.	4998 Jln New Ferry, , 12100 Butterworth	Bagan Dalam
70	Stm Lottery Sdn Bhd	4908 Jln Kg Benggali, Tmn Ria, 12200 Butterworth	Bagan Dalam
71	Syarikat Empat Nombor Ekor Kampung Benggali.	1, Lebuh Kampung Benggali,, 12200 Butterworth.,	Bagan Dalam
72	Four Digits Enterprise	4999 Jln New Ferry12100 Butterworth	Bagan Dalam
73	Sports Toto Malaysia Sdn Bhd	27 Lintang Teratai, Taman Teratai , 13400 Butterworth	Bagan Ajam

Bil	Nama Syarikat	Alamat Perniagaan	DUN
74	La Sin Leisure Sdn Bhd	Jln Todak 6, Pusat Komersial Sunway Perdana	Seberang Jaya
75	Extraluck Sdn Bhd	47 Jln Todak 4 Seberang Jaya 13700 Perai	Seberang Jaya
76	Tan Chu Yaw	5 Tkt Ciku 1tmn Ciku Bukit Mertajam	Seberang Jaya
77	La Sin Leisure Sdn Bhd	1,3,5,7 Jalan Todak 6 Pusat Komersil Sunway Perdana 13700 Perai	Seberang Jaya
78	Lee Yap Enterprise	26-G, Lrg Usahaniaga 1, Tmn Usahaniaga, 14000 Bukit Mertajam	Berapit
79	Syarikat Khoo Boo Seong	20-G Lrg Usahaniaga 1tmn Usahaniaga 14000 Bukit Mertajam	Berapit
80	Bm Four Digit Shop	32-G Lrg Usahaniaga 1tmn Usahaniaga 14000 Bukit Mertajam	Berapit
81	Eng Agency	1769 Jln Kulim 14000 Bukit Mertajam	Machang Bubok
82	Sung Agency	1771 Jln Kulim 14000 Bukit Mertajam	Machang Bubok
83	Kelab Bukit Jambul Pulau Pinang	1, 3, 5 Lrg Kg Baru 1 Pusat Perniagaan Maju Utama 14000 Bukit Mertajam	Machang Bubok
84	Chuah Chuan Beng	G-15 Lbh Nangka 2tmn Desa Damai 14000 Bukit Mertajam	Padang Lallang
85	Jna Resources Sdn Bhd	1232 Jln Pdg Lallang tmn Desa Damai 14000 Bukit Mertajam	Padang Lallang
86	Syarikat Empat Nombor Ekor Desa Damai	1261 Jln Pdg Lallang Tmn Desa Damai 14000 Bukit Mertajam	Padang Lallang
87	Perda Enterprise	12 Jalan Perniagaan , Pusat Perniagaan Alma, 14000 Bukit Mertajam	Machang Bubok
88	Youngters Basketball Team Penang Club	1 Lbh Kurau 3, Tmn Chai Leng, 13700 Perai	Perai
89	Leisure Factor Trading	145 Medan Kikik 1, Tmn Inderawasih, 13600 Perai	Perai

Bil	Nama Syarikat	Alamat Perniagaan	DUN
90	Bm Four Digit Shop	32-G Lrg Usahaniaga 1, Tmn Usahaniaga, 14000 Bukit Mertajam	Bukit Tengah
91	Syarikat Empat Nombor Ekor Desa Damai	1261 Jln Pdg Lallang, Tmn Desa Damai, 14000 Bukit Mertajam	Bukit Tengah
92	Kelab Tambun (Pulau Pinang)	42a, 46 Jln Icon City, Icon City, 14000 Bukit Mertajam	Bukit Tengah
93	Syarikat Empat Nombor Ekor Desa Damai	1234 Jln Pdg Lallang, Tmn Desa Damai, 14000 Bukit Mertajam	Bukit Tengah
94	Tan Chu Yaw	5 Tkt Ciku 1, Tmn Ciku, Bukit Mertajam	Seberang Jaya
95	Smart Wheel Trading Sdn. Bhd.	62 Jln Limau Manis 3, Tmn Limau Manis, 14000 Bukit Mertajam	Bukit Tengah
96	Kcs Smart Enterprise	12 Jln Tambun Indah 1, Tmn Tambun Indah, 14100 Simpang Ampat	Bukit Tambun
97	Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd.	39 Jln Juru, Tmn Juru, 14100 Simpang Ampat	Bukit Tambun
98	Four Digits (B,Worth) Company.	1690 Jln Besar Tmn Simpang Ampat14100 Simpang Ampat	Bukit Tambun
99	Budi Baik Enterprise	1691 Jln Besar Tmn Simpang Ampat14100 Simpang Ampat	Bukit Tambun
100	Steady & Fair Corporation Sdn.Bhd.	3482 Jln Ooi Kar Seng, Nibong Tebal, 14300 Nibong Tebal	Jawi
101	Chan Wei Thean	3479 Jln Ooi Kar Seng Tmn Seri Nibong14300 Nibong Tebal	Jawi
102	G K Goh Enterprise Sdn Bhd	14 Jln Nuri Tmn Sentosa 14300 Nibong Tebal	Jawi
103	Samantha Lai Tzyy Chinn	No. 1427, Jalan Besar Taman Sungai Bakap Sungai Jawi	Jawi
104	Chan Wei Thean	3479 Jln Ooi Kar Seng, Tmn Seri Nibong, 14300 Nibong Tebal	Jawi
105	Chan Wei Thean	165 Jln Atas Nibong Tebal 14300 Nibong Tebal	Sungai Acheh

Bil	Nama Syarikat	Alamat Perniagaan	DUN
106	Sports Toto Malaysia Sdn Bhd	212 Jln Atas, Nibong Tebal, 14300 Nibong Tebal	Sungai Acheh

- (a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan meneliti dan memastikan permohonan yang diterima adalah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT. Antara syarat-syarat adalah seperti berikut:
- (i) Mendapatkan kelulusan dari pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF);
 - (ii) Mendapatkan kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) dan pelan bangunan dari PBT; dan
 - (iii) Mempunyai kelulusan lesen perniagaan dari PBT.
- (b) Bagi mengatasi premis judi tidak berlesen, selain daripada tanggungjawab PBT seperti yang disenaraikan di bahagian (a), pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan mengenakan Notis Tindakan Kesalahan (NTK) di bawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan & Perindustrian MPPP 1991 bagi kesalahan Mengendalikan Aktiviti Tred, Perniagaan (Kedai Judi) tanpa lesen sah dari MBPP, dan tindakan NTK ini akan diteruskan dan seterusnya membuat tindakan rampasan peralatan perniagaan bagi prosiding kes mahkamah ke atas pengusaha yang masih meneruskan perniagaan tanpa lesen dari MBPP. Manakala, bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam mengatasi isu judi tidak berlesen, pihak MBSP akan:
- (i) Mengenakan tawaran kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen, MPSP 1980 dan Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998;
 - (ii) Mengeluarkan Notis Menghendaki Perniagaan Dihentikan dalam tempoh sama ada 24 jam, tiga (3) hari, tujuh (7) hari dan 14 hari; dan
 - (iii) Mengambil tindakan pendakwaan di mahkamah atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen di bawah Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga melalui kerjasama serta bantuan daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa mengambil tindakan proaktif dan agresif dalam membuat serbuan ke atas semua aktiviti perjudian tanpa lesen di Pulau Pinang termasuk juga melancarkan operasi khas bagi membanteras aktiviti perjudian di seluruh Pulau Pinang. Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak PDRM adalah seperti berikut:

- (i) Mengambil tindakan permohonan pemotongan bekalan elektrik kepada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) terhadap premis-premis yang didapati menjalankan kegiatan perjudian haram tanpa lesen di Pulau Pinang;
- (ii) Membuat permohonan kepada PBT untuk membatalkan lesen perniagaan bagi premis-premis yang diserbu dan didapati menjalankan aktiviti perjudian haram tanpa lesen; dan
- (iii) Membuat permohonan sekatan laman web kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berkaitan dengan laman web yang terlibat dengan aktiviti perjudian.

4. Senaraikan tanah-tanah milik kerajaan yang telah dijual secara rundingan terus dari tahun 2018 hingga 2022.

(a) Apakah sebab utama tanah-tanah tersebut dijual secara rundingan terus tanpa melalui proses tender terbuka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan Negeri telah menubuhkan CMI untuk bertindak sebagai agensi yang proaktif dan produktif dalam menjana pendapatan dalam mempertingkatkan ekonomi negeri Pulau Pinang dengan memaksimumkan nilai strategik aset, menjana hasil pendapatan melalui konsep *Public Private Professional Partnership* (4P'S) melalui aset sedia ada (tanah dan bangunan) Kerajaan Negeri yang diberimilik kepada CMI. Fungsi utama CMI adalah untuk menyewa dan memajak tanah milikannya kepada syarikat swasta untuk tempoh yang tertentu dan tidak wujudkannya kaedah penjualan tanah selain tanah Island Hospital pada tahun 2018.

Pada 1 Disember 2018, tanah PT 71, Seksyen 4, DTL yang berkeluasan 6.4 ekar telah telah didaftarkan kepada Island Hospital Sdn. Bhd. bagi cadangan *Penang Medical City* dengan harga jualan sebanyak RM156.44 juta dengan pajakan 99 tahun berdasarkan nilai Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta yang bersamaan dengan kadar milikan kekal tetapi tanah diberikan secara pajakan 99 tahun.

Pendaftaran ini dilaksanakan secara rundingan terus memandangkan pada ketika itu hanya Hospital Island dibenarkan melaksanakan projek menaik taraf hospital swasta di seluruh negeri dan Hospital Island adalah satu-satunya hospital swasta di Jalan Peel, DTL. Selain itu, cadangan untuk menjalankan projek naik taraf hospital di tapak berkenaan adalah selari dengan fokus Kerajaan Negeri untuk mempromosi pelancongan perubatan di Pulau Pinang. Salah satu syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mendapatkan permit dan lesen, Hospital Island perlu menyediakan sambungan fizikal dan pentadbiran antara bangunan lama dan baru, iaitu antara bangunan/tanah Hospital Island yang sedia ada dengan tanah CMI yang berhampiran dengan Hospital Island tersebut. Justeru, atas justifikasi-justifikasi tersebut, Kerajaan Negeri melalui CMI menjual tanah kepada Hospital Island secara rundingan terus.

5. Senaraikan projek perumahan terbengkalai mengikut DUN dari tahun 2018 hingga 2022.

(a) Apakah langkah kerajaan dalam mengatasi isu tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berdasarkan data Jabatan Perumahan Negara (JPN) sehingga 31 Ogos 2023, terdapat hanya tiga (3) projek terbengkalai mengikut DUN yang berada dalam perancangan pemulihan di Pulau Pinang seperti berikut:

Bil	Nama Projek	Daerah	Parlimen	KADUN	Pemaju Asal	Bil unit	Tarikh Patut Siap	Tarikh Isytihar Terbengkalai
1.	The Rice Miller Development	Timur Laut	P.049 Tanjong	N28 KOMTAR	Asian Global Business Sdn. Bhd	99	18.5.2015	11.2.2022

Bil	Nama Projek	Daerah	Parlimen	KADUN	Pemaju Asal	Bil unit	Tarikh Patut Siap	Tarikh Isytihar Terbengkalai
2.	Taman Ratu Sdn. Bhd. (Lot 564)	Timur Laut	P.048 Bukit Bendera	N22 Tanjung Bunga	Taman Ratu Sdn. Bhd	20	09.04.2014	25.04.2022
3.	Y Cantonments	Timur Laut	P.048 Bukit Bendera	N25 Pulau Tikus	Green Residences Sdn. Bhd.	20	30.6.2016	11.2.2022

- (a) Peranan memantau dan mengurus projek-projek terbengkalai diletakkan di bawah JPN, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mempunyai bidang kuasa untuk menetapkan sebarang syarat khusus kepada pemaju bagi mengatasi masalah projek terbengkalai. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri sentiasa berkerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan komited dalam memainkan peranan sebagai perantara dan pemudahcara kepada usaha-usaha pemulihan bagi memelihara kepentingan rakyat Pulau Pinang.

6. Senaraikan perancangan pembangunan di DUN Sungai Dua.

- (a) Apakah usaha kerajaan dalam memastikan projek pembangunan tersebut tidak menyebabkan masalah banjir?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Antara projek pembangunan utama yang dirancang untuk dilaksanakan di DUN Sungai Dua dalam tempoh tiga (3) tahun ini adalah seperti berikut:

- (i) Projek Membina Baharu Masjid Taman Sungai Dua Utama;
- (ii) Projek Meroboh dan Membina Semula Masjid Jamek Nurul Hidayah Sungai Lokan;
- (iii) Projek Membina Baharu Tapak Perkuburan Islam Berpusat (Butterworth) di atas Lot 3044, 3042, 1785 dan Sebahagian Lot 2995 Mukim 10 Seberang Perai Utara; dan
- (iv) Cadangan Menaik Taraf Dan Pelebaran Jalan Serta Kerja-kerja Berkaitan Bagi Penguraian Trafik Di Pekan Sungai Dua, Seberang Perai Utara.

Cadangan pelaksanaan projek tersebut adalah berdasarkan peruntukan pembangunan yang akan diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

- (a) Antara pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui jabatan teknikal berkaitan untuk memastikan projek pembangunan yang dilaksanakan tidak menyebabkan masalah banjir adalah seperti berikut:

- (i) Memastikan pihak pemaju mematuhi semua syarat yang ditetapkan di bawah Permohonan Pembangunan Tepi Jalan serta mematuhi reka bentuk '*Road and Drainage*' dalam perancangan pelaksanaan reka bentuk jalan yang akan dibina;
- (ii) Permohonan pembangunan baharu oleh pihak pemaju yang dikemukakan melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) disemak oleh

agensi teknikal seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melibatkan pelan kebenaran merancang, pelan kerja tanah dan pelan parit serta jalan;

- (iii) Memastikan semua pembangunan yang dilaksanakan mematuhi Manual Saliran Mesra Alam (MSMA 2), pematuhan kepada kelulusan pelan kawalan hakisan tanah dan sedimentasi (ESCP) dan lain-lain garis panduan JPS yang berkaitan seperti Garis Panduan JPA1/97 – Pembangunan Berhadapan Sungai;
- (iv) Memastikan setiap pembangunan baharu mempunyai kolam takungan bagi kawalan air larian permukaan dialirkan terus ke parit utama atau sungai; dan
- (v) Memastikan pemaju mematuhi kehendak dalam Pelan Induk Pamaritan yang telah diwartakan.

7. Senaraikan jumlah rumah ibadat bukan Islam (RIBI) yang berdaftar mengikut agama di Pulau Pinang.
- (a) Berapakah jumlah keluasan tanah yang telah diluluskan kepada RIBI tersebut mengikut daerah?
 - (b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada RIBI dari tahun 2018 hingga 2022?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Semakan mendapati Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) hanya mendaftarkan pertubuhan. Berdasarkan Akta Pertubuhan 1966, "pertubuhan" termasuklah mana - mana kelab, syarikat, perkongsian atau persatuan tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal, yang mengandungi tujuh orang atau lebih. Sehubungan itu, JPPM tidak mendaftarkan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Namun begitu, terdapat 1,672 pertubuhan yang didaftarkan di bawah kategori keagamaan yang aktif di Negeri Pulau Pinang sehingga 31 Oktober 2023.
- (a) Dari tahun 2018 sehingga kini, keluasan tanah yang telah diluluskan kepada RIBI oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak 77.32 hektar (773,275.176 meter persegi) seperti berikut:.

Senarai Keluasan Tanah Kerajaan Negeri Yang Telah Diberikan Untuk Pembinaan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Mengikut Daerah Dari Tahun 2018 Hingga 2023

1. Pejabat Daerah dan Tanah

Bil.	Daerah	Keluasan (meter persegi)
1	Timur Laut	58,360.39
2	Barat Daya	19,996.95
3	Seberang Perai Utara	29,960.00
4	Seberang Perai Tengah	30,204.666
5	Seberang Perai Selatan	42,107.70
Jumlah		180,629.706

2. Perbadanan Ketua Menteri (CMI)

Bil.	Daerah	Keluasan (meter persegi)
1	Barat Daya	87,120.00
2	Seberang Perai Utara	196,871.47
Jumlah		283,991.47

3. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)

Bil.	Daerah	Keluasan (meter persegi)
1	Timur Laut	19,700.00
Jumlah		19,700.00

4. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

Bil.	Daerah	Keluasan (meter persegi)
1	Timur Laut	145,816.00
2	Barat Daya	129,069.00
Jumlah		274,885.00

5. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

Bil.	Daerah	Keluasan (meter persegi)
1	Seberang Perai Utara	2675.00
2	Seberang Perai Tengah	9,761.00
3	Seberang Perai Selatan	1633.00
Jumlah		14,069.00

Keluasan Keseluruhan

Bil.	Daerah	Keluasan (meter persegi)
1	Pejabat Daerah dan Tanah	180,629.706
2	Perbadanan Ketua Menteri (CMI)	283,991.47

Bil.	Daerah	Keluasan (meter persegi)
3	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)	19,700.00
4	Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)	274,885.00
5	Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)	14,069.00
Jumlah		773,275.176

Rumah Ibadat Bukan Islam yang telah menerima tanah daripada Kerajaan Negeri daripada tahun 2018 sehingga tahun 2023 yang berkeluasan 77.32 hektar (773,275.176 meter persegi).

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui peruntukan Tabung Amanah RIBI telah menyalurkan sebanyak **RM8,678,928.12** daripada tahun 2018 hingga kini seperti berikut:

Peruntukan Tabung Amanah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Yang Telah Disalurkan Dari Tahun 2018 Hingga 2023

Tahun	Peruntukan Yang Telah Disalurkan Kepada RIBI (RM)
2018	2,616,387.80
2019	1,978,142.12
2020	634,163.20
2021	1,429,925.00
2022	663,280.00
2023	1,357,030.00
Jumlah Keseluruhan (RM)	8,678,928.12

8. Senaraikan tanah-tanah dan keluasan tanah hak milik Kerajaan Negeri yang telah dijual di bawah harga pasaran semasa dari tahun 2018 hingga 2022.
- (a) Senaraikan syarikat-syarikat yang telah membeli tanah-tanah milik Kerajaan Negeri di bawah harga pasaran.
- (b) Mengapakah tanah-tanah tersebut dijual di bawah harga pasaran?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Tanah Kerajaan diberi milik adalah berdasarkan permohonan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara. Kelulusan yang diberikan adalah berdasarkan nilai pasaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) sebagai panduan.

- (a) Hanya satu (1) plot tanah dan keluasan tanah hak milik Kerajaan Negeri (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)) yang telah dijual di bawah harga pasaran semasa dari tahun 2018 sehingga 2022 iaitu seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1

Tahun	Plot Terlibat	Keluasan Tanah (ekar)	Harga Penjualan Tanah (RM)/kaki persegi
2022	Lot 7596, MK12, Daerah Barat Daya (Bayan Baru)	0.5636	230.53

Syarikat yang berjaya di dalam tender terbuka penjualan tanah adalah Builtech Land Sdn. Bhd.

- (b) Penjualan plot berkaitan dijual di bawah harga pasaran adalah berdasarkan justifikasi berikut:
- (i) Kesukaran memperoleh pembeli berpotensi disebabkan oleh krisis ekonomi semasa dan telah diiklankan berulang kali dengan kadar nilai semasa;
 - (ii) Tiada petender berminat pada harga rizab yang terlalu tinggi;
 - (iii) Tanah bersaiz kecil, terhad, mempunyai isu berkaitan 'setback', akses, jalan susur dan parkir kenderaan;
 - (iv) Pembangunan tanah yang terhad untuk aktiviti tertentu sahaja, serta persekitaran atau guna tanah berdekatan yang kurang menarik; dan
 - (v) Kos pembangunan yang tinggi.

Justeru, sekiranya keadaan tanah-tanah ini seperti yang tersebut di atas berlaku, pihak pengurusan PDC akan mencadangkan kepada Mesyuarat Lembaga PDC untuk membuat penjualan melalui tender terbuka bersama syor harga jualan pada kadar '*holding cost*' PDC untuk kelulusan.

9. Senaraikan kawasan hotspot banjir di DUN Sungai Dua.
- (a) Apakah langkah-langkah kerajaan dalam mengatasi isu banjir kilat di DUN Sungai Dua?
 - (b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk mengatasi masalah ini?
 - (c) Senaraikan agensi yang terlibat dengan masalah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Terdapat sebanyak 11 kawasan *hotspot* banjir di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Dua seperti berikut:

Senarai Kawasan Hotspot Banjir Di DUN Sungai Dua

Bil.	Kawasan Hotspot Banjir Di DUN Sungai Dua
1	Kampung Air Itam Dalam dan Luar
2	Kampung Kolam
3	Kampung Lahar Yooi
4	Kampung Merbau Kudung

Bil.	Kawasan <i>Hotspot</i> Banjir Di DUN Sungai Dua
5	Kampung Nyior Sebatang
6	Kampung Padang Tongsun
7	Kampung Permatang Che Tak
8	Kawasan Industri Sungai Lokan
9	Kawasan Seberang Tok Dol
10	Pekan Sungai Dua/Kampung Telok
11	Taman Desa Murni/Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Dua

- (a) Kerajaan Negeri memandang serius akan isu banjir kilat yang berlaku dan kesannya kepada penduduk Pulau Pinang. Oleh itu, Kerajaan Negeri melalui agensi kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP), Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) sentiasa bekerjasama untuk mengawal dan mengurangkan kesan akibat banjir kilat.

Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi tersebut adalah pelaksanaan projek-projek tebatan banjir dan naik taraf sistem saliran/perparitan berdasarkan kepada keperluan semasa dan ketersediaan peruntukan. Bagi tujuan tersebut, JPSPP merupakan agensi utama yang dipertanggungjawabkan untuk memantau dan melaksanakan tugas ini berdasarkan kepada dapatan kajian Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management - IRBM*) oleh JPS Malaysia dengan dibantu oleh JKRPP MBSP dan PDTSPU. Agensi-agensi ini bekerjasama mengikut bidang kuasa masing-masing dalam melaksanakan kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan sungai, tali air, parit monsun, rumah pam dan pintu air serta kerja-kerja yang berkaitan.

- (b) Peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah banjir kilat di kawasan DUN Sungai Dua pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

Peruntukan Yang Dibelanjakan Untuk Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di DUN Sungai Dua Bagi Tahun 2023

Agensi	Perbelanjaan Tebatan Banjir (RM)
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP)	786,525.00
Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)	372,841.41
Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara (PDTSPU)	181,591.00
Jumlah (RM)	1,340,957.41

- (c) Agensi yang terlibat dalam menangani masalah banjir kilat di kawasan DUN Sungai Dua adalah JPSPP, JKRPP, MBSP dan PDTSPU.

10. Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Pekan Sungai Dua?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melantik perunding bagi menjalankan kajian lalu lintas dan cadangan penyuraian kesesakan trafik di Pekan Sungai Dua. Hasil daripada kajian tersebut telah mencadangkan supaya dilaksanakan kerja-kerja naiktaraf dan pelebaran jalan serta kerja-kerja berkaitan bagi penyuraian trafik di pekan Sungai Dua, Seberang Perai Utara oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).

Kerja-kerja reka bentuk projek ini dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2024 dan pelaksanaan kerja-kerja pembinaan ditapak pula dijangka pada tahun 2025 setelah mendapat kelulusan peruntukan bagi pelaksanaan projek ini. Selain itu, MBSP telah mensyaratkan di dalam Pelan Kebenaran Merancang (PKM) kepada pemaju Tetuan Spirit of Perai Sdn. Bhd. untuk membuat penyambungan jalan dari Taman Merbau Indah ke Jalan Guar Jering sebelum Sijil Layak Menduduki (CCC) dikeluarkan.

11. Senaraikan jadual pungutan sampah di DUN Sungai Dua.
- (a) Senaraikan kontraktor-kontraktor yang telah dilantik untuk mengendalikan pungutan sampah tersebut.
- (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada kontraktor yang gagal mengikut jadual pungutan sampah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Jadual pemungutan sampah bagi KADUN Sungai Dua adalah seperti berikut:

**Jadual Kutipan Sampah Domestik Dan Sampah Kebun / Sampah Pukal
KADUN Sungai Dua**

Hari	Jadual
Isnin, Rabu, Jumaat	Jadual A
Selasa, Khamis, Sabtu	Jadual B
Setiap Hari	Jadual C

Bil	Taman/ Lokasi	Jenis Kutipan	Jadual Kutipan	
			Domestik	Sampah Kebun/Pukal
1	Taman Mahsuri	Pintu Ke Pintu	A	Ahad
2	Taman Maklom	Pintu Ke Pintu	A	Jumaat
3	Taman Merbau Jaya Fasa 1&2	Pintu Ke Pintu	A	Jumaat
4	Rumah Kedai Merbau Jaya	Pintu Ke Pintu	A	Jumaat

Bil	Taman/ Lokasi	Jenis Kutipan	Jadual Kutipan	
			Domestik	Sampah Kebun/Pukal
5	Taman Seri Merbau Indah	Pintu Ke Pintu	A	Jumaat
6	Rumah Kedai Seri Merbau Indah	Pintu Ke Pintu	A	Jumaat
7	Rumah Kedai Merbau Indah	Pintu Ke Pintu	A	Khamis
8	Taman Merbau Indah	Pintu Ke Pintu	A	Khamis
9	Pusat Perniagaan Sungai Dua	Pintu Ke Pintu	A	Setiap Hari
10	Taman Desa Murni Fasa 1	Pintu Ke Pintu	A	Selasa
11	Taman Desa Harmoni	Pintu Ke Pintu	A	Rabu
12	Rumah Kedai Sungai Dua Utama	Pintu Ke Pintu	A	Setiap Hari
13	Taman Sungai Dua Utama Fasa 1 2	Pintu Ke Pintu	A	Rabu
14	Taman Abdullah Fahim	Pintu Ke Pintu	B	Sabtu
15	Taman Ahmad Badawi	Pintu Ke Pintu	B	Sabtu
16	Taman Pengkalan Machang	Pintu Ke Pintu	B	Ahad
17	Rumah Kedai Pengkalan Machang	Pintu Ke Pintu	B	Ahad
18	Rumah Kedai Seri Murni	Pintu Ke Pintu	B	Ahad
19	Taman Seri Murni	Pintu Ke Pintu	B	Ahad
20	Iks Sungai Fasa 1	Pintu Ke Pintu	B	Isnin
21	Iks Sungai Lokan Fasa 2	Pintu Ke Pintu	B	Isnin
22	Iks Sungai Lokan Fasa 3	Pintu Ke Pintu	B	Isnin
23	Taman Desa Murni Fasa 4	Pintu Ke Pintu	B	Selasa
24	Taman Jahara	Pintu Ke Pintu	B	Ahad
25	Taman Desa Murni Fasa 2	Pintu Ke Pintu	B	Selasa
26	Taman Desa Murni Fasa 3	Pintu Ke Pintu	B	Selasa
27	Rumah Murah Kerajaan	Pintu Ke Pintu	B	Ahad

Bil	Taman/ Lokasi	Jenis Kutipan	Jadual Kutipan	
			Domestik	Sampah Kebun/Pukal
28	Tong Merbau Jaya	Tong Komunal	C	C
29	Tong Kluster Pba	Tong Komunal	C	C
30	Sek Keb Jalan Pmtg Sungai Dua	Tong Komunal	C	-
31	Tong Tepi Taman Mahsuri	Tong Komunal	C	C
32	Tong Petronas Sungai Lokan	Tong Komunal	C	C
33	Tong Tnb Sungai Lokan	Tong Komunal	C	C
34	Tong Shell Sungai Lokan	Tong Komunal	C	C
35	Tong Lala Garden	Tong Komunal	C	C
36	Pusat Perniagaan Maklom	Tong Komunal	C	-
37	Tong Permatang Sireh	Tong Komunal	C	C
38	Tong Sek Kafa Pajak Song	Tong Komunal	C	-
39	Tong Permatang Tiga	Tong Komunal	C	C
40	Tong Jalan Perak	Tong Komunal	C	C
41	Hadapan Pertronas Sungai Lokan	Tong Komunal	C	C
42	Jalan Pematang Sungai Dua (Kubur)	Tong Komunal	C	C
43	Petron Sungai Dua	Tong Komunal	C	-
44	Sek Keb Lahar Yooi	Tong Komunal	C	-
45	Tong Lubuk Meriam	Tong Komunal	C	C
46	Sek Keb Ara Rendang	Tong Komunal	C	-
47	Sek Agama Rakyat (Kafa)	Tong Komunal	C	-
48	Sek Agama Al Khairiah Al Islamiah	Tong Komunal	C	-
49	Tong Permatang Kerai Kecil	Tong Komunal	C	C
50	Tong Kampung Banggol	Tong Komunal	C	C

Bil	Taman/ Lokasi	Jenis Kutipan	Jadual Kutipan	
			Domestik	Sampah Kebun/Pukal
51	Tong Permatang Kerai Besar	Tong Komunal	C	C
52	Tong Kampung Lama	Tong Komunal	C	C
53	Tong Permatang Buluh	Tong Komunal	C	C
54	Tong Klinik Permatang Buluh	Tong Komunal	C	C
55	Tong Fama	Tong Komunal	C	C
56	Rumah Kedai Seri Murni	Tong Komunal	C	-
57	Smk Ahmad Said	Tong Komunal	C	-
58	Klinik Kesihatan Sungai Dua	Tong Komunal	C	C
59	Tong Caltex	Tong Komunal	C	-
60	Tong Bhp Arah Selatan	Tong Komunal	C	-
61	Tong Shell Arah Selatan	Tong Komunal	C	-
62	Tong Caltex Arah Utara	Tong Komunal	C	-
63	Tong Bhp Arah Utara	Tong Komunal	C	-
64	Tong Shell Arah Utara	Tong Komunal	C	-
65	Pokok Pisang	Tong Komunal	C	C
66	Kampung Rakit	Tong Komunal	C	C
67	Sek Keb Pokok Tampang	Tong Komunal	C	-
68	Pasar Awam Sungai Dua	Tong Komunal	C	-
69	Flat Seri Murni	Tong Komunal	C	Isnin
70	Rumah Kluster Sungai Dua	Tong Komunal	C	-
71	Tong Pangsapuri Utopia	Tong Komunal	C	-
72	Tong Cassa Maya	Tong Komunal	C	-
73	Rumah Kedai Sungai Dua Utama	Tong Komunal	C	-
74	Flat Merbau Indah	Tong Komunal	C	Isnin

- (a) Bagi mengendalikan pemungutan sampah di kawasan Seberang Perai, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak membuat pelantikan kontraktor kerana perkhidmatan pemungutan sampah dilaksanakan oleh MBSP sendiri (*secara in-house* oleh kakitangan MBSP).
- (b) MBSP melaksanakan pemungutan sampah sendiri dan tidak melantik kontraktor bagi pemungutan sampah di kawasan Seberang Perai.

12. Senaraikan tempat-tempat pelancongan di DUN Sungai Dua.

- (a) Senaraikan perancangan kerajaan dalam meningkatkan industri pelancongan di DUN Sungai Dua.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Antara tempat-tempat pelancongan di DUN Sungai Dua ialah:

- (i) Masjid Tuan Samad Permatang Sungai Dua
- (ii) Rumah Tok Ayah
- (iii) Sungai Prai
- (iv) Mid Gulai Kawah Sungai Dua
- (v) Sungai Dua Char Koay Teow
- (vi) Aziz Mee Pak Ngah Sungai Dua
- (vii) L.A. Tea Garden
- (a) Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism (PGT) akan meneroka dan mengesyorkan kawasan Sungai Dua untuk acara dan aktiviti pemasaran pelancongan.

13. Senaraikan perancangan Kerajaan Negeri di dalam mempromosikan dan memajukan DUN Sungai Dua yang dikenali sebagai port 'makanan'.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism (PGT) akan meneroka dan mengesyorkan kawasan Sungai Dua untuk acara dan aktiviti pemasaran pelancongan. Selain itu, PGT akan mempromosikan premis-premis makanan di Sungai Dua melalui media sosial, brosur, video dan lain-lain.

14. Senaraikan pelaksanaan manifesto Pilihan Raya Umum ke-14 Pakatan Harapan yang mengandungi 68 janji.

- (a) Senaraikan manifesto Pilihan Raya Umum ke-15 Pakatan Harapan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Dengan tekad bersama, Negeri Pulau Pinang telah membentuk sebuah Kerajaan Negeri berkebijakan yang sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat negeri. Setakat Ogos 2023, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berjaya mencapai 94 peratus daripada jumlah manifesto pada Pilihanraya Umum Ke-14 (PRU14), iaitu 68 janji yang terkandung dalam manifesto. 6 peratus daripada manifesto seperti projek-projek yang melibatkan infrastruktur masih pada peringkat pelaksanaan dan Kerajaan Negeri akan terus menunaikan janji dengan sepenuhnya.

- (a) Kerajaan Perpaduan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan Manifesto Pilihanraya Negeri Pulau Pinang Ke-15 (PRU15) pada 1 Ogos 2023. Semua maklumat dan perincian Manifesto Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang telah dimuat naik ke Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan boleh dirujuk ke portal tersebut pada bila-bila masa.

15. Apakah status terkini perkembangan projek Gurney Bay?

- (a) Berapakah pertambahan kos projek daripada jangkaan kos RM200 juta disebabkan kelewatan projek?
- (b) Apakah kesan terhadap alam sekitar yang telah berlaku daripada projek ini?
- (c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri membaik pulih masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Projek Pembangunan *Gurney Bay* akan dilaksanakan secara berfasa dengan fasa pertama (*priority 1*) melibatkan pembangunan tanah seluas 27.53 ekar dengan komponen yang akan disediakan seperti *playground, skatepark, open carparks, South Vantage Point, kiosks* dan *Expressway Reserve*. Tarikh jangkaan siap bagi *priority 1* adalah pada hujung November 2023 dan kemajuan kerja bagi *priority 1* sehingga 30 Oktober 2023 adalah sebanyak 96.13 peratus.

Fasa kedua (*priority 2*) melibatkan pembangunan tanah seluas 87.82 ekar dan komponen yang akan disediakan adalah seperti *hawker centre, multilevel carpark, north vantage point, water taxi jetty, beach and broadwalk, water garden, open carpark* dan *storm water channel*. Tarikh jangkaan siap bagi *priority 2* adalah pada awal tahun 2025. Kemajuan kerja bagi *priority 2* sehingga 30 Oktober 2023 adalah sebanyak 33.37 peratus.

- (a) Kerajaan Negeri telah meluluskan kos siling berjumlah RM200.3 juta bagi maksud Projek Pembangunan *Gurney Bay* dan peruntukan tersebut adalah bagi kos pelantikan kontraktor utama dan perunding projek. Pada 5 Oktober 2022, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM21.1 juta untuk bayaran *Variation Of Price (VOP)* 10 peratus kontrak dan pelanjutan tempoh perkhidmatan perunding. Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri telah meluluskan RM221.4 juta bagi maksud Projek Gurney Bay. Peruntukan tambahan tersebut adalah mengikut kelayakan kontraktor kerja di bawah Perolehan Kerajaan (PK) 2.4 Perubahan Harga bagi projek pembinaan dan tempoh pelaksanaan projek yang telah diselaraskan kepada 66 bulan termasuk tempoh *Defect Liability Period (DLP)* selama 24 bulan. Tiada peruntukan tambahan disebabkan oleh kelewatan pelaksanaan projek, malahan kontraktor dikenakan *Liquidated Ascertained Damage (LAD)* bagi kelewatan setiap hari.
- (b) Projek Pembangunan *Gurney Wharf* adalah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menyediakan kawasan Taman Rekreasi Awam di atas tanah yang telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri sebagai satu (1) komponen di bawah Projek Tambakan Laut Seri Tanjung Pinang Fasa dua (2) (STP2). Konsep utama bagi projek ini adalah untuk menyediakan elemen hijau di kawasan bandar utama seperti Persiaran Gurney. Secara keseluruhannya, sebanyak 4,541 batang pokok akan ditanam di *Gurney Bay* iaitu sebanyak 1,500 batang di Fasa satu (1) dan 3,041 batang di Fasa dua (2). Selain itu, terdapat 100,000 batang pokok-pokok renek yang akan ditanam sekitar kawasan seluas 4,815 meter persegi di *priority 1* dan 16,130 meter persegi di Fasa dua (2).

- (c) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang memantau segala kerja-kerja kemajuan di tapak dan beberapa langkah untuk menyegerakan projek telah disegerakan seperti melebihi tenaga buruh dan melaksanakan kerja sehingga pukul 12.00 tengah malam. Ini adalah bagi memastikan projek pembangunan ini dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan mengikut kualiti kerja yang baik untuk keselamatan pengguna kelak. Kerajaan Negeri melalui Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bertanggungjawab dalam memastikan elemen-elemen hijau yang akan disediakan di *Gurney Bay* dikekalkan dan diselenggarakan dengan sebaiknya. Selain daripada itu, lebih banyak inisiatif atau aktiviti landskap akan difokuskan di *Gurney Bay* untuk menarik pelancong serta berkolaborasi dengan syarikat-syarikat swasta untuk mewujudkan beberapa komponen berunsurkan pelancongan yang dapat menjana hasil kepada Kerajaan Negeri. Usaha kolaborasi ini bukan sahaja dapat membantu untuk menampung kos penyelenggaraan bagi aktiviti pemuliharaan dan penjagaan pokok malah adalah sejajar dengan Dasar Alam Sekitar yang telah digariskan.

16. Apakah tujuan Kerajaan Negeri mewujudkan Penyelaras KADUN di DUN yang dimenangi oleh pembangkang?
- (a) Apakah peranan, tanggungjawab dan autoriti Penyelaras KADUN?
- (b) Berapakah peruntukan yang diberikan kepada setiap Penyelaras KADUN?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sebagai wakil Kerajaan Negeri di setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) yang diwakili Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bukan di bawah gabungan parti yang membentuk Kerajaan Negeri. Tujuannya adalah untuk melaksanakan dan memastikan penyampaian maklumat berhubung polisi-polisi Kerajaan Negeri sampai ke peringkat akar umbi demi kepentingan rakyat secara keseluruhan.

Walau bagaimanapun, peranan dan tanggungjawab Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) adalah terbatas yakni tidak menyamai tugas-tugas ADUN sebagai pentadbir dalam Kerajaan Negeri.

- (a) Sebagai wakil pentadbiran Kerajaan Negeri dalam majlis-majlis rasmi, menjayakan pelaksanaan program/polisi atas inisiatif Kerajaan Negeri, menganjurkan program komuniti/masyarakat dari semasa ke semasa, menghadiri mesyuarat-mesyuarat di bawah Kerajaan Negeri, mengendalikan aduan umum, memastikan peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri selaras dengan Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 2010 berkenaan Garis Panduan Pelaksanaan Projek-Projek Di Bawah Maksud Pembangunan P.16 (02) bagi Pelaksanaan Projek Fizikal dan P.16 (03) Projek-Projek Khas /Latihan Khas/Bekalan dibelanjakan sewajarnya dengan pemantauan Pejabat Daerah & Tanah berkenaan dan Jabatan Kewangan Negeri dan lain-lain berkaitan.
- (b) Peruntukan yang diberikan adalah seperti berikut:
- (i) RM20,000.00 di bawah peruntukan Pembangunan P.16 (02); dan
- (ii) RM80,000.00 di bawah peruntukan projek Fizikal dan P.16 (03) Projek-Projek Khas/Latihan Khas/Bekalan.

Jumlah keseluruhan adalah RM100,000.00.

17. Berapakah jumlah elaun terkini termasuk elaun tambahan yang diterima oleh Ahli Majlis MBPP dan MBSP?
- (a) Berapakah peruntukan yang diterima oleh setiap Ahli Majlis?
- (b) Berapakah kuota pelantikan Ahli Majlis yang disediakan mengikut kategori?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Jumlah elaun tetap terkini yang diterima oleh Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ialah sebanyak RM 4,000.00 manakala jumlah elaun tambahan adalah seperti berikut:
- (i) Elaun Kehadiran Mesyuarat / Majlis Rasmi Kerajaan ialah sebanyak RM1,700.00 sebulan dengan maksima kehadiran 17 kali mesyuarat sebulan; dan
- (ii) Elaun Telefon sepanjang tempoh perkhidmatan ialah sebanyak RM300.00 sebulan.
- (a) Jumlah keseluruhan peruntukan yang diterima oleh setiap Ahli Majlis MBPP adalah sebanyak RM55,000.00 setahun manakala jumlah peruntukan yang diterima oleh setiap Ahli Majlis MBSP pula adalah sebanyak RM70,000.00 setahun.
- (b) Jumlah kuota pelantikan Ahli Majlis yang disediakan mengikut kategori dan parti komponen adalah seperti berikut:

Parti Komponen / NGO	Kuota		Jumlah
	MBPP	MBSP	
DAP	10	10	20
PKR	8	9	17
Amanah	4	2	6
UMNO	1	2	3
NGO	1	1	2
Jumlah	24	24	48

18. Senaraikan organisasi terkini Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).
- (a) Apakah peranan dan tanggungjawab LPNPP?
- (b) Berapakah peruntukan pengurusan tahunan LPNPP termasuk elaun anggota Lembaga Pengarah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Organisasi terkini Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) adalah seperti berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Bilangan
Kumpulan Eksekutif (Gred 9 hingga Gred 13)	9
Kumpulan Bukan Eksekutif 1 (Gred 6 hingga Gred 8)	21

Kumpulan Bukan Eksekutif 2 (Gred 3 hingga Gred 5)	45
Kumpulan Bukan Eksekutif 3 (Gred 1 hingga Gred 2)	10
JUMLAH	85

Berdasarkan jadual di atas, jumlah kakitangan LPNPP adalah seramai 85 orang.

- (a) Secara dasarnya, peranan dan tanggungjawab LPNPP adalah untuk memacu serta memfokus kepada pembangunan dan halatuju industri rumah mampu milik di Negeri Pulau Pinang. Agenda ini adalah selaras dengan hasrat di bawah Penang 2030: Tema A1 Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan.

Berdasarkan Seksyen 49 Enakmen 13, LPNPP adalah diamanahkan untuk mengurus Perumahan Awam bagi pihak Kerajaan Negeri termasuklah menjual, menyewa, menyelenggara, mengutip sewa, mengutip fi penyelenggaraan atau apa-apa perkara lain.

Selain daripada itu, LPNPP juga bertindak bagi pihak Kerajaan Negeri untuk memacu pembangunan serta melestarikan pemajuan perumahan, khususnya pembangunan rumah mampu milik dan pembangunan semula bandar di seluruh Negeri Pulau Pinang seperti yang tertakluk di Seksyen 16 Enakmen 13.

Di samping itu, LPNPP turut mengurus permohonan bagi semua kerja-kerja penyelenggaraan serta bantuan penyelenggaraan bagi Perumahan Awam dan perumahan swasta yang layak.

- (b) Peruntukan pengurusan tahunan dari tahun 2021 hingga 2023 LNPP termasuk elaun anggota Lembaga Pengarah yang dibayar RM 1000.00 setiap kali menghadiri mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah
2021	RM 8,168,500.00
2022	RM 12,000,000.00
2023	RM 12,817,390.70

19. Adakah warga asing dibenarkan berniaga di Pulau Pinang?

- (a) Jika ya, apakah syarat-syarat yang perlu mereka penuhi?
 (b) Senaraikan tindakan dan solusi MBPP dan MBSP untuk mengekang aktiviti perniagaan oleh warga asing yang terlalu berleluasa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kebenaran warga asing untuk berniaga di Pulau Pinang adalah tertakluk kepada kepatuhan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) serta mendapat kebenaran daripada agensi lain yang berkenaan seperti Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang.

- (a) Buat masa ini, pihak MBPP dan MBSP tidak membenarkan warga asing untuk memegang lesen perniagaan atau mengendalikan perniagaan secara sepenuhnya.

- (b) Antara tindakan dan solusi yang diambil oleh MBPP dan MBSP untuk mengekang perkara ini adalah MBPP dan MBSP akan meneliti dan memastikan permohonan yang diterima adalah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan mengadakan operasi pemeriksaan bersepadu bersama jabatan / agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen dan PDRM.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya MBPP dan MBSP mendapati aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh warga asing secara tidak berlesen, antara tindakan-tindakan yang akan diambil termasuk:

- (i) Tindakan rampasan dan/atau sitaan barangan/premis perniagaan tanpa lesen;
- (ii) Mengambil tindakan pembatalan lesen perniagaan yang dimiliki oleh warga tempatan di atas kesalahan tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan seperti menyewakan premis perniagaan kepada warga asing; dan

Mengeluarkan Notis Menghendaki Perniagaan Dihentikan kepada pemilik perniagaan dan warga asing yang tidak berlesen.

20. Senaraikan perkembangan terkini projek Stesen Janakuasa Elektrik Biogas 1 MW di Valdor yang sepatutnya siap pada bulan Ogos 2023.

- (a) Apakah status EIA bagi projek ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Projek Stesen Janakuasa Elektrik Biogas 1MW di Valdor dibangunkan oleh Syarikat Timeless Green Sdn. Bhd. dan telah mencapai kemajuan sebanyak 75% pada penghujung bulan Oktober 2023. Projek ini mempunyai sedikit kelewatan kerana menunggu mesin yang ditempah dari luar negara. Projek ini dijangka akan siap sepenuhnya pada awal tahun 2024.

- (a) Kerja tanah bagi projek Stesen Janakuasa Elektrik Biogas 1 MW di Valdor telah dimulakan pada 19 Mei 2022. Pada September 2023, kerja-kerja pembinaan bangunan telah mencapai tahap 75% dan dijangkakan siap sepenuhnya pada Disember 2023. Pemantauan di tapak akan terus dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan kehendak di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dipatuhi sepenuhnya.

21. Senaraikan syarikat yang mengambil alih pengurusan pusat pelupusan sampah Pulau Burung dan sehingga bila perjanjian diikat dengan syarikat tersebut.

- (a) Senaraikan perjanjian yang telah dipersetujui antara kerajaan dan syarikat tersebut.
- (b) Apakah status kes mahkamah bagi pencemaran Pulau Burung yang telah dibawa oleh Jabatan Alam Sekitar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Sejak 1 Ogos 2022, pengurusan dan pengoperasian Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) telah diambil oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sehingga kontraktor baru dilantik.

- (a) Tiada perjanjian diwujudkan kerana pengoperasian dijalankan sepenuhnya oleh MBSP.
- (b) Berdasarkan semakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang (JAS), sebanyak dua (2) kes telah selesai melalui tindakan mahkamah dan masih terdapat satu kes masih dalam penilaian jabatan tersebut.

22. Senaraikan organisasi terkini Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan organisasi yang terkini yang terlibat di bawah Wakaf Hindu ini.
 - (b) Senaraikan isu yang pernah dibawa ke TYT dari tahun 2018 hingga 2022.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (LWHNPP) merupakan satu badan berkanun yang ditubuhkan pada 1 Januari 1906 di bawah Ordinan Wakaf-Wakaf Hindu (Ordinan 17) Tahun 1905. LWHNPP bertanggungjawab mentadbir, menyelenggara dan menyelia wakaf-wakaf hindu seperti berikut:
- (a) Senarai organisasi terkini yang terlibat dengan LWHNPP:
 - (i) Kuil Thanneermalai Shree Balathandayuthapani Devasthanam;
 - (ii) Kuil Shree Ganeshar, Jalan Kebun Bunga, Pulau Pinang;
 - (iii) Kuil Shree Aiyappaswamy, Jalan Kebun Bunga, Pulau Pinang;
 - (iv) Kuil Shree Naganathar, Jalan Kebun Bunga, Pulau Pinang;
 - (v) Kuil Arulmigu Sri Maha Mariamman, Queen Street Pulau Pinang;
 - (vi) Kuil Shree Maha Mariamman, Tokong Lane, Butterworth;
 - (vii) Kuil Sri Kunj Bihari, Jalan Penang, Pulau Pinang;
 - (viii) Kuil Sri Ramar, Solok York, Pulau Pinang;
 - (ix) Kuil Sree Selva Vinayagar Hindu Paripalana Devasthanam, Jalan Besar, Prai;
 - (x) Kuil Dewi Sri Annai Thropathi Amman Temple, Nibong Tebal, Pulau Pinang;
 - (xi) Kuil Dewi Sree Veerapathra Maha Kaliamman, Bagan Ajam, Butterworth;
 - (xii) Kuil Sri Sakti Vinayagar, Jalan Fettes, Pulau Pinang; dan
 - (xiii) Kuil Arulmigu Sri Veerakaliyamman Alayam, Jalan Siram, Butterworth.
 - (b) Tiada sebarang isu yang dikemukakan kepada TYT dalam tempoh tersebut.

23. Senaraikan perkembangan terkini projek *Penang Transport Master Plan* (PTMP) yang telah siap dan akan dibuat.
- (a) Apakah sumber kewangan dan berapa kos untuk projek ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Projek *Penang Transport Master Plan* (PTMP) merupakan strategi pengangkutan jangka masa panjang bagi negeri Pulau Pinang yang sedang dilaksanakan secara berfasa. Komponen projek dalam fasa 1 pelaksanaan projek di bawah PTMP ini adalah seperti berikut:
- (i) **Pakej 2 - Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu ke Ayer Itam**
Projek Pakej 2 - Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam sepanjang 6 km merupakan salah satu komponen Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP). Reka bentuk jajaran Pakej 2 melibatkan pembinaan jejambat (*viaduct*), terowong, *Reinforced Earth Wall* dan tiga (3) persimpangan (*interchange*) di

Lebuhraya Thean Teik, Kg. Kastam dan di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu. Setakat September 2023, status kemajuan di tapak adalah 31% berbanding jadual 48%. Kelewatan berpunca daripada isu-isu pengambilan balik tanah serta pelepasan tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang telah mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Jadual kemajuan ini akan diselaraskan balik setelah permohonan *Extension Of Time (EOT)* dibuat.

(ii) Projek Penang Light Rail Transit (LRT).

Pada masa ini, pelaksanaan bagi projek Penang LRT masih menunggu keputusan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bagi memuktamadkan kaedah pelaksanaan dan perincian teknikal iaitu dari segi jajaran dan lokasi stesen. Tarikh permulaan projek juga bergantung kepada keputusan pihak MOT.

(iii) Projek Pan Island Link 1 (PIL1)

Fasa pembinaan bagi Projek PIL 1 masih tidak dapat dilaksanakan pada masa ini memandangkan Kerajaan Negeri masih mempunyai kekangan peruntukan walaupun, rekabentuk awal dan beberapa kelulusan wajib seperti *Environmental Impact Assessment (EIA)*, *Traffic Impact Assessment* dan sebagainya telah diperolehi. Kerajaan Negeri masih dalam tindakan untuk mendapatkan peruntukan untuk menjayakan komponen ini.

(iv) Selain itu, komponen-komponen lain belum dilaksanakan dan masih dalam tahap cadangan. Antara beberapa cadangan bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas di lokasi-lokasi tertentu adalah seperti berikut:

- (1) Penambahbaikan persimpangan Lebuh Raya Butterworth ke Kulim (BKE) – dicadangkan untuk pengubahsuaian menjadi jejambat سهالا tiga tingkat untuk mengurangkan trafik di persimpangan tersebut sebanyak 20% (sasaran), meningkatkan operasi bulatan dan memendekkan masa menunggu;
- (2) Penambahbaikan persimpangan Juru – cadangan merangkumi pelebaran jalan, pengubahsuaian pertukaran Juru kepada sistem “*Diverging Diamond Interchange*” dan penyelarasan masa lampu isyarat di persimpangan Jalan Kebun Nanas dan Jalan Perusahaan;
- (3) Laluan George Town ke Butterworth – cadangan laluan LRT yang merentasi laut ini secara amnya boleh membantu mengurangkan bilangan kenderaan persendirian yang berulang alih di antara Pulau Pinang dan Seberang Perai. Jajaran dan sistem tertakluk kepada semakan dan kajian;
- (4) Laluan Raja Uda ke Bukit Mertajam – dicadangkan untuk menambahbaik kesalinghubungan antara Raja Uda di Butterworth dengan Bukit Mertajam; dan boleh dilanjutkan ke Kepala Batas dan Kulim pada masa hadapan mengikut keperluan. Jajaran dan sistem tertakluk kepada semakan dan kajian; dan
- (5) Laluan Permatang Tinggi ke Batu Kawan – dicadangkan untuk menghubungkan kawasan preindustrial dan perumahan ke stesen KTM di Simpang Ampat dan Laluan Raja Uda-Bukit Mertajam; serta boleh dilanjutkan ke Seberang Jaya dan Nibong Tebal pada masa hadapan mengikut keperluan. Jajaran dan sistem tertakluk kepada semakan dan kajian.

(a) Berdasarkan Perjanjian Awalan Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut di Pulau Pinang yang dimeterai oleh pihak Kerajaan Negeri dengan

CZC, sumber kewangan bagi projek Pakej 2 adalah melalui kaedah pertukaran tanah (*land exchanged*) yang telah dikenalpasti di kawasan Sri Tanjung Pinang (STP) di Tanjung Tokong, Daerah Timur Laut. Kos keseluruhan bagi projek ini adalah RM851 juta.

Manakala sumber kewangan bagi projek LRT Pulau Pinang ke Seberang Perai adalah daripada Kerajaan Persekutuan seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 yang lalu, di mana YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM10 bilion.

24. Senaraikan kawasan yang akan terlibat dalam pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).
- (a) Apakah usaha kerajaan dalam mengambil tanah-tanah yang terlibat dengan pembesaran ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Antara kawasan-kawasan yang terlibat di dalam projek menaik taraf LTAPP adalah beberapa kawasan di sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), Jalan Sultan Azlan Shah dan Jalan Garuda. Walau bagaimanapun, buat masa ini senarai lot-lot tanah yang terlibat masih belum diputuskan memandangkan pihak Kementerian Pengangkutan masih dalam usaha memuktamadkan kawasan yang terlibat dengan pembesaran LTAPP ini.

- (a) Bagi memastikan proses pengambilan tanah-tanah yang terlibat dapat dilaksanakan dengan lancar, beberapa siri mesyuarat dan pertemuan telah diadakan dengan pelbagai pihak berkepentingan di peringkat persekutuan dan negeri meliputi Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) Pulau Pinang, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Meteorologi, Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya Pulau Pinang, Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) SJKC Chung Shan, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

MOT dengan kerjasama MAHB sedang dalam proses pengambilan tanah selaras dengan kelulusan di bawah *Rolling Plan 4* Rancangan Malaysia Ke-12 (RP4 RMK12) dengan peruntukan sebanyak RM93 juta. Pada masa yang sama, kerajaan sedang melaksanakan penggantian kuarters kerajaan yang mana cadangan pembelian pangsapuri bagi menggantikan bangunan kuarters kakitangan kerajaan telah diluluskan oleh pihak Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) Jabatan Perdana Menteri (JPM).

25. Senaraikan pendatang asing tanpa izin (PATI) dan PATI yang melakukan kesalahan tinggal melebihi tempoh mengikut negara dari tahun 2018 hingga 2022.

- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mengurangkan PATI di negeri ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Pulau Pinang, telah dikenalpasti seramai 8,749 orang PATI telah melakukan kesalahan tinggal lebih masa dari tahun 2018 hingga 2022.

Statistik Kesalahan PATI Tinggal Lebih Masa dari tahun 2018 hingga 2022 mengikut pecahan warganegara adalah seperti berikut:

Warganegara	Tahun	2018	2019	2020	2021	2022
	Myanmar	Tiada Pecahan Warganegara	Tiada Pecahan Warganegara	Perintah Kawalan Pergerakan	107	769
	Indonesia				89	522
	Thailand				48	74
	Nepal				0	137
	Bangladesh				0	336
	Vietnam				2	35
	Ghana				1	0
	Pakistan				14	30
	China				0	27
	India				0	174
	Filipina				0	9
	Palestin				0	5
	Yemen				0	2
	Jordan				0	3
Jumlah	5234*				1131*	0

- (a) Dalam usaha mengurangkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan pihak Jabatan Imigresen Malaysia dan agensi berkaitan agar sebarang isu PATI ditangani berdasarkan lunas undang-undang sedia ada.

26. Apakah pelan kerajaan dalam membangunkan kawasan tambak Bagan Ayam?

- (a) Pihak manakah yang terkesan daripada projek ini?
 (b) Berapakah pampasan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada mereka yang terkesan daripada projek ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Perjanjian Tambahan (Perjanjian Ketiga) antara Kerajaan Negeri dan Rayston Consortium Sdn. Bhd. (RCSB) telah ditandatangani pada 25 Mei 2022 di mana perjanjian ini menggariskan keluasan kawasan baharu untuk pembangunan RCSB dan tebus guna kawasan pelabuhan oleh pihak Kerajaan Negeri. Perjanjian ini juga menggariskan jangka masa penyiapan pindaan Pelan Induk berserta kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dalam masa 18 bulan dari tarikh perjanjian ini berkuat kuasa iaitu pada 1 Jun 2022.

Ia merupakan susulan daripada keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Bil. 10/2022 yang bersidang pada 30 Mac 2022 dan disahkan pada 6 April 2022 yang telah meluluskan kawasan konsesi RCSB seperti berikut:

Bil.	Perkara	Keluasan (Hektar)
1.	Gantian tanah Kerajaan Negeri	10
2.	Serahan <i>Public Facility</i>	272

Bil.	Perkara	Keluasan (Hektar)
3.	Serahan tanah kepada Kerajaan Negeri	90
4.	Tanah untuk pembangunan RCSB	210
JUMLAH		582

Selain itu, RCSB juga tidak lagi diberi tanggungjawab sebagai pemegang konsesi bagi tebus guna kawasan untuk pelabuhan dan aktiviti pelabuhan yang berjumlah 243 hektar (26 hektar yang telah ditebus guna kini adalah *North Butterworth Container Terminal* (NBCT)). Kawasan seluas 243 hektar bagi konsesi projek tambak laut yang dikhaskan untuk pelabuhan dan aktiviti berkaitan pelabuhan telah diserahkan kembali kepada Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri sedang menjalankan perbincangan lanjut dengan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) bagi pelaksanaan perancangan tebus guna di kawasan tersebut.

Sehingga kini, sebarang pelan pembangunan sama ada pindaan Pelan Induk atau Pelan Kebenaran Merancang untuk tebus guna tanah bagi keluasan baharu untuk projek tambak laut di Bagan Ajam masih belum dikemukakan kepada pihak PLANMalaysia@Pulau Pinang. Pelan induk baharu yang berdasarkan konsep pulau sedang dikemas kini dan kajian-kajian yang diperlukan kini seperti *Social Impact Assessment* (SIA) dan *Environmental Impact Assessment* (EIA) sedang dijalankan semula bagi mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) secepat mungkin. Penyediaan SIA dan EIA yang baharu oleh RCSB perlu mengenalpastikan tindakan mitigasi dan langkah-langkah menangani isu sosial sama ada di peringkat perancangan, pembinaan dan operasi bagi projek tersebut.

- (a) Tiada maklumat berkenaan pihak yang terkesan kerana masih dalam tindakan penyediaan SIA; dan
- (b) Tiada maklumat berkenaan nilai pampasan yang diberikan kepada mereka yang terkesan dengan projek ini kerana masih dalam tindakan penyediaan SIA.

27. Senaraikan bilangan kes penculikan di Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga kini.

- (a) Apakah sebab berlakunya kes penculikan ini?
- (b) Apakah usaha kerajaan bagi memastikan negeri ini selamat daripada kes penculikan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), senarai bilangan kes penculikan di Pulau Pinang dari tahun 2018 sehingga kini adalah seperti berikut:

Jumlah Kes Penculikan Di Pulau Pinang Dari Tahun 2018 Hingga Oktober 2023

Tahun	Jumlah Kes	Mangsa									
		Bukan Warganegara									
		Bangladesh		Arab Saudi		Myanmar		Indonesia		Jumlah	
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
2018	1	1	-	-	-	-	-	-	-	1	-

Tahun	Jumlah Kes	Mangsa									
		Bukan Warganegara									
		Bangladesh		Arab Saudi		Myanmar		Indonesia		Jumlah	
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
2019	1	-	-	1	-	-	-	-	-	1	-
2020	1	-	-	-	-	1	-	-	-	1	-
2021	1	-	-	-	-	1	-	-	-	1	-
2022	0	-	-	-	-	-	-	-	-	0	-
2023	1	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1
JUMLAH	5	1		1		2		1		5	

Berdasarkan siasatan pihak PDRM, didapati sejumlah lima (5) kes culik direkodkan yang melibatkan lima (5) orang mangsa. Kesemua mangsa culik adalah melibatkan warga asing. Tiada sebarang kes culik melibatkan mangsa warga tempatan.

- (a) Berdasarkan siasatan pihak PDRM, motif kes penculikan tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Dua (2) kes berpunca dari masalah hutang mangsa/ ahli keluarga;
 - (ii) Dua (2) kes melibatkan pemerasan wang; dan
 - (iii) Satu (1) kes berpunca dari perasaan cemburu atas hubungan mangsa dengan teman wanita.
- (b) Bagi memastikan Pulau Pinang selamat daripada kes penculikan, pihak PDRM telah melaksanakan risikan keselamatan dan dapatan risikan adalah seperti berikut:
- (i) Secara amnya keadaan keselamatan dan ketenteraman awam di Pulau Pinang adalah baik dan terkawal. Berdasarkan risikan keselamatan yang dijalankan mendapati tiada terkesan mana-mana individu/ kumpulan terancang yang bergerak aktif dalam melakukan penculikan ke atas mana-mana individu yang berkepentingan di Pulau Pinang; dan

Pihak PDRM Pulau Pinang tetap giat menjalankan pemantauan dari segi maklumat dan risikan dalam usaha mencegah jenayah ini berlaku.

28. Senaraikan projek-projek yang akan dibangunkan di Pulau Andaman.

- (a) Senaraikan syarikat yang akan terlibat dalam pembangunan ini.
- (b) Berapakah kos yang terlibat dalam pembangunan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Projek-projek yang akan dibangunkan di Pulau Andaman berdasarkan Pelan Induk yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 4/2023 (sambungan) pada 6 Jun 2023 dan disahkan pada hari yang sama adalah seperti berikut:

Komponen	Keluasan (ekar)
Perumahan	238.59
Rumah Mampu Milik	4.17
Perniagaan	235.17
Institusi Kerajaan	112.11
Zon Penampakan	30.58
Lain - lain	139.38
Jumlah	760.00

- (a) Berikut merupakan pemaju yang mengemukakan pelan induk bagi Pembangunan Pulau Andaman iaitu Persada Mentari Sdn. Bhd. dan Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd.
- (b) Kerajaan Negeri melalui PLANMalaysia hanya meluluskan pelan pembangunan bagi projek ini dengan tidak melibatkan sebarang kos atau peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Jumlah kos keseluruhan bagi pembangunan projek ini hanya dapat dibekalkan oleh pihak pemaju berikutan kos ini ditanggung sepenuhnya oleh mereka.
29. Senaraikan Ahli Majlis bagi MBPP dan MBSP dan wakil dari mana.
- (a) Senaraikan kekerapan Ahli Majlis bermesyuarat.
- (b) Bagaimanakah rakyat hendak bersama-sama dalam mesyuarat Ahli Majlis?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Senarai bagi Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di MBPP dan MBSP yang mewakili Parti Komponen dan NGO adalah seperti berikut:

Senarai Nama Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Dan Parti Yang Diwakili

Bil	Nama	Parti
1	Abdul Latif Bin Mohamad	PKR
2	Chan Soon Aun	PKR
3	Tan Chiew Choon	PKR
4	Mohd Suhairi Arumugam Bin Abdullah	PKR
5	Hari Krishnan A/L Ramakrishnan	PKR
6	Shafiz Bin Rahim Raja	PKR
7	Mohd Roshidi Bin Roslan	PKR
8	Ooi Mei Mei	PKR

Bil	Nama	Parti
9	Alan Lim Wei Lun	DAP
10	Benji Ang Ming Quan	DAP
11	Choong You Ray	DAP
12	Koay Gaik Kee (Gueno)	DAP
13	Lee Seng Hwai	DAP
14	Quah Boon Lim	DAP
15	Rohaizat Bin Hamid	DAP
16	Tan Soo Siang	DAP
17	Theng Jie Wey (Nicholas)	DAP
18	Vickneson a/l Rajendran (Soresh)	DAP
19	Mohd Hafiz Bin Abd Aziz	AMANAH
20	Mohd Faruk Bin Abdul Rahman	AMANAH
21	Saiful Azwan Bin Abd Malik	AMANAH
22	Bakar Bin Noordin	AMANAH
23	David Chen Wooi Teong	PENANG CHINESE CHAMBER OF COMMERCE
24	Dato' Haji Abdul Razak Bin Abdul Rahman	UMNO

Senarai Nama Ahli Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Dan Parti Yang Diwakili

Bil	Nama	Parti
1	Zainuddin Bin Mohamed	PKR
2	Ong Jing Cheng	PKR
3	Anuar Bin Yusoff	PKR
4	Norly Masitah Binti Mohamed Noor	PKR
5	Nurhidayah Binti Che Rose	PKR
6	Muhammad Fadzli Bin Roslan	PKR
7	Predeeb Kumar a/l Kalidass	PKR
8	Lim Chee Chien	PKR
9	Nur Aishah Binti Zainol	PKR
10	Cheen Goon Hooi (Bernard)	DAP
11	Chong Wei Hoong (Derick)	DAP
12	Heng Yeh Shiuan	DAP
13	Linggeswaran a/l Charmar	DAP

Bil	Nama	Parti
14	Ngoh Cheng Hai (Jeff)	DAP
15	Ng Wai Leong	DAP
16	Ng Yee Siang (David)	DAP
17	Ooi Yong Wooi	DAP
18	Ponnudurai a/l V.Anthony Srinvasagam	DAP
19	The Chuann Yien (Rachel)	DAP
20	Normahani Binti Muhammad	AMANAH
21	Muhammad Fitri Bin Termizi	AMANAH
22	Benson Neoh Kah Wei	PENANG CHINESE CHAMBER OF COMMERCE
23	Datuk Mohd Noor Bin Ahmad	UMNO
24	Dato' Omar Bin Haji Abdul Hamid	UMNO

- (a) Kekerapan bagi bermesyuarat adalah sebanyak 17 hingga 22 kali sebulan bagi seorang Ahli Majlis.
- (b) Ahli Majlis memainkan peranan penting dalam memberi sumbangan dan pembangunan masyarakat melalui dasar yang digubal serta pelaksanaan program-program di kawasan pentadbiran Ahli Majlis masing-masing. Ahli Majlis adalah merupakan perantara di antara PBT dengan penduduk setempat bagi menyelesaikan masalah penduduk. Justeru, setiap permasalahan, pandangan atau apa juga aduan yang timbul di kawasan penduduk setempat boleh disuarakan kepada Ahli Majlis untuk dibangkitkan di dalam mesyuarat. Penglibatan rakyat dalam mesyuarat Ahli Majlis adalah secara tidak langsung iaitu melalui wakil Ahli Majlis yang dilantik di kawasan masing-masing.

30. Senaraikan bilangan anak Pulau Pinang yang meneruskan pengajian ke pusat pengajian tinggi dari tahun 2018 hingga kini.

- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu mereka?
- (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan mereka dapat berkhidmat di Pulau Pinang selepas tamat pengajian?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Berdasarkan rekod permohonan Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke Institut Pengajian Tinggi (iBita), bilangan anak Pulau Pinang yang meneruskan pengajian ke pusat pengajian tinggi dari tahun 2018 sehingga 2023 (Jun) adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Jumlah Permohonan
1.	2018	6,907
2.	2019	5,064
3.	2020	3,792
4.	2021	3,840
5.	2022	2,679
6.	2023	4,452

Catatan: Jumlah kelulusan tahun 2023 adalah sehingga bulan Jun sahaja memandangkan permohonan bulan September masih dalam proses di peringkat Pejabat Daerah dan Tanah.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan Sistem Permohonan Bantuan Pendaftaran Pelajar ke Institut Pengajian Tinggi (iBITA) yang memberi bantuan kepada pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian sepenuh masa di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di 20 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), enam (6) Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan 36 Politeknik Malaysia yang telah disenaraikan sebagai Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang layak menerima bantuan ini. Kadar bantuan yang diberikan adalah sebanyak RM1,000.00 bagi IPTA/IPTS di Semenanjung, RM1,200.00 bagi IPTA di Sabah dan Sarawak manakala RM300.00 bagi semua Politeknik Malaysia.
- (b) *Penang Future Foundation* (PFF) merupakan usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bertujuan untuk menjadi pembuka peluang dalam mendorong anak muda Malaysia ke arah masa depan yang lebih baik. Ini adalah kerana, melalui program *Penang Future Foundation*, biasiswa ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak tanpa mengira kaum, agama dan jantina, keutamaan akan diberikan kepada belia yang cemerlang dan layak daripada keluarga yang berpendapatan rendah hingga sederhana.

Setelah berjaya menamatkan pengajian sarjana muda, penerima biasiswa yang ditaja dikehendaki bekerja di Pulau Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada di sektor swasta atau awam.